BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Laporan Tahunan 2021



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Keperluan Berkanun

Mengikut seksyen 13 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bank Negara Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan 2021 ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Tahunan ini akan juga diterbitkan di dalam Warta.

Bagi maksud seksyen 115 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, laporan tahunan berhubung dengan pentadbiran Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan 2021.

Nor Shamsiah Yunus
Pengerusi
Lembaga Pengarah
30 Mac 2022



Kandungan

Prakata

Peranan Bank

8 Menggalakkan Kestabilan Monetari

14 *Rencana: Penelitian Semula Kos Sara Hidup: Punca dan Kesannya*

21 Menggalakkan Kestabilan Kewangan

32 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif

47 Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif

61 Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran yang Selamat dan Cekap

72 *Rencana: Melangkah dengan Hemat: Mengimbangi Peluang dan Risiko Aset Digital*

80 Pengeluaran Mata Wang

86 *Rencana: ACC - Fasiliti Pengurusan Wang Tunai Automatik dan Bersepadu*

91 Mengekalkan Integriti Kewangan

Pengurusan Bank

100 Warga Bank

107 *Rencana: Program Graduan Kijang: Melahirkan Bakat yang Tangkas Sebagai Persediaan Bank Pusat Menghadapi Masa Hadapan*

109 Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari

122 Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

128 Menyantuni Rakyat Malaysia

137 *Rencana: Mengukur Nadi Ekonomi Semasa Pandemik*

143 *Rencana: Pemerkasaan Semula Kawalan Kewangan Peribadi pada Waktu yang Mencabar*

149 Libat Urus Antarabangsa

Tadbir Urus

156 Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, Struktur Organisasi dan Jawatankuasa Berkanun Bank

Kewangan Bank

181 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021

182 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

183 Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021



Nor Shamsiah Yunus
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Prakata

Tahun 2021 bermula dengan harapan bahawa pandemik akan terkawal, seterusnya menjadikan ekonomi global dan Malaysia kembali pulih seperti biasa. Dengan bermulanya program pemberian vaksin, yang kemudiannya bergerak lancar, peluang untuk keluar daripada pandemik mula muncul berikutan pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur. Namun, jalan keluar tidak semudah itu kerana sepanjang tahun 2021 negara terus berdepan dengan pelbagai cabaran. Dari aspek kesihatan awam, kemunculan virus varian baharu telah menimbulkan gelombang jangkitan yang seterusnya. Keadaan ini menyebabkan sekatan pergerakan dilaksanakan semula di seluruh dunia. Selain pandemik, Malaysia turut mengalami salah satu banjir yang paling buruk sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Banjir ini telah menjejaskan mata pencarian dan mengakibatkan kehilangan nyawa.

Berlatarkan persekitaran ini, tumpuan Bank pada tahun 2021 adalah untuk membantu Malaysia semasa berlaku krisis dan seterusnya keluar daripada krisis tersebut. Bagi tujuan ini, Bank terus menggunakan pelbagai instrumen untuk mengurangkan kesan kejutan terhadap ekonomi dan sistem kewangan di samping berusaha menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan dalam lingkungan mandat Bank. Bank memastikan keadaan monetari dan mudah tunai yang akomodatif dengan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada paras paling rendah dalam sejarah. Dalam keadaan volatiliti pasaran kewangan global yang meningkat, Bank juga mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan keyakinan pelabur terhadap pasaran kewangan Malaysia. Bank bekerjasama dengan industri dan rakan kongsi bagi mengembangkan program bantuan yang bertujuan membolehkan individu dan perniagaan yang terjejas berada pada landasan pemulihan yang lebih kukuh. Langkah ini termasuk penyelarasan pengurusan hutang dan perancangan kewangan dalam program bantuan, serta menyediakan pembiayaan dengan cara yang lebih mampan bagi membina semula masa hadapan. Bank turut mempergiat usaha untuk berbincang dan berinteraksi dengan orang ramai berhubung dengan langkah-langkah ini dengan mengambil pelbagai tindakan supaya komunikasi Bank lebih sesuai untuk pelbagai khalayak.

Walaupun Bank berdepan dengan cabaran yang dihadapi sekarang ini, Bank terus memperkukuh asas-asas demi masa hadapan. Di sebalik setiap krisis yang berlaku pasti ada hikmahnya, iaitu peluang untuk membuat pembaharuan dan melakukan perubahan. Oleh itu, pelancaran Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 oleh Bank pada awal tahun ini adalah tepat pada masanya. Pelan ini menggariskan visi untuk lima tahun akan datang serta strategi yang akan membolehkan negara mencapai matlamat yang ditetapkan. Bagi melengkapkan usaha ini, Bank juga telah menjalankan kajian semula terhadap rangka kerja dasar monetari bagi memastikan rangka kerja itu terus berkesan dalam keadaan landskap ekonomi dan kewangan pada masa hadapan dibentuk oleh kuasa perubahan yang lebih luas. Kajian semula ini akan mengambil kira kesan terhadap penyampaian dasar monetari dan pengantaraan kewangan dalam ekonomi yang lebih digital berikutan wujudnya inovasi seperti kewangan tidak berpusat (*decentralised finance*, DeFi). Perubahan iklim juga akan diambil kira sebagai faktor penting memandangkan kesan perubahan iklim yang mungkin berlaku ke atas dinamik pertumbuhan ekonomi dan inflasi, sama ada disebabkan oleh kejutan yang berpunca daripada peristiwa cuaca melampau atau perubahan struktur dalam peralihan ke arah ekonomi rendah karbon.

Beberapa usaha pembaharuan jangka masa lebih panjang Bank telah pun dilaksanakan, dengan kemajuan yang agak besar dicapai pada tahun lalu. Satu bidang yang menjadi keutamaan ialah perkhidmatan kewangan digital. Bank telah berusaha memastikan rangka kerja pengawalseliaan Bank terus sesuai-untuk-tujuan (*fit-for-purpose*) untuk model dan teknologi perniagaan baharu. Bank mengalu-alukan manfaat yang dijangka terhasil daripada kemasukan bank-bank digital di Malaysia. Bank juga akan membuka peluang kepada penanggung insurans dan pengendali takaful digital untuk mengikut jejak langkah bank-bank digital pada tahun akan datang. Usaha ini akan meningkatkan lagi akses, kualiti, kecekapan dan

kemampuan mengubah suai perkhidmatan kewangan, dengan memberikan tumpuan khusus pada segmen pasaran yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Bank turut berganding bahu bersama bank-bank pusat lain dengan mengambil langkah aktif untuk mempelajari tentang mata wang digital bank pusat sambil terus berwaspada terhadap perkembangan yang lebih luas dalam ruang aset digital. Tindakan ini akan memastikan Bank terus bersedia dan responsif untuk merumuskan tindak balas dasar, mana-mana yang sesuai, sama ada untuk merebut peluang atau mendapatkan perlindungan daripada risiko.

Usaha dari aspek kelestarian juga mencapai kemajuan yang ketara. Asas utama sedang dibangunkan bagi menyokong keberkesanan pengurusan risiko berkaitan iklim dan menggalakkan aliran kewangan kepada aktiviti yang sejajar dengan iklim. Pada tahun-tahun yang akan datang, Bank akan terus memberikan penekanan untuk memperkukuh asas daya tahan iklim yang lebih teguh dalam sektor kewangan dan pada masa yang sama membolehkan sektor kewangan menyokong peralihan yang teratur kepada ekonomi yang lebih lestari. Seiring dengan usaha ini, isu-isu perubahan iklim yang sejajar dengan risiko berkaitan alam semula jadi yang lebih meluas menjadi tumpuan utama, seperti risiko yang berkaitan dengan kemusnahan biodiversiti.

Ketika saya menggarap prakata ini, Malaysia telah menyertai banyak negara lain yang mula beralih kepada fasa endemik. Dalam keadaan dunia belajar untuk hidup bersama-sama dengan COVID-19, sekatan mungkin akan dilonggarkan mengikut peredaran masa, sekali gus membolehkan ekonomi global pulih kembali. Hal ini merupakan perkembangan yang positif bagi ekonomi yang kecil dan terbuka seperti Malaysia. Walau bagaimanapun, situasi masih perlu ditangani dengan sangat berhati-hati. Risiko penularan semula tetap ada dan boleh menyebabkan peralihan kepada fasa endemik tidak semudah yang dijangka.

Secara amnya, masih banyak lagi usaha yang perlu dilaksanakan meskipun kita berjaya keluar daripada pandemik. Daripada beberapa kejadian banjir di Malaysia baru-baru ini sehinggalah konflik geopolitik, sepanjang dua tahun lalu telah menekankan betapa cepatnya persekitaran operasi boleh berubah, dengan risiko dan peluang baharu yang terus muncul. Ekonomi Malaysia bukan hanya perlu pulih, tetapi pemulihan yang ingin dicapai itu hendaklah kukuh dan mampan.

Oleh itu, salah satu keutamaan Bank pada tahun akan datang adalah untuk sentiasa berada dalam keadaan yang siap siaga. Bank komited untuk memastikan dasar dan instrumen Bank bersedia bertindak balas dengan pantas dan secara berkesan terhadap risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan yang boleh menjejaskan pemulihan ekonomi Malaysia. Tumpuan utama adalah untuk menguruskan potensi tekanan inflasi dan memastikan keadaan pasaran kewangan yang teratur apabila penetapan dasar diselaraskan daripada tahap akomodasi monetari yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Usaha memastikan sistem kewangan yang teguh juga terus penting bagi menyokong pemulihan yang kukuh dan berpanjangan.

Bagi kesemua usaha ini, matlamat dasar awam Bank adalah untuk mempunyai fokus yang jelas dan sama, iaitu mandat Bank untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan. Tumpuan dasar Bank juga akan terus berpandangan lebih jauh, melangkaui isu dan cabaran semasa, iaitu untuk memperteguh dan memelihara asas-asas yang kukuh terhadap ekonomi Malaysia yang makmur dan mampan.

Pada masa yang sama, Bank akan terus menambah baik inisiatif komunikasi dan jangkauan merentas semua saluran yang ada, baik fizikal mahupun digital. Melalui saluran-saluran ini, matlamat Bank adalah untuk membantu orang ramai dan komuniti perniagaan memahami peranan dan fungsi Bank dengan lebih baik. Tanggungjawab dan kuasa Bank tertakluk pada undang-undang dan Bank beroperasi dalam ruang lingkup ini. Dalam banyak perkara, Bank terus bekerjasama dengan Kerajaan dan pihak berkuasa lain berhubung dengan tindak balas dan tindakan dasar yang di luar bidang kuasa Bank. Semua ini dilakukan demi kepentingan negara. Melangkaui penjelasan tentang fungsi dan tindakan Bank, Bank juga berusaha untuk mendengar dan memahami dengan lebih baik tentang kebimbangan dan cabaran yang dihadapi oleh pelbagai pihak berkepentingan termasuk orang ramai. Melalui peredaran masa, Bank meletakkan harapan supaya pemahaman yang lebih baik berhubung dengan isu-isu ini akan membantu Bank menjadi lebih berkesan dan pada masa yang sama menyelaraskan jangkaan dengan mandat teras Bank.

Bagi memastikan semua ini menjadi kenyataan, Bank perlu terus melaksanakan penambahbaikan dan membuat olahan sebagai sebuah organisasi. Bagi tujuan ini, Bank akan terus mengambil langkah transformasi supaya kakitangan, struktur dan sistem Bank sentiasa bersedia menghadapi masa hadapan. Langkah ini termasuk usaha memperkukuh budaya dan nilai Bank yang teguh. Bank meletakkan matlamat untuk memantapkan tingkah laku dan amalan yang penting bagi menghadapi landskap pada masa hadapan yang semakin kompleks dan tidak menentu, seperti bekerjasama merentas disiplin dan mengamalkan cara bekerja yang lebih tangkas. Bagi memastikan penglibatan kakitangan, Bank juga akan terus menambah baik persekitaran kerja dan menerapkan pengaturan hibrid yang berusaha melindungi kesejahteraan kakitangannya. Bank juga sedang mempelbagaikan dan memperkukuh kumpulan tenaga mahirnya, sama ada merekrut tenaga mahir terbaik negara pada peringkat permulaan, atau meningkatkan kemahiran kakitangan sedia ada berhubung dengan kecekapan penting untuk masa hadapan. Sebagai sebuah organisasi, Bank juga akan memanfaatkan teknologi sebaik mungkin, dengan infrastruktur dan alat digital yang akhirnya membolehkan Bank melakukan lebih banyak perkara dengan sumber yang lebih terhad.

Sesungguhnya tahun 2021, seperti juga tahun 2020, merupakan satu lagi tahun yang mencabar. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih setulus hati kepada semua kakitangan Bank atas komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk berkhidmat kepada negara dalam tempoh yang tidak menentu ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Pengarah atas sokongan dan bimbingan yang diberikan. Bank terus mengambil sikap berhati-hati meskipun masa hadapan kelihatan cerah. Walau apa pun peluang atau cabaran yang mendatang, Bank terus gigih melaksanakan mandatnya dengan standard profesionalisme dan integriti yang tertinggi.



Nor Shamsiah Yunus

Peranan Bank

8 **Menggalakkan Kestabilan Monetari**

14 *Rencana: Penelitian Semula Kos Sara Hidup: Punca dan Kesannya*

21 **Menggalakkan Kestabilan Kewangan**

32 **Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif**

47 **Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif**

61 **Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran yang Selamat dan Cekap**

72 *Rencana: Melangkah dengan Hemat: Mengimbangi Peluang dan Risiko Aset Digital*

80 **Pengeluaran Mata Wang**

86 *Rencana: ACC - Fasiliti Pengurusan Wang Tunai Automatik dan Bersepadu*

91 **Mengekalkan Integriti Kewangan**

Peranan Bank



Peranan Bank

Bank Negara Malaysia merupakan bank pusat Malaysia. Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Mandat dan kuasa Bank diberikan menurut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang ditadbirnya.[1]

Dalam melaksanakan usaha untuk mendorong kestabilan monetari, Bank merumus dan mengendalikan dasar monetari supaya inflasi kekal rendah dan stabil, selain memastikan dasar monetari menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Bank juga diberi mandat untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara.

Bagi menggalakkan kestabilan kewangan, Bank mengawal dan menyelia institusi kewangan bagi memelihara keselamatan dan kekukuhan institusi-institusi tersebut. Bank mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing untuk mengekalkan integriti pasaran dan memastikannya berfungsi dengan teratur. Sistem pembayaran juga berada di bawah pengawasan Bank agar sistem pembayaran dan instrumen pembayaran kekal selamat, cekap dan diyakini. Selain itu, Bank juga mengawal selia amalan dalam kalangan institusi kewangan dan syarikat perantara yang terlibat bagi menyediakan perlindungan yang sewajarnya kepada pengguna kewangan.

Bank memainkan peranan penting dalam mendorong sistem kewangan yang progresif dan inklusif. Usaha ini dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan ekonomi dan rakyat Malaysia yang berubah-ubah serta peranan utama kewangan dalam kemajuan sosioekonomi negara. Langkah Bank untuk membangunkan dan memperdalam sistem kewangan konvensional dan kewangan Islam dilaksanakan dengan mengakui bahawa sistem kewangan yang lebih maju ialah sistem yang dapat membantu menyerap kejutan, dan seterusnya menyumbang kepada daya tahan negara.

Selain itu, Bank juga melaksanakan beberapa fungsi penting lain. Antaranya ialah pengeluaran mata wang serta pemegangan dan pengurusan rizab antarabangsa negara. Bank juga merupakan penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan. Bersama-sama dengan agensi kerajaan dan penguatkuasaan undangundang lain, Bank memainkan peranan dalam membantu mencegah jenayah penyalahgunaan perkhidmatan kewangan. Di samping itu, Bank telah bertindak balas terhadap risiko iklim. Pertama, melalui pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan yang bersesuaian bagi menyokong peralihan yang teratur ke arah ekonomi rendah karbon. Kedua, melalui penerapan amalan kelestarian dalam operasi Bank.

Semua peranan dan tindakan yang diambil oleh Bank ini adalah demi menjaga kepentingan negara.

[1] Perundangan utama yang lain antaranya termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011; dan Akta Mata Wang 2020.

Menggalakkan Kestabilan Monetari

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank merumuskan dasar monetari untuk mencapai kestabilan harga serta mengambil kira perkembangan ekonomi.[1] MPC menilai prospek pertumbuhan inflasi dan ekonomi di Malaysia dengan bantuan analisis yang dijalankan oleh Bank.[2]

Dasar Monetari pada Tahun 2021

Pandemik COVID-19 terus mempengaruhi landskap ekonomi global pada tahun 2021. Berikutan kebiasaan baharu yang diamalkan di seluruh dunia dan pemberian vaksin yang lebih meluas, ekonomi global kembali pulih secara beransur-ansur. Walau bagaimanapun, landasan pemulihan adalah tidak sekata merentas banyak negara. Negara-negara yang mencapai kemajuan yang lebih baik dalam program pemberian vaksin telah dapat melonggarkan langkah-langkah yang diperkenalkan sebelumnya untuk membendung pandemik. Keadaan ini membolehkan kegiatan ekonomi disambung semula. Langkah-langkah fiskal dan monetari yang besar memberikan sokongan ketara terhadap ekonomi global. Walau bagaimanapun, kekukuhan pemulihan itu terjejas oleh lonjakan kes COVID-19 berikutan penularan varian baharu yang membimbangkan. Ekonomi global juga berdepan dengan volatiliti pasaran kewangan, gangguan rantaian bekalan, harga komoditi yang lebih tinggi dan kekurangan pekerja. Beberapa faktor ini telah menyebabkan tekanan inflasi,[3] dalam keadaan pemulihan permintaan apabila ekonomi mula dibuka kembali.

Ekonomi Malaysia juga turut berada pada landasan pemulihan pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, apabila kes COVID-19 tempatan mula meningkat pada bulan Mei 2021, Kerajaan terpaksa melaksanakan semula langkah-langkah pembendungan yang ketat di seluruh negara di bawah fasa pertama Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada bulan Jun 2021. Keadaan ini telah menjejaskan momentum pemulihan. Namun begitu, kemajuan pesat Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan membolehkan sektor ekonomi dibuka semula secara beransur-ansur pada suku ketiga tahun 2021. Eksport yang kukuh dan bantuan dasar yang berterusan untuk isi rumah dan perniagaan juga menyokong pertumbuhan dalam negeri. Secara keseluruhannya, ekonomi Malaysia mencatatkan pemulihan yang sederhana, dengan KDNK berkembang sebanyak 3.1% pada tahun 2021 (2020: -5.6%).

Inflasi keseluruhan berpurata lebih tinggi pada 2.5% (2020: -1.2%).[4] Kos yang lebih tinggi berikutan kenaikan harga minyak global dan gangguan rantaian bekalan menyebabkan tekanan harga yang agak menaik untuk kategori barangan dan perkhidmatan pengguna tertentu. Meskipun begitu, inflasi asas kekal rendah pada tahun 2021 dalam keadaan pemulihan permintaan secara beransur-ansur dan keadaan pasaran pekerja yang lemah.

Selepas mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 125 mata asas kepada paras terendah dalam sejarah, iaitu 1.75%, MPC mengekalkan paras OPR pada tahun 2021. Dalam persekitaran inflasi yang rendah dan risiko ketidakseimbangan kewangan yang terhad, MPC menilai bahawa persekitaran kadar faedah yang

[1] MPC bermesyuarat enam kali setahun untuk membuat keputusan dasar monetari. Maklumat lanjut mengenai dasar monetari Malaysia dan MPC boleh didapati pada bahagian 'Tadbir Urus' dalam laporan ini.

[2] Termasuk penilaian pemantauan, keputusan simulasi, analisis senario, hasil penyelidikan dan ramalan.

[3] Terutamanya dalam ekonomi maju dan beberapa ekonomi sedang pesat membangun.

[4] Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh kesan asas daripada harga bahan api yang rendah pada tahun 2020, serta semakan rebat tarif elektrik.

Rajah 1: Angka-angka Utama Dalam Negeri bagi Tahun 2021 secara Sepintas Lalu



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

rendah diperlukan untuk terus menyokong pemulihan ekonomi dalam negeri yang masih menghadapi risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan terutamanya disebabkan oleh ketidakpastian pandemik. Di samping itu, langkah fiskal dan kewangan membantu meringankan beban isi rumah dan perniagaan, dan seterusnya menyokong pemulihan ekonomi.[5]

Selaras dengan dasar monetari yang akomodatif, operasi monetari Bank terus memastikan keadaan mudah tunai domestik yang kondusif. Langkah ini memudahkan pasaran kewangan domestik dan pengantaraan kewangan dalam ekonomi kekal berfungsi dengan teratur. Bank mengendalikan operasi monetari dengan menggunakan pelbagai instrumen.[6] Salah satu instrumen ini ialah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR). Walaupun nisbah SRR tidak berubah pada 2.00% pada tahun 2021, fleksibiliti yang diberikan kepada bank-bank untuk menggunakan sekuriti Kerajaan Malaysia[7] bagi memenuhi pematuhan SRR telah dilanjutkan daripada 31 Mei 2021 kepada 31 Disember 2022.[8] Langkah ini bertujuan untuk menyediakan sokongan mudah tunai yang berterusan semasa pemulihan ekonomi.

Kadar Pertukaran Ringgit

Malaysia menggunakan rejim kadar pertukaran yang fleksibel, yakni pergerakan dalam kadar pertukaran ringgit ditentukan oleh pasaran. Fleksibiliti dalam kadar pertukaran adalah amat penting untuk membantu ekonomi menghadapi kejutan luaran dengan memudahkan pelarasan dalam urus niaga antarabangsa Malaysia.[9] Sebagai sebuah ekonomi terbuka yang terdedah pada aliran modal rentas sempadan yang besar, fleksibiliti ini adakalanya menyebabkan volatiliti yang ketara dalam kadar pertukaran ringgit. Hal ini jelas terbukti apabila pelabur bertindak balas terhadap perkembangan global dan dalam negeri yang utama, termasuk ketidakpastian berhubung dengan pandemik COVID-19.

Peranan Bank adalah untuk memastikan pasaran ringgit terus berfungsi dengan teratur dan volatiliti pergerakan ringgit tidak keterlaluan dan tidak mencetuskan gangguan. Hal ini adalah untuk mengurangkan kesan negatif terhadap kegiatan ekonomi dalam negeri supaya para peniaga dapat merancang dan menjalankan urus niaga perdagangan dan pelaburan dengan lebih pasti. Dengan itu, Bank menyokong operasi pasaran pertukaran asing domestik yang teratur dengan memastikan mudah tunai yang mencukupi melalui intervensi pertukaran asing dua hala semasa tempoh tekanan pasaran. Bank juga terus memperdalam pasaran pertukaran asing dan menggalakkan akses kepada instrumen lindung nilai bagi membolehkan para peniaga menguruskan risiko pertukaran asing mereka dengan lebih baik.

[5] Butiran lanjut mengenai analisis di sebalik keputusan MPC boleh didapati melalui laman sesawang Bank dalam Pernyataan Dasar Monetari, Buletin Suku Tahunan BNM serta Bab Satu Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2021.

[6] Maklumat lanjut mengenai pelbagai instrumen yang digunakan boleh didapati pada bahagian 'Operasi Monetari' melalui laman sesawang Bank.

[7] Terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII).

[8] Seperti yang diumumkan pada 20 Januari 2021.

[9] Sebagai contoh, apabila kadar pertukaran menyusut nilai, barangan dalam negeri dan barangan yang dijual di luar negara (eksport) menjadi lebih murah berbanding dengan barangan dari luar negara (import). Hal ini akan mendorong peningkatan eksport berbanding dengan import, lantas menyebabkan imbangan perdagangan bertambah baik. Hasilnya, keadaan ini akan menyebabkan peningkatan penggunaan, pelaburan dan inflasi dalam ekonomi dalam negeri. Hal sebaliknya berlaku apabila kadar pertukaran menambah nilai. Secara amnya, kekukuhan transmisi tersebut akan bergantung pada tindak balas harga dan jumlah barangan yang didagangkan terhadap kadar pertukaran asing, bahagian sektor perdagangan secara relatif dan tahap pergeseran kewangan dalam ekonomi dalam negeri (contohnya, had kapasiti pengeluaran pengeksport dan pengimport disebabkan oleh kekangan peminjaman).

Analisis dan Penyelidikan

Dalam usaha menyokong MPC dan menasihati Kerajaan, Bank menjalankan pengawasan beranalisis yang rapi dan tepat pada masanya serta penyelidikan yang mendalam.

Pada tahun 2021, bidang tumpuan utama dalam tempoh terdekat termasuk menilai kekukuhan pemulihan ekonomi Malaysia berdasarkan perkembangan pandemik.[10] Bank telah menilai kekurangan cip semikonduktor global dan kesannya terhadap ekonomi Malaysia.[11] Bank juga telah mengemas kini anggaran kesan ekonomi daripada langkah-langkah pembendungan dalam negeri. Selain itu, Bank menganalisis amalan penetapan harga oleh perniagaan dalam negeri semasa pandemik.

Rangka Kerja Kadar Rujukan (Reference Rate Framework, RRF) juga telah ditambah baik. Langkah ini berikutan penilaian Bank terhadap keberkesanannya dalam mencapai hasil yang dihasratkan sejak pertama kali diperkenalkan pada bulan Januari 2015.[12] Di bawah RRF yang dikemas kini ini, yang akan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2022, kadar rujukan, iaitu Kadar Asas Standard (Standardised Base Rate, SBR), akan diselaraskan merentas bank-bank dan dihubungkan hanya kepada OPR. Pengemaskinian ini memudahkan transmisi dasar monetari yang berkesan memandangkan pelarasan bayaran balik pinjaman akan dilaksanakan apabila OPR berubah. Tindakan ini juga akan meningkatkan ketelusan dan kebolehbandingan kadar pemberian pinjaman runcit merentas bank.[13]

Sebagai penasihat kewangan dan ekonomi kepada Kerajaan, Bank menyumbang kepada beberapa kumpulan dasar. Sumbangan ini memberikan tumpuan terutamanya pada keutamaan ekonomi, iaitu usaha pengurusan pandemik, pelaburan dan pekerja. Secara umum, Bank juga memberikan input dasar untuk Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Lanjutan daripada peranan ini, Bank turut memberikan pandangan dan nasihat melalui platform lain. Gabenor juga merupakan ahli Majlis Tindakan Ekonomi (MTE),[14] Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (Malaysia Social Protection Council, MySPC)[15] dan Jawatankuasa Dasar Fiskal (Fiscal Policy Committee, FPC).[16]

Bank menyokong Kerajaan dalam pengurusan epidemik melalui kerjasama merentas agensi, khususnya dengan Kementerian Kesihatan di bawah Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (Crisis Preparedness and Response Centre, CPRC). Antara input yang disediakan ialah unjuran mengenai potensi kesan sekatan pergerakan terhadap pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan, yang membantu membentuk strategi pembendungan oleh Kerajaan. Selain itu, Bank membantu dalam pengurusan epidemik COVID-19 berasaskan data, memanfaatkan analitik data berskala besar untuk membantu operasi dan penyelidikan keberkesanan vaksin.[17,18]

Penyelidikan berterusan oleh Bank mengenai pelaburan berkualiti untuk memacu pembangunan dalam bidang pertumbuhan baharu telah membawa kepada penambahbaikan rangka kerja dasar pelaburan dengan pembentukan Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspirations, NIA).[19] Usaha ini juga membawa kepada penubuhan Majlis Pelaburan Negara, seperti yang diumumkan

[10] Rujuk Rencana Buletin Suku Tahunan BNM Suku Kedua 2021 bertajuk 'Prospek Pertumbuhan Malaysia Tahun 2021: Senario Dasar dan Senario Alternatif' melalui laman sesawang Bank untuk analisis tersebut.

[11] Rujuk Rencana Buletin Suku Tahunan BNM Suku Kedua 2021 bertajuk 'Kekurangan Bekalan Cip Global: Implikasi dan Peluang untuk Malaysia' melalui laman sesawang Bank untuk analisis tersebut.

[12] Hasil yang dihasratkan daripada RRF adalah untuk (a) memudahkan transmisi keputusan dasar monetari yang berkesan; (b) menggalakkan kadar rujukan yang telus yang membolehkan perbandingan bermakna bagi produk pinjaman/pembiayaan merentas penyedia perkhidmatan kewangan (financial service providers, FSP) untuk membolehkan pengguna membuat keputusan berasaskan maklumat yang mencukupi; dan (c) memperkukuh amalan yang teguh dan cekap dalam penetapan harga kemudahan pinjaman/pembiayaan runcit kadar terapung oleh FSP.

[13] Rangka kerja baharu itu hanya tertakluk pada pinjaman dan pembiayaan kadar terapung baharu untuk individu.

[14] MTE bertanggungjawab mengenal pasti dan menangani isu ekonomi semasa, serta mengesyorkan dan membangunkan dasar untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

[15] MySPC bertanggungjawab menyelaraskan agenda perlindungan sosial yang komprehensif dan bersepadu.

[16] FPC bertanggungjawab mengukuhkan kewangan awam, melaksanakan pembaharuan fiskal dan memelihara kemampanan fiskal jangka panjang.

[17] Suah dll. 2021, "PICK-ing Malaysia's Epidemic Apart: Effectiveness of a Diverse COVID-19 Vaccine Portfolio" Vaccines 9, no. 12: 1381. https://doi.org/10.3390/vaccines9121381.

[18] Suah dll. Forthcoming. "Waning COVID-19 Vaccine Effectiveness for BNT162b2 and CoronaVac in Malaysia: An Observational Study" International Journal of Infectious Diseases. https://doi.org/10.1016/j.ijid.2022.03.028.

[19] NIA menggariskan kriteria utama untuk pelaburan berkualiti yang akan digunakan sebagai asas pembaharuan komprehensif dalam dasar pelaburan Malaysia. Khususnya, NIA memberikan tumpuan pada usaha menarik pelaburan yang akan meningkatkan kompleksiti ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, meluaskan dan menggabungkan hubungan dalam negeri, membangunkan kelompok baharu dan sedia ada, serta meningkatkan rangkuman. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Memastikan Pertumbuhan Masa Depan Menerusi Pelaburan Berkualiti' dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2019 serta laman sesawang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (https://www.miti.gov.my/NIA/).

oleh Kerajaan pada bulan April 2021.[20] Pada tahun 2021, sumbangan Bank tertumpu pada perincian pelan pelaksanaan Dasar Pelaburan Baharu (New Investment Policy) bersama-sama dengan kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan. Usaha ini termasuk mengenal pasti bidang keutamaan untuk pelaburan dan memperhalusi rangka kerja untuk menarik dan merealisasikan pelaburan berkualiti yang sejajar dengan NIA.

Sementara itu, usaha sokongan dasar Bank memanfaatkan penyelidikan Bank mengenai kesan pandemik jangka panjang terhadap pasaran pekerja. Saranan-saranan termasuk platform kerjasama antara pihak berkuasa, industri, akademik dan masyarakat dalam merumuskan dasar pendidikan; mengukuhkan kesalinghubungan antara manfaat keselamatan sosial dengan Dasar Pasaran Pekerja Aktif (Active Labour Market Policies, ALMP); serta lanjutan perlindungan insurans pekerjaan dan skim latihan kepada golongan yang mudah terjejas. Secara khususnya, dasar pendidikan dan latihan juga perlu diselaraskan dengan matlamat NIA ke arah mewujudkan dan memenuhi permintaan yang lebih tinggi terhadap pekerja berkemahiran tinggi dan yang berasaskan pengetahuan.

Langkah Selanjutnya

Bank terus memberikan tumpuan pada usaha menyokong pemulihan ekonomi yang mampan pada tahun 2022. Usaha ini berlatarkan antara lainnya keadaan yang pantas berubah dan ketidakpastian berhubung dengan perkembangan COVID-19, konflik geopolitik dan gangguan rantaian bekalan. Sehubungan dengan itu, pendirian dasar monetari akan terus didorong oleh data dan implikasinya terhadap prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. Selain itu, dasar-dasar Bank[21] dan dasar-dasar makroekonomi yang lain kekal penting dalam memastikan pemulihan yang mampan serta menghindarkan bebanan yang berlebihan terhadap mana-mana instrumen dasar tersebut. Operasi monetari akan memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam pasaran pertukaran asing, wang dan bon Kerajaan. Dasar dan operasi monetari ini juga akan menjadi pelengkap kepada dasar-dasar Bank yang lain bagi memastikan pasaran kewangan domestik dan pengantaraan kewangan berfungsi dengan lancar. Selanjutnya, Bank akan terus bekerjasama dengan Kerajaan dalam melaksanakan langkah-langkah dasar yang relevan bagi memastikan ekonomi berjaya mengharungi krisis dan mengukuhkan daya tahannya untuk masa hadapan.

Bank juga akan terus mengoptimumkan platform komunikasi sedia ada dalam keadaan persekitaran yang sangat tidak menentu. Sebagai contoh, matlamat ini boleh dicapai melalui peningkatan perbincangan dan interaksi dengan penganalisis bagi menjelaskan butiran terperinci tentang perkembangan ekonomi dan kewangan serta risiko terhadap prospek ekonomi.

Pada masa hadapan, landskap ekonomi dan kewangan akan terus berubah. Pandemik berkemungkinan besar akan menyebabkan peralihan struktur jalinan ekonomi dan kewangan, seperti kerosakan ekonomi yang berpanjangan (*economic scarring*) terhadap pasaran pekerja dan potensi perubahan dalam dinamik inflasi. Kedua-dua keadaan ini masih belum difahami sepenuhnya berikutan pelarasan yang masih berlaku. Selanjutnya, antara elemen penting perubahan yang lain juga termasuk kepantasan teknologi digital, ancaman terhadap kelestarian alam sekitar dan usaha ke arah peranan pembiayaan berasaskan pasaran yang lebih besar, seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022–2026.

Salah satu bidang yang akan menjadi tumpuan ialah pendigitalan kewangan. Bidang ini termasuk mata wang, aset dan bank digital, teknologi kewangan, kewangan tidak berpusat (*decentralised finance*)[22] serta peralihan daripada wang tunai fizikal. Keadaan ini merupakan perubahan besar yang sudah pun bermula dan akan terus menjadi tema utama pada masa hadapan. Dalam menilai cara perubahan ini membentuk semula dinamik sektor kewangan, Bank akan turut membuat penelitian rapi tentang interaksi hal tersebut dengan transmisi dasar monetari. Seterusnya, hasil penelitian ini boleh menjadi panduan untuk nasihat dasar bagi menyokong pendirian Bank tentang kewangan digital dari perspektif kestabilan monetari.

[20] Majlis Pelaburan Negara bertanggungjawab membentuk agenda pelaburan negara secara keseluruhan. Hal ini termasuk kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam ekosistem untuk memastikan dasar dan strategi pelaburan sejajar dengan kepentingan negara dan bermatlamat untuk menangani cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh negara.

[21] Dasar-dasar ini termasuk fleksibiliti pengawalseliaan, langkah-langkah penyeliaan, penyediaan kemudahan pembiayaan dan dasar kewangan lain.

[22] Kewangan tidak berpusat (*decentralised finance*) bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan yang berusaha melepasi pengantara kewangan, seperti bank-bank, menerusi penggunaan protokol rantaian blok (*blockchain*) automatik dan *stablecoins* bagi memudahkan pindahan wang.

Perubahan iklim juga merupakan satu lagi bidang tumpuan utama berikutan potensi kesan buruknya terhadap persekitaran makroekonomi. Yang penting, Bank berhasrat untuk memahami dengan lebih baik kesemua kesan ini dan implikasinya terhadap pengendalian dasar monetari. Salah satu komponen utama usaha ini termasuk mempertingkatkan pemantauan dan ramalan Bank untuk mempertimbangkan secara menyeluruh transmisi risiko fizikal dan risiko peralihan. Melalui keahliannya dalam Network for Greening the Financial System (NGFS),[23] Bank akan terus bekerjasama dengan bank-bank pusat lain ke arah memahami cara mempertimbangkan perubahan iklim dari aspek rangka kerja dan pelaksanaan dasar monetari.

Memandangkan perubahan yang akan berlaku dalam persekitaran ekonomi dan kewangan ini, dan juga kemungkinan kejutan, Bank akan terus menilai keteguhan rangka kerja dasar monetarinya. Akhirnya, semua ini bertujuan untuk memastikan rangka kerja dasar monetari Bank kekal relevan dan sesuai-untuk-tujuan (*fit-for-purpose*) dalam memelihara kemampuan bank pusat mencapai mandat dasar monetarinya dan di samping itu menghasilkan daya tahan sistem kewangan dan makroekonomi yang kukuh.

[23] NGFS merupakan rangkaian bank pusat dan penyelia kewangan di seluruh dunia yang bermatlamat untuk mempercepat perkembangan kewangan hijau dan membangunkan saranan bagi peranan bank-bank pusat dalam menangani perubahan iklim.

Penelitian Semula Kos Sara Hidup: Punca dan Kesannya

Jika pengalaman membeli-belah anda baru-baru ini menimbulkan tanggapan bahawa harga telah menjadi lebih tinggi, tanggapan itu benar bagi beberapa barangan utama. Sehubungan dengan itu, kos sara hidup sejak akhir-akhir ini telah muncul semula sebagai satu isu penting yang membimbangkan isi rumah di Malaysia. Rencana ini mengkaji punca kenaikan kos sara hidup pada tahun 2021, kesan-kesannya dan beberapa prinsip panduan untuk menangani isu tersebut.

A. Kos Sara Hidup dan Inflasi IHP

Mari kita berhenti sejenak dan mengkaji semula perbezaan antara kos sara hidup dengan inflasi. Kos sara hidup bukan sekadar tentang kenaikan harga. Meskipun ada kaitan dengan konsep inflasi, kos sara hidup adalah berbeza. **Kos sara hidup merujuk jumlah perbelanjaan isi rumah, termasuk obligasi kewangan (contohnya pinjaman kereta dan perumahan), untuk mengekalkan taraf hidup pada tahap tertentu**[1]. Memandangkan corak perbelanjaan adalah unik, antaranya mengikut tahap pendapatan, lokasi dan kumpulan penggunaan isi rumah, kos sara hidup berbeza antara satu isi rumah dengan isi rumah yang lain.

Inflasi Indeks Harga Pengguna (IHP)[2], yang merangkumi kenaikan harga pengguna, sering digunakan untuk menilai perubahan dalam kos sara hidup. Namun begitu, terdapat beberapa sebab pengguna mungkin merasakan bahawa inflasi IHP tidak mencerminkan perubahan harga yang dipantau dari hari ke hari. Pertama, **inflasi IHP hanya mengambil kira perubahan harga bagi sekumpulan barangan tetap yang mewakili corak perbelanjaan purata dalam kalangan isi rumah.** Inflasi IHP menjadi penunjuk berguna untuk pengendalian dasar makroekonomi, seperti dasar monetari, yang bertujuan mempengaruhi ekonomi yang lebih luas. Walau bagaimanapun, dengan corak perbelanjaan yang berbeza-beza dalam kalangan isi rumah dan perubahan harga yang berbeza merentas lokasi, inflasi IHP tidak mencerminkan perubahan dalam kos sara hidup individu. Sebagai contoh, jika dibuat perbandingan antara negeri, inflasi di Terengganu adalah yang tertinggi pada tahun 2021 pada 3.4% berbanding dengan purata inflasi negara iaitu 2.5%[3].

Kedua, inflasi IHP hanya mengambil kira kadar perubahan harga barangan dan perkhidmatan, sedangkan perubahan dalam kos sara hidup juga mengambil kira perspektif pendapatan. Isi rumah merasai tekanan kenaikan kos sara hidup bukan sahaja apabila harga meningkat, tetapi juga apabila pendapatan tidak meningkat pada kadar yang sama, seterusnya menghakis kuasa beli mereka.

Ketiga, persepsi isi rumah terhadap kenaikan kos sara hidup boleh berbeza daripada inflasi IHP seperti yang dibincangkan dalam Rencana 'Inflasi: Persepsi dan Realitinya' yang terdapat dalam Buletin Suku Tahunan BNM Suku Pertama 2017. Hal ini kerana isi rumah menggunakan set maklumat yang berbeza semasa menilai perubahan dalam kos sara hidup. Persepsi isi rumah kebanyakannya didorong oleh perubahan harga barangan yang kerap dibeli, seperti barangan runcit atau makan di luar rumah, berbanding dengan barangan yang lebih tahan lama. Hal ini dirujuk sebagai bias kekerapan (*frequency bias*) dan boleh diukur dengan Indeks Harga Harian (Everyday Price Index, EPI). EPI dibentuk menggunakan barangan yang lebih kerap dibeli (sekurang-kurangnya sebulan sekali).

Selain itu, terdapat kecenderungan untuk isi rumah mengingati kenaikan harga berbanding dengan penurunan harga. Hal ini dirujuk sebagai bias ingatan (*memory bias*), yang boleh diukur oleh Indeks Harga Anggapan (Perceived Price Index, PePI). PePI dibentuk berdasarkan kumpulan barangan yang sama seperti EPI, tetapi hanya mengambil kira kenaikan harga. Barangan yang mencatatkan penurunan harga diandaikan tidak berubah dalam pembentukan PePI. Penunjuk yang diandaikan ini diringkaskan dalam Jadual 1, dan secara amnya menunjukkan kadar inflasi yang lebih tinggi berbanding dengan inflasi IHP, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

---

1 Konsep kos sara hidup dan inflasi telah dihuraikan dalam rencana "Inflasi dan Kos Sara Hidup" dalam Laporan Tahunan BNM 2015 dan rencana "Inflasi, Kos Sara Hidup dan Gaji Kehidupan Wajar" dalam Laporan Tahunan BNM 2018.
2 Disusun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.
3 Penting untuk dinyatakan bahawa angka ini merujuk perubahan kos sara hidup disebabkan oleh kenaikan harga berdasarkan lokasi mengikut geografi. Walau bagaimanapun, kos sara hidup juga boleh dipengaruhi oleh faktor struktur lain seperti tahap pendapatan, keadaan bandar dan luar bandar serta saiz isi rumah.

Jadual 1

Perbezaan Inflasi IHP, EPI dan PePI

	IHP	EPI	PePI
Takrifan	Indeks harga kumpulan barangan dan perkhidmatan yang tetap, mencerminkan corak purata perbelanjaan dalam kalangan isi rumah	Indeks harga barangan dan perkhidmatan yang kerap dibeli (sekurang-kurangnya sekali sebulan)	Perincian kepada EPI yang mengambil kira bias ingatan dan bias kekerapan
Pembentukan	• Kumpulan penggunaan purata ditentukan oleh data survei perbelanjaan isi rumah	• Mengambil kira bias kekerapan dengan mengambil hanya barangan kumpulan IHP yang dibeli sekurang-kurangnya sekali sebulan • Tidak termasuk barangan bernilai tinggi, barangan yang jarang dibeli dan barangan yang harganya ditetapkan secara kontrak	• Barangan dalam PePI sama seperti EPI. Walau bagaimanapun, indeks PePI hanya mengambil kira kenaikan harga
Perubahan tahunan (2010 - 2019)	2.1%	2.6%	7.5%

Nota: Perbincangan menyeluruh tentang IHP dan ukuran inflasi mengikut pandangan terdapat dalam Rencana Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia Suku Pertama 2017 BNM: "Inflasi: Persepsi dan Realitinya".

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1: Evolusi Inflasi IHP, EPI dan PePI



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

B. Punca Tekanan Kos Sara Hidup

Kajian yang lebih mendalam tentang pergerakan harga dalam kumpulan IHP menunjukkan bahawa tekanan harga telah didorong oleh barangan khusus (Rajah 2). Barangan ini mencakupi kira-kira 20% daripada kumpulan IHP. Beberapa kenaikan harga yang paling ketara ialah barangan makanan keperluan asas dan kerap dibeli, seperti *ayam segar* dan *telur* (Jadual 2). Beberapa barangan bukan makanan turut terjejas, seperti *perabot dan kelengkapan* serta *bahan untuk penyelenggaraan & baik pulih kediaman*. Sebaliknya, kebanyakan barangan dalam kumpulan IHP mengalami sama ada kenaikan harga yang sederhana atau penurunan harga (Jadual 3). Secara keseluruhannya, inflasi IHP keseluruhan adalah terkawal walaupun beberapa barangan mencatatkan peningkatan harga.

Rajah 2: Peratusan Bakul IHP dengan Inflasi Tinggi pada Tahun 2021



* Inflasi purata wajaran dianggarkan berdasarkan inflasi purata berwajaran barangan individu dalam bakul IHP. Angka-angka tersebut mungkin tidak berjumlah kepada inflasi IHP rasmi (2.5%) disebabkan perbezaan metodologi.

** Walaupun tarif elektrik pengguna tidak berubah bagi sebahagian besar 2021, diskaun bil elektrik daripada April hingga Disember 2020 menyebabkan tarif elektrik lebih rendah pada tahun 2020. Oleh sebab itu inflasi elektrik, ditakrif sebagai peningkatan daripada setahun yang lepas, adalah tinggi bagi sebahagian besar 2021.

*** Walaupun harga bahan api runcit tidak berubah bagi sebahagian besar 2021 (harga siling RON95: RM2.05/liter), harganya adalah lebih rendah pada tahun 2020 (harga purata RON95: RM1.67/liter). Hal ini menyebabkan angka inflasi yang tinggi untuk bahan api.

Nota: Sesuatu barang dianggap mengalami inflasi tinggi sekiranya mencatatkan inflasi tahunan melebihi satu sisihan piawai di atas purata sejarahnya dalam mana-mana bulan pada tahun 2021. Kiraan ini distandardkan berdasarkan purata dan sisihan piawai untuk tahun 2011-2019, dan berdasarkan barangan pada tahap 4 angka dalam bakul IHP.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Jadual 2

Contoh Peningkatan Harga yang Ketara

Barang pengguna	Inflasi purata S4 2021 (perubahan tahun ke tahun, %)	Inflasi purata 2011-2020 (perubahan tahun ke tahun %)
Ayam segar	13.9%	1.9%
Telur	10.5%	1.7%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia and anggaran Bank Negara Malaysia

Jadual 3

Contoh Penurunan Harga

Barang pengguna	Inflasi purata S4 2021 (perubahan tahun ke tahun, %)	Inflasi purata 2011-2020 (perubahan tahun ke tahun %)
Kasut dan kasut lain	-0.7%	-1.9%
Kain hiasan rumah	-0.3%	-0.8%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia and anggaran Bank Negara Malaysia

Tekanan harga bagi barangan terpilih ini disebabkan oleh faktor-faktor global dan dalam negeri. Pada peringkat global, pandemik telah menghalang pengeluaran dan pengedaran barangan apabila langkah-langkah pembendungan dikenakan. Apabila ekonomi utama dibuka semula pada kadar yang pantas sejak sekitar awal tahun 2021, laporan industri[4] menunjukkan kesukaran yang berpanjangan telah dihadapi oleh pengeluar global untuk memenuhi permintaan yang meningkat dengan pesat. Sebagai contoh, kos pengangkutan yang meningkat sebahagiannya disebabkan oleh kekurangan kontena. Hal ini telah meningkatkan harga import yang akhirnya menjejaskan beberapa pengeluar dalam negeri. Apabila tekanan kos ini berterusan, sesetengah syarikat telah memindahkan kos yang lebih tinggi ini kepada pelanggan mereka.

Selain itu, harga tenaga (minyak mentah dan gas asli) telah menjadi lebih mahal di seluruh dunia[5]. Kesan langsung kepada Malaysia adalah terkawal disebabkan oleh harga maksimum RON95 dan diesel, namun wujud kesan tidak langsung, contohnya melalui kos baja yang lebih tinggi (hasil sampingan gas asli). Tambahan lagi, harga global bijirin makanan seperti kacang soya dan jagung mencapai paras tertinggi berbilang tahun pada tahun 2021[6]. Bagi negara seperti Malaysia yang bergantung pada import barangan ini sebagai makanan haiwan,

[4] Laporan ini termasuk Shearing (2021) dan Desilver (2021).
[5] Harga minyak mentah Brent secara purata 67% lebih tinggi pada tahun 2021 berbanding dengan tahun 2020, manakala gas asli 187% lebih tinggi. Sumber: World Bank Commodities Price Data.
[6] Pada tahun 2021, indeks harga makanan FAO meningkat sebanyak 28% berbanding dengan tahun 2020, manakala indeks bijirin meningkat sebanyak 27% pada tempoh yang sama. Sumber: Food and Agriculture Organization of the United Nations.

hal ini telah mengakibatkan peningkatan kos untuk pengusaha ternakan, yang menyebabkan harga ayam dan telur yang lebih tinggi kepada pengguna.

Di dalam negeri, beberapa pengeluar makanan juga menghadapi kesukaran untuk memenuhi dengan segera permintaan pengguna yang meningkat apabila sekatan ditamatkan. Keadaan cuaca buruk menambahkan lagi kesukaran ini, contohnya, dengan menyebabkan kenaikan harga sayur-sayuran segar pada akhir tahun 2021. Secara keseluruhan, gabungan semua faktor ini mendorong harga yang lebih tinggi.

C. Kesan Terhadap Kos Sara Hidup

Apakah kesan semua perkara ini terhadap kos sara hidup? Meskipun harga yang lebih tinggi menimbulkan kesukaran terhadap isi rumah, tahap kesukarannya berbeza antara satu isi rumah dengan isi rumah yang lain. Pertama, andaikan perbelanjaan isi rumah B40 yang secara relatif lebih banyak untuk makanan (35% daripada perbelanjaan penggunaan bulanan) berbanding dengan isi rumah M40 (30%) dan T20 (23%).[7] Kesannya adalah apabila tekanan harga didorong oleh barangan makanan, tekanan kos sara hidup dialami secara tidak seimbang oleh isi rumah yang berpendapatan lebih rendah.

Kedua, pandemik telah menyebabkan pertumbuhan pendapatan yang lemah. Hal ini bermakna dalam keadaan kenaikan harga yang ketara, sesetengah isi rumah menghadapi keadaan yang lebih sukar untuk mengekalkan penggunaan mereka. Bagi isi rumah berpendapatan lebih rendah yang secara relatif mempunyai pendapatan bersih yang lebih kecil (pendapatan tolak perbelanjaan dan obligasi kewangan), keadaan ini menyebabkan mereka secara relatif lebih mudah terjejas akibat tekanan kos sara hidup (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1: Purata Pendapatan dan Perbelanjaan Bulanan (Termasuk Perbelanjaan Kewangan) Mengikut Kumpulan Pendapatan



Nota: Rencana dalam Laporan Tahunan 2018 bertajuk "Inflasi, Kos Sara Hidup dan Gaji Kehidupan Wajar" turut memberikan angka pendapatan bersih untuk tahun 2014 dan 2016. Walau bagaimanapun, angka mungkin berbeza disebabkan pengecualian perbelanjaan kewangan dalam rencana tersebut.

Sumber: Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014, 2016 dan 2019, Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2014, 2016 dan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

[7] Dapatan daripada Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia. Bahagian tersebut mencerminkan jumlah makanan & minuman bukan alkohol dan makanan di luar rumah.

D. Menguruskan Kos Sara Hidup

Pelbagai penyelesaian telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan peningkatan kos sara hidup. Dalam tempoh jangka pendek, penyelesaian ini termasuk pengawalan harga bagi barangan keperluan asas (contohnya, ayam segar, bahan api dan minyak masak) serta pindahan pendapatan kepada isi rumah yang mudah terjejas[8].

Meskipun langkah-langkah jangka pendek seperti kawalan harga boleh memberikan manfaat kepada pengguna dalam beberapa keadaan[9], langkah tersebut mungkin menimbulkan kesan jangka panjang[10] dan oleh itu perlu berpandukan prinsip tertentu. Seperti yang digambarkan oleh ilustrasi sepanjang rantaian bekalan ikan (Gambar Rajah 2), apabila kawalan harga dilaksanakan pada peringkat peruncit, peserta rantaian bekalan yang mempunyai kuasa pasaran lebih besar mungkin didorong untuk mengekalkan margin keuntungan tinggi yang sedia ada dengan mengecilkan keuntungan peserta yang lebih lemah seperti nelayan. Dalam jangka panjang, hal ini boleh membuatkan nelayan tersisih daripada industri perikanan, lantas memudaratkan kumpulan mudah terjejas yang ingin dilindungi oleh dasar tersebut.

Gambar Rajah 2: Gambaran Kesan Kawalan Harga Terhadap Rantaian Bekalan Ikan



Sumber: Diadaptasi daripada Guenette (2020), Abu Dardak et al (2015), Bank Negara Malaysia (2015) and Ghosh and Whalley (2004)

Selain mengurangkan margin peserta yang mudah terjejas dalam rantaian bekalan, penggunaan kawalan harga yang meluas boleh mengakibatkan kekurangan bekalan. Oleh itu, dasar harus dilaksanakan berlandaskan pemahaman tentang implikasi yang wujud, terutamanya bagi memastikan golongan yang kurang berkemampuan tidak mendapat kesan yang buruk.

[8] Contohnya, program Bantuan Keluarga Malaysia, yang melibatkan bantuan tunai secara langsung untuk kumpulan sasaran termasuk isi rumah dan individu, ibu bapa tunggal dan warga emas dalam kalangan B40.

[9] Ghosh dan Whalley (2004) menunjukkan bahawa kawalan harga beras di Vietnam telah menambah baik kebajikan pengguna. Bank Negara Malaysia (2015) menunjukkan bahawa kawalan harga memberikan manfaat kepada kumpulan sasaran dengan memastikan harga barangan keperluan utama kekal stabil dan mampu milik, terutamanya bagi ekonomi yang berada pada peringkat awal pembangunan ketika sebahagian besar penduduknya hidup dalam kemiskinan.

[10] Guenette (2020) mendokumentasikan beberapa keseimbangan yang berkaitan dengan kawalan harga.

Memandangkan isu kos sara hidup terkait dengan pendapatan dan kos, pengurusannya dalam jangka panjang memerlukan tindakan terhadap kedua-dua aspek tersebut. Meskipun pandemik telah menyebabkan kejutan yang ketara pada pendapatan, pemulihan ekonomi membuka peluang kepada pelaksanaan dasar yang bertujuan mewujudkan pekerjaan berproduktiviti tinggi dan seiring dengan pendapatan yang lebih tinggi. Sementara itu, menangani kos memerlukan penilaian terhadap rantaian bekalan. Hal ini termasuk mempelbagaikan sumber import makanan untuk mengurangkan risiko tumpuan (*concentration risk*). Selanjutnya, galakan pelaburan berkualiti dalam sektor agromakanan dapat melindungi harga makanan dengan lebih baik daripada kejutan pada masa hadapan. Memandangkan pergantungan pada amalan produktiviti rendah yang tidak wajar dan ancaman perubahan iklim, langkah sedemikian dapat mengurangkan risiko peningkatan kos sara hidup dalam jangka panjang[11].

Kos sara hidup yang tinggi merupakan isu utama yang telah berlarutan dalam kehidupan kebanyakan isi rumah. Hal ini diburukkan lagi baru-baru ini oleh pandemik yang telah mengganggu rantaian bekalan dan mengakibatkan ketidakseimbangan bekalan-permintaan. Meskipun penyelesaian jangka pendek dalam sesetengah keadaan adalah wajar, hal ini tidak akan menghalang isu ini daripada berulang dan boleh menyebabkan kesan yang tidak diingini. Oleh itu, pembaharuan struktur bagi menangani kedua-dua faktor pendapatan dan kos penting untuk meningkatkan daya tahan isi rumah terhadap kejutan pada masa hadapan.

[11] Kelemahan dalam sektor agromakanan di Malaysia dibincangkan dalam rencana "Mengecilkan Jurang Makanan: Peranan Penambahbaikan Struktur dalam Sektor Agromakanan" dalam Buletin Suku Tahunan BNM Suku Ketiga 2021.

Rujukan

Abu Dardak R., Zakaria, M.H., Nazmi, M.S., Ab Halim, N., Rusli, R, Suhaimee, S. (2015). Roles of Cooperative Movement as Middlemen to Increase the Efficiency of Agricultural Marketing in Malaysia, Food and Fertilizer Technology Center for the Asian and Pacific Region.

Bank Negara Malaysia (2021). Closing the Food Gap: The Role of Structural Improvements in Agrofood Sector, Box Article in BNM 3Q 2021 Quarterly Bulletin.

Bank Negara Malaysia (2019). Inflation, the Cost of Living and the Living Wage, White Box in BNM Annual Report 2018.

Bank Negara Malaysia (2017). Inflation: Perception vs. Reality, Box Article in BNM 1Q Quarterly Bulletin.

Bank Negara Malaysia (2016). Inflation and the Cost of Living, Box Article in BNM Annual Report 2015.

Bank Negara Malaysia (2015). Price Reforms: Motivation, Impact and Mitigating Measures, Box Article in BNM Annual Report 2014.

Desilver, D. (2021). Inflation has risen around the world, but the U.S. has seen one of the biggest increases. Pew Research Center.

Ghosh, M., & Whalley, J. (2004). Are Price Controls Necessarily Bad? The Case of Rice in Vietnam. Journal of Development Economics, 73(1), 215-232.

Guenette, J. D. (2020). Price Controls: Good Intentions, Bad Outcomes. World Bank Policy Research Working Paper, (9212).

Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey 2014, 2016 and 2019, Department of Statistics Malaysia.

Shearing, N. (2021). An Anatomy of Supply Shortages. Capital Economics.

Menggalakkan Kestabilan Kewangan

Mandat Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan. Bank melaksanakan mandat ini dengan memastikan sistem kewangan berdaya tahan dan berupaya menghadapi kejutan sepanjang kitaran ekonomi. Usaha ini termasuk menggalakkan institusi kewangan yang kukuh dan diuruskan dengan baik, di samping memupuk sistem penjelasan dan penyelesaian yang selamat dan diyakini serta memastikan pasaran kewangan yang teratur. Akhirnya, sistem kewangan yang kukuh dan stabil memudahkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan secara berterusan kepada pengguna kewangan.

Keutamaan Kestabilan Kewangan pada Tahun 2021

Tahun 2021 merupakan satu lagi tahun yang mencabar bagi ekonomi dan sektor kewangan negara. Bank perlu bertindak dengan tangkas dan responsif dalam menangani risiko daripada pandemik COVID-19 demi memelihara kestabilan kewangan. Pada tahun itu, kerajaan telah memperkenalkan semula dua Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengurangkan tekanan terhadap sistem penjagaan kesihatan dan membendung penularan semula pandemik. Malaysia juga telah mengalami salah satu banjir terburuk sejak beberapa tahun kebelakangan ini yang mengakibatkan kehilangan nyawa manusia, kerosakan harta benda, serta menjejaskan mata pencarian. Oleh itu, keutamaan pengawalan dan penyeliaan Bank menjadi teras untuk menyampaikan tiga hasil utama. Pertama, membantu meringankan tekanan kewangan individu dan perniagaan yang terjejas akibat pandemik dan banjir. Kedua, memastikan sistem kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong pemulihan ekonomi yang cepat dan mampan. Ketiga, merintis jalan bagi pembaharuan struktur jangka panjang untuk menangani risiko semasa dan risiko yang baru muncul dalam sektor kewangan.

Langkah-Langkah Bantuan Sektor Kewangan

Langkah-langkah bantuan oleh bank-bank

Sepanjang tahun 2021, bank-bank menyokong para pelanggan yang terus menghadapi kesukaran untuk membayar balik obligasi pembiayaan mereka. Sokongan itu termasuk pakej bantuan bayaran pembiayaan dengan ciri-ciri serta proses permohonan standard untuk membolehkan bantuan diberikan dengan pantas dan lancar. Tidak seperti moratorium automatik bagi semua pembiayaan individu dan PKS yang dilaksanakan semasa sekatan pergerakan di seluruh negara pada separuh pertama tahun 2020, peminjam yang memerlukan bantuan boleh membuat permohonan. Peralihan kepada bantuan yang lebih bersasar dilaksanakan tatkala ekonomi dibuka semula secara beransur-ansur, memastikan peminjam yang menghadapi pemulihan yang lebih perlahan atau tidak sekata dalam keadaan kewangan mereka akan terus menerima bantuan. Pelanggan yang tidak layak untuk menerima pakej bantuan standard juga boleh memohon bantuan

bayaran pembiayaan yang lebih khusus yang ditawarkan oleh bank-bank mereka.

Pada separuh pertama tahun 2021, pakej bantuan standard disasarkan kepada individu B40, termasuk perusahaan mikro, yang telah diberhentikan kerja atau telah mengalami pengurangan pendapatan yang ketara.

Berikutan penguatkuasaan semula kawalan pergerakan yang lebih ketat pada bulan Jun 2021, skop bantuan telah diperluas di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) oleh kerajaan. Di bawah PEMULIH, semua individu dan perusahaan mikro boleh memohon bantuan. Di samping itu, pakej bantuan standard juga diberikan kepada PKS yang tidak dapat beroperasi berikutan sekatan pergerakan. Tempoh permohonan PEMULIH dibuka hingga 31 Disember 2021. Bagi menggalakkan pelanggan yang terjejas untuk memohon, mereka telah diberi jaminan bahawa sejarah kredit mereka di bawah Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS) tidak akan terjejas berikutan permintaan untuk bantuan bayaran pembiayaan sepanjang tahun 2021. Butiran utama mengenai program bantuan bayaran pembiayaan dipaparkan dalam Gambar Rajah 1.

Mengambil kira bahawa pemulihan ekonomi adalah tidak sekata serta kesan yang lebih ketara ke atas pendapatan isi rumah rentan, bank-bank bersama-sama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah melancarkan Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) pada bulan Oktober 2021. URUS bertujuan membantu pelanggan bank dalam kalangan B50 yang paling terkesan beralih daripada bantuan bayaran pembiayaan yang sedia ada kepada sokongan kewangan dan pengurusan hutang yang lebih menyeluruh. Melalui URUS, pelanggan bank mendapat manfaat bukan sahaja daripada penstrukturan semula hutang, tetapi juga program khidmat nasihat, pendidikan dan sokongan pendapatan AKPK. Pelan pengurusan kewangan yang disediakan untuk pelanggan di bawah URUS

Gambar Rajah 1: Sorotan Bantuan Bayaran Pembiayaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

mengambil kira semua obligasi hutang mereka merentas institusi kewangan. Pelanggan di bawah URUS juga akan menerima khidmat nasihat berkala oleh kaunselor AKPK untuk memahami keadaan kewangan terkini mereka dan menyemak pelan bantuan bayaran pembiayaan mereka. Khidmat ini bertujuan membantu pelanggan mengurus keseluruhan kos pembiayaan mereka. Setakat 18 Mac 2022, seramai 6,336 individu telah berdaftar dengan URUS.

Sebagai tindak balas terhadap bencana banjir pada bulan Disember, bank-bank juga memberikan bantuan kepada pelanggan mereka yang telah terjejas oleh banjir. Sehubungan dengan itu, tarikh tutup permohonan URUS telah dilanjutkan daripada 31 Januari 2022 kepada 31 Mac 2022. Pelanggan yang terjejas oleh banjir yang layak dan telah mendaftar untuk bantuan banjir yang disediakan oleh bank-bank masih boleh memohon untuk mendapatkan URUS selepas bantuan ini tamat atau selewat-lewatnya pada 31 Julai 2022.

Selain itu, pelanggan boleh memilih pakej khidmat nasihat dan bantuan lain oleh bank-bank dan AKPK bagi menguruskan obligasi kewangan mereka. Khidmat ini termasuk Program Pengurusan Kredit untuk individu yang menghadapi tekanan kewangan serta Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil untuk PKS. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan daripada pelbagai dana BNM. Butiran lanjut boleh didapati dalam bab "Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif" dan "Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif".

Langkah-langkah bantuan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful

Penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) melanjutkan langkah-langkah bantuan COVID-19 mereka hingga tahun 2021. Seperti tahun sebelumnya, ITO membenarkan pemegang polisi yang terjejas untuk menangguhkan premium insurans hayat dan sumbangan takaful keluarga mereka selama tiga bulan pada tahun 2021. Penanggung insurans hayat juga menawarkan tempoh pembayaran balik tanpa faedah selama enam bulan kepada pemegang polisi untuk menyambung bayaran premium mereka. Langkah-langkah ini membantu mengurangkan beban kewangan pemegang polisi/peserta takaful dan memastikan kesinambungan perlindungan. Langkah-langkah sokongan lain termasuk penstrukturan semula polisi insurans dan sijil takaful, pengecualian bayaran fi dan caj, serta proses tuntutan yang lebih cepat. Pemegang polisi/peserta takaful juga diberikan pilihan untuk beralih kepada produk yang lebih murah untuk sementara waktu dan kemudian kembali kepada perlindungan asal tanpa perlu pengunderaitan selanjutnya. Sebagai alternatif, pemegang polisi/peserta takaful boleh memilih pelan ansuran premium/takaful yang lebih rendah untuk mengurangkan kekangan aliran tunai.

Bagi menggalakkan ujian COVID-19, ITO juga meningkatkan jumlah komitmen kepada Dana Ujian COVID-19 (COVID-19 Test Fund, CTF) daripada RM8 juta kepada RM10 juta pada tahun 2021. CTF telah digunakan sepenuhnya pada bulan Ogos 2021 dan memberikan manfaat kepada kira-kira 59,000 penerima. Walaupun kebanyakan polisi/sijil tidak menampung perbelanjaan berkaitan pandemik, sesetengah ITO memberikan bantuan dengan menyediakan perlindungan tambahan untuk perbelanjaan COVID-19 secara *ex-gratia*. Perlindungan ini termasuk bayaran balik untuk perbelanjaan penting yang berkaitan dengan COVID-19, seperti komplikasi selepas menerima vaksin dan rawatan untuk kesan sampingan di hospital swasta.

Industri juga memberikan sokongan secara proaktif kepada pelanggan yang terjejas oleh bencana banjir, termasuk mereka yang tidak mempunyai perlindungan banjir atau peril khas (*special perils*) untuk kenderaan bermotor mereka. Proses tuntutan dibuat dengan lebih cepat dan mudah, termasuk bayaran pendahuluan dan pengecualian dokumen tertentu untuk memastikan bantuan dihulurkan dengan pantas. Sesetengah ITO juga menyediakan perkhidmatan tunda secara percuma untuk kenderaan yang terkandas. Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), iaitu persatuan yang mewakili industri insurans am di Malaysia, juga menyediakan Dana Bantuan Banjir di bawah agenda Tanggungjawab Sosial Korporat untuk memberi subsidi kos pembersihan mekanikal (tidak termasuk baik pulih) di bengkel-bengkel terpilih.

Banjir baru-baru ini telah mengukuhkan lagi kepentingan mengambil perlindungan insurans/takaful daripada kerugian kewangan yang tidak dijangka. Lebih banyak ITO kini menawarkan produk insurans/takaful motor, yang secara automatik melindungi kerosakan akibat banjir. Pada masa hadapan, Bank akan bekerjasama dengan industri dan Kerajaan untuk mengkaji

Gambar Rajah 2: Ciri-Ciri Utama Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) dan Program Lain AKPK

Apakah URUS?

Pakej bantuan secara menyeluruh untuk membantu pelanggan yang masih terkesan dan terjejas yang menghadapi kesukaran aliran tunai berpanjangan akibat COVID-19.

Menawarkan bantuan bayaran pembiayaan dan sokongan pembangunan untuk membina ketahanan kewangan pelanggan dalam jangka panjang.

Siapa yang layak untuk URUS?

Pelanggan yang memenuhi empat kriteria:

- Pendapatan isi rumah sehingga RM5,880;
- Kehilangan pekerjaan atau pengurangan >50% daripada pendapatan;
- Pembiayaan mestilah tidak tertunggak melebihi 90 hari (berbayar); dan
- Pembiayaan adalah di bawah program bantuan bayaran pembiayaan setakat 30 September 2021.

Apakah bantuan yang diberi di bawah URUS?

Pelan kewangan khusus yang disesuaikan untuk setiap individu bagi membantu mereka menguruskan hutang dan merancang kewangan dengan lebih baik. Pelan ini dilengkapi pendidikan kewangan dan khidmat nasihat untuk membantu membina daya tahan kewangan.

Pengecualian 3 bulan faedah/keuntungan

dan

Pendidikan kewangan dan khidmat nasihat daripada AKPK
Termasuk bantuan untuk mendaftar program menambah pendapatan dengan rakan kongsi AKPK

+

Program bantuan bayaran pembiayaan
Pengurangan ansuran pembiayaan atau moratorium, selaras dengan kemampuan pelanggan

Apakah program lain yang ditawarkan oleh AKPK?

Program Pengurusan Kredit (DMP)
- Bantuan khusus untuk individu yang menghadapi tekanan kewangan.
- AKPK akan bekerjasama dengan individu-individu dan bank-bank untuk merangka pelan bayaran balik yang khusus mengikut kemampuan mereka.

Program Sokongan Ketahanan Kewangan (FIRST)
- Bantuan komprehensif kepada individu dan perusahaan mikro yang terjejas akibat COVID-19 dan tidak layak mendapatkan URUS.
- Terdiri daripada program bantuan kewangan dan sokongan pembangunan.

Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SDRS)
- Bagi PKS yang menghadapi kesukaran membayar balik hutang mereka kepada satu atau banyak institusi kewangan.
- Memudahkan penyelesaian hutang tanpa melalui proses undang-undang.

Sumber: Bank Negara Malaysia

perkongsian awam-swasta dalam usaha memperluas liputan perlindungan terhadap risiko berkaitan iklim dan gangguan perniagaan, terutamanya untuk perniagaan kecil. Hal ini termasuk mewujudkan kumpulan dana insurans awam-swasta yang menyokong keupayaan ITO untuk menawarkan penyelesaian yang lebih mampan, inklusif dan berpatutan bagi risiko tersebut.

Strategi komunikasi yang dipertingkat untuk menyokong langkah-langkah bantuan

Pada tahun 2021, Bank mempergiat usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pelbagai program bantuan yang tersedia kepada pelanggan yang terjejas akibat pandemik dan banjir. Bank juga memastikan komunikasi adalah tepat, konsisten serta disebarkan secara meluas dan pantas. Hal ini membantu memastikan pengguna sedar mengenai bantuan yang tersedia dan akan memohon bantuan tersebut, jika perlu.

Usaha ini juga dijalankan bersama-sama dengan Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN)[1]. Maklumat lanjut mengenai FEN dan inisiatif mereka boleh didapati dalam bab "Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif".

Bank juga mengadakan libat urus secara langsung dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam strategi komunikasi. Bank bertemu agensi kerajaan, dewan perniagaan, persatuan pengguna dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan. Maklum balas juga diperoleh melalui Kaji Selidik Bantuan Bayaran Balik Pinjaman (Repayment Assistance Survey) bagi memastikan bantuan yang diberikan dilaksanakan dengan cekap. Langkah-langkah ini membolehkan Bank memantau keberkesanan langkah-langkah bantuan. Di samping itu, maklum balas tersebut menjadi input segera untuk Bank mengambil tindakan yang tepat pada masanya.

[1] Institusi-institusi yang menganggotai FEN ialah Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit serta Permodalan Nasional Berhad. FEN merumuskan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 - 2023, iaitu pelan hala tuju lima tahun akan datang untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia dan untuk memperkasakan rakyat Malaysia untuk (a) menabung, mengurus, dan melindungi kewangan mereka; (b) merancang dan memastikan masa depan yang mampan; (c) melindungi diri daripada pemalsuan (*fraud*); dan skim penipuan kewangan (*financial scam).*

Mengukuhkan Rangka Kerja Pengawalseliaan

Sebahagian besar usaha institusi kewangan dalam tahun 2021 masih tertumpu pada pengurusan kesan COVID-19. Mengambil kira hal ini, tumpuan pengawalseliaan Bank masih terus mengutamakan peningkatan keupayaan operasi institusi kewangan bagi menyokong pelanggan mereka, menangani risiko semasa dan baru muncul (termasuk risiko berkaitan iklim) serta mengukuhkan daya tahan operasi. Ringkasan mengenai dasar-dasar utama yang dikeluarkan sepanjang tahun 2021 dipaparkan dalam Gambar Rajah 4.

Keutamaan dan Pendekatan Penyeliaan

Pendekatan penyeliaan Bank adalah berasaskan risiko dan berpandangan ke hadapan. Bank menjalankan pemeriksaan di premis (*on-site examination*) institusi kewangan dan penganalisian maklumat diluar premis (*off-site analysis*) yang dikumpul daripada institusi kewangan serta pengawasan pasaran.

Memandangkan pandemik COVID-19 mengekang keupayaan Bank untuk menjalankan pemeriksaan di premis institusi kewangan, penyeliaan Bank lebih bergantung pada penilaian di luar premis. Bank juga meningkatkan libat urus secara maya dengan pengurusan kanan institusi kewangan. Libat urus ini membantu Bank menangani risiko yang baru muncul tepat pada masanya. Di samping itu, Bank memantapkan pelaksanaan ujian tekanan untuk mengenal pasti pada peringkat awal kelemahan yang berpotensi menjejaskan sistem perbankan.

Dalam tahun 2021, Bank telah menjalankan ujian tekanan berbilang tahun (*multi-year stress test*). Ujian ini membolehkan Bank membuat perbandingan dengan keputusan ujian tekanan yang dijalankan oleh bank-bank. Hasil kedua-dua ujian tekanan membantu Bank menilai dengan lebih teliti daya tahan setiap bank.

Meskipun tahap pinjaman terjejas semasa adalah rendah, Bank terus memberikan tumpuan pada penyeliaan terhadap risiko kredit. Bank memantau dengan rapi dan mengemas kini pandangan berkenaan perkembangan risiko kredit di bawah

Gambar Rajah 3: Strategi Komunikasi tentang Program Bantuan

Bank menggunakan pelbagai strategi komunikasi untuk memastikan program bantuan dijalankan dengan lancar dan berkesan. Bagi mencapai matlamat tersebut, Bank memainkan empat peranan berbeza untuk memastikan maklumat disebarkan tepat pada masanya, tersedia secara meluas dan konsisten.



Bank sebagai sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat

Melalui BNMLINK, Bank terus menjadi sumber rujukan bagi pengguna kewangan melalui pemberian maklumat tentang langkah-langkah bantuan (contoh, moratorium, bantuan bayaran pembiayaan, dana PKS).

Pada tahun 2021, interaksi dengan orang ramai kekal tinggi, dengan kira-kira **300,000** interaksi sepanjang tahun.



Bank sebagai pusat aduan

Bank menjalankan Soal Selidik Bantuan Bayaran Balik Pinjaman bagi memastikan pelaksanaan bantuan yang teratur. Soal selidik ini memberikan maklumat tentang cabaran yang dihadapi oleh pengguna kewangan dalam mengakses bantuan bayaran pembiayaan dan memudahkan libat urus Bank dengan institusi kewangan bagi menangani cabaran ini.

Setakat 31 Disember 2021, Bank telah menjawab lebih daripada **12,800** aduan melalui soal selidik, **93%** aduan berjaya diselesaikan.



Bank sebagai rakan usaha sama

Bank secara aktif bekerjasama dengan sektor awam dan swasta, termasuk kementerian, agensi, persatuan, platform digital dan platform kerja jangka pendek bagi memperkasa keberkesanan usaha jangkauan Bank.

Sebagai ahli FEN, Bank bekerjasama secara aktif dengan pelbagai pihak dan telah menjangkau lebih **5,000,000** pengguna.



Bank sebagai penasihat dan pendidik

Bank menjalankan pelbagai program jangkauan bagi meningkatkan kesedaran tentang pelbagai langkah bantuan yang sedia ada dan meningkatkan celik kewangan dalam kalangan orang ramai, termasuk peniaga kecil.

- **30** wawancara radio yang mencapai **>300,000** pendengar.
- **Klinik Penasihat Kewangan Maya** yang diadakan semasa **Bulan Literasi Kewangan (FLM)** anjuran FEN pada bulan Oktober 2021 telah menghimpunkan **22** bank untuk memberikan bantuan dan nasihat kepada pengguna.

Sumber: Bank Negara Malaysia

pelbagai senario ekonomi. Bank juga meningkatkan pengawasan terhadap pembiayaan di bawah bantuan bayaran pembiayaan dan pendedahan kepada hutang korporat. Hasil penilaian ini membantu Bank menilai keberkesanan amalan pengurusan risiko bank-bank dan kecukupan penampan mereka untuk menangani kerugian yang mungkin dialami pada masa hadapan.

Bagi sektor ITO, penilaian penyeliaan Bank terus tertumpu pada kesan tuntutan yang lebih tinggi dan prestasi pelaburan yang lebih lemah di samping persekitaran pertumbuhan perniagaan yang lebih rendah dan persaingan yang meningkat. Bank juga terus memantau tindakan pembetulan yang diambil oleh beberapa ITO mengukuhkan pengurusan risiko operasi mereka

Gambar Rajah 4: Dasar-Dasar dan Dokumen Perundingan Penting yang Diterbitkan pada Tahun 2021

Membina Daya Tahan Iklim

Menerapkan pengurusan risiko iklim yang berhemat dan kukuh dalam sistem kewangan.

Dokumen Panduan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip

Memudahkan institusi kewangan menilai dan mengklasifikasikan kegiatan ekonomi yang menyumbang ke arah mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim.



Draf Dedahan (ED) Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario

Mentakrifkan keperluan dan panduan dicadangkan mengenai pengurusan risiko iklim dan analisis senario.

Memantapkan Pengawalan Insurans dan Takaful

Memastikan kepentingan pemegang polisi/perserta takaful terpelihara dan rangka kerja modal untuk ITO berkesan dalam menangani risiko yang berkaitan.

ED Pengurusan Perniagaan Insurans Hayat Sertaan

Menetapkan keperluan yang diperkukuh untuk pengurusan berkesan perniagaan insurans hayat sertaan, termasuk penambahbaikan kepada penggunaan dan resolusi estet (lebihan aset daripada tanggungan dana sertaan yang tidak boleh diatribut kepada pemegang polisi).



Kertas Perbincangan (DP) Rangka Kerja Modal untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful

Mengkaji cadangan penambahbaikan rangka kerja kecukupan modal untuk penanggung insurans dan pengendali takaful, sebagai sebahagian daripada kajian semula oleh Bank yang berbilang fasa terhadap keseluruhan rangka kerja kesolvenan ITO.

Meningkatkan Daya Tahan Operasi

Memastikan institusi kewangan mampu bertindak balas dan terus memberikan perkhidmatan yang kritikal semasa tempoh gangguan operasi.

ED Pelaporan Risiko Operasi

Membentangkan keperluan bagi memantau, mengenalpasti, menilai serta melapor insiden dan dedahan kepada Risiko Operasi.



ED Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Meningkatkan keperluan semasa bagi mengukuhkan kesediaan institusi kewangan untuk menghadapi gangguan operasi dan meningkatkan daya tahan operasi mereka.

Mempertingkat Perancangan Pemulihan

Mempertingkat keupayaan institusi kewangan memulihkan dan mengembalikan daya maju jangka panjang mereka dalam keadaan tekanan.



Dokumen Dasar (PD) Perancangan Pemulihan

Membentangkan jangkaan ke atas pembangunan dan penyelenggaraan pelan pemulihan untuk institusi kewangan.

Menggalakkan Amalan Pasaran Kewangan yang Baik

Meningkatkan integriti dan profesionalisme peserta pasaran bagi mengekalkan tahap kecekapan dan keyakinan orang ramai terhadap pasaran kewangan borong Malaysia.

PD Kod Tatakelakuan untuk Pasaran Kewangan Borong Malaysia

Menetapkan prinsip dan piawaian yang perlu dipatuhi oleh peserta pasaran kewangan borong.



Amalan Terbaik mengenai Amalan Pasaran Kewangan Borong untuk Institusi Perbankan

Panduan lanjut tentang amalan terbaik dan kawalan bagi mengurus risiko amalan pasaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia

(termasuk pemalsuan dan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering and terrorism financing*, ML/TF).

MFRS 17, iaitu piawaian perakaunan baharu untuk kontrak insurans akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023. Piawaian baharu ini memerlukan rombakan yang menyeluruh terhadap cara ITO mengukur dan mengiktiraf pendapatan mereka dalam penyata kewangan. Oleh itu, ITO telah mempergiat persediaan untuk mematuhi MFRS 17, termasuk membuat perubahan pada sistem dan proses dalaman mereka. Bank terus memantau rancangan pelaksanaan ITO dengan rapi bagi memastikan ITO bersedia untuk melaksanakan piawaian baharu tersebut pada tahun 2023. Beberapa ITO juga merancang untuk memulakan pelaporan secara selari menjelang suku ketiga tahun 2022.

Bank juga meningkatkan pengawasan terhadap amalan perniagaan institusi kewangan bagi memastikan pelanggan dilayan dengan adil, terutamanya dengan cabaran kewangan yang dihadapi oleh individu dan perniagaan semasa pandemik. Bank telah menilai amalan penyelarasan kadar pinjaman dan pemulihan hutang (*repricing and recovery*) oleh bank-bank, termasuk pengambilan balik (*foreclosure*) dan pemilikan semula (*repossession*). Bank juga menilai penzahiran bank-bank kepada peminjam berhubungan dengan pelaksanaan program bantuan bayaran pembiayaan, khususnya mengenai kesan penangguhan bayaran pembiayaan terhadap kos keseluruhan pembiayaan. Dalam kes bank-bank Islam, perhatian juga telah diberikan pada usaha memastikan pematuhan kepada keperluan Syariah dalam pelaksanaan bantuan pembayaran pembiayaan[2]. Tindakan penyeliaan diambil terhadap institusi kewangan yang tidak memenuhi piawaian amalan penyelarasan kadar yang adil. Tindakan ini termasuk arahan untuk menambah baik penzahiran, mendapatkan persetujuan pelanggan dan membayar balik caj yang tidak adil kepada pelanggan.

Risiko operasi dan daya tahan siber

Kerja dari jarak jauh yang berpanjangan dan pendigitalan yang lebih meluas membawa cabaran baharu kepada institusi kewangan dalam mengurus daya tahan operasi. Dalam hal ini, Bank menjalankan penilaian tematik untuk menilai bagaimana keadaan ini telah memberikan kesan kepada keupayaan institusi kewangan untuk bertindak balas sekiranya mengalami gangguan operasi. Institusi kewangan telah mengemas kini pelan kesinambungan perniagaan dan pelan pemulihan bencana mereka untuk mengambil kira gangguan operasi yang besar. Langkah-langkah juga telah dilaksanakan untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan yang kritikal sewaktu berlakunya gangguan operasi. Langkah utama ialah pelaksanaan operasi secara pembahagian (*split operations*), terutamanya untuk fungsi perniagaan yang kritikal seperti operasi perbendaharaan. Libat urus yang kerap dan penyelarasan pelan kontingensi dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third party service providers*, TPSP) yang kritikal juga telah menjadi satu ciri penting dalam pelan kesinambungan perniagaan. Institusi kewangan juga telah mengekalkan kebanyakan infrastruktur yang dibangunkan untuk kerja dari jarak jauh, sama ada sebagai sebahagian daripada persekitaran kerja yang tetap selepas pandemik atau sebagai pengaturan kontingensi.

Bank juga menjalankan penilaian yang berterusan ke atas pengurusan risiko institusi kewangan terhadap TPSP Teknologi Maklumat (Information Technology, IT). Hal ini memandangkan penggunaan platform digital dan pengkomputeran awan yang lebih meluas. Kebanyakan institusi kewangan mengekalkan amalan pengurusan risiko yang mantap, walaupun di sesetengah institusi ini, penambahbaikan lanjut diperlukan untuk mengukuhkan lagi kesiapsiagaan mereka menghadapi kejadian buruk yang melampau. Bank akan terus bekerjasama dengan institusi kewangan dan dengan pengawal selia lain serta agensi Kerajaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi mengukuhkan pengurusan risiko dalam bidang ini.

Pada tahun 2021, Bank mempergiat pemantauan penyeliaan terhadap tindak balas siber dan strategi pemulihan institusi kewangan seperti yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5. Langkah-langkah ini merupakan sebahagian daripada penilaian keseluruhan daya tahan operasi yang dilaksanakan oleh Bank.

[2] Bagi memastikan amalan yang konsisten merentas bank-bank Islam, Majlis Penasihat Shariah (MPS) mengeluarkan resolusi untuk menjelaskan dan memberikan panduan tentang bagaimana keuntungan harus diiktiraf. MPS juga mengeluarkan larangan keuntungan berkompaun bagi kemudahan di bawah bantuan bayaran pembiayaan. Butiran lanjut boleh didapati dalam bab "Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif".

Gambar Rajah 5: Memperkukuh Daya Tahan Siber Institusi Kewangan

Inisiatif utama Bank adalah untuk terus memperkukuh daya tahan siber dalam industri kewangan



Pelaksanaan FinTIP

Platform Perisikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (FinTIP) mengumpul, menjumlahkan dan menganalisis data ancaman siber dalam masa nyata daripada pelbagai sumber. FinTIP juga menyebarkan makluman siber masa nyata kepada industri.

Libat Urus yang Kerap dengan Institusi Kewangan dan Pihak Berkepentingan

- Peluasan **Kumpulan Kerja Siber (Cyber Working Group, CWG)** yang terdiri daripada 11 institusi kewangan sebagai ahli.
- Libat urus yang berterusan dengan para pegawai bank pusat ASEAN melalui **Cybersecurity Resilience and Information Sharing Platform (CRISP).**
- Penelitian yang lebih rapi terhadap Penyedia Perkhidmatan Pihak Ketiga IT melalui penilaian dan libat urus industri melalui **Kumpulan Perundingan Ketua Risiko Operasi**.

Persediaan untuk BNM RE4CT

BNM Real-time Exercise against Cyber Threats (BNM RE4CT) ialah latihan siber untuk mengukur kerjasama industri semasa serangan siber yang meluas. Institusi kewangan juga akan dapat menguji kesiapsiagaan dalaman dan meningkatkan pengetahuan mengenai insiden siber.

Pelaksanaan CRMA yang Berterusan

Penilaian Kematangan Daya Tahan Siber (CRMA) ialah alat penilaian kendiri untuk menjadi pelengkap kepada penyeliaan IT di premis. CRMA meningkatkan pemahaman tentang risiko siber institusi kewangan dan tahap kematangan kawalan keselamatan siber.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Libat urus dengan pengawal selia dan penyelia lain

Bank meneruskan libat urus yang erat dengan pengawal selia peringkat antarabangsa dan domestik pada tahun 2021. Melalui platform ini, Bank berkongsi dasar dan penyeliaan yang dilaksanakan untuk menangani risiko daripada pandemik COVID-19. Bank juga berbincang mengenai keberkesanan tindakan dasar dan pendekatan penyeliaan yang diambil dan faktor yang perlu diambil kira ketika mengambil keputusan untuk mengakhiri dasar-dasar tersebut. Memandangkan setiap negara mempunyai laluan pemulihan yang berbeza, perkongsian melalui libat urus antara pengawal selia memberikan pemahaman yang berguna kepada Bank dalam menyesuaikan tindakan dasarnya.

Di samping itu, kerjasama penyeliaan terus tertumpu pada usaha memastikan pengawasan yang berkesan terhadap institusi kewangan yang mempunyai operasi besar di luar negara dan syarikat subsidiari kumpulan kewangan antarabangsa besar yang beroperasi di Malaysia. Pada tahun 2021, Bank mengambil bahagian dalam forum penyeliaan untuk 10 kumpulan syarikat insurans dan enam bank. Forum ini terus kekal sebagai platform penting bagi pengawal selia bertukar-tukar pandangan dan penilaian institusi kewangan terutamanya dalam persekitaran yang tidak menentu pada masa ini.

Bank juga terus mengambil bahagian secara aktif dalam jawatankuasa kehematan dan jawatankuasa berkaitan iklim di peringkat antarabangsa[3]. Perkongsian yang diperoleh daripada perbincangan dalam forum ini sangat berguna ketika Bank menggubal dasar dalam bidang utama seperti risiko dan langkah-langkah pemulihan COVID-19, perubahan iklim dan pendigitalan.

Pada peringkat domestik, Bank dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengorak langkah selanjutnya dalam meningkatkan daya tahan iklim sektor

[3] Jawatankuasa ini termasuk: (i) Basel Commitee on Banking Supervision (BCBS); (ii) International Association of Insurance Supervisors (IAIS); (iii) Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks (EMEAP); (iv) Islamic Financial Services Board (IFSB); (v) Network for Greening the Financial System (NGFS); dan (iv) ASEAN Taxonomy Board.

kewangan negara melalui Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3). Usaha ini diteruskan melalui kerjasama erat dengan institusi kewangan dan pengawal selia domestik yang lain. Butiran lanjut boleh didapati dalam bab "Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari".

Tindakan Penguatkuasaan

Bank menggunakan pelbagai kaedah untuk menggalakkan kestabilan dan integriti sistem kewangan. Melalui aktiviti penyeliaan, Bank mengenal pasti amalan dan tingkah laku yang boleh menjejaskan keselamatan setiap institusi kewangan dan melemahkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan. Pelanggaran peraturan dan undang-undang Bank terdiri daripada pelanggaran yang kecil kepada pelanggaran yang serius. Bergantung pada tahap keseriusan, Bank mengambil tindakan penyeliaan dan/atau penguatkuasaan terhadap individu dan entiti yang tidak patuh. Tindakan penyeliaan secara amnya bersifat pencegahan dan pembetulan. Sebaliknya, tindakan penguatkuasaan lebih bersifat hukuman (*punitive*) dan mengisyaratkan ketegasan Bank terhadap salah laku yang serius. Dalam menentukan kaedah yang akan digunakan, Bank mempertimbangkan pelbagai faktor termasuk kesan dan tahap ketidakpatuhan, serta matlamat penguatkuasaan Bank.

Pada tahun 2021, Bank mengambil 394 tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan. Contoh tindakan yang diambil sebelum ini termasuk teguran persendirian, pembatalan lesen, penalti monetari dan arahan untuk melaksanakan program pemulihan bagi menangani kelemahan pengurusan risiko dan kawalan dalam institusi kewangan.

Dalam menangani aktiviti kewangan haram sepanjang tahun 2021, Bank mengeluarkan lima perintah pemberhentian dan larangan terhadap pengendali perkhidmatan wang haram. Selain itu, Bank membuka empat kertas siasatan terhadap pengendali perniagaan perkhidmatan wang dan skim kewangan haram. Bank juga telah berjaya mensabitkan kesalahan terhadap dua pemilik perniagaan perkhidmatan wang haram.

Dalam memerangi penipuan kewangan oleh entiti yang mendakwa diri sebagai institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank, Bank sentiasa mengemas kini senarai Amaran Pengguna Kewangan. Langkah ini membolehkan pengguna menyemak sama ada entiti ini dikawal selia oleh Bank. Pengguna dinasihati supaya merujuk sumber maklumat rasmi, seperti laman sesawang Bank Negara Malaysia apabila dakwaan sedemikian dibuat.

Rajah 1: Pecahan Tindakan Penguatkuasaan dan Tindakan Penyeliaan pada Tahun 2021

Majoriti tindakan penguatkuasaan dikenakan ke atas institusi/individu yang tidak dikawal selia oleh Bank.



Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah Selanjutnya

Landskap kewangan dijangka mengalami perubahan pesat pada tahun-tahun akan datang. Perubahan ini akan didorong oleh kemajuan teknologi, peralihan demografi dan perubahan iklim.

Selaras dengan mandat kestabilan kewangan, keutamaan pengawalan dan penyeliaan Bank akan berteraskan lima bidang:

(i) Meneruskan usaha memelihara sektor kewangan yang kukuh dan mampu melaksanakan fungsi pengantaraan dengan berkesan. Usaha ini akan membolehkan sektor kewangan menyediakan sokongan kitaran balas sepanjang kitaran ekonomi dan menyokong pembangunan kewangan seperti yang terkandung dalam Pelan Sektor Kewangan 2022 hingga 2026.

(ii) Mensyaratkan institusi kewangan memberikan layanan yang adil kepada pengguna.

(iii) Memastikan rangka kerja pengawalseliaan Bank selaras dengan piawaian antarabangsa dan amalan terbaik, jika pelaksanaannya adalah sesuai dan relevan, serta selaras dengan keperluan Syariah.

(iv) Membina keupayaan dalaman terhadap risiko baru muncul, terutamanya bidang yang berkaitan dengan risiko iklim dan aset digital.

(v) Menerima pakai teknologi pengawalan dan penyeliaan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Bank.

Lima bidang ini akan membantu memupuk pembangunan sektor kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif. Kesemua ini juga akan membantu meningkatkan keupayaan Bank melaksanakan mandat kestabilan kewangannya.

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif

Bank kekal teguh dalam menggalakkan sistem kewangan yang progresif dan inklusif bagi memenuhi keperluan rakyat Malaysia.

Komitmen Bank untuk menuju kepada sistem kewangan yang progresif dan inklusif termaktub dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009. Pada tahun 2021, Bank menumpukan usaha untuk meningkatkan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan, terutamanya dalam kalangan mereka yang terjejas akibat pandemik yang berlarutan. Bank meneruskan inisiatif bagi mempercepat pendigitalan perkhidmatan kewangan dan memperkukuh pasaran kewangan domestik. Usaha juga dijalankan untuk mengukuhkan daya tahan kewangan dalam kalangan isi rumah serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Tatkala agenda pembangunan sektor kewangan diteruskan, Bank juga melakar strategi untuk lima tahun ke hadapan. Strategi ini digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 (PSK) dan bertujuan untuk memajukan sektor kewangan bagi menyokong ekonomi dengan berkesan.

Mempercepat Pendigitalan Perkhidmatan Kewangan

Usaha pendigitalan perkhidmatan kewangan telah dipergiat pada awal tahun 2020 dan terus berkembang pesat. Pada tahun 2021, transaksi perbankan dalam talian meningkat sebanyak 41.5% manakala transaksi e-dompet meningkat sebanyak 74.4% berbanding dengan tahun sebelumnya. Butiran lanjut terdapat dalam bab "Menggalakkan Sistem Pembayaran yang Selamat dan Cekap".

Menyedari akan peranan perkhidmatan kewangan digital sebagai pemacu rangkuman kewangan dan kecekapan, Bank secara aktif melaksanakan pelbagai dasar untuk menyokong inovasi yang dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat Malaysia.

Sejak dilancarkan pada tahun 2016, Sandbox Pengawalseliaan Teknologi Kewangan (Sandbox) terus menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk syarikat teknologi kewangan (*fintech*) yang mempunyai cadangan nilai tulen, untuk bereksperimen dengan penyelesaian kewangan yang inovatif dan model perniagaan baharu. Fleksibiliti pengawalseliaan sementara diberikan supaya eksperimen boleh dijalankan dengan perlindungan yang bersesuaian bagi melindungi kepentingan ramai semasa fasa uji kaji.

Pada tahun 2021, Sandbox telah menarik minat yang tinggi dengan 13 permohonan, hampir sekali ganda berbanding dengan tahun sebelumnya. Daripada jumlah ini, Bank telah meluluskan empat permohonan untuk menjalankan penilaian selanjutnya sebelum ujian dijalankan secara langsung. Permohonan yang selebihnya telah ditarik balik oleh pemohon setelah berbincang dengan Bank. Penarikan balik permohonan disebabkan oleh kurangnya persediaan untuk ujian langsung atau permohonan tidak memerlukan ujian Sandbox kerana tiada halangan pengawalseliaan.

Dengan mengekalkan trend yang dicatatkan pada tahun lalu, minat terhadap *insurtech* terus berkembang. Hampir separuh daripada permohonan Sandbox pada tahun 2021 merupakan penyelesaian yang berkaitan dengan *insurtech*. Empat syarikat *insurtech* sedang menguji penyelesaian mereka secara langsung menerusi Sandbox. Pada masa ini, syarikat-syarikat tersebut menawarkan perkhidmatan insurans digital, takaful rakan-ke-rakan (*peer-to-peer*) dan agregator. Empat syarikat lagi telah mara ke peringkat persediaan untuk ujian langsung seterusnya pada tahun 2022. Pengajaran yang diperoleh daripada syarikat *insurtech*

dalam Sandbox dijangka menjadi rujukan untuk memuktamadkan rangka kerja Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful Digital (Digital Insurers and Takaful Operators, DITO). Rangka kerja ini merupakan contoh perumusan dasar berasaskan bukti yang menyokong inovasi, dan pada masa yang sama memastikan risiko berkaitan diuruskan sebaiknya. Mengambil iktibar daripada pengalaman ini, Bank akan terus menambah baik Sandbox seperti yang telah dinyatakan dalam PSK.

Bank telah mengeluarkan Kertas Perbincangan tentang Rangka Kerja Pelesenan DITO pada bulan Januari 2022. Dokumen ini menggariskan syarat-syarat kemasukan yang dicadangkan untuk peserta digital, terutamanya mereka yang mempunyai penyelesaian inovatif untuk menangani jurang perlindungan yang sangat penting, meningkatkan pengalaman pengguna dan meningkatkan rasa percaya. Secara lebih khusus, pelesenan DITO bertujuan untuk meningkatkan perlindungan isi rumah dan perniagaan, menggalakkan persaingan yang sihat dan mendorong peningkatan kecekapan (Gambar Rajah 1). Bagi tujuan ini, Bank akan mengambil pendekatan seimbang yang mendorong inovasi, sambil menggalakkan kestabilan kewangan dan melindungi kepentingan pengguna. Lesen DITO dijangka dikeluarkan pada tahun 2023.

Selepas tempoh permohonan selama enam bulan yang berakhir pada 30 Jun 2021, Bank telah menerima sejumlah 29 permohonan untuk mendapatkan lesen bank digital. Bank telah menilai kesemua permohonan ini berdasarkan rangka kerja penilaian yang berpandukan Jadual 5 dan Jadual 6 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Rangka kerja penilaian ini juga menekankan usaha memajukan rangkuman kewangan menerusi penyelesaian yang inovatif.

Gambar Rajah 1: Tawaran Nilai untuk DITO



Sumber: Kertas Perbincangan Bank Negara Malaysia mengenai Rangka Kerja Pelesenan untuk DITO

Bank-bank digital yang berjaya dikehendaki menunjukkan keupayaan dan sumber yang diperlukan bagi memenuhi keperluan kehematan dan teknologi untuk beroperasi secara mampan sebagai bank digital. Mereka juga dikehendaki menyediakan strategi perniagaan yang berwibawa yang memberikan tumpuan pada usaha untuk menggalakkan akses dan penggunaan kewangan yang bertanggungjawab dalam kalangan segmen yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Memperdalam Pasaran Kewangan

Bank terus melaksanakan langkah-langkah untuk mendalamkan lagi pasaran kewangan domestik. Pada tahun 2021, Bank memberikan tumpuan pada tadbir urus, akses dan mudah tunai pasaran.

Bagi meningkatkan integriti kadar penanda aras kewangan, Bank melancarkan Kadar Semalaman Malaysia (Malaysia Overnight Rate, MYOR) sebagai kadar rujukan alternatif (*alternative reference rate*, ARR). Inisiatif ini sejajar dengan pembaharuan global tentang Kadar Tawaran Antara Bank (Interbank Offered Rate, IBOR). Pengenalan MYOR akan beroperasi selari dengan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) yang sedia ada. MYOR menggalakkan penggunaan kadar penanda aras yang lebih mantap[1] dan memudahkan peralihan ke arah kadar berasaskan transaksi.

Berikutan perkembangan program rintis yang positif, Bank telah membenarkan bank-bank bukan pemastautin untuk memperdagangkan swap kadar faedah (*interest rate swap*, IRS) dalam denominasi ringgit tanpa sebarang komitmen asas dengan bank-bank dalam negeri atau Pejabat Luar Negeri yang Dilantik (Appointed Overseas

[1] MYOR ditadbir dan dikira oleh Bank sebagai kadar purata berwajaran jumlah bagi transaksi Ringgit semalaman tanpa cagaran antara bank, termasuk operasi monetari semalaman Bank (tidak termasuk Kemudahan Tetap). Kadar penanda aras ini mematuhi prinsip International Organization of Securities Commissions (IOSCO). Hal ini berbeza jika dibandingkan dengan IBOR (contohnya KLIBOR), yang bergantung pada pertimbangan para pelapor daripada pasaran kewangan.

Offices) mereka. Inisiatif ini dijangka memperdalam pasaran IRS sebagai instrumen mudah tunai sambil mengurangkan kos lindung nilai.

Penambahbaikan lanjut pada Dasar Pertukaran Asing (Foreign Exchange Policy) juga dilaksanakan pada bulan April 2021. Langkah-langkah ini diperkenalkan untuk menarik pelaburan langsung asing sambil memberikan lebih fleksibiliti kepada industri berorientasikan eksport. Penambahbaikan ini termasuk pemansuhan peraturan penukaran eksport, penyelesaian perdagangan dalam negeri dalam mata wang asing, pelanjutan tempoh pemulangan balik hasil eksport, pemulangan balik hasil eksport dan pelaksanaan lindung nilai derivatif komoditi dengan rakan niaga bukan pemastautin.

Pada bulan Disember 2021, Bank menerbitkan versi kemas kini dokumen dasar tentang Kod Tatakelakuan untuk Pasaran Kewangan Borong Malaysia. Dokumen dasar ini menetapkan prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi oleh peserta-peserta pasaran borong bagi menegakkan integriti dan prinsip-prinsip amalan pasaran yang adil. Hal ini penting bagi memupuk keyakinan dan memelihara kestabilan kewangan.

Pada tahun 2022, Bank dengan kerjasama peserta-peserta pasaran melalui Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Commitee) kekal komited untuk meningkatkan lagi daya tahan pasaran kewangan domestik. Antara bidang tumpuan termasuk pasaran pembiayaan bercagar dan pembiayaan mampan. Bagi tujuan ini, Bank terus mengalu-alukan maklum balas yang membina daripada pihak berkepentingan untuk membangunkan pasaran kewangan Malaysia secara progresif.

Meningkatkan Akses kepada Produk dan Perkhidmatan Kewangan

Meningkatkan akses fizikal

Malaysia telah mencapai tahap rangkuman kewangan yang tinggi berbanding dengan kebanyakan rakan serantau.[2] Akses dan penggunaan perkhidmatan kewangan asas yang tinggi (Gambar Rajah 2) telah disokong oleh pendekatan pelbagai serampang yang

Gambar Rajah 2: Akses dan Pemilikan Akaun di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

diambil untuk memperluas rangkaian pusat khidmat fizikal, terutamanya di kawasan bukan bandar dan luar bandar.

Bank ejen[3] kekal sebagai saluran perkhidmatan kewangan yang penting di kawasan pedalaman yang mempunyai hubungan Internet yang terhad. Sejak diperkenalkan pada tahun 2012, bank ejen telah mengendalikan sebanyak 239 juta transaksi yang berjumlah RM20.9 bilion setakat akhir tahun 2021. Pada tahun 2021, 21 juta transaksi yang bernilai RM2.5 bilion telah dilakukan di bank ejen (2020: 22.6 juta transaksi yang berjumlah RM2.1 bilion). Bank ejen juga penting dalam menggalakkan transaksi tanpa tunai di kawasan pedalaman. Pada tahun 2021, transaksi e-dompet di bank ejen meningkat sebanyak 99.6% kepada 25,000 transaksi bernilai sebanyak RM3.5 juta.

Bank terus mempertingkat akses kepada perkhidmatan kewangan, khususnya untuk membantu isi rumah dan perniagaan mikro dalam mengatasi cabaran kewangan semasa pandemik. Bagi tujuan ini, Bank telah mengkaji semula rangka kerja pengawalseliaan Perbankan Ejen untuk meningkatkan peranan dan keberkesanan bank ejen. Semakan dalam Draf Dedahan (Exposure Draft) tentang Perbankan Ejen yang dikeluarkan pada bulan Julai 2021 bertujuan untuk meningkatkan akses dan penggunaan produk kewangan dalam kalangan segmen yang tidak atau kurang mendapat

[2] Tahap ketiadaan perkhidmatan kewangan (*financial exclusion*) (% orang dewasa) di Malaysia adalah sebanyak 4%, dibandingkan dengan tahap ketiadaan perkhidmatan kewangan keseluruhan ASEAN sebanyak 30.15% setakat bulan Ogos 2020. (Sumber: UNCDF (2021). "Measuring Progress 2020: Financial Inclusion in Selected ASEAN Countries").

[3] Komuniti tempatan dapat mengakses perkhidmatan kewangan asas dengan mudah menerusi bank ejen yang dilantik oleh enam institusi kewangan peserta, iaitu Malayan Banking Berhad, RHB Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian Malaysia Berhad dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

perkhidmatan kewangan. Draf Dedahan ini juga bertujuan untuk memudahkan peralihan ke arah pendigitalan. Bank menjangkakan dokumen dasar ini dikeluarkan pada tahun 2022.

Bagi meluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan asas, lebih banyak bank bergerak telah ditempatkan di kawasan yang tidak mempunyai pusat khidmat kewangan yang mencukupi, di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)[4]. Setakat akhir tahun 2021, enam unit bank bergerak daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan empat unit bank bergerak daripada Bank Simpanan Nasional telah disediakan di bawah PEMULIH. Sepuluh unit bank bergerak ini menembusi lebih daripada 30 mukim yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan di Kedah, Kelantan, Pahang, Johor, Selangor, Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2022, lebih banyak unit akan disediakan oleh institusi kewangan peserta. Bermula dari tahun 2022, bank bergerak akan menawarkan khidmat nasihat dan sokongan pendaftaran perbankan digital sebagai pemangkin kepada pendigitalan dalam kalangan komuniti luar bandar. Sementara itu, PayNet terus menyediakan mesin ATM di kawasan terpilih yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. ATM ini boleh digunakan oleh pelanggan pelbagai bank untuk meningkatkan ketersediaan akses kepada perkhidmatan kewangan berasaskan wang tunai di negara ini.

Menggalakkan tawaran produk kewangan yang inklusif

Perlindungan insurans dan takaful dapat memberikan bantuan yang berharga pada masa yang diperlukan, terutamanya bagi isi rumah yang berpendapatan rendah atau individu yang simpanannya tidak mencukupi. Bank telah mengeluarkan Dokumen Dasar Perlindungan Tenang (Policy Document on Perlindungan Tenang, PTPD) pada bulan Julai 2021 untuk menyediakan rangka kerja pengawalseliaan yang menjadi penggerak dan sesuai-untuk-tujuan (*fit-for-purpose*) bagi inisiatif Perlindungan Tenang. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) menawarkan produk yang sesuai untuk segmen yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Produk tersebut perlu memenuhi prinsip mampu milik, memberikan nilai yang baik, boleh diakses dengan meluas, senang difahami serta mudah dibeli dan dituntut. PTPD menyediakan fleksibiliti operasi lanjutan yang bertujuan untuk menggalakkan akses dan penawaran produk insurans serta takaful mikro bagi memenuhi keperluan kesemua segmen ini. Hal ini termasuk menilai semula keperluan yang berkaitan dengan mengembangkan rangkaian rakan kongsi pengedaran Perlindungan Tenang. Fleksibiliti juga diberikan bagi membolehkan produk Perlindungan Tenang digabungkan dengan produk kewangan serta perkhidmatan nilai tambah yang lain seperti perubatan melalui telefon (*telemedicine*) untuk meningkatkan pengambilan perlindungan.

Sejak dilancarkan pada tahun 2017, inisiatif Perlindungan Tenang telah memberikan manfaat kepada lebih daripada 2 juta pengguna. Sekitar RM10.2 juta tuntutan telah dibayar setakat akhir tahun 2021. Pelaksanaan program Baucar Perlindungan Tenang (Perlindungan Tenang Voucher, PTV)[5] dengan baucar bernilai RM50 sejak bulan September 2021 telah menggalakkan lagi pengambilan produk Perlindungan Tenang. Pada akhir tahun 2021, 1.7 juta baucar yang bernilai RM85.4 juta telah digunakan untuk membeli produk Perlindungan Tenang (Gambar Rajah 3).

Pandemik COVID-19 telah menekankan kepentingan untuk mengukuhkan sistem perlindungan sosial. Menyedari akan hakikat ini, Kerajaan telah

Gambar Rajah 3: Kemajuan Pelaksanaan Program Baucar Perlindungan Tenang dengan Baucar RM50 (setakat 31 Disember 2021)



Sumber: Insurance Services Malaysia Berhad

[4] Pada bulan Jun 2021, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM18 juta di bawah program PEMULIH untuk institusi kewangan domestik menyediakan unit bank bergerak di kawasan luar bandar dan pedalaman.

[5] PTV ialah inisiatif Kerajaan dengan kerjasama industri insurans dan takaful untuk mengembangkan perlindungan sosial bagi pengguna/ isi rumah berpendapatan rendah. Program ini memberikan peruntukan baucar kepada penerima Bantuan Keluarga Malaysia yang layak untuk membeli produk Perlindungan Tenang baharu atau membaharui pelan Perlindungan Tenang mereka yang sedia ada.

melanjutkan program PTV selama setahun lagi pada tahun 2022 dan meningkatkan nilai baucar kepada RM75. Program PTV juga dipertingkat bagi membolehkan baucar itu ditebus untuk insurans atau takaful motor yang komprehensif bagi motosikal dengan enjin berkapasiti 150cc dan ke bawah. Kerajaan juga melanjutkan pengecualian duti setem bagi produk Perlindungan Tenang yang premium dan sumbangannya di bawah RM150 (dinaikkan daripada RM100). Langkah ini berkuat kuasa 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2025.

Memastikan perniagaan terus dapat mengakses kewangan

Bank terus memudahkan ketersediaan dan akses kepada sokongan dan bantuan kewangan oleh komuniti perniagaan dalam keadaan pandemik. Hal ini termasuk usaha menyokong pembiayaan dan skim jaminan untuk PKS yang berdaya maju, di samping inisiatif pendidikan dan bina upaya yang dilaksanakan dengan kerjasama agensi Kerajaan dan sektor kewangan (Gambar Rajah 4). PKS sangat penting untuk pertumbuhan ekonomi negara kerana sektor ini memberikan sumbangan yang ketara kepada ekonomi dan pekerjaan.

Seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1, sepanjang tahun 2021, institusi kewangan domestik telah meluluskan lebih daripada RM72 bilion pinjaman/pembiayaan baharu kepada 134,000 akaun PKS (2020: RM67 bilion pembiayaan baharu kepada 146,000 akaun; purata 2017-2019: RM71 bilion kepada 121,000 akaun). Sehubungan dengan itu, sejumlah RM312 bilion pembiayaan PKS telah dikeluarkan, melangkaui tahap tahun 2020 dan sebelum pandemik (2020: RM257 bilion; purata 2017-2019: RM300 bilion). Selain pembiayaan daripada institusi kewangan, instrumen pembiayaan yang lebih pelbagai adalah penting untuk mendorong pertumbuhan PKS pada masa hadapan (Gambar Rajah 4).

Rajah 1: Prestasi Pembiayaan PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 4: Model Pembiayaan untuk PKS bagi Menyokong Transformasi Ekonomi Malaysia

Bank menyediakan keperluan pembiayaan dan aliran tunai untuk PKS, dilengkapi dengan pelbagai langkah sokongan

Sorotan Pembiayaan PKS pada tahun 2021

	RM	% tahun-ke-tahun
Pembiayaan terkumpul (Dis. 2021)	320b	4.9%
Pembiayaan diluluskan	72b	8.4%
Pembiayaan dikeluarkan	312b	21.6%

Dilengkapi dengan Dana BNM untuk PKS

Langkah sokongan yang disediakan oleh Kerajaan dan sektor kewangan

Akses kepada Pembiayaan & Geran	Bank & IKP, AGRO BANK, SJPP, CGC, SME BANK, BSN, AgroFood Financing Fund, MyCIF, penjana Kapital, iTekad, MySMEBina, MySMEBekal
Bantuan Kewangan	• Bantuan Bayaran Balik Pinjaman • Geran Khas PRIHATIN • Program Subsidi Upah • Bantuan untuk operator pelancongan • Penangguhan cukai pendapatan • Diskaun bil elektrik • Kerugian dibawa ke hadapan • Pemotongan cukai
Pendigitalan & Naik Taraf	MOSTI, MDEC, SMART Automation Grant, Go-eCommerce, 100 Go Digital, SAMA-SAMA LOKAL, SME Digital Accelerator
Khidmat Nasihat & Bantuan Penyelesaian Hutang	AKPK URUS FIRST, MyKNP, SME Help Desk, SDRS
Bina Upaya	SMECORP, FEN, CEDAR

Pembiayaan berasaskan hutang secara tradisional yang dibayar daripada deposit bank adalah padanan yang sesuai untuk perniagaan dengan bayaran balik secara tetap dan risiko yang difahami dengan baik. Walau bagaimanapun, pergantungan pada pembiayaan sedemikian menimbulkan pelbagai cabaran:

1. Pergantungan yang tinggi pada pembiayaan berasaskan hutang boleh mengakibatkan leveraj berlebihan yang tidak

2. Syarikat baharu, inovatif dan 'aset ringan', dengan profil pulangan risiko yang lebih tinggi memerlukan pembiayaan berasaskan ekuiti dan bukannya pemberian pinjaman bank secara tradisional

3. Pasaran dengan pengembangan hutang yang lebih pesat mengatasi pertumbuhan ekonomi mungkin mengalami kemelesetan ekonomi yang berpanjangan dan kesan buruk terhadap produktiviti

Sumber: BNM, OECD

Selain pembiayaan bank, sumber pembiayaan dan instrumen kewangan alternatif merupakan faktor penting yang menyokong pertumbuhan firma inovatif dan menggalakkan kestabilan kewangan jangka panjang

Walau bagaimanapun, ekosistem kewangan alternatif Malaysia masih kurang berkembang berbanding dengan negara lain



Data dari tahun 2018
Pembiayaan alternatif dalam carta ini termasuk pembiayaan pajakan dan pemfaktoran yang diberikan oleh bank dan bukan bank, Modal Teroka, Ekuiti Persendirian, Rakan-ke-Rakan dan Pembiayaan Ekuiti Khalayak

Usaha dan strategi yang luas diperlukan untuk membangunkan rangkaian instrumen pembiayaan yang lebih luas bagi memenuhi pelbagai keperluan pembiayaan PKS dengan lebih baik merentas kitaran hayat perniagaan



Source: BNM, SC

Langkah susulan daripada Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 adalah usaha untuk mengekalkan dan mengembangkan ekosistem kewangan alternatif sebagai salah satu strategi oleh Bank dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta rakan institusi yang berkaitan dalam ekosistem, termasuk peserta industri kewangan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Pelan Sektor Kewangan 2022-2026

Sejak bermulanya pandemik, Dana BNM untuk PKS telah membantu lebih daripada 52,000 PKS termasuk perusahaan mikro, yang memberikan pekerjaan kepada lebih 1 juta orang.[6]

Dana BNM untuk PKS (Dana BNM) terus tersedia sebagai pelengkap kepada peruntukan pembiayaan PKS yang lebih besar oleh institusi kewangan. Peruntukan di bawah Dana BNM meningkat dengan ketara daripada RM9.1 bilion setakat akhir tahun 2019, kepada RM31.1 bilion setakat akhir tahun 2021. Jumlah peruntukan dan sektor yang disasarkan bagi kemudahan utama di bawah Dana BNM ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5. Setakat akhir tahun 2021, dana bernilai RM10.3 bilion tersedia untuk permohonan baharu.

Pada tahun 2021, beberapa penambahbaikan selanjutnya telah dibuat pada kemudahan di bawah Dana BNM. Bank terus mengadakan libat urus dengan PKS dalam sektor penting untuk memahami cabaran mereka dan memastikan bahawa perubahan yang dibuat sepadan dengan keperluan mereka. Hasilnya, peruntukan telah ditambah dan ciri-ciri yang lebih fleksibel telah diperkenalkan bagi kemudahan terpilih di bawah Dana BNM.[7]

Dua kemudahan baharu di bawah Dana BNM telah diumumkan dalam Bajet 2022, iaitu Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan dan Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (Gambar Rajah 6). Kemudahan ini membantu PKS untuk mengukuhkan struktur modal mereka dan menyokong pembiayaan hijau.

Gambar Rajah 5: Fakta Penting bagi Kemudahan Terpilih di bawah Dana BNM untuk PKS pada Tahun 2021

Pada tahun 2021, Dana BNM untuk PKS telah diperluas dan dinaikkan jumlahnya bagi memudahkan aliran tunai PKS sekali gus menyokong pemulihan dan pertumbuhan segmen bersasar

Dana BNM untuk PKS yang terpilih[1]



Penambahbaikan pada tahun 2021

- **Dua kemudahan baharu di bawah Bajet 2022: Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan (RM1b) & Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (RM1b)**
- **Membenarkan PTF dan TRRF digunakan untuk pembiayaan semula bagi mengurangkan kos peminjaman keseluruhan[2]**

Daripada RM31.1 bilion yang diperuntukkan, RM10.3 bilion masih tersedia
(setakat bulan Disember 2021)

[1] Kemudahan lain termasuk Kemudahan Agromakanan (AF) dan Kemudahan Bantuan Bencana (DRF). Tidak termasuk Kemudahan Bantuan Khas (SRF) sebanyak RM10 bilion yang telah digunakan sepenuhnya.
[2] Sehingga 30% untuk TRRF dan 50% untuk PTF.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] Data merujuk PKS termasuk perusahaan mikro dan meliputi tempoh antara bulan Mac 2020 hingga Disember 2021 (Sumber: Bank Negara Malaysia).

[7] Contoh ciri-ciri akomodatif ialah menyediakan pilihan kepada PKS untuk menangguhkan bayaran bahagian faedah/keuntungan selama 12 bulan dan menggunakan 50% daripada pembiayaan yang diluluskan untuk membiayai semula hutang sedia ada daripada institusi kewangan dan pemiutang lain.

Gambar Rajah 6: Kemudahan Baharu dalam Dana BNM untuk PKS yang Diumumkan dalam Bajet 2022



- **Membantu PKS untuk pulih dan berkembang sambil menguruskan tahap keberhutangan mereka melalui penyelesaian pembiayaan yang inovatif seperti pembiayaan ekuiti dan kewangan campuran**

- **Menggalakan PKS menerapkan amalan rendah karbon**
- **Selaras dengan sasaran Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai ekonomi pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank juga memberikan penekanan terhadap aspek pengukuhan ekosistem kewangan mikro dan meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi perusahaan mikro. Di bawah Dana BNM, peruntukan untuk Kemudahan Perusahaan Mikro telah ditingkatkan kepada RM500 juta dan diperluas untuk merangkumi individu yang bekerja sendiri, pekerja sambilan di platform digital[8] dan peserta program iTEKAD[9].Butiran tentang inisiatif Bank untuk memajukan kewangan sosial dilaporkan dalam bab "Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif".

Pada tahun 2021, ekonomi turut terjejas akibat banjir. Bencana ini telah mendorong Bank untuk mengaktifkan Kemudahan Bantuan Bencana (Disaster Relief Facility, DRF) di bawah Dana BNM sebanyak dua kali. Bagi PKS yang terjejas antara bulan November 2020 hingga Januari 2021, peruntukan sebanyak RM200 juta disediakan antara bulan Februari hingga Julai 2021. DRF sekali lagi diaktifkan pada bulan Disember 2021 dengan peruntukan sebanyak RM200 juta, berikutan banjir teruk di beberapa negeri. Peruntukan itu kemudiannya dinaikkan sebanyak RM300 juta pada bulan Januari 2022, yang menjadikan jumlah peruntukan sebanyak RM500 juta. Bank juga telah membuat beberapa penambahbaikan lain terhadap pelaksanaan DRF pada tahun 2021. Selain itu, institusi kewangan dan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) menyediakan penstrukturan dan penjadualan semula pembiayaan untuk mereka yang terkesan akibat banjir.

Selain PKS, Bank bekerjasama dengan industri kewangan untuk meningkatkan akses Syarikat Peringkat Pertengahan (Mid-Tier Companies, MTC) kepada pembiayaan, menyedari akan peranan mereka dalam menyokong pemulihan yang mampan. Secara khusus, Bank menjalankan kajian dan mengadakan libat urus dengan MTC untuk memahami dengan lebih baik cabaran yang dihadapi MTC berhubung dengan pembiayaan. Hasil utama ialah kerjasama Bank dengan Syarikat Jaminan

[8] Pekerja sambilan dalam platform digital seperti yang ditakrifkan oleh PENJANAGIG ialah individu yang terlibat dalam menjalankan tugas atau bekerja melalui platform penyedia perkhidmatan dalam aplikasi digital untuk menjana pendapatan (https://gig.perkeso.gov.my/).

[9] iTEKAD ialah program kewangan sosial campuran oleh bank-bank Islam yang menawarkan modal permulaan, pembiayaan mikro dan latihan berstruktur kepada usahawan mikro. Peserta program iTEKAD ialah usahawan mikro berpendapatan rendah yang layak, termasuk mereka yang terjejas akibat COVID-19, serta tertakluk pada terma dan syarat yang digariskan oleh institusi kewangan peserta masing-masing.

Pembiayaan Perniagaan (SJPP) dalam merangka dan melaksanakan Skim Jaminan Kerajaan PEMULIH (PEMULIH Government Guarantee Scheme, PGGS). PGGS menyasarkan untuk membantu MTC dan PKS dalam merancakkan semula perniagaan mereka dengan memperuntukkan jaminan berjumlah RM20 bilion. Sejak pelaksanaannya, PGGS telah mendorong institusi kewangan untuk membangunkan produk kewangan baharu yang dikhususkan untuk MTC.

Mekanisme jaminan kredit negara terus memudahkan pinjaman bank dalam persekitaran risiko yang semakin meningkat semasa pandemik. Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan SJPP kekal sebagai peserta utama dalam ekosistem pembiayaan PKS. Pada tahun 2021, kapasiti jaminan mereka terus ditingkatkan untuk menyokong pembiayaan PKS. Skim baharu diperkenalkan untuk memenuhi keperluan khusus perniagaan, seperti bantuan untuk perniagaan yang terjejas akibat pandemik dan banjir. SJPP dan CGC juga terus menggunakan mekanisme jaminan portfolio untuk menambah baik masa yang diambil untuk meluluskan jaminan.

PKS yang menghadapi masalah bayaran balik pinjaman dengan pelbagai institusi kewangan terus dibantu di bawah program bantuan penjadualan dan penstrukturan semula hutang yang khusus dan komprehensif melalui Skim Penyelesaian Hutang Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS). Setakat akhir 2021, SDRS telah membantu 1,400 PKS untuk menjadualkan dan menstrukturkan semula hutang mereka yang berjumlah RM2.3 bilion.

IKP sebagai penggerak utama untuk meningkatkan tahap inklusif dan akses kepada pembiayaan

IKP memainkan peranan penting dalam menyokong agenda pembangunan negara. Hal ini dapat dilihat melalui peranan kitaran balas yang dimainkan IKP semasa pandemik. Pada tahun 2021, IKP mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.6% dalam pembiayaan terkumpul kepada RM159.3 bilion (akhir tahun 2020: 7.7% kepada RM153.7 bilion). Lebih 485,000 akaun segmen B40 dan 65,000 entiti perniagaan mendapat pembiayaan baharu daripada IKP pada tahun 2021, dengan kelulusan masing-masing berjumlah RM23 bilion dan RM4.5 bilion. Pembiayaan PKS yang diluluskan oleh IKP merangkumi hampir 20% daripada jumlah akaun pembiayaan PKS yang diluluskan oleh institusi kewangan pada tahun 2021, lebih tinggi daripada bahagian yang diluluskan sebelum pandemik (2019: 13%). Di samping itu, bahagian bagi pembiayaan yang diluluskan untuk perusahaan mikro oleh IKP meningkat kepada hampir 40% pada tahun 2021, berbanding dengan 26% pada tahun 2019.

Kelulusan pembiayaan yang lebih tinggi ini didorong oleh skim Kerajaan dan program pembiayaan oleh IKP. Inisiatif ini memperluas pembiayaan kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan melalui ciri-ciri produk yang lebih fleksibel[10]. IKP juga menawarkan khidmat nasihat dan e-latihan untuk membantu PKS membina keupayaan bagi memperbaiki kedudukan perniagaan mereka. Sesetengah IKP menggerakkan kewangan sosial untuk membangunkan usahawan melalui program khas. Usaha ini termasuk dana permulaan untuk asnaf bagi memulakan perniagaan sebagai sumber pendapatan.

Bagi menyelaraskan peranan IKP dengan matlamat dan aspirasi negara secara lebih baik, Bank mengeluarkan Dokumen Dasar Pelan Strategik Korporat untuk IKP (Corporate Strategic Plan for DFIs, CSP) pada bulan Mei 2021. CSP memberikan panduan kepada IKP mengenai pembangunan dan pelaksanaan strategi korporat yang mantap, selaras dengan mandat pembangunan dan daya maju jangka panjang mereka. Komponen utama CSP ialah penggunaan Rangka Kerja Pengukuran Prestasi (Performance Measurement Framework, PMF) yang menilai sumbangan IKP secara lebih meluas melangkaui pembiayaan. Contohnya, PMF menilai keupayaan IKP dalam mengumpul dana swasta (*crowd-in*) untuk segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan juga memantau bilangan pekerjaan baharu yang diwujudkan melalui projek yang dibiayai IKP. Penunjuk yang dilaporkan di bawah PMF oleh IKP bersifat dinamik untuk mencerminkan keutamaan ekonomi semasa.

Bank memanfaatkan PMF untuk meneruskan usaha meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti IKP dalam melaksanakan mandat mereka. Bank menerapkan PMF dalam tadbir urus, perancangan perniagaan dan operasi IKP. Bank juga menggalakkan IKP membuat penzahiran awam mengenai prestasi mereka. Bank terus memperhalus pendekatan penyeliaan bagi IKP supaya dapat mencerminkan usaha pembangunan dan pencapaian IKP dengan lebih baik. Matlamat

[10] Contohnya tempoh moratorium sehingga satu tahun, jumlah ansuran yang lebih rendah, keperluan dokumen yang lebih ringkas semasa proses permohonan, kadar pembiayaan yang mampu dibayar dan merangkumi segmen tidak formal sebagai peminjam yang layak.

Bank adalah untuk memastikan bahawa IKP mengutamakan pembangunan negara secara berterusan tanpa menjejaskan keselamatan dan kekukuhan kewangan mereka.

Fasa pertama rancangan penggabungan empat IKP[11] telah berjaya dilaksanakan pada bulan November 2021. Penggabungan Bank Pembangunan Malaysia Berhad dengan Danajamin Nasional Berhad adalah sebahagian daripada rancangan yang berterusan untuk membentuk semula landskap IKP. Sinergi daripada penggabungan ini dijangka dapat meningkatkan keupayaan pemberian pinjaman oleh IKP serta menyediakan lebih banyak sokongan kewangan dan khidmat nasihat kepada perniagaan. Pada masa hadapan, terdapat prospek untuk mengukuhkan lagi prestasi dan impak pembangunan oleh IKP dengan meneruskan penyatuan strategik IKP utama yang lain agar skala ekonomi dapat dimanfaatkan. Penggabungan ini juga bertujuan untuk mengoptimumkan sumber awam dan menyelaraskan keutamaan pembangunan negara dengan lebih baik.

Meningkatkan Tahap Celik Kewangan Rakyat Malaysia

Celik kewangan memainkan peranan penting dalam menggalakkan sistem kewangan yang stabil, progresif dan inklusif.

Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan kehilangan pekerjaan dan pengurangan pendapatan isi rumah. Keadaan ini telah mengakibatkan kesan jangka pendek dan jangka panjang seperti peningkatan tahap hutang dan penyusutan simpanan. Salah satu iktibar penting yang dipelajari daripada pandemik ini ialah pentingnya celik kewangan. Pandemik ini telah menyerlahkan keperluan mengukuhkan daya tahan kewangan untuk menangani peristiwa yang tidak dijangka.

Dalam tempoh yang mencabar ini, Bank bekerjasama rapat dengan ahli dan rakan usaha sama Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) untuk menghasilkan bahan rujukan kewangan secara digital dengan pantas bagi membantu pengguna membuat keputusan kewangan yang lebih baik (Gambar Rajah 7).

Bahan rujukan kewangan secara digital ini turut disampaikan semasa Bulan Literasi Kewangan 2021 (Financial Literacy Month 2021, FLM2021) secara maya. Dengan tema "Tentukan Hala Tuju Kewangan Anda: Jaga Diri dan Bertindak dengan Bijak", FLM2021 memberikan tumpuan untuk membimbing golongan mudah terjejas ke arah pemulihan kewangan. Jangkauan melalui pelbagai platform digital telah membantu FLM2021 untuk disebarkan secara meluas ke segenap pelusuk negara, termasuk Sabah dan Sarawak (Gambar Rajah 8).

FEN terus membantu pengguna untuk mendapatkan akses kepada penyelesaian pendidikan kewangan. Pelbagai program pendidikan kewangan juga dianjurkan untuk golongan tertentu seperti ibu bapa, pelajar, belia, pekerja sambilan dan PMKS. Bank telah meningkatkan kesedaran tentang insurans dan takaful melalui kempen PTV dan pertandingan video pendek MyDuitStory 2.0 untuk pelajar universiti dan guru pelatih (Gambar Rajah 9).

Laman sesawang Navigasi FEN dilancarkan pada bulan Oktober 2021 sebagai platform sehenti pendidikan kewangan untuk semua peringkat kehidupan. Laman sesawang ini mengandungi lebih daripada 800 instrumen dan sumber celik kewangan oleh 24 ahli dan rakan usaha sama FEN (Gambar Rajah 10).

[11] Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Danajamin Nasional Berhad, Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank) dan Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank).

Gambar Rajah 7: Inisiatif Utama dan Tahap Libat Urus FEN pada Tahun 2021

MyDuitStory

Pertandingan video pendek untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pengurusan kewangan peribadi dalam kalangan pelajar universiti

>1.3J
Capaian

Wawancara Radio

Sesi wawancara bersama pegawai BNM di stesen radio serantau untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai topik-topik yang memberikan kesan pada pengguna di lapangan

>600K
Pendengar

Webinar

Siri webinar yang merangkumi isu-isu yang memberikan kesan pada pengguna dan pengurusan kewangan peribadi untuk individu dan PMKS

>1.3K
Webinar

>270K
Penonton

Bahan Kolateral Digital Pendidikan Kewangan

Maklumat pendidikan mengenai pelbagai topik celik kewangan bagi membimbing pengguna membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi

>5J
Capaian

>20K
Libat urus

Penampilan Media

Perbincangan panel dan wawancara TV mengenai celik kewangan

FORUM PERDANA EHWAL ISLAM	BULETIN UTAMA	SELAMAT PAGI MALAYSIA
397K penonton	17.6K penonton, 76 perkongsian; 39K penonton (Keseluruhan bahagian berita)	1.6K penonton, 28 perkongsian; 163 penonton

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN)

Gambar Rajah 8: Bulan Literasi Kewangan 2021



BULAN LITERASI KEWANGAN 2021

Acara utama FEN untuk meningkatkan kesedaran tentang celik kewangan

>120 inisiatif

>7 JUTA Libat urus (termasuk peserta, penonton dan pendengar)

CAPAIAN SEKURANG-KURANGNYA 5 KALI LEBIH TINGGI BERBANDING ACARA FIZIKAL



64% mendapati ilmu yang dipelajari melalui webinar kebanyakkannnya ilmu baharu

36% mendapati maklumat yang diperoleh agak baharu

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN)

Gambar Rajah 9: Pertandingan Video Pendek MyDuitStory 2.0



Sumber: Platform media sosial MyDuitStory (Facebook dan Instagram)

Gambar Rajah 10: Laman Sesawang Navigasi FEN



Sumber: Laman Sesawang Navigasi FEN melalui www.fenetwork.my

Pelan Strategik FEN dibangunkan pada tahun 2021 untuk menetapkan hala tuju bagi mencapai hasil yang diingini daripada Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas. Pelan Strategik FEN menggariskan pendekatan untuk tindakan kolektif yang berkesan oleh ahli FEN. Pelan ini juga menggabungkan tumpuan terhadap rangka kerja penilaian dan penyelidikan bagi melaksanakan program pendidikan kewangan secara berterusan dan berkesan (Gambar Rajah 11).

Selain itu, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) turut menyediakan modul pendidikan dalam talian yang bertajuk 'Rumahku'. Modul ini menyediakan nasihat yang komprehensif kepada pembeli rumah kali pertama untuk membuat keputusan kewangan yang berhemat. Selain memberikan khidmat nasihat tentang proses permohonan pembiayaan, modul Rumahku mengajar pengguna tentang aspek kewangan mahupun bukan kewangan, yang perlu dipertimbangkan ketika mereka membuat keputusan untuk membeli rumah dan mendapatkan pembiayaan perumahan. Melalui modul ini, pengguna belajar tentang risiko dan tanggungjawab apabila mengambil pembiayaan perumahan serta pilihan untuk mengurangkan kos pembiayaan. Pilihan tersebut termasuk melunaskan pembiayaan dengan lebih cepat melalui ansuran yang lebih tinggi. Gambar Rajah 12 memberikan gambaran tentang cara tempoh pembiayaan yang lebih panjang menyebabkan kos pembiayaan yang lebih tinggi. Setakat 31 Januari 2022, Rumahku telah membantu 273,274 individu dalam urusan pembiayaan perumahan mereka.

Gambar Rajah 11: Inisiatif Utama FEN pada Tahun 2021



Pelan Strategik FEN 2021-2025 bagi menggariskan inisiatif yang akan dijalankan oleh FEN dalam tempoh lima tahun akan datang. Pelan ini membolehkan FEN mencapai objektif dan hasil yang diingini daripada Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023



Kompetensi Teras Literasi Kewangan untuk Orang Dewasa Malaysia (FLCC) sebagai rujukan untuk membangunkan program pendidikan kewangan yang direka dengan baik dan disasarkan kepada golongan dewasa di Malaysia dalam semua peringkat kehidupan



Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan (FCI) 2021 menjadi asas untuk membangunkan dan menilai tahap keupayaan dan rangkuman kewangan rakyat Malaysia



Komuniti Kewangan FEN sebagai platform pengurusan ilmu dan maklumat untuk ahli-ahli FEN. Platform ini membolehkan ahli-ahli FEN memperoleh pemahaman mengenai trend dan pengetahuan pendidikan kewangan terkini serta meningkatkan keupayaan mereka

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN)

Gambar Rajah 12: Kesan Tempoh Pinjaman/Pembiayaan Perumahan yang Lebih Panjang ke atas Kos Pembiayaan

Apakah kesan tempoh pinjaman/pembiayaan perumahan yang dilanjutkan?

Dengan mengandaikan syarat-syarat pinjaman/pembiayaan yang berikut:

Jumlah pinjaman/pembiayaan **RM300,000**

Kadar pembiayaan **3.0%**

Tempoh pinjaman/pembiayaan	35 tahun	40 tahun	Kesan
Ansuran bulanan (RM)	1,155	1,074	- RM81 sahaja
Jumlah kos pembiayaan (RM)	484,911	515,498	+ RM30,587



Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah Selanjutnya

Fokus Bank untuk tahun 2022 adalah selaras dengan keutamaan pembangunan dan kawal selia yang digariskan dalam PSK. Untuk maklumat lanjut tentang PSK, sila rujuk rencana di bawah.

Bank komited untuk meningkatkan kesejahteraan dan daya tahan kewangan isi rumah dan perniagaan. Bank akan terus menangani jurang rangkuman kewangan, dengan memberikan tumpuan pada kadar penyertaan yang lebih tinggi di samping penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih bertanggungjawab bagi meningkatkan kesejahteraan secara keseluruhan.

Usaha meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan untuk segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan memastikan keperluan pembiayaan perniagaan dipenuhi, akan terus menjadi keutamaan penting Bank. Untuk mempelbagaikan lagi instrumen pembiayaan yang disesuaikan dengan spektrum PKS dan MTC yang luas, Bank terus bekerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dalam usaha untuk memajukan pembangunan kewangan alternatif.

Bagi mengurangkan lagi jurang pembiayaan, Bank juga akan memberikan tumpuan pada usaha memupuk pasaran yang dinamik dalam rantaian nilai perbankan runcit, dengan mengembangkan pilihan untuk pengguna kewangan dan mengurangkan gangguan pasaran. Kedinamikan yang lebih hebat dapat dicapai melalui pengoperasian bank digital berlesen dan pelaksanaan strategi Data Terbuka.

Bank juga akan mengukuhkan perlindungan kewangan untuk isi rumah dan perniagaan dengan menjalankan pelbagai pembaharuan. Antara usaha ini termasuk menambah baik kecekapan pemprosesan tuntutan insurans/takaful motor, meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi pemegang polisi insurans/ sijil takaful dan memastikan kemampanan serta kemampuan memiliki insurans/takaful perubatan dan kesihatan swasta dalam jangka panjang.

Pelan Sektor Kewangan 2022-2026

Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 (PSK) telah dilancarkan pada 24 Januari 2022. Pelan ini menggariskan pendekatan Bank terhadap pembangunan kewangan untuk tempoh lima tahun akan datang. Pendekatan ini disokong oleh teras strategik utama untuk memacu hasil dan sasaran yang dihasratkan untuk sektor kewangan pada tahun 2026 (Gambar Rajah 13).

Pelan Induk Sektor Kewangan 2001-2010 dan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 merupakan asas penting bagi mengukuhkan peringkat pembangunan kewangan Malaysia. Hari ini, sektor kewangan Malaysia lebih maju dan berdaya saing. Bagi mengharungi masa hadapan yang tidak menentu dengan berkesan, sektor kewangan perlu berada pada kedudukan yang kukuh untuk terus menyumbang kepada ekonomi Malaysia. Sektor kewangan yang tangkas, berdaya tahan dan mempunyai kepelbagaian adalah sangat penting untuk menyokong pemulihan ekonomi yang mampan dan memudahkan pembaharuan ekonomi dalam jangka masa panjang. Institusi kewangan wajar bergerak seiring dengan keperluan baharu isi rumah dan perniagaan sambil bertindak balas terhadap pelbagai senario dengan berkesan.

PSK bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang memangkin fasa pembangunan yang seterusnya. Yang penting, PSK berusaha untuk memastikan sektor kewangan terus memenuhi keperluan ekonomi benar, iaitu untuk menambah baik kehidupan dan meningkatkan mata pencarian.

Usaha pengawalseliaan Bank akan tertumpu pada pemupukan persekitaran yang sesuai untuk pembentukan pasaran yang dinamik dan pembangunan yang mampan. Bank akan menangani halangan yang tidak wajar terhadap persaingan dan inovasi, di samping menangani jurang dan kegagalan pasaran. Keutamaan akan diberikan untuk memastikan keberkesanan tiga mekanisme pasaran utama:

- Pendorong ekosistem. Menggalakkan usaha persaingan secara kerjasama (*co-opetition*) sebagai penyumbang penting yang mendorong ekosistem;
- Akses pasaran. Menangani halangan yang tidak wajar terhadap penyertaan pasaran, sambil memastikan proses keluar daripada pasaran dilakukan dengan teratur; dan
- Disiplin pasaran. Memperkukuh keadaan disiplin pasaran dan pemerkasaan pengguna.

Bank juga akan giat menggalakkan matlamat pembangunan yang mampan. Usaha ini termasuk memajukan pengantaraan berasaskan nilai, rangkuman kewangan, daya tahan iklim dan kelestarian alam sekitar. Merentasi usaha ini, Bank terus berpegang teguh pada mandat kestabilan monetari dan kewangannya.

Mengambil manfaat daripada pembangunan dalam dua dekad yang lalu, industri kewangan kini berada pada kedudukan yang baik untuk memainkan peranan yang lebih kukuh dalam menerajui transformasi ekonomi dan kewangan pada tahun-tahun akan datang. Pada masa yang sama, penglibatan dan sokongan daripada pelbagai pihak diperlukan bagi mencapai hasil yang dihasratkan. Bank akan terus berinteraksi dan bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk tujuan ini.

Gambar Rajah 13: Gambaran Keseluruhan Pelan Sektor Kewangan 2022-2026

Meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah & perniagaan

(contohnya pendidikan kewangan dan pemantauan impak, pembangunan insurans mikro/takaful mikro, pembaharuan perlindungan pengguna)

Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan

(contohnya akses bukan bank kepada RENTAS, laluan yang dipermudah bagi Sandbox Pengawalseliaan, penanggung insurans/pengendali takaful digital)

Meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang menyokong peralihan secara teratur kepada ekonomi lebih lestari

(contohnya pelaksanaan taksonomi yang berkesan, penzahiran mandatori risiko iklim, ujian tekanan risiko iklim)

Membiayai transformasi ekonomi Malaysia

(contohnya ekosistem jaminan kredit yang menyokong, rangka kerja pengawalseliaan untuk kewangan alternatif)



Membangunkan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam

(contohnya memperdalam pasaran kewangan dan modal Islam, penjajaran penggunaan kontrak Syariah)

Hasil yang dihasratkan dan sasaran untuk tahun 2026

Tiga tema umum

Kewangan untuk semua

- ✓ Pilihan yang pelbagai untuk pelanggan, termasuk penyelesaian 'digital didahulukan' (*digital first*)
- ✓ Jaringan keselamatan kewangan yang diperkukuh
- ✓ Pelanggan kewangan yang yakin dan berkebolehan

Kewangan untuk transformasi

- ✓ Pertumbuhan dalam kewangan alternatif
- ✓ Integrasi global yang lebih mendalam, dengan kepimpinan yang berterusan sebagai gerbang untuk kewangan Islam pada peringkat antarabangsa
- ✓ Landskap kewangan yang dinamik dan memberangsangkan

Kewangan untuk kelestarian

- ✓ Penggunaan pengantaraan berasaskan nilai (VBI) untuk memberikan manfaat ekonomi, komuniti dan alam sekitar
- ✓ Kemajuan yang stabil dalam penghijauan kewangan dan pembiayaan hijau

Sasaran utama dan peristiwa penting*

- Merapatkan jurang antara **skor celik kewangan OECD/INFE** di Malaysia dengan purata OECD
- Meningkatkan **e-pembayaran per kapita** pada kadar CAGR melebihi 15%
- Kadar **penembusan insurans/takaful** 4.8%-5.0% (sebagai % daripada KDNK)
- Bilangan individu yang melanggan **insurans/ takaful mikro** bertambah sekali ganda
- Enakmen **undang-undang kredit pengguna dan badan pengawasan**
- **Rejim pelesenan** tunggal untuk penasihat kewangan dan perancang kewangan
- Pertumbuhan yang stabil dalam **kewangan alternatif** yang disalurkan kepada perusahaan baharu dan inovatif
- **Pembayaran rentas sempadan** yang lebih cepat, murah dan mudah diakses
- Lebih 50% daripada pembiayaan baharu adalah untuk **aktiviti-aktiviti hijau dan peralihan**
- Pertumbuhan yang stabil dalam **aset yang sejajar dengan VBI**

* Bidang terpilih, tidak mewakili Pelan Sektor Kewangan secara keseluruhan

Sumber: Pelan Sektor Kewangan 2022-2026

Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif

Salah satu objektif utama Bank adalah membangunkan dwisistem kewangan yang teguh, progresif dan inklusif. Bagi sistem kewangan Islam, Bank memberikan tumpuan ke arah memperkukuh peranan dan sumbangan kewangan Islam dalam menyokong pembangunan sosioekonomi sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Hal ini adalah sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Pada tahun 2021, banyak penekanan tertumpu pada usaha menyokong pemulihan ekonomi, membantu pelanggan yang menghadapi kesukaran dari sudut kewangan serta meneruskan inisiatif untuk mempertingkat daya tahan sosial dan iklim. Inisiatif ini (Gambar Rajah 1) dilaksanakan berpandukan keputusan-keputusan Syariah yang memberikan kejelasan terhadap operasi perniagaan kewangan Islam.

Secara keseluruhan, industri perbankan Islam dan takaful terus berdaya tahan dan tangkas. Industri ini juga terus berkembang pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan industri konvensional, walaupun asasnya secara relatif adalah lebih kecil (Gambar Rajah 2). Hal ini membolehkan industri meningkatkan sokongan terhadap perniagaan dan isi rumah, terutamanya sepanjang tempoh yang mencabar susulan penularan pandemik. Pelbagai usaha telah dipergiat melalui program bantuan kewangan lanjutan dan bersasar, di samping memperluas akses kepada pembiayaan baharu serta keperluan perlindungan (Gambar Rajah 3).

Gambar Rajah 1: Inisiatif untuk Kewangan Islam pada Tahun 2021



Nota:
[1] Daripada bahagian pengendali takaful.
[2] Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (Value-based Intermediation for Takaful).
[3] Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework).
[4] Dikeluarkan pada 11 Mac 2022.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2: Pertumbuhan Industri Perbankan Islam[1] dan Takaful pada Tahun 2021



Nota:
[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan, kecuali bagi nisbah jumlah modal.
[2] Merujuk jumlah aset dana takaful atau dana insurans.
[3] Termasuk pengendali takaful semula dan syarikat insurans semula.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Sumbangan kepada Rangkuman Kewangan dan Kegiatan Ekonomi pada Tahun 2021



Nota:
[1] Nisbah jumlah bilangan sijil takaful keluarga yang berkuat kuasa kepada jumlah penduduk.
[2] Merujuk pertanian, pembinaan, komunikasi dan infrastruktur utiliti (elektrik, gas & air), perkilangan, pengangkutan, perdagangan runcit, hotel, restoran, Kerajaan & perkhidmatan lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Mengurangkan Impak COVID-19 Terhadap Perniagaan dan Isi Rumah

Inisiatif untuk membantu pelanggan industri yang terjejas akibat pandemik[1] diteruskan sepanjang tahun ini. Hal ini disokong oleh keputusan-keputusan khusus Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia. Sebagai contoh, bagi mengelakkan keuntungan berkompaun dalam penstrukturan semula dan penjadualan semula (*restructuring and rescheduling*, R&R) pembiayaan Islam untuk semua pelanggan, MPS telah mempertimbangkan prinsip kepentingan awam (*siyasah syar'iyyah*) serta manfaat dan kemudaratan (*maslahah* dan *dharar*) kepada pelanggan (Gambar Rajah 4).

Industri takaful juga telah tampil ke hadapan dengan membenarkan pemegang sijil takaful menangguhkan pembayaran sumbangan selama tiga bulan tambahan[2]. Sementara itu, beberapa pengendali takaful telah mengambil inisiatif untuk menyalurkan sebahagian daripada lebihan boleh agih dalam dana takaful kepada pemegang sijil takaful perubatan dan kesihatan. Hal ini membolehkan pemegang sijil takaful memperoleh perlindungan tambahan bagi kos rawatan yang tidak dilindungi di bawah klausa pengecualian pandemik.

Menghasilkan Keputusan Syariah yang Progresif

MPS komited dalam mengeluarkan keputusan-keputusan Syariah yang progresif bagi memastikan persekitaran dan operasi kewangan Islam berdaya maju dan tangkas. Pada tahun 2021, beberapa keputusan Syariah telah dikeluarkan bukan sahaja untuk menangani isu-isu yang mendesak, bahkan untuk memperkukuh impak pembangunan jangka panjang terhadap ekosistem kewangan Islam di Malaysia (Gambar Rajah 5).

[1] Setakat bulan Disember 2021, kira-kira 423,376 akaun dengan jumlah tertunggak sebanyak RM73 bilion telah dibantu melalui penstrukturan semula dan penjadualan semula.

[2] Terpakai kepada pemegang sijil takaful yang telah diberikan penangguhan lebih awal dan membayar balik sumbangan tertangguh tepat pada masanya.

Gambar Rajah 4: Prinsip Syariah yang Mendukung Keputusan untuk Melarang Keuntungan Berkompaun bagi R&R Pembiayaan Islam

	Semasa COVID-19	Diberikan kepada situasi perniagaan seperti biasa	Jangkaan
Tarikh berkuat kuasa	10 Ogos 2020 (bertindak sebagai langkah sementara)	30 Jun 2021 (terpakai untuk semua R&R pembiayaan Islam bagi situasi perniagaan seperti biasa)	**Mengukuhkan konsep keadilan *(adl)* dan ihsan** Bertujuan mengukuhkan konsep keadilan dan ihsan yang diamalkan oleh institusi kewangan Islam
Objektif	Mengurangkan beban kewangan pelanggan yang terjejas teruk akibat implikasi ekonomi dan kewangan susulan COVID-19[1]	Meringankan beban hutang pelanggan dan meningkatkan keyakinan terhadap keprihatinan industri yang ikhlas membantu pelanggan pada tempoh sukar[2]	**Memberi manfaat *(maslahah)* kepada pihak berkontrak** Larangan yang membawa kepada manfaat yang lebih besar kepada pihak berkontrak
Asas keputusan	Berdasarkan ihsan yang bertujuan untuk meringankan kesulitan kewangan (*masyaqqah*) pelanggan yang terjejas akibat pandemik COVID-19	Berdasarkan kepentingan awam (*siyasah syar`iyyah*) yang bertujuan untuk mengelakkan pertambahan keuntungan (keuntungan berkompaun) dan melindungi kepentingan pihak berkontrak	**Mempertingkat perniagaan kewangan Islam** Mengubah "norma" ke arah yang lebih sejajar dengan prinsip berasaskan nilai bagi menyampaikan objektif Syariah yang dihasratkan *(maqasid Shariah)*
Terpakai untuk	Pelanggan[1] terjejas	Semua pelanggan	
Keperluan Syariah	• Amaun prinsipal pembiayaan Islam yang menjalani R&R hendaklah bersamaan dengan amaun prinsipal pembiayaan asal yang terkumpul (tertakluk pada tiada tambahan pembiayaan yang dilanjutkan) • Pengiraan keuntungan baharu untuk pembiayaan Islam yang menjalani R&R mesti mengecualikan sebarang keuntungan terakru dan caj pembayaran lewat daripada amaun pembiayaan asal		

Nota:
[1] Institusi kewangan Islam perlu mendapatkan nasihat dan bimbingan daripada jawatankuasa Syariah masing-masing. Institusi kewangan Islam juga boleh memberikan perkhidmatan yang sama kepada pelanggan lain mengikut budi bicara mereka sendiri.
[2] Sejajar dengan prinsip berasaskan nilai yang dianjurkan oleh kewangan Islam.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5: Keputusan Syariah yang Dikeluarkan pada Tahun 2021

Keputusan utama dan objektif segera

1. **Kertas perbincangan mengenai *hajah* (keperluan)**
   Menyediakan alat untuk institusi kewangan Islam menguruskan risiko sedia ada dan sentiasa berinovasi selaras dengan landskap operasi yang berkembang
2. **Keputusan mengenai penggunaan kadar bebas risiko (termasuk MYOR-i) selaras dengan pembaharuan penanda aras kewangan global**
   Memudahkan peralihan daripada London Interbank Offered Rate (LIBOR) kepada kadar rujukan alternatif baharu untuk urus niaga mata wang asing dan memberikan kejelasan terhadap status Syariah bagi MYOR-i yang baharu untuk urus niaga pasaran wang semalaman Islam dan produk perbankan borong Islam
3. **Kertas perbincangan mengenai penggunaan *ta`awun* yang lebih meluas dalam takaful[1]**
   Memastikan penggunaan *ta`awun* yang lebih meluas akan memelihara keadilan dan kepentingan peserta-peserta takaful
4. **Pengolahan perakaunan bagi *qard* (pinjaman) dalam takaful**
   Memberikan panduan mengenai MFRS17 (Kontrak Insurans) untuk pengendali takaful tentang langkah perakaunan bagi transaksi *qard* antara dana pemegang saham dengan dana takaful
5. **Ciri pengeluaran awal bagi produk pembiayaan perdagangan Islam berasaskan *tawarruq***
   Membolehkan institusi kewangan Islam membuat pembayaran awal kepada pihak ketiga untuk melaksanakan transaksi *tawarruq* tepat pada masanya. Ciri ini bertujuan untuk menangani kekangan operasi semasa keperluan mendesak dan institusi kewangan Islam dikehendaki memastikan keupayaan sistem yang teguh dan prosedur operasi yang kukuh telah tersedia

Kesan pembangunan jangka panjang

- Menyeragamkan definisi dan skop *hajah* untuk kewangan Islam bagi memastikan keseragaman tafsiran dan pelaksanaannya
- Mewujudkan penanda aras kewangan Islam yang boleh dipercayai dan mematuhi piawaian global, contohnya seperti yang digariskan oleh Financial Stability Board bagi memudahkan pembangunan pasaran wang Islam
- Memudahkan peredaran kekayaan yang lebih besar dalam masyarakat dengan lebih meluas melalui penawaran produk takaful sebagai perlindungan risiko untuk meningkatkan daya tahan kewangan
- Memudahkan peserta takaful membuat keputusan terperinci melalui representasi yang telus berdasarkan maklumat jangkaan Syariah bagi transaksi kewangan Islam
- Bertindak sebagai langkah sementara yang akan mendorong institusi kewangan Islam untuk mewujudkan infrastruktur jangka panjang yang mantap bagi membolehkan pelaksanaan transaksi *tawarruq* tepat pada masanya

Nota:
[1] Dikeluarkan pada 11 Mac 2022.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Penyelesaian Kewangan yang Inklusif dan Pelbagai

Bank terus mengutamakan inisiatif pembangunan kewangan Islam. Pada tahun ini, Bank memberikan tumpuan terhadap inisiatif yang berikut:

- Membina daya tahan sosial;
- Menggalakkan daya tahan dan kelestarian iklim; dan
- Memajukan perdagangan dan perniagaan halal.

Membina daya tahan sosial

Pada tahun 2021, industri kewangan Islam telah menerokai kaedah untuk lebih mengintegrasikan kewangan sosial dalam perkhidmatan kewangan Islam. Penyelesaian kewangan baharu telah ditawarkan bagi memperkasakan usahawan mikro, memajukan bidang penjagaan kesihatan dan pendidikan, serta memudahkan usaha menyalurkan bantuan kepada komuniti. Industri perbankan Islam turut mengambil langkah menambah baik agihan modal dermawan (*philantrophic capital*)[3] melalui platform baharu iaitu myZakat. Platform ini menyalurkan dana zakat daripada institusi kewangan Islam kepada usahawan mikro dalam golongan asnaf[4]. Platform ini menjadi pelengkap kepada platform myWakaf sedia ada yang diperkenalkan pada tahun 2017 (Gambar Rajah 6).

Rencana mengenai "Memperkasakan Usahawan Mikro Melalui Peluasan Program iTEKAD" menunjukkan kemajuan dan impak yang dihasilkan daripada pelaksanaan iTEKAD.

Usaha memajukan kewangan sosial memerlukan ekosistem yang kondusif bagi menggembleng dana dengan lebih cekap dan membolehkan program dilaksanakan dengan praktikal. Industri sedang giat mengkaji usaha meningkatkan lagi penggunaan kewangan sosial untuk memperoleh impak sosial yang nyata dengan jangkauan yang lebih luas. Oleh itu, penggunaan teknologi yang optimum dan pembinaan infrastruktur sokongan amat penting. Hal ini dapat membantu mengurangkan kos pengendalian program dan meningkatkan pencapaian kecekapan (*efficiency gains*). Antara contohnya ialah pangkalan data perkongsian untuk bakal benefisiari, pelaporan impak melalui sistem mudah alih dan alat penskoran kredit alternatif untuk mencerminkan profil risiko segmen sasaran dengan lebih baik.

Gambar Rajah 6: Platform Kewangan Sosial di Malaysia



Nota:
[1] Diselaraskan oleh Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia (AIBIM).

Sumber: Bank Negara Malaysia dan AIBIM

[3] Modal dermawan termasuk instrumen kewangan sosial Islam seperti derma, endowmen (termasuk wakaf tunai) dan zakat.

[4] Golongan yang layak menerima sumbangan zakat seperti fakir dan miskin.

Memperkasakan Usahawan Mikro Melalui Peluasan Program iTEKAD

Pada tahun 2021, program iTEKAD diperluas dengan penyertaan dua lagi institusi perbankan. Pelbagai penyelesaian pembiayaan telah ditawarkan dengan memanfaatkan instrumen derma, pelaburan impak sosial[5], wakaf tunai, serta zakat yang dikembalikan bagi meningkatkan komponen modal permulaan. Institusi perbankan yang terlibat juga telah bekerjasama dengan rakan pelaksana baharu demi meningkatkan jangkauan dan impak program (Gambar Rajah 7). Program rintis pada tahun 2021 telah membantu memudahkan pendekatan 'uji dan belajar' supaya pelaksanaan iTEKAD dapat ditambah baik (Gambar Rajah 8).

Gambar Rajah 7: Penyertaan Lebih Banyak Institusi Perbankan Islam dan Rakan Pelaksana yang Pelbagai

	Sejak Tahun 2020	Baharu pada Tahun 2021	
Institusi perbankan Islam	Bank Islam Malaysia Berhad	Bank Muamalat Malaysia Berhad	CIMB Islamic Bank Berhad
Nama program	Pembiayaan Mikro iTEKAD	iTEKAD Mawaddah	CIMB Islamic Rider Entrepreneur Programme
Struktur program	Zakat yang dikembalikan[1] dan kemudahan pembiayaan mikro	Zakat yang dikembalikan dan pelaburan *mudarabah* dua peringkat[1]	Geran tanggungjawab sosial korporat[2] dalaman, wakaf tunai dan kemudahan pembiayaan mikro
Tawaran nilai tambah	Pembelian kelengkapan perniagaan menggunakan dana zakat	Kemudahan proses pensijilan halal	Pembelian motosikal dan program latihan keusahawanan dibiayai oleh tanggungjawab sosial korporat[2] dan wakaf untuk benefisiari, dengan peluang prospektif untuk pembiayaan perniagaan jika diperlukan
Benefisiari sasaran	Usahawan mikro B40 dan asnaf	Usahawan mikro	Individu daripada golongan B40 dan asnaf
Jangkauan	Kuala Lumpur, Perlis dan Selangor	Seluruh negara	Lembah Klang
Rakan pelaksana • Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) • Perusahaan sosial • Pertubuhan bukan kerajaan • Universiti	• Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan • SME Corporation Malaysia • Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis[3] • Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd.[3]	• People Systems Consultancy Sdn. Bhd. • Serunai Commerce Sdn. Bhd.	• Yayasan Belia Malaysia • Foodpanda (Malaysia) Sdn. Bhd. • Taylor's University

Nota:
[1] Modal permulaan.
[2] *Corporate social responsibility*, CSR.
[3] Baharu pada tahun 2021.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad

[5] Pelaburan dengan niat untuk menjana impak sosial yang nyata, boleh diukur dan bermanfaat.

Gambar Rajah 8: Pembelajaran Penting daripada Program Rintis untuk Pelaksanaan iTEKAD

Isi penting pembelajaran	Langkah penambahbaikan
Kerjasama erat dan berkesan adalah sangat penting bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program	Mengembangkan rangkaian rakan kongsi pelaksana dengan perkhidmatan tambah nilai yang khusus dan keupayaan untuk meluaskan jangkauan
Struktur kewangan yang pelbagai bagi memenuhi keperluan khusus peserta	Mereka bentuk instrumen yang inovatif dengan terma fleksibel berdasarkan profil risiko unik, keupayaan pembiayaan dan sektor perniagaan
Penilaian impak dan pelaporan yang telus penting untuk kejayaan program	Mengukur impak yang bermakna dengan lancar dan penzahiran secara berkala menggunakan alat digital dan medium komunikasi yang bersesuaian

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad

Bank juga telah memantau prestasi program iTEKAD secara berterusan. Hal ini bagi memastikan program tersebut terus memberikan impak yang positif kepada ekosistem (Gambar Rajah 9).

Gambar Rajah 9: Prestasi dan Penilaian Impak Program iTEKAD

Prestasi iTEKAD sehingga kini[1]

172
jumlah usahawan mikro
2020: 57 | 2021: +115

15
sektor perniagaan

mencakupi:
40%
60%

96%
tamat latihan

daripada:

5
negeri
Wilayah Persekutuan, Selangor, Perlis, Kedah & Johor

RM2.2 juta
jumlah pembiayaan dan pelaburan diagihkan kepada 121 usahawan mikro yang telah menamatkan latihan
2020: 0.5 juta | 2021: +1.7 juta

RM0.8 juta
jumlah modal dermawan yang telah digembleng
2020: 0.5 juta | 2021: +1.7 juta

Penilaian ke atas impak iTEKAD melalui 4 dimensi utama[1]



Nota:
[1] Semua angka adalah setakat 31 Disember 2021.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad

Usaha Bank untuk mengembangkan iTEKAD di seluruh negara diteruskan dengan menjalin hubungan strategik dan memupuk kesedaran dalam kalangan pihak berkepentingan utama. Semasa berlangsungnya Majlis Munaqasyah Pengurusan Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri Di Bawah Naungan Yang di-Pertuan Agong pada 9 November 2021, enam negeri di bawah naungan Yang di-Pertuan Agong menyatakan komitmen untuk menyokong usaha peluasan program iTEKAD. Kerajaan juga mengumumkan peruntukan geran sebanyak RM20 juta dalam Bajet 2022 bagi mempercepat peluasan inisiatif iTEKAD. Geran ini bertujuan untuk meningkatkan komponen modal permulaan yang ditawarkan oleh institusi perbankan yang menyertai iTEKAD. Inisiatif ini seterusnya membantu memperluas skala program supaya dapat menjangkau lebih banyak benefisiari sasaran. Bermula dari tahun 2022, Bank menjangkakan lebih banyak institusi kewangan akan menyertai iTEKAD dengan inovasi yang lebih mantap dalam usaha mengintegrasikan kewangan sosial dalam perkhidmatan kewangan. Hal ini akan menyokong kedudukan kewangan sosial dalam arus perdana sebagai komponen penting sistem kewangan.





Timbalan Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour pada Majlis Munaqasyah Pengurusan Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri Di Bawah Naungan Yang di-Pertuan Agong.

Menggalakkan daya tahan dan kelestarian iklim

Bank terus menyokong usaha komuniti kewangan Islam untuk meningkatkan kelestarian dan daya tahan iklim. Demi memajukan inisiatif yang diterajui oleh industri, Bank telah bekerjasama dengan Komuniti Pengamal (Community of Practitioners, CoP) Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation, VBI) dan Jawatankuasa Pemandu Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (Value-based Intermediation for Takaful, VBIT) dalam membangunkan rangka kerja strategik dan membina keupayaan industri. Sebagai contoh, Bank telah bekerjasama dengan pakar teknikal dan peserta industri melalui CoP VBI untuk membangunkan kohort kedua panduan sektoral Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF). Panduan yang melibatkan sektor minyak dan gas, pembinaan dan infrastruktur serta perkilangan ini telah dimuktamadkan pada suku pertama tahun 2022. Panduan sektoral ini memberikan lebih penekanan terhadap dwikematanan (*dual materiality*) risiko berkaitan kelestarian (Gambar Rajah 10). Hal ini akan mengukuhkan pemahaman berhubung dengan saluran pemindahan risiko berkaitan kelestarian, sekali gus memperkukuh keupayaan pengurusan risiko industri kewangan terhadap risiko kelestarian bagi sektor khusus. Panduan ini juga menjadi pelengkap kepada pelaksanaan Dokumen Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario yang akan datang, serta Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip.

Bagi industri takaful, Rangka Kerja VBIT telah dikeluarkan bersempena dengan Persidangan Utama Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3) pada bulan Mei 2021. Pengeluaran rangka kerja ini merupakan pencapaian penting industri dalam usaha memajukan VBI. Rangka Kerja VBIT berfungsi sebagai panduan menyeluruh bagi pelaksanaan amalan dan nilai VBI dalam perniagaan takaful berdasarkan empat teras asas (Gambar Rajah 11).

Gambar Rajah 10: Panduan Sektoral VBIAF Menekankan Impak Dwikematanan (*Dual Materiality*) daripada Risiko Berkaitan Kelestarian



Sumber: Bank Negara Malaysia dan European Commission

Gambar Rajah 11: Empat Teras Asas VBIT



Sumber: Malaysian Takaful Association

Memajukan perdagangan dan perniagaan halal

Menyokong agenda halal di Malaysia

Sektor halal telah dikenal pasti sebagai salah satu industri berimpak tinggi untuk mendorong pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam Rancangan Malaysia ke-12. Menjelang tahun 2025, sektor ini dijangka menyumbang sebanyak 8.1% kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia dan menjana hasil eksport sebanyak RM56 bilion. Bank menyokong agenda nasional ini menerusi kerjasama erat dengan agensi Kerajaan yang berkaitan dalam sektor halal, seperti Halal Development Corporation. Inisiatif pada tahun 2021 termasuk memegang peranan sokongan (*advocacy role*)[6] untuk strategi kewangan Islam[7] bagi menyokong pelaksanaan Pelan Induk Industri Halal 2030.

Dalam meningkatkan tawaran nilai kewangan Islam bagi perniagaan halal, Bank juga telah menyertai acara antarabangsa yang terkemuka. Acara ini termasuk Persidangan Perniagaan Halal Sedunia 2021 dan Forum IFN Asia 2021. Ini merupakan sebahagian daripada usaha sama yang berterusan antara Bank dengan institusi kewangan Islam untuk memupuk kesedaran yang lebih tinggi dan meningkatkan penggunaan kewangan Islam oleh sektor halal[8].

Kini terdapat lebih banyak penyelesaian dan platform bersepadu halal yang ditawarkan pada peringkat industri bagi memenuhi keperluan khusus syarikat halal (Gambar Rajah 12). Misalnya, syarikat halal boleh memanfaatkan rakan kongsi strategik dan rangkaian hubungan institusi kewangan untuk mendapatkan akses kepada peluang pasaran baharu dan khidmat nasihat. Terdapat juga dana khas yang dipakejkan dengan komponen bina upaya untuk ditawarkan kepada peniaga-peniaga termasuk PKS (Gambar Rajah 13).





Penolong Gabenor Adnan Zaylani Mohamad Zahid (kiri) di Forum IFN Asia 2021 dan Timbalan Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour (kanan) di Persidangan Perniagaan Halal Sedunia 2021.

[6] Bersama-sama membangunkan kit komunikasi untuk syarikat halal dengan institusi kewangan Islam mengenai penyelesaian kewangan Islam yang ditawarkan dan penyertaan dalam program agensi Kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan industri halal.

[7] Inisiatif merangkumi (i) peluasan penggunaan penyelesaian kewangan Islam oleh perniagaan halal; (ii) penubuhan dana khas; dan (iii) penyelesaian menyeluruh bagi memudahkan pertumbuhan syarikat halal.

[8] Setakat bulan September 2021, 41.3% daripada 7,496 syarikat yang diperakui halal di Malaysia telah memanfaatkan kewangan Islam berjumlah RM20 bilion.

Gambar Rajah 12: Ilustrasi Mekanisme Platform Bersepadu Halal



Sumber: Laman sesawang Halal Development Corporation dan institusi kewangan Islam

Gambar Rajah 13: Evolusi Inisiatif untuk Meningkatkan Kadar Pengambilan Penyelesaian Kewangan yang Ditawarkan oleh Institusi Kewangan Islam dan Ciri Penyelesaian



Sumber: Bank Negara Malaysia, Halal Development Corporation, institusi kewangan Islam dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Merintis penyelesaian baharu melalui skim CAKNA

Pada bulan Mac 2021, Bank telah melancarkan skim mudah tunai rintis bagi vendor Kerajaan, yang dikenali sebagai CAKNA. Skim ini membantu meringankan beban aliran tunai vendor dengan membolehkan mereka membuat pertukaran invois yang diluluskan untuk mendapatkan bayaran pendahuluan, pada kadar diskaun sebelum tarikh matang invois. Skim ini diwujudkan sebagai struktur bukan hutang yang menawarkan akses mudah tunai kepada vendor tanpa meningkatkan pinjaman mereka[9]. Bank juga telah bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan beberapa Kementerian lain serta institusi perbankan Islam sebagai perintis untuk mengukuhkan lagi skim ini supaya dapat memenuhi keperluan aliran tunai vendor dengan lebih baik (Gambar Rajah 14).

Memajukan Perkongsian dan Usaha Sama Global

Pada peringkat global, Bank terus memperkasakan usaha sama antarabangsa dan keberadaan dalam tiga bidang umum (Gambar Rajah 15). Pertama, Bank menyertai acara dan dialog antarabangsa utama termasuk berkongsi pengalaman berhubung inisiatif VBI dan kewangan sosial. Kedua, Bank terus menyokong permintaan global terhadap kepakaran kewangan Islam melalui kolaborasi dan anugerah pengiktirafan. Ketiga, Bank memberikan komitmen strategik secara berterusan terhadap pembangunan kawal selia kewangan Islam global melalui penglibatan dalam pelbagai jawatankuasa dan kumpulan kerja Islamic Financial Services Board (IFSB) dan Islamic Liquidity Management Corporation (IILM).

Gambar Rajah 14: Kerjasama Awam-Swasta untuk Memperluas Skim CAKNA

Skim CAKNA Peringkat Lanjutan

1 Kementerian
Pelaksanaan skala penuh dengan penyertaan dibuka kepada semua Kementerian

3 Institusi kewangan
Penyertaan yang lebih meluas termasuk bank konvensional dan institusi kewangan pembangunan



2 Struktur pendanaan
Pilihan untuk diperkenalkan pada peringkat awal kontrak ("prapenghantaran" atau *pre-shipment*)*

* Amalan pada masa ini - selepas pengesahan invois oleh agensi Kerajaan

Gambaran sepintas lalu skim rintis CAKNA

- Kemudahan bernilai RM70 juta (terutamanya untuk PKS) telah diluluskan untuk 17 vendor dan lebih RM36 juta permohonan sedang diproses
- Penggunaan kemudahan oleh vendor Kerajaan di bawah 4 Kementerian rintis:



- Pembelajaran penting daripada skim rintis:
  - Ciri-ciri kemudahan yang menarik penting untuk menggalakkan penyertaan:
    Kadar yang kompetitif, struktur bukan hutang yang memudahkan (kemudahan pembiayaan tanpa rekursa kepada pembeli) dan saiz pembiayaan yang fleksibel
  - Persekitaran yang kondusif penting untuk menyokong pelaksanaan yang lancar:
    Proses penyesuaian secara automatik, rangka kerja cukai yang kondusif (pengenaan duti setem nominal) serta kesedaran tinggi dalam kalangan agensi dan vendor Kerajaan

Sumber: Bank Negara Malaysia, IBFIM dan bank peserta rintis (iaitu CIMB Islamic Bank Berhad, Maybank Islamic Berhad, MBSB Bank Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad)

[9] Tiada rekursa ke atas vendor kerana setiap Kementerian akan membuat bayaran balik secara terus kepada institusi kewangan.

Gambar Rajah 15: Tiga Bidang Usaha Sama dan Keberadaan Antarabangsa pada Tahun 2021

Penyertaan aktif dan perkongsian pengetahuan dalam acara dan platform antarabangsa utama

- Perkongsian pengalaman kewangan Islam Malaysia di pelbagai platform, antaranya mesyuarat OIC-COMCEC* Central Banks Forum serta COMCEC Financial Cooperation Working Group yang ke-15 dan ke-16
- Penyertaan sebagai tenaga pengajar untuk Program Kerjasama Teknikal Malaysia yang dianjurkan oleh peserta industri sebagai tanda komitmen Malaysia dalam Kerjasama Selatan-Selatan
- Mengetengahkan pengalaman Malaysia mengenai inisiatif VBI dan kewangan sosial dalam pelbagai penerbitan antarabangsa

* OIC-COMCEC merujuk Organisation of Islamic Cooperation-Standing Committee for Economic and Commercial Cooperation

Kerjasama dalam menyokong pembangunan kewangan Islam global

- Menjadi tuan rumah Mesyuarat Meja Bulat Ketiga Badan Berautoriti Penasihat Syariah Berpusat (Centralised Shariah Advisory Authorities, CSAA). CSAA merupakan platform yang ditubuhkan untuk lembaga Syariah di peringkat bank pusat dan kebangsaan untuk membincangkan isu-isu Syariah dalam kewangan Islam
  - Dihadiri lebih 50 perwakilan dari 16 negara dan tiga badan penetapan piawaian antarabangsa
  - Antara perbincangan utama ialah kepentingan rangka kerja yang kukuh bagi memastikan kejujuran, integriti dan kecekapan lembaga Syariah serta penyediaan panduan Syariah dalam mendepani sebarang krisis yang tidak dijangka
- Kewangan Islam merupakan salah satu teras dalam transformasi hab serantau Islamic Development Bank (IsDB) di Kuala Lumpur kepada Pusat Kecemerlangan (Center of Excellence, CoE) global. Ini akan mendorong lebih banyak jalinan antara Malaysia dengan negara anggota IsDB lain dalam kewangan Islam
- Anugerah Diraja Kewangan Islam (The Royal Award for Islamic Finance) memperkenalkan dua kategori baharu, iaitu Anugerah Pemimpin Baharu dan Anugerah Cabaran Berimpak sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyokong kemajuan idea-idea inovatif dalam kewangan Islam

Komitmen strategik yang berterusan ke arah pembangunan kawal selia global

- Menyumbang kepada aspek strategik dan teknikal IFSB dan IILM melalui penglibatan di—
  - IFSB Council dan IFSB Executive Committee 2020-2022 (sebagai Timbalan Pengerusi)
  - IFSB Technical Committee 2019-2021 (sebagai Timbalan Pengerusi dari Julai 2020, Pemangku Pengerusi dari November 2020)
  - IILM Governing Board dan IILM Board Executive Committee
  - IILM Board Audit Committee 2020-2023 (sebagai Pengerusi)
- Penglibatan dalam tujuh kumpulan kerja dan pasukan petugas (*task force*) IFSB, antaranya–
  - Revised Solvency Requirements for Takaful/Retakaful Undertakings (sebagai Pengerusi)
  - Revised Capital Adequacy Standard for Islamic Banking Sector
  - Core Principles for Islamic Finance Regulation – Takaful Segment

Sorotan 2022

GLOBAL ISLAMIC FINANCE FORUM

THE ROYAL AWARD FOR ISLAMIC FINANCE™

Malaysia akan menjadi tuan rumah Forum Kewangan Islam Antarabangsa (Global Islamic Finance Forum, GIFF) 2022 serta Anugerah Diraja Kewangan Islam (The Royal Award for Islamic Finance) pada suku keempat tahun 2022. GIFF ialah acara global berprestij yang menghimpunkan ahli pemikir dan sarjana terkemuka dalam membincangkan strategi masa hadapan industri kewangan Islam global.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Acara utama yang akan berlangsung pada suku keempat tahun 2022, iaitu Anugerah Diraja Kewangan Islam (The Royal Award for Islamic Finance) dan Forum Kewangan Islam Antarabangsa (Global Islamic Finance Forum, GIFF) akan terus memacu pembangunan kewangan Islam di Malaysia. Anugerah Diraja Kewangan Islam merupakan acara yang diterajui bersama oleh Bank dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Acara ini bertujuan untuk mengiktiraf individu-individu yang cemerlang dan terbilang berdasarkan sumbangan besar mereka terhadap kemajuan kewangan Islam. Pada tahun 2022, Bank memperkenalkan dua anugerah baharu (Gambar Rajah 16).

Langkah Selanjutnya

Keutamaan Bank pada tahun 2022 akan berpandukan Pelan Sektor Kewangan 2022-2026. Bank akan terus bekerjasama dengan industri untuk memajukan kewangan berasaskan nilai dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai gerbang global bagi aktiviti perdagangan, pelaburan dan perniagaan. Inisiatif ini akan meningkatkan peranan dan sumbangan kewangan Islam terhadap pembangunan sosioekonomi di Malaysia dan pada peringkat global.

Gambar Rajah 16: Gambaran Sepintas Lalu mengenai Anugerah Diraja Kewangan Islam 2022

THE ROYAL AWARD FOR ISLAMIC FINANCE™

Anugerah berprestij ini diperkenalkan pada tahun 2010 untuk mengiktiraf individu yang cemerlang dan terbilang yang telah memberikan sumbangan besar kepada kemajuan industri perkhidmatan kewangan Islam.

Bersempena dengan Anugerah Diraja Kewangan Islam ini, dua anugerah baharu diperkenalkan:

Anugerah Cabaran Berimpak		Merangsang sokongan terhadap Matlamat Pembangunan Mampan melalui penyelesaian inovatif berdasarkan prinsip Syariah, dengan menghasilkan impak positif dan nyata dalam mengukuhkan daya tahan ekonomi dan sosial komuniti yang terjejas dari segi kewangan
		Bertemakan 'Advancing the Sustainability Agenda', anugerah ini dianjurkan dengan kerjasama World Bank Group Inclusive Growth and Sustainable Finance Hub di Malaysia dan disokong oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (Malaysia Digital Economy Corporation, MDEC)
		Anugerah ini akan diberikan kepada dua pemenang yang menawarkan penyelesaian yang membuktikan daya cipta, impak, kebolehlaksanaan/daya maju komersial dan potensi penskalaan
Anugerah Pemimpin Baharu		Mendorong aspirasi bakat muda untuk memajukan pertumbuhan inovatif dalam kewangan Islam
		Memperluas penyertaan komuniti kewangan Islam untuk usaha bersepadu dalam membangunkan sektor ini
		Anugerah ini terbuka kepada individu berumur 40 tahun ke bawah yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama lima tahun dalam bidang kewangan Islam yang menjadi kepakaran mereka

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran yang Selamat dan Cekap

Pembayaran adalah penting dalam menggerakkan kegiatan ekonomi. Pembayaran memudahkan orang ramai dan perniagaan menjalankan urus niaga seperti membeli barangan runcit, membeli-belah secara dalam talian, membayar pembekal dan mengirim wang ke luar negara. Bank mengawal dan menyelia peserta industri untuk mengekalkan keyakinan serta menggalakkan keselamatan, kecekapan, kebolehpercayaan dan integriti perkhidmatan pembayaran.

Pada tahun 2021, Bank terus berusaha untuk memastikan perkhidmatan pembayaran terus beroperasi pada tahap keselamatan, kecekapan, kebolehpercayaan dan integriti yang tinggi. Bank memperuntukkan sumber yang banyak dalam usaha mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan dan pengawasan serta menggalakkan penggunaan perkhidmatan pembayaran elektronik (e-pembayaran) dan pengiriman wang elektronik (e-pengiriman wang) yang lebih meluas. Hal ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk membantu isi rumah dan perniagaan mengambil manfaat daripada kelebihan pendigitalan, di samping menguruskan risiko yang berkaitan. Bank juga terus menggalakkan penambahbaikan infrastruktur pembayaran utama untuk memastikan kesediaan infrastruktur tersebut pada masa hadapan bagi memenuhi keperluan ekonomi yang semakin berkembang.

Trend Pembayaran Utama

Penggunaan perkhidmatan e-pembayaran terus mencapai tahap peningkatan yang memberangsangkan. Perkhidmatan ini mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 30.2% kepada 7.2 bilion transaksi pada tahun 2021 (2020: 5.5 bilion, 13.5%). Peningkatan ini hampir sekali ganda lebih tinggi berbanding dengan penggunaan yang dicatatkan sebelum pandemik (jumlah dan pertumbuhan purata lima tahun e-pembayaran dari tahun 2015 hingga 2019: masing-masing 3.6 bilion transaksi dan 16.2%). Secara purata, seorang individu di Malaysia membuat 221 transaksi e-pembayaran, iaitu peningkatan daripada 170 transaksi pada tahun 2020 (Gambar Rajah 1). Sebaliknya, penggunaan cek terus berkurang. Bilangan cek yang dijelaskan menurun kepada 48.3 juta pada tahun 2021 (2020: 59.9 juta). Pengeluaran wang tunai daripada Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machine, ATM), sebagai proksi kepada penggunaan wang tunai, mencatatkan 779.6 juta transaksi bernilai RM386.3 bilion pada tahun 2021. Meskipun transaksi ini lebih tinggi sedikit berbanding dengan tahun lepas[1] (2020: 768.7 juta transaksi bernilai RM377.3 bilion), jumlah ini kekal di bawah paras sebelum pandemik, lantas mencerminkan peralihan yang stabil daripada pembayaran menggunakan wang tunai kepada pembayaran secara digital.

Pembayaran tanpa sentuhan dan secara dalam talian kekal sebagai kaedah e-pembayaran pilihan pengguna memandangkan kaedah ini lebih selamat dan mudah. Bagi pembayaran di premis fizikal, transaksi kad tanpa sentuhan mencakupi kira-kira dua daripada setiap tiga transaksi kad pada tahun 2021, iaitu meningkat daripada satu bagi setiap dua transaksi kad pada tahun 2020. Secara umum, transaksi kad sentuhan dan tanpa sentuhan mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 30.9% pada tahun 2021. Kadar ini adalah dua kali lebih tinggi berbanding dengan purata lima tahun pertumbuhan sebelum pandemik (16.4%). Transaksi perbankan

[1] Serupa dengan pengalaman pada tahun 2020, pertumbuhan mata wang dalam edaran (*currency-in-circulation*, CIC) yang lebih tinggi dicatatkan pada tahun 2021 berkemungkinan didorong oleh pegangan tunai untuk tujuan berjaga-jaga. Orang ramai mengumpulkan wang tunai tambahan untuk keselesaan dan keselamatan berikutan ketidaktentuan ekonomi akibat pandemik. Pengalaman ini bukan hanya berlaku di Malaysia malah banyak negara lain turut melaporkan fenomena yang sama.

Gambar Rajah 1: Penggunaan E-Pembayaran yang Lebih Meluas



Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam talian mencatatkan peningkatan 41.5% kepada 3.5 bilion transaksi (2020: 2.5 bilion). Begitu juga transaksi e-dompet[2] yang meningkat sebanyak 74.4% kepada 1.1 bilion transaksi (2020: 0.6 bilion). Lebih banyak peniaga juga sudah menerima perkhidmatan e-pembayaran. Jumlah pendaftaran peniaga untuk perkhidmatan DuitNow QR meningkat sebanyak 59.4% kepada 1.1 juta pada akhir tahun 2021, daripada 0.7 juta pendaftaran peniaga pada akhir tahun 2020.[3]

Trend yang sama juga berlaku dalam perkhidmatan e-pengiriman wang yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan pengiriman wang bukan bank berlesen (remittance service providers, RSP). Pada tahun 2021, jumlah e-pengiriman bagi penghantaran wang ke luar negara meningkat dengan ketara (Gambar Rajah 2). Selaras dengan itu, e-pengiriman wang mencakupi bahagian yang lebih besar daripada jumlah penghantaran wang ke luar negara yang dibuat melalui RSP iaitu 40.0%, meningkat daripada 24.8% pada tahun 2020. Peningkatan ini antara lain didorong oleh kos perkhidmatan e-pengiriman wang yang lebih rendah, iaitu 1.9% daripada nilai pengiriman wang, yang jauh di bawah sasaran 3.0% yang dinyatakan dalam Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations' Sustainable Development Goals, UN SDGs).

Kaedah Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (*electronic Know-Your-Customer*, e-KYC)[4] juga telah meluaskan akses kepada perkhidmatan e-pengiriman wang dengan memudahkan proses pendaftaran pelanggan runcit dan korporat.

Meskipun terdapat peningkatan dalam perkhidmatan e-pengiriman wang, jumlah penghantaran wang ke luar negara yang dikendalikan melalui RSP menurun sebanyak 3.0% kepada RM25.8 bilion (2020: RM26.5 bilion). Faktor utama adalah pengiriman wang yang lebih rendah oleh pekerja asing, berikutan keadaan ekonomi yang lemah. Sebaliknya, pengiriman wang perniagaan-ke-perniagaan (*business-to-business*) meningkat sebanyak 72.2% kepada RM3.1 bilion (2020: RM1.8 bilion). Peningkatan ini disebabkan lebih banyak RSP, terutamanya peserta industri yang lebih besar dan menawarkan perkhidmatan digital, meningkatkan tumpuan mereka dalam segmen perniagaan-ke-perniagaan.

Perniagaan pengurupan wang dan mata wang borong juga kekal lemah pada tahun 2021. Sektor-sektor tersebut mencatatkan pertumbuhan negatif buat tahun kedua berturut-turut, iaitu masing-masing sebanyak -67.8% kepada RM7.4 bilion (2020: RM22.8 bilion) dan sebanyak -39.1% kepada RM6.5 bilion (2020: RM10.7 bilion), memandangkan kebergantungan sektor-sektor ini pada pelancongan antarabangsa dan perjalanan rentas sempadan.

[2] E-dompet merujuk kepada wang elektronik berasaskan rangkaian yang membolehkan pengguna melakukan transaksi melalui Internet, telefon bimbit atau peranti elektronik yang lain.

[3] DuitNow QR ialah penyelesaian kod Respons Pantas (Quick Response, QR) kebangsaan di Malaysia yang membolehkan peniaga menerima pembayaran daripada pelanggan bank dan pengendali e-dompet peserta yang berlainan menggunakan satu kod QR yang seragam.

[4] e-KYC ialah proses pendaftaran akaun pelanggan yang mengesahkan identiti pelanggan dan butiran penting lain secara elektronik.

Gambar Rajah 2: Penggunaan E-Pengiriman Wang yang Lebih Luas



Sumber: Bank Negara Malaysia

Memastikan Perkhidmatan Pembayaran yang Selamat dan Berdaya Tahan

Sistem pembayaran di Malaysia kekal berdaya tahan dan beroperasi tanpa sebarang gangguan ketara sepanjang tahun 2021. RENTAS[5], iaitu sistem pembayaran nilai tinggi Malaysia, dan sistem pembayaran runcit terus mencatatkan ketersediaan sistem yang tinggi iaitu melebihi 99.9%.

Meningkatkan pengawasan terhadap perkhidmatan pembayaran

Bank mengambil alih operasi RENTAS daripada Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) mulai 1 Julai 2021. Pengambilalihan ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi pengurusan risiko RENTAS secara menyeluruh. Kini, Bank memiliki, mengendali dan menyedia sokongan infrastruktur serta teknologi untuk RENTAS. Di bawah pengaturan baharu ini, kebebasan fungsi pengawasan pengawalseliaan dan penyeliaan Bank tetap terpelihara. Kebebasan ini dicapai melalui pengasingan peranan dan struktur pelaporan yang jelas antara fungsi pengawasan dengan fungsi pengendali untuk RENTAS dalam Bank[6], sejajar dengan piawaian antarabangsa[7].

Bank terus komited untuk memastikan sistem pembayaran selamat dan berdaya tahan. Pada tahun 2021, Bank menumpukan aktiviti pengawasannya pada bidang risiko utama yang berikut, iaitu daya tahan siber, perlindungan data pengguna, penyedia perkhidmatan penting (*critical service providers*, CSP)[8], pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering/terrorism financing*, ML/TF) dan penipuan pembayaran (Gambar Rajah 3).

Berkuat kuasa 1 Ogos 2021, Bank menggabungkan pengawalan dan penyeliaan industri perkhidmatan pembayaran, termasuk perniagaan perkhidmatan wang (*money services business*, MSB)[9]. Tindakan ini mencerminkan kesalinghubungan yang semakin meningkat antara aktiviti pembayaran, pengiriman wang dan pengurupan wang, serta bertujuan untuk mengurangkan pembahagian kawal selia, memaksimumkan potensi sinergi dan mengukuhkan lagi keupayaan dalam Bank bagi memantau secara berkesan landskap perkhidmatan pembayaran yang pantas berubah.

Dari segi penguatkuasaan, Bank telah membatalkan satu lesen MSB dan satu kelulusan e-wang. Bank juga mengenakan penalti monetari pentadbiran terhadap tiga penyedia perkhidmatan pembayaran dan mengeluarkan 27 surat penyeliaan berikutan ketidakpatuhan dan kesilapan operasi. Tindakan sedemikian telah membawa kepada budaya pematuhan yang lebih kukuh dan langkah kawalan yang diterima pakai oleh industri pembayaran dan

[5] Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata.

[6] Fungsi pengawasan dan fungsi pengendali untuk RENTAS dipantau oleh dua Timbalan Gabenor yang berbeza di Bank. Jawatankuasa Infrastruktur Pasaran Kewangan (Financial Market Infrastructure Committee) khusus juga telah ditubuhkan untuk mengukuhkan operasi, pembangunan dan pengurusan risiko RENTAS. Jawatankuasa ini dianggotai oleh, antara lain, ahli luar dengan pengetahuan dan pengalaman yang relevan.

[7] Prinsip-prinsip Infrastruktur Pasaran Kewangan (Principles for Financial Market Infrastructures, PFMI) dikeluarkan oleh Committee on Payments and Market Infrastructures (CPMI) daripada Bank for International Settlements (BIS) dan International Organization of Securities Commissions (IOSCO).

[8] CSP merujuk kepada penyedia perkhidmatan penting yang menyediakan fungsi atau perkhidmatan yang sangat diperlukan oleh institusi-institusi kewangan.

[9] Perniagaan perkhidmatan wang merujuk perniagaan pengurupan wang, pengiriman wang dan perniagaan mata wang borong.

Gambar Rajah 3: Tumpuan Pengawasan Bank



[1] Jawatankuasa yang ditubuhkan pada tahun 2014 ini merangkumi wakil daripada agensi dan industri kewangan yang berkaitan, seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysian (SKMM), Cyber Security Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Bank-bank di Malaysia (Association Of Banks In Malaysia, ABM), Persatuan Perbankan dan Institusi Kewangan Islam Malaysia (Association of Islamic Banking and Financial Institution Malaysia (AIBIM), Internet Banking Task Force (IBTF), Malaysian Risk Management Task Force (MRMTF), National Cards Group (NCG), Industry Cyber Working Group (ICWG) dan PayNet.

Sumber: Bank Negara Malaysia

MSB seperti yang diiktiraf dalam aktiviti Penilaian Risiko Kebangsaan 2020/2021[10].

Tindak Balas Dasar Terhadap Risiko yang Baru Muncul dan Pembangunan Pasaran

Pada tahun 2021, Bank mengkaji semula beberapa dasar yang bertujuan untuk meningkatkan keselamatan dan kecekapan perkhidmatan pembayaran, di samping mengukuhkan perlindungan pengguna dan keyakinan orang ramai (Gambar Rajah 4).

Dalam usaha mengurangkan kesan pandemik terhadap industri MSB, Bank menyediakan beberapa langkah bantuan, seperti menangguhkan keperluan peruntukan dana latihan kakitangan dan mengecualikan fi lesen tahunan yang dikenakan kepada pengurup wang untuk tahun 2021 dan 2022.

Selain aktiviti-aktiviti yang dikawal selia, Bank juga memantau perkembangan baharu dalam pasaran bagi memastikan perkembangan tersebut tidak menimbulkan sebarang risiko yang tidak wajar kepada orang ramai. Salah satu perkembangan baharu ini ialah skim 'Beli Sekarang Bayar Kemudian' (Buy Now Pay Later, BNPL). Skim ini membolehkan pelanggan membuat pembayaran secara ansuran tanpa faedah. Walau bagaimanapun, terdapat caj lain yang boleh dikenakan kepada pelanggan (contohnya, fi pemprosesan dan fi pembayaran lewat). Dalam sesetengah kes, jumlah caj yang dikenakan oleh penyedia BNPL kepada pelanggan mungkin lebih tinggi berbanding dengan jumlah faedah dan caj yang dikenakan oleh pemberi pinjaman konvensional. Pada masa ini, skim BNPL yang ditawarkan oleh pengendali bukan bank tidak tertakluk di bawah pengawalseliaan Bank atau mana-mana agensi kawal selia. Oleh yang demikian, Bank sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya

[10] Penilaian Risiko Kebangsaan (National Risk Assessment, NRA) ialah penilaian dedahan Malaysia kepada jenayah sedia ada (di dalam dan luar negara) serta kelemahan pelbagai sektor terhadap risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Gambar Rajah 4: Dasar-Dasar yang Dikaji Semula oleh Bank Pada Tahun 2021

Dasar	Penerangan
Dokumen dasar baharu	
Perkhidmatan Jalinan Pembayaran untuk Peniaga	Memperkukuh perlindungan terhadap kepentingan peniaga dan pengguna semasa menggunakan perkhidmatan e-pembayaran. Dasar ini memberikan tumpuan pada pengurusan risiko yang berkaitan dengan risiko penyelesaian, risiko kewangan, risiko penipuan serta risiko teknologi dan siber.
Draft dedahan	
Rangka Kerja Kad Pembayaran	Memastikan kos penerimaan kad pembayaran terus adil dan munasabah. Kajian semula ini dilaksanakan melalui semakan semula had fi pertukaran dan pengukuhan keupayaan peniaga bagi menguruskan kos penerimaan kad pembayaran.
E-Wang	Memperkukuh keselamatan dan kebolehpercayaan e-wang serta memelihara keyakinan pengguna dan peniaga dalam menggunakan atau menerima e-wang sebagai kaedah pembayaran.
Operator sistem Pembayaran	Memastikan keselamatan, kecekapan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran. Dasar ini juga bertujuan untuk mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem pembayaran dan penggunaan instrumen pembayaran.
Perniagaan Perkhidmatan Wang	Mengangkat standard profesionalisme dan pematuhan dalam industri, memperkukuh perlindungan industri terhadap risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan serta meningkatkan perlindungan pengguna.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sekuriti Malaysia untuk menggubal Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act, CCA) pada tahun 2022. CCA akan mengukuhkan pengaturan kawal selia untuk semua aktiviti kredit pengguna, termasuk skim BNPL yang ditawarkan oleh pengendali bukan bank. Bagi skim BNPL yang ditawarkan secara terus oleh atau secara kerjasama dengan institusi perbankan, institusi perbankan tersebut dikehendaki melaksanakan amalan yang konsisten dengan keperluan berkenaan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab. Bagi mengurangkan lagi risiko skim BNPL dalam menggalakkan pengguna berbelanja melebihi kemampuan mereka, Bank turut bekerjasama dengan Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) untuk mendidik orang ramai tentang risiko menggunakan skim BNPL (Gambar Rajah 5).

Gambar Rajah 5: Pendidikan Awam Mengenai Skim BNPL yang Dikongsikan Melalui Media Sosial



Sumber: Bank Negara Malaysia

Memupuk Penggunaan Perkhidmatan E-Pembayaran yang Lebih Meluas

Bank dan industri terus menggalakkan perkhidmatan e-pembayaran sebagai cara yang lebih selamat dan mudah untuk membuat pembayaran. Memandangkan terdapat kekangan untuk berinteraksi secara bersemuka, Bank memanfaatkan platform arus perdana dan media sosial secara meluas untuk berinteraksi dengan orang ramai (Gambar Rajah 6). Cara ini juga telah membolehkan Bank mencapai khalayak yang lebih luas dan menyebarkan maklumat dengan lebih cepat. Selain itu, bahan-bahan komunikasi, termasuk video pendek dan infografik, telah dikongsikan menerusi saluran arus perdana dan media sosial sepanjang tahun kepada pelbagai khalayak sasaran. Bank turut mempergiat program pendidikan dan kesedaran kewangan tentang langkah keselamatan asas yang boleh diambil oleh pengguna bagi melindungi diri mereka daripada penipuan kewangan.

Usaha juga disasarkan ke arah mendidik orang ramai, terutamanya pekerja asing, mengenai ketersediaan dan kemudahan perkhidmatan e-pengiriman wang. Usaha ini termasuk menyiarkan video dalam bahasa asing melalui saluran media sosial. Usaha pendigitalan juga sangat memberangsangkan, terutamanya dalam sektor pengiriman wang, dengan 65.9% RSP kini menawarkan perkhidmatan digital. Hal ini terus disokong oleh peraturan responsif yang membolehkan peserta MSB mendaftarkan pelanggan korporat secara digital. Pengaturan pengawalseliaan yang serupa sudah tersedia untuk pelanggan individu. Selain itu, pilihan e-pembayaran untuk perkhidmatan MSB telah disediakan dengan lebih meluas oleh peserta MSB.

Bank bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran dalam kalangan orang ramai. Contohnya, Bank menyokong pelaksanaan program eBelia di bawah Bajet 2021. Di bawah inisiatif ini, rakyat Malaysia yang berumur antara 18 hingga 20 tahun dan merupakan pelajar sepenuh masa di Malaysia layak menerima RM150 dalam bentuk kredit e-dompet. Bank juga bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melalui Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (Retail Sector Digitalisation Initiative, ReDI) untuk meluaskan penggunaan e-pembayaran dalam kalangan perusahaan mikro dan kecil di Kuala Berang, Terengganu dan Kapit, Sarawak. Selain itu, Bank bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Federal Agriculture Marketing Authority, FAMA), dengan 78% atau 500 daripada 640 peniaga di Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Centre, UTC) Kelantan telah didaftarkan untuk menerima e-pembayaran (Gambar Rajah 7).

Gambar Rajah 6: Bahan-Bahan Komunikasi yang Disiarkan kepada Orang Ramai



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 7: Menggalakan Penggunaan E-Pembayaran dalam Kalangan Peniaga dan Pengguna



Sumber: Bank Negara Malaysia

Memperteguh Infrastruktur Pembayaran Utama untuk Masa Hadapan

Bank menerajui peralihan RENTAS kepada piawaian ISO 20022[11] dengan kerjasama industri. Penggunaan piawaian ISO 20022 oleh institusi-institusi kewangan di Malaysia akan meningkatkan kecekapan pembayaran, menambah baik pengurusan risiko dan menawarkan perkhidmatan nilai tambah kepada pelanggan. Proses peralihan akan dilaksanakan dalam dua fasa. Semasa Fasa 1 iaitu dari Jun 2022 hingga Jun 2024, RENTAS akan menyokong kedua-dua piawaian ISO 15022 sedia ada dan piawaian ISO 20022 baharu. RENTAS akan dilengkapi dengan penterjemah berpusat untuk memudahkan penukaran mesej antara kedua-dua piawaian. Fasa 2 akan bermula pada bulan Julai 2024 apabila semua institusi kewangan telah menerima pakai ISO 20022, manakala sokongan terhadap ISO 15022 akan dihentikan. Pada tahun 2021, Bank bekerjasama dengan industri untuk memuktamadkan spesifikasi mesej ISO 20022. Dengan spesifikasi yang dimuktamadkan ini, majoriti peserta RENTAS telah memulakan usaha peralihan mereka untuk memenuhi tarikh akhir Fasa 1 menjelang bulan Jun 2024.

Usaha untuk memodenkan sistem pembayaran domestik, termasuk pelaksanaan Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP)[12], telah menghasilkan perkhidmatan pembayaran domestik yang lebih murah, lebih pantas dan lebih mudah. Walau bagaimanapun, pembayaran rentas sempadan terus menghadapi cabaran seperti kos yang lebih tinggi, perkhidmatan yang lebih perlahan, akses yang terhad dan ketelusan yang tidak mencukupi. Di Malaysia, kira-kira 80% daripada pembayaran rentas sempadan diselesaikan melalui pengaturan perbankan koresponden.[13] Satu pembayaran rentas sempadan boleh melibatkan beberapa bank koresponden. Setiap bahagian transaksi

[11] ISO 20022 merupakan piawaian pemesejan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa untuk industri kewangan dengan kandungan data yang dipertingkat, format pemesejan berstruktur dan fleksibiliti untuk disesuaikan dengan teknologi baharu.

[12] RPP ialah infrastruktur pembayaran perkongsian yang membolehkan pembayaran dilakukan dengan segera dan lancar antara akaun bank dengan akaun e-wang.

[13] Perbankan koresponden ialah pengaturan yang memudah cara pemindahan dana merentasi sempadan menggunakan rangkaian bank. Sebaik sahaja pindahan dana dibuat di bank sumber, dana tersebut akan dipindahkan ke satu atau lebih bank pengantara (bank koresponden) sebelum dana itu sampai ke akaun penerima di bank destinasi.

memerlukan masa dan usaha untuk diproses[14], yang akan menyebabkan pembayaran rentas sempadan menjadi lebih perlahan dan lebih mahal.

Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan sangat terbuka, penambahbaikan dalam pembayaran rentas sempadan mempunyai potensi untuk menghasilkan peningkatan kecekapan yang ketara, sekali gus meningkatkan daya saing perdagangan. Sehubungan dengan itu, Bank telah menumpukan usaha untuk menambah baik keselamatan dan kecekapan pembayaran rentas sempadan. Sebagai contoh, Bank telah bekerjasama dengan bank-bank pusat di beberapa negara ASEAN untuk memudah cara jalinan sistem pembayaran masa nyata (*real-time payment*, RTP). Hal ini mengambil kira hubungan ekonomi yang kukuh antara Malaysia dengan negara-negara ini dari segi perdagangan, aktiviti pelancongan dan aliran pengiriman wang. Sehingga kini, Bank telah memudah cara penubuhan jalinan pembayaran dua hala dengan Thailand dan Indonesia. Jalinan pembayaran yang sama juga sedang diusahakan dengan Singapura.

Selain mempertingkat pengaturan pembayaran sedia ada, Bank juga telah menumpukan usaha untuk mengukuhkan keupayaan Malaysia bagi memanfaatkan inovasi pembayaran rentas sempadan yang baharu. Sebagai contoh, Bank sedang bekerjasama dengan BIS Innovation Hub dan rakan kongsi global dalam dua projek pembuktian konsep bagi membolehkan pembayaran rentas sempadan menjadi lebih pantas dan lebih murah. Pertama, Bank mengambil bahagian dalam Projek Nexus untuk mengkaji kebolehlaksanaan jalinan sistem RTP secara pelbagai hala bagi membolehkan pembayaran rentas sempadan diselesaikan dalam masa 60 saat. Kedua, Bank juga mengambil bahagian dalam Projek Dunbar, yang bertujuan untuk menguji penggunaan mata wang digital bank pusat (*central bank digital currencies*, CBDC) borong untuk pembayaran rentas sempadan melalui platform pelbagai CBDC yang dikongsi bersama. Kedua-dua projek adalah sangat sejajar dengan Pelan Hala Tuju G20 untuk Menambah Baik Pembayaran Rentas Sempadan (G20 Roadmap to Enhance Cross Border Payments) dan dijangka siap pada tahun 2022.

Langkah Selanjutnya

Bank akan terus menggiatkan usaha ke arah memastikan sistem dan perkhidmatan pembayaran utama kekal selamat, cekap, berdaya tahan dan boleh dipercayai. Bersama-sama dengan industri, Bank akan terus aktif menggunakan pendekatan kerjasama dan dipacu pasaran bagi mengurangkan halangan kepada penggunaan, meningkatkan keyakinan orang ramai dan memperteguh infrastruktur pembayaran utama negara untuk masa hadapan.

Dalam usaha yang berterusan untuk meraih kelebihan daripada pendigitalan di samping menguruskan risiko yang berkaitan, Bank akan berpandukan objektif dan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022 – 2026 yang melakar landasan Bank untuk masa hadapan. Bank komited untuk memajukan empat strategi yang digariskan dalam Pelan[15] tersebut bagi memastikan perkhidmatan pembayaran Malaysia terus menyokong keperluan semasa dan keperluan baharu ekonomi Malaysia.

[14] Contohnya, disebabkan keperluan untuk pendanaan pendahuluan bagi membiayai berbilang akaun nostro dan memastikan pematuhan dengan pelbagai rejim undang-undang.

[15] Empat strategi yang digariskan dalam Pelan tersebut menerusi Teras Strategik 3: Memajukan Pendigitalan dalam Sektor Kewangan ialah: (1) Memperteguh infrastruktur digital utama untuk masa hadapan; (2) Menyokong landskap perkhidmatan kewangan digital yang lebih memberangsangkan; (3) Memperkukuh kesediaan dan tindak balas keselamatan siber; dan (4) Menyokong penggunaan teknologi yang lebih meluas bagi tujuan pengawalan dan penyeliaan.

Jalinan Sistem Pembayaran Masa Nyata bagi Pembayaran Rentas Sempadan yang Cekap

Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (*Real-time Retail Payments Platform*, RPP) yang dilancarkan sejak bulan Disember 2018 telah menjadikan perkhidmatan pembayaran domestik yang pantas, mudah dan berkos rendah[1] suatu norma biasa kepada pengguna. Pada masa ini, dua jenis perkhidmatan ditawarkan melalui RPP, iaitu perkhidmatan DuitNow Transfer dan DuitNow QR. Melalui perkhidmatan DuitNow Transfer, pengirim boleh memindahkan dana serta-merta dengan merujuk nombor telefon mudah alih penerima[2]. Begitu juga dengan perkhidmatan DuitNow QR yang membolehkan pelanggan menggunakan mana-mana e-dompet bank atau bukan bank yang mengambil bahagian bagi mengimbas kod DuitNow QR untuk membuat pembayaran. Peniaga juga boleh menerima pembayaran dengan lancar daripada mana-mana e-dompet bank atau bukan bank yang mengambil bahagian melalui satu kod DuitNow QR yang seragam. Hal ini mengurangkan keperluan peniaga memaparkan banyak kod QR daripada pengendali e-dompet yang berbeza.

Pada peringkat serantau, usaha-usaha juga telah bermula bagi meningkatkan kecekapan pembayaran rentas sempadan. Usaha ini bertujuan untuk mengatasi kesukaran yang dialami dalam perkhidmatan pembayaran rentas sempadan iaitu perkhidmatan yang lebih perlahan dan lebih mahal[3] berbanding dengan perkhidmatan pembayaran domestik. Bagi mencapai matlamat ini, Bank telah memudah cara pelaksanaan jalinan pembayaran dua hala dengan Thailand dan Indonesia. Pengaturan yang serupa juga sedang diusahakan dengan Singapura (Gambar Rajah 1).

Dengan adanya jalinan antara RPP dengan sistem pembayaran masa nyata negara lain, pengguna di kedua-dua negara akan mendapat manfaat daripada pembayaran rentas sempadan yang lebih pantas dan lebih murah. Contohnya, wang akan dipindah masuk ke dalam akaun penerima serta-merta berbanding dengan tempoh satu hingga dua hari bekerja yang lazimnya diperlukan untuk perkhidmatan pembayaran rentas sempadan konvensional[4]. Sebelum mengesahkan pembayaran, pengguna akan dimaklumkan terlebih dahulu berkenaan fi dan kadar pertukaran asing yang akan dikenakan, yang lazimnya ditetapkan secara kompetitif. Bank terus menggalakkan lebih banyak pengendali e-dompet yang berminat untuk menyertai jalinan tersebut. Hal ini akan memperluas akses kepada perkhidmatan pembayaran rentas sempadan masa nyata bagi pengguna dan peniaga.

Gambar Rajah 1: Status Jalinan Pembayaran Dua Hala

Negara rakan kongsi[1]	Pembayaran QR rentas sempadan	Kiriman wang rentas sempadan
Thailand	Sudah mula beroperasi	Dalam pembangunan
Indonesia	Sudah mula beroperasi	Dalam perbincangan
Singapura	Dalam pembangunan	Dalam pembangunan

[1] Sila rujuk laman web sesawang DuitNow Transfer dan DuitNow QR PayNet untuk senarai institusi kewangan peserta yang mengambil bahagian.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Perkhidmatan DuitNow Transfer adalah percuma untuk pindahan wang sebanyak RM5,000 dan ke bawah. Bagi pindahan wang yang melebihi RM5,000, fi transaksi dihadkan pada RM0.50.

[2] Pengenalan lazim lain yang disokong DuitNow Transfer termasuk nombor kad pengenalan, nombor pasport dan nombor pendaftaran perniagaan.

[3] Pembayaran rentas sempadan pada amnya dibuat melalui pengaturan perbankan koresponden. Kesukaran utama daripada pengaturan yang sedemikian termasuk kos yang tinggi dan perkhidmatan yang perlahan disebabkan oleh kebergantungan kepada berbilang pengantara (cth. kos mudah tunai untuk dana berbilang akaun nostro yang dibayar lebih awal serta waktu pemprosesan yang lebih panjang disebabkan oleh tahap kecekapan operasi, syarat tempatan dan had waktu tertentu (cut-off times) yang berbeza merentas pelbagai pengantara). Pada tahun 2021, kos purata pengiriman wang merentas sempadan melalui penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank adalah sebanyak 2.2% daripada nilai transaksi, manakala kos purata e-pengiriman wang adalah sebanyak 1.9% daripada nilai transaksi.

[4] Contohnya, pindahan bertelegraf asing dan kad bayaran.

Gambar Rajah 2: Langkah-Langkah Membuat Pembayaran QR Rentas Sempadan

1 **Imbas kod QR peniaga menggunakan aplikasi pembayaran mudah alih anda.**

2 **Masukkan jumlah dan pastikan butiran pembayaran adalah tepat sebelum mengesahkan pembayaran.**

3 **Setelah berjaya, anda akan menerima pemberitahuan yang memaparkan jumlah yang dibayar dalam kedua-dua mata wang.**



Thai QR merupakan kod QR yang diseragamkan di Thailand, serupa dengan DuitNow QR di Malaysia.

Pelanggan mengimbas Thai QR menggunakan aplikasi pembayaran mudah alih Malaysia.

Nota: Gambar rajah di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Paparan antara muka pengguna yang sebenar mungkin berbeza-beza dalam kalangan institusi kewangan yang mengambil bahagian.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Langkah-Langkah Membuat Pindahan Wang Rentas Sempadan

1 **Masukkan nombor telefon mudah alih penerima dan jumlah bayaran.**

2 **Sahkan butiran pembayaran sebelum mengesahkan pembayaran.**

3 **Setelah berjaya, anda akan menerima pemberitahuan yang memaparkan jumlah yang dibayar dalam kedua-dua mata wang.**



Nota: Gambar rajah di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Paparan antara muka pengguna yang sebenar mungkin berbeza-beza dalam kalangan institusi kewangan yang mengambil bahagian.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Berpandukan kejayaan jalinan pembayaran dua hala, Bank dan PayNet sedang bekerjasama dengan BIS Innovation Hub dan rakan-rakan kongsi antarabangsa dalam inisiatif pembuktian konsep (*proof-of-concept*, PoC)[5] Projek Nexus. Projek ini bertujuan untuk mengkaji kebolehlaksanaan untuk menghubungkan pelbagai sistem pembayaran masa nyata pada peringkat global bagi membolehkan pembayaran rentas sempadan dalam tempoh 60 saat. Dapatan projek ini akan menjadi panduan terhadap pembangunan rangkaian sistem pembayaran masa nyata[6] global pada masa hadapan bagi membolehkan pembayaran rentas sempadan yang pantas dan lancar.

Gambar Rajah 4: Gambaran Keseluruhan Projek Nexus

Projek Nexus akan menguji kebolehlaksanaan untuk menghubungkan sistem pembayaran masa nyata secara pelbagai hala.



Sumber: Bank Negara Malaysia

[5] PoC ini tidak akan memproses pembayaran secara langsung dan tidak tersedia untuk kegunaan individu dan perniagaan pada masa ini.
[6] Pada peringkat global, lebih 60 negara telahpun melaksanakan sistem pembayaran masa nyata.

Melangkah dengan Hemat: Mengimbangi Peluang dan Risiko Aset Digital

Pengenalan

Landskap pembayaran telah berkembang dengan ketara untuk memenuhi permintaan terhadap perkhidmatan pembayaran yang lebih cekap, lebih cepat dan lebih murah. Penggunaan wang tunai semakin giat digantikan oleh kaedah pembayaran digital seperti kad tanpa sentuh dan e-dompet mudah alih, disokong oleh kemajuan teknologi dan pasaran yang memberangsangkan. Sementara itu, penggunaan aset digital yang dikeluarkan oleh pihak swasta semakin mendapat perhatian. Pada asalnya, aset digital diwujudkan sebagai kaedah pembayaran alternatif[1], namun ekosistem aset digital telah berkembang untuk memenuhi pelbagai penggunaan di luar ruang lingkup pembayaran.

Evolusi Aset Digital

Aset digital ialah lambang nilai digital[2] yang boleh didagangkan atau dipindahkan secara digital dan boleh digunakan untuk tujuan pembayaran atau pelaburan. Aset digital terutamanya memanfaatkan kriptografi[3] dan teknologi lejar teragih (*distributed ledger technology*, DLT)[4]. Teknologi ini membolehkan transaksi aset digital dilakukan tanpa memerlukan pihak pengantara.

Sejak pelancaran Bitcoin pada tahun 2009, landskap aset digital global telah berkembang dengan pesat. Pada akhir tahun 2021, terdapat kira-kira 9,000 jenis aset digital dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak USD2.6 trilion, iaitu 3.5 kali lebih tinggi berbanding awal tahun 2021[5]. Secara amnya, aset digital boleh dikelaskan kepada dua kategori utama, iaitu aset digital tanpa sokongan dan *stablecoin* (Gambar Rajah 1).

1. **Aset digital tanpa sokongan** ialah aset digital yang nilainya ditentukan oleh permintaan dan penawaran pasaran. Aset digital ini mempunyai unit akaun sendiri dan tidak didenominasikan dalam mana-mana mata wang fiat. Setakat ini, aset digital terus berfungsi terutamanya sebagai kelas aset spekulatif dan bukannya sebagai kaedah pembayaran[6]. Perkara ini disebabkan oleh pelbagai kelemahan termasuk turun naik harga yang tinggi, risiko ancaman siber dan isu yang berkaitan dengan penskalaan dan penggunaan tenaga. Sebagai contoh, nilai Bitcoin mencecah paras setinggi USD65,000 pada bulan April 2021 sebelum jatuh sebanyak 50% hanya seminggu selepas itu. Antara tahun 2011 dan 2021, kira-kira USD12 bilion aset digital telah dicuri melalui penggodaman siber. Rangkaian Bitcoin hanya dapat memproses hingga 10 transaksi sesaat (*transactions per second*, TPS) berbanding dengan 65,000 TPS oleh sistem pembayaran konvensional seperti Visa. Kesan alam sekitar yang disebabkan oleh penggunaan tenaga yang tinggi bagi aset digital merupakan satu lagi punca kebimbangan[7].

---

[1] Contohnya, pengenalan Bitcoin dijangka menjadi versi wang tunai elektronik rakan-ke-rakan (*peer-to-peer*) yang membolehkan pembayaran dalam talian dihantar terus daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa melalui institusi kewangan. Walau bagaimanapun, aset digital seperti Bitcoin belum menjadi instrumen pembayaran arus perdana disebabkan oleh pelbagai batasan termasuk turun naik harga yang tinggi, mudah terdedah kepada ancaman siber dan kekurangan dari segi boleh skala.

[2] Aset digital ini tidak termasuk lambang nilai digital mata wang fiat (Financial Action Task Force (FATF) (2021, hlm.10), Financial Stability Board (FSB) (2022, hlm. 25)). Mata wang fiat merujuk mata wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan oleh badan berdaulat, contohnya, Kerajaan atau bank pusat sesebuah negara, yang diiktiraf sebagai wang yang sah diperlakukan dan boleh digunakan untuk menyelesaikan hutang atau obligasi pembayaran di negara tersebut.

[3] Kriptografi ialah penukaran data kepada kod peribadi dengan menggunakan algoritma penyulitan (*encryption*) yang lazimnya digunakan untuk penghantaran melalui rangkaian awam (FSB (2022, hlm. 25)).

[4] DLT ialah kaedah penyimpanan maklumat melalui lejar teragih, iaitu salinan data digital berulang yang terdapat di pelbagai lokasi (FSB (2022, hlm. 25)).

[5] Walau bagaimanapun, saiz digital kekal kecil secara relatif kepada sistem kewangan global dengan anggaran permodalan pasaran tertingginya berjumlah USD2.6 trilion, bersamaan dengan kira-kira 1% aset kewangan global. Walaupun pertumbuhannya pesat, kaitan langsung antara aset digital dengan sistem kewangan keseluruhan adalah terhad pada masa ini. Episod turun naik harga juga terkawal dalam pasaran aset digital dan tidak melimpah ke pasaran kewangan yang lain (FSB (2022, hlm. 6)).

[6] Pembayaran kepada peniaga yang menggunakan aset digital dianggarkan bernilai kira-kira USD6 bilion pada tahun 2021, iaitu sebahagian kecil daripada pasaran e-dagang global yang berjumlah USD10 trilion (Nuvei (2022, hlm.19)).

[7] Sebagai contoh, rangkaian Bitcoin menggunakan 132 terrawatt per jam (*terrawatt-hour*, TWh) pada tahun 2020, bersamaan dengan penggunaan tenaga di Argentina (Rahul Singh (2021)). Selain itu, tenaga yang digunakan untuk satu transaksi Bitcoin boleh menggerakkan 1.2 juta transaksi Visa (Nuvei (2022, hlm.7)).

2. ***Stablecoin*** ialah sejenis aset digital yang digunakan untuk mengekalkan nilai stabil secara relatif kepada aset tertentu atau sekumpulan aset. Berdasarkan namanya, *stablecoin* menguruskan turun naik harga aset digital dengan menambat nilainya pada aset dasar (contohnya, mata wang fiat atau komoditi) atau dengan menggunakan protokol algoritma[8]. Bergantung pada keberkesanan mekanisme penstabilan nilai, *stablecoin* lebih cenderung digunakan sebagai kaedah pembayaran berbanding dengan aset digital tanpa sokongan. Pada tahun 2021, jumlah permodalan pasaran global *stablecoin* telah meningkat sebanyak empat kali ganda, melebihi USD157 bilion. Pada masa ini, *stablecoin* digunakan terutamanya sebagai mekanisme untuk menyimpan hasil pelaburan aset digital bagi melindunginya daripada turun naik harga. Walaupun penggunaan *stablecoin* untuk pembayaran masih terhad, keadaan ini mungkin berubah pada masa hadapan apabila syarikat pembayaran global mula berintegrasi dengan ekosistem aset digital, terutamanya dengan *stablecoin*.

Perkembangan ekosistem aset digital juga telah menggalakkan perkembangan kewangan tidak berpusat (*decentralised finance*, DeFi). DeFi terdiri daripada perkhidmatan kewangan yang disediakan tanpa pengantara, menggunakan protokol DLT automatik (kontrak pintar) dan *stablecoin* untuk memudahkan pemindahan dana[9]. Pada akhir tahun 2021, saiz global DeFi telah bertambah sehingga USD100 bilion berbanding dengan hanya USD15 bilion pada tahun sebelumnya. Keadaan ini sebahagian besarnya dipacu oleh perkembangan bursa tidak berpusat yang membolehkan pengguna membuat urus niaga menggunakan aset digital tanpa pengantara dan platform kredit kewangan tidak berpusat yang membuat padanan antara peminjam dengan pemberi pinjaman.

Gambar Rajah 1: Perbandingan Antara Aset Digital dan Mata Wang Digital Bank Pusat (CBDC)

	Aset digital		Mata wang digital bank pusat (CBDC)
			
Jenis	**Aset digital tanpa sokongan** (contohnya, Bitcoin, Ethereum)	**Stablecoins** (contohnya, Tether, USD Coin)	**CBDC** (contohnya, Sand Dollar, e-CNY)
Pengeluar	Tiada penerbit yang boleh dikenal pasti	Entiti swasta	Badan berdaulat (contohnya Kerajaan, bank pusat)
Kes penggunaan utama	Pelaburan	Pembayaran	Pembayaran
Nilai dasar	Bergantung pada permintaan dan bekalan pasaran	Nilai disokong oleh aset sandaran atau distabilkan dengan mengawal bekalan pasaran	Nilai disokong oleh badan berdaulat (contohnya, Kerajaan, bank pusat)

Sumber: Bank Negara Malaysia, Financial Stability Board, Bank for International Settlements

Meneliti Kebaikan dan Keburukan

Potensi bagi perkhidmatan kewangan yang lebih cekap dan inklusif

Penyokong aset digital telah lama menekankan potensi aset digital dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan kewangan. Antara manfaat kecekapan yang diperoleh termasuk penambahbaikan pada automasi

[8] Protokol algoritma membantu usaha mengekalkan nilai yang stabil dengan menyelaraskan bekalan *stablecoin* sebagai tindak balas terhadap permintaan yang berubah-ubah.

[9] Ekosistem DeFi melibatkan dua elemen: (i) protokol baharu untuk perdagangan, pemberian pinjaman dan pelaburan, dan (ii) *stablecoin*, iaitu aset kripto yang memudahkan pemindahan dana dan bertujuan untuk mengekalkan nilai muka yang tetap dengan mata wang fiat, terutamanya dolar AS (Aramonte dll. (2021, hlm. 21)).

perkhidmatan dan pengurusan mudah tunai, serta penyelesaian yang lebih cepat dan lebih murah. Hal ini relevan khususnya bagi pembayaran rentas sempadan. Pada masa ini, kebanyakan perkhidmatan pembayaran rentas sempadan bergantung pada pengaturan perbankan koresponden (Gambar Rajah 3.1). Satu pembayaran rentas sempadan mungkin melalui pelbagai lapisan pengantara. Akibatnya, proses perkhidmatan ini menjadi lebih perlahan dan lebih mahal untuk pengguna. Bentuk aset digital yang tidak berpusat dan berupa token[10] membolehkan nilai dipindahkan dengan segera melalui perkhidmatan rakan-ke-rakan (*peer-to-peer*) tanpa memerlukan pengantara.

Di luar ruang lingkup pembayaran, aset digital berpotensi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan. Bergantung pada reka bentuknya, aset digital dapat diakses di seluruh dunia oleh pengguna yang mempunyai telefon pintar dan akses kepada Internet asas. Ciri ini boleh meluaskan lagi akses kepada komuniti yang kurang atau tidak mendapat perkhidmatan perbankan. Perkhidmatan kewangan yang didorong oleh aset digital seperti penawaran syiling awal (*initial coin offering*, ICO)[11] dan platform pemberian pinjaman tidak berpusat juga boleh bertindak sebagai sumber pendanaan alternatif kepada mereka yang menghadapi kesukaran yang lebih besar untuk mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan konvensional.

Potensi risiko terhadap ekonomi yang lebih luas

Walau bagaimanapun, aset digital juga mempunyai risiko yang perlu diuruskan. Penggunaan aset digital untuk pembayaran secara meluas boleh menyebabkan penggantian mata wang, sama seperti kesan pendolaran digital (*digital dollarisation*). Sekiranya aset digital digunakan secara meluas sebagai kaedah pembayaran dan bukannya Ringgit, keberkesanan dasar monetari Bank[12] mungkin akan terjejas. Keadaan ini seterusnya akan memberikan kesan terhadap keupayaan Bank untuk menguruskan inflasi dan melaksanakan dasar kitaran berbalas yang berkesan untuk memupuk pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Aset digital juga boleh menimbulkan risiko makrokewangan yang boleh menjejaskan sistem kewangan dan ekonomi. Sekiranya orang ramai mendapati bahawa simpanan dalam bentuk aset digital seperti *stablecoin* adalah lebih menarik, keadaan ini boleh menyebabkan peralihan deposit daripada bank secara besar-besaran. Peralihan seperti ini boleh meningkatkan kebergantungan bank terhadap sumber pendanaan yang lebih mahal dan kurang stabil (contohnya, deposit borong). Keadaan ini seterusnya mungkin meningkatkan kos pembiayaan kepada peminjam dan meningkatkan risiko pengeluaran wang secara besar-besaran daripada bank. Mekanisme penstabil yang menyokong aktiviti pengantaraan semasa tempoh tekanan sistemik bank juga akan menjadi kurang berkesan. Contoh mekanisme penstabil ini ialah insurans deposit, modal kitaran berbalas dan langkah-langkah mudah tunai serta pengaturan penahan mudah tunai. Aset digital juga boleh dieksploitasi untuk memintasi langkah-langkah dasar pertukaran asing. Perkara ini boleh menyebabkan aliran modal menjadi tidak stabil dan merumitkan pengurusan turun naik kadar pertukaran. Dedahan institusi kewangan terhadap aset digital juga boleh menyebabkan peningkatan risiko mudah tunai, risiko pasaran, risiko kredit dan risiko operasi.

Aset digital mungkin digunakan sebagai saluran untuk pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan disebabkan kekurangan atau ketiadaan pengesahan pelanggan. Selain itu, wujud juga kebimbangan berhubung dengan perlindungan pengguna bagi aktiviti aset digital. Sebagai contoh, sebahagian besar ekosistem aset digital yang tidak dikawal selia telah menyumbang kepada kawalan yang lemah oleh pengantara aset digital. Perkara ini telah mendedahkan aset digital kepada penggodaman dan kecurian siber, yang seterusnya menimbulkan risiko kepada pengguna. Orang ramai yang melabur dalam aset digital tanpa pemahaman yang mencukupi tentang risiko yang dihadapi juga boleh kehilangan harta mereka melalui perubahan besar dalam nilai aset digital atau melalui penipuan berkaitan dengan aset digital.

[10] Perkara ini merujuk ciri aset digital yang dicipta melalui proses penandaan token, iaitu proses mewakili aset pada lejar teragih secara digital. Token yang dikeluarkan wujud pada lejar dan mempunyai hak aset yang diwakili dan bertindak sebagai penyimpan nilai (Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2021, hlm. 13).

[11] ICO ialah operasi yang digunakan oleh syarikat, usahawan, pemaju atau penganjur lain untuk mengumpulkan modal bagi projek mereka sebagai pertukaran dengan token digital atau syiling yang dihasilkan oleh mereka (FSB (2018, hlm. 17)).

[12] Pendolaran (*dollarisation*) boleh menjejaskan pelaksanaan dasar monetari yang berkesan oleh bank-bank pusat dan menyebabkan risiko kestabilan kewangan melalui ketidakpadanan mata wang pada kedudukan kewangan bank, syarikat dan isi rumah (IMF (2021, hlm. 52)).

Di samping itu, terdapat sumber risiko baharu yang timbul terutamanya daripada *stablecoin* dan DeFi. *Stablecoin* boleh mengalami pengeluaran dana secara besar-besaran jika pelabur meragui nilai dasar aset yang menjadi sandaran kepada *stablecoin*[13]. Penebusan *stablecoin* dalam skala yang besar boleh mencetuskan jualan aset asas pada harga yang sangat rendah (*fire sale*). Hal ini boleh menimbulkan gangguan dalam institusi kewangan dan pasaran (contohnya, pasaran pendanaan jangka pendek) tempat aset tersebut dilaburkan. Sekiranya DeFi berleluasa, kelemahan dan kesalinghubungannya yang semakin meningkat dengan sistem kewangan[14] mungkin menjejaskan kestabilan kewangan. Kelemahan seperti ini termasuk leveraj yang tinggi[15], mudah tunai yang tidak sepadan[16] dan penyerap kejutan yang terhad seperti bank yang boleh menyediakan mudah tunai dalam tempoh tekanan[17].

Pendekatan Berhemat dan Pragmatik ke Arah Aset Digital

Pada saiz semasa, aset digital berkemungkinan besar tidak menimbulkan risiko sistemik kepada sistem kewangan. Walau bagaimanapun, keadaan ini mungkin berubah jika pertumbuhan yang pesat ini berterusan. Berikutan itu, Bank mengambil pendekatan yang berhemat dan pragmatik untuk menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab, dan pada masa yang sama memastikan risiko yang timbul diuruskan dengan sebaiknya.

Menangani kesan aset digital terhadap kestabilan monetari dan kewangan

Berikutan pelbagai kekangan yang dibincangkan sebelum ini, penggunaan aset digital sebagai instrumen pembayaran akan melibatkan risiko. Aset digital tidak diiktiraf sebagai wang sah diperlakukan di Malaysia dan bukan instrumen pembayaran yang dikawal selia oleh Bank. Bank telah mengeluarkan kenyataan amaran secara berkala untuk mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati apabila berurusan dengan aset digital. Walaupun begitu, Bank menyedari potensi manfaat *stablecoin*, terutamanya untuk menambah baik pembayaran rentas sempadan. Oleh itu, Bank sedang mengkaji pendekatan pengawalseliaan yang bersesuaian untuk menguruskan dan mengurangkan risiko yang berkaitan dengan *stablecoin*. Memandangkan pembayaran rentas sempadan melibatkan dimensi antarabangsa, Bank akan berpandukan prinsip-prinsip yang dikeluarkan oleh badan penetapan piawaian antarabangsa bagi memastikan pengawalan, penyeliaan dan pengawasan yang sesuai terhadap pengaturan *stablecoin*.

Di luar ruang lingkup pembayaran, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC) mengawal selia aktiviti aset digital. Perkara ini melibatkan perdagangan aset digital melalui bursa pertukaran aset digital (*digital asset exchanges*, DAX), terbitan aset digital untuk pemerolehan dana melalui Tawaran Pertukaran Awal (Initial Exchange Offering, IEO), dan peruntukan perkhidmatan kustodian aset digital (*digital asset custodian*, DAC). Bagi memupuk kerjasama, Bank telah memeterai pengaturan penyelarasan dengan SC untuk memastikan aktiviti aset digital mematuhi peraturan kedua-dua pengawal selia. Sebagai contoh, Bank bekerjasama dengan SC untuk memastikan pengantara aset digital mematuhi semua keperluan pengawalseliaan yang berkaitan untuk mengurangkan kemungkinan berlaku manipulasi terhadap langkah-langkah dasar pertukaran asing dan peruntukan di bawah Akta Mata Wang 2020.

Berikutan kesan yang lebih besar terhadap kestabilan monetari dan kewangan, Bank telah menubuhkan Hab Penyelidikan Mata Wang Digital (Hab). Melalui Hab yang diuruskan oleh pasukan pelbagai disiplin ini, Bank berusaha untuk mencapai beberapa matlamat. Pertama, matlamat Bank adalah untuk mempercepat pemahaman Bank tentang landskap semasa dan menilai implikasi perkembangan dalam ekosistem aset digital.

---

[13] *Stablecoin* yang disokong oleh sekuriti jangka pendek (dengan pasaran sekunder yang tidak cair) atau aset kripto akan terdedah kepada pengeluaran dana secara besar-besaran yang disebabkan oleh ketidakpadanan mudah tunai dan dedahan pada risiko pasaran. Daya maju *stablecoin* bergantung pada kepercayaan pelabur terhadap nilai asas aset. Kelegapan dan kekurangan pengawasan boleh menghakis kepercayaan tersebut dengan mudah (Aramonte dll. (2021, hlm. 31)).

[14] Institusi kewangan mungkin terdedah pada DeFi (i) dari segi aset, iaitu melalui pinjaman yang diberikan dan pelaburan ekuiti dalam entiti DeFi atau kripto berkaitan yang menawarkan perkhidmatan melalui platform DeFi, dan (ii) dari segi liabiliti, iaitu melalui dana yang disimpan dan kertas komersial institusi kewangan yang dipegang oleh pengaturan *stablecoin* (Aramonte dll. (2021, hlm. 31)).

[15] Sebagai contoh, dana yang dipinjam daripada platform DeFi boleh digunakan semula sebagai cagaran dalam transaksi lain. Perkara ini membolehkan pelabur meningkatkan dedahan yang semakin besar untuk cagaran tertentu (Aramonte dll. (2021, hlm. 29)).

[16] *Stablecoin* memainkan peranan utama untuk memudahkan aktiviti perdagangan, pemberian pinjaman dan peminjaman dalam DeFi. Sehubungan dengan itu, ketidakpadanan mudah tunai yang dibincangkan sebelum ini bagi *stablecoin* akan memberikan kesan terhadap ekosistem DeFi.

Seterusnya, Bank juga akan mengukuhkan rangka kerja pengawasannya dan membentuk dasar yang bersesuaian untuk menguruskan risiko di samping menggalakkan inovasi. Usaha ini merangkumi langkah-langkah untuk mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan serta meningkatkan kerjasama antarabangsa bagi menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab dalam ruang aset digital, di samping mengurangkan limpahan negatif.

Membina kapasiti dalaman mengenai CBDC

Meskipun aset digital mungkin mempunyai kekurangan, teknologi asasnya (contohnya, DLT) boleh dimanfaatkan untuk penggunaan lain termasuk pengeluaran mata wang digital bank pusat CBDC. Sistem pembayaran domestik yang tersedia adalah sangat cekap serta instrumen dasar monetari dan kewangan yang sedia ada terus berkesan. Walaupun hal ini mengurangkan keperluan untuk mengeluarkan CBDC dalam tempoh terdekat, Bank secara aktif meningkatkan keupayaan teknikal dan dasarnya bagi menyokong keupayaannya untuk mengeluarkan CBDC bagi kes penggunaan pada masa hadapan yang boleh menawarkan manfaat yang lebih banyak kepada Malaysia. Bagi tujuan ini, Bank telah memulakan kajian CBDC berbilang tahun melalui pembuktian konsep (*proof-of-concept*, POC) yang mempunyai tiga fasa (Gambar Rajah 2).

POC akan mengkaji potensi CBDC bagi menangani cabaran sedia ada, dengan memberikan keutamaan pada aplikasi CBDC untuk pembayaran borong. Bagi tujuan ini, Bank telah bekerjasama dengan rakan kongsi antarabangsa dalam Projek Dunbar untuk menilai potensi CBDC dalam menangani isu berkaitan dengan pembayaran rentas sempadan (Gambar Rajah 3). Rakan kongsi antarabangsa tersebut terdiri daripada BIS Innovation Hub, Reserve Bank of Australia, Monetary Authority of Singapore dan South Africa Reserve Bank. Projek ini bertujuan membangunkan platform prototaip bersama untuk transaksi rentas sempadan menggunakan pelbagai CBDC yang juga dikenali sebagai rangkaian pelbagai CBDC (Gambar Rajah 3.2). Rangkaian seperti ini membolehkan institusi kewangan peserta berurus niaga secara langsung antara satu sama lain dengan menggunakan CBDC. Dengan mengenepikan fungsi pengantara, hal ini akan menjimatkan masa dan mengurangkan kos pembayaran rentas sempadan dengan ketara. Menurut kajian Ekberg dll., rangkaian pelbagai CBDC berskala penuh yang membolehkan pembayaran rentas sempadan masa nyata sepanjang masa boleh mengurangkan kos transaksi rentas sempadan sebanyak kira-kira USD100 bilion setahun.

[18] Ekberg, J, T Chia, M Ho dan L Liu (2021): Unlocking $120 billion value in cross-border payments, Oliver Wyman and JP Morgan Report, November, hlm. 27.

Gambar Rajah 2: Pelan Hala Tuju Pembuktian Konsep CBDC Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Gambaran Keseluruhan Projek Dunbar

Gambar Rajah 3.1: Model Pembayaran Rentas Sempadan Semasa – Pengaturan Perbankan Koresponden



- Gambar rajah ini menggambarkan aliran pembayaran rentas sempadan lazim apabila transaksi dihalakan melalui rangkaian perbankan koresponden AS.
- Suatu pembayaran rentas sempadan boleh melalui beberapa bank koresponden.
- Setiap pusingan transaksi memerlukan masa dan usaha untuk diproses, mengakibatkan pembayaran rentas sempadan menjadi lebih perlahan dan lebih mahal.

Sumber: Diadaptasi dari Ekberg dll. (2021, hlm. 6)

Gambar Rajah 3.2: Model Pembayaran Rentas Sempadan Yang Dicadangkan Di Bawah Projek Dunbar – Rangkaian Pelbagai CBDC



- Satu platform pelbagai CBDC yang dikongsi bersama untuk menghubungkan pelbagai bank pusat dan bank-bank yang mengambil bahagian.
- Bank boleh memegang dan berurus niaga dengan CBDC tempatan dan CBDC asing yang dikeluarkan oleh bank-bank pusat.
- Hal ini membolehkan bank membuat pembayaran antara satu sama lain secara terus menggunakan CBDC. Justeru, menghapuskan keperluan pihak pengantara.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bank for International Settlements

Langkah Selanjutnya

Dengan mengambil kira kerumitan dan ketidakpastian yang ada, Bank akan menggunakan pendekatan yang berhemat dan pragmatik terhadap aset digital. Keadaan ini akan memastikan Bank dapat meraih manfaat di samping mengurangkan risiko yang berkaitan. Memandangkan wujudnya kesalinghubungan dan potensi kesan limpahan, Bank juga akan terus menyokong perkongsian awam-swasta dan usaha kerjasama antarabangsa untuk memajukan prinsip inovasi yang bertanggungjawab dalam ruang aset digital.

Rujukan

Aramonte, Huang, Schrimpf (2021): "DeFi risks and the decentralised illusion", BIS Quarterly Review, December.

Crystal (2021), Blockchain's Year in Review 2021, December.

Ekberg, J, T Chia, M Ho and L Liu (2021): Unlocking $120 billion value in cross-border payments, Oliver Wyman and JP Morgan Report, November.

Financial Action Task Force, FATF (2021): Updated Guidance for a Risk-based Approach to Virtual Assets and Virtual Asset Service Providers, October.

Financial Stability Board, FSB (2018): Crypto-asset markets: Potential channels for future financial stability implications, October.

Financial Stability Board, FSB (2022): Assessment of Risks to Financial Stability from Crypto-assets, February.

International Monetary Fund, IMF (2020): Digital money across borders: Macro-financial implications, October.

International Monetary Fund, IMF (2021): "The crypto ecosystem and financial stability challenges, in Covid-19, crypto, and climate: navigating challenging transitions", Global Financial Stability Report, October.

Nuvei (2022): "Mystery to opportunity: The future of crypto payments", Whitepaper, February.

Organisation for Economic Co-operation and Development, OECD (2020): "The Tokenisation of Assets and Potential Implications for Financial Markets", OECD Blockchain Policy Series.

Rahul Singh (2021): "How to make cryptocurrency more sustainable", part of the Forum COP26 Live, November.

Pengeluaran Mata Wang

Bank Negara Malaysia (Bank) merupakan pengeluar tunggal wang kertas ringgit dan duit syiling, iaitu mata wang tunggal yang sah diperlakukan di Malaysia. Sebagai mata wang yang sah diperlakukan, kesemua wang kertas ringgit dan duit syiling yang dikeluarkan oleh Bank adalah diiktiraf oleh undang-undang sebagai medium pembayaran yang sah.



Semua denominasi duit syiling Malaysia dihasilkan oleh mesin penempa duit syiling yang canggih dengan ketepatan yang tinggi.

Mandat Bank adalah untuk memastikan bekalan wang kertas ringgit dan duit syiling sentiasa mencukupi bagi memenuhi permintaan orang ramai serta mengekalkan kualiti dan integriti mata wang dalam edaran (*currency in circulation*, CIC) pada tahap yang terbaik dan sesuai untuk kegunaan. Dalam melaksanakan mandat ini, Bank berusaha menguruskan operasi mata wangnya secara berkesan, terutama dari segi kos pengendalian.

Mata Wang dalam Edaran

Penggunaan wang tunai fizikal terus kekal sebagai medium pembayaran paling lazim dalam ekonomi negara meskipun urus niaga dalam talian dan e-pembayaran semakin pesat berkembang. Pada akhir tahun 2021, CIC Malaysia meningkat sebanyak 15.1% pada asas tahunan kepada RM150.1 bilion daripada RM130.4 bilion pada tahun sebelumnya. Kadar peningkatan ini merupakan pertumbuhan tahunan yang paling tinggi dalam tempoh dua dekad terakhir (Rajah 1). Perniagaan dan isi rumah lebih cenderung untuk menyimpan wang tunai fizikal melebihi keperluan biasa bagi tujuan berjaga-jaga berikutan tempoh pandemik COVID-19 yang

Rajah 1: Pertumbuhan Tahunan CIC (%)



Sumber: Bank Negara Malaysia

berlarutan. Trend yang sama juga diperhatikan di negara-negara lain[1] di seluruh dunia.

Operasi Mata Wang

Akta Mata Wang 2020 memberikan kuasa kepada Bank untuk mencetak wang kertas dan menempa duit syiling untuk edaran di negara ini. Dalam melaksanakan kuasa sedemikian, Bank memperoleh bekalan wang kertas daripada pencetak wang kertas antarabangsa menerusi tender terbuka yang dilaksanakan secara kompetitif dan menempa duit syiling di fasiliti penempaan milik Bank di Kilang Wang.

Bagi memastikan ketersediaan wang kertas dan duit syiling pada setiap masa, Bank mengekalkan stok wang kertas dan duit syiling yang mencukupi. Permintaan terhadap wang tunai lazimnya memuncak pada setiap musim perayaan terutamanya Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri serta cuti hujung tahun. Pemahaman terhadap permintaan bermusim ini membolehkan Bank menjangkakan tahap permintaan dan dapat mengekalkan stok mata wang pada tahap yang wajar. Dalam menjangkakan tempoh puncak sedemikian, Bank mengumpul dan menyimpan stok melalui penghantaran berkala wang kertas baharu daripada pencetak wang kertas serta wang kertas yang sesuai untuk edaran semula[2] (*fit banknotes*) yang dijana daripada pemprosesan mata wang. Bekalan wang tunai turut mencukupi ketika negara dilanda musibah banjir teruk luar jangkaan yang menjejaskan beberapa bahagian negara pada akhir tahun 2021.

Walaupun permintaan untuk wang tunai semakin meningkat, bahagian duit syiling dalam CIC menyusut daripada 5.1% pada tahun 2019 sebelum berlakunya pandemik kepada 4.3% pada tahun 2021. Duit syiling tidak mendapat status yang sama dengan wang kertas sebagai simpanan nilai dan medium pertukaran. Duit syiling jauh lebih rendah nilainya dan renyah untuk dikendalikan dalam jumlah yang besar, sekali gus membantutkan niat orang ramai untuk menyimpan lebihan duit syiling di institusi kewangan. Dianggarkan kira-kira 30% daripada duit syiling yang dikeluarkan oleh Bank merupakan "duit



Kenderaan Berpandu Automatik (Automated Guided Vehicles, AGV) menawarkan pengendalian wang kertas yang lebih selamat, pantas dan berautonomi sepenuhnya.

syiling mati", yang ditinggalkan terbiar di dalam balang dan laci. "Duit syiling mati" tersebut tidak dikembalikan kepada sistem untuk diedarkan semula. Melalui pelbagai usaha, khususnya penggunaan mesin deposit duit syiling oleh institusi kewangan di cawangan yang terpilih, sebanyak 60.4 juta keping duit syiling bersamaan dengan 7.6% daripada jumlah duit syiling yang dikeluarkan pada tahun 2021 telah berjaya diedarkan semula. Jumlah ini menyumbang kepada penjimatan kos yang ketara bagi operasi mata wang Bank. Usaha sebegini akan diteruskan untuk mengedarkan semula lebih banyak duit syiling dalam sistem.

Bagi mengekalkan CIC yang berkualiti tinggi, Bank secara berkala menghapuskan dan melupuskan wang kertas yang tidak sesuai yang dikembalikan oleh institusi kewangan untuk diproses. Pelupusan wang kertas yang lusuh, lunyai atau kotor akan memastikan hanya mata wang sesuai yang memenuhi standard kualiti yang ditetapkan oleh Bank kekal dalam edaran. Semua wang kertas yang diterima oleh Bank akan diproses di Pusat Mata Wang Automatik (Automated Cash Centre, ACC) Bank dan di lima pejabat Bank yang terletak di Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuala Terengganu, Kuching dan Kota Kinabalu. Setiap tahun, Bank memproses hingga tiga bilion keping wang kertas, dengan separuh daripadanya diproses di ACC. ACC merupakan fasiliti pengurusan mata wang automatik sepenuhnya, selamat, dan bersepadu. Fasiliti ini juga dilengkapi integrasi termaju teknologi maklumat (IT) dan mesin

[1] Rujuk Ashworth, J. dan Goodhart, C A E (2021), The Great COVID Cash Surge: Digitalisation Hasn't Dented Cash's Safe Haven Role, London: Centre for Economic Policy Research.

[2] Wang kertas yang sesuai untuk edaran semula ialah wang kertas terpakai yang memenuhi standard kualiti boleh diterima yang ditetapkan oleh Bank untuk diedarkan semula.

automatik, sehingga membolehkannya beroperasi sepanjang masa dengan tahap ketepatan dan kawalan yang tinggi (lihat rencana sisipan bertajuk ACC: Fasiliti Pengurusan Mata Wang Automatik dan Bersepadu).

Pada tahun 2021, Bank melupuskan 24.6% daripada jumlah wang kertas yang diproses (2020: 23.3%), iaitu kadar tertinggi dalam tempoh lima tahun terakhir. Memandangkan orang ramai cenderung untuk menyimpan lebih banyak wang kertas dan untuk tempoh lebih lama, semakin banyak wang kertas dalam edaran menjadi lusuh dan berkemungkinan tidak memenuhi standard kualiti yang diperlukan untuk diedarkan semula. Oleh yang demikian, kadar pelupusan dijangka meningkat dalam masa terdekat.

Bank terus memelihara integriti CIC bagi memastikan keyakinan orang ramai kekal tinggi terhadap wang kertas dan duit syiling Malaysia. Pada tahun 2021, kadar pemalsuan adalah sebanyak 0.3 bahagian bagi setiap juta keping (*parts per million*, ppm)[3] wang kertas dalam edaran. Kadar ini jauh lebih rendah daripada kadar penanda aras pemalsuan antarabangsa, iaitu 15 ppm. Kadar ini juga merupakan rekod terendah negara kita. Sudah menjadi kelaziman bagi Bank untuk terus bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan tempatan, petugas barisan hadapan dalam sektor kewangan dan pengendali mata wang untuk memastikan kadar pemalsuan kekal rendah. Bank terus mendidik orang ramai tentang bagaimana menentukan perbezaan antara wang kertas tulen dengan wang kertas palsu. Kesedaran orang ramai yang tinggi tentang ciri-ciri keselamatan wang kertas kekal menjadi benteng yang paling berkesan terhadap pemalsuan mata wang. Pada tahun lepas, Bank menjalankan program kesedaran mata wang melalui pelbagai saluran, termasuk platform media sosial (Gambar Rajah 1). Program-program ini juga menggalakkan kesedaran orang ramai terhadap inisiatif Bank, termasuk penukaran wang kertas yang tidak sesuai

Gambar Rajah 1: Infografik Berkaitan Mata Wang yang Diterbitkan dalam Media Sosial



[3] Dengan erti kata lain, bagi setiap sepuluh juta keping wang kertas tulen dalam edaran, hanya tiga keping yang palsu.

untuk edaran semula disebabkan oleh kemusnahan akibat banjir dan penukaran wang kertas yang rosak[4] di kaunter mana-mana bank perdagangan di seluruh negara. Selain memberikan tumpuan pada wang tunai fizikal, program yang dilaksanakan ini juga menyokong usaha Bank untuk mempercepat kemajuan ke arah masyarakat tanpa tunai apabila penggunaan teknologi dan pendigitalan semakin berkembang luas.

Dasar Bank sentiasa mengutamakan pengeluaran wang kertas yang sesuai untuk edaran pada setiap masa yang mungkin. Daripada 2.72 bilion keping wang kertas yang dikeluarkan pada tahun 2021, 57% ialah wang kertas yang sesuai untuk edaran semula. Langkah ini bukan sahaja lebih berkesan dari segi kos malah dapat mengurangkan jejak karbon memandangkan pencetakan wang kertas turut melibatkan penggunaan intensif sumber air dan tenaga.

Bank juga mengeluarkan duit syiling peringatan untuk meraikan peristiwa penting negara. Pada tahun 2021, Bank mengeluarkan lima duit syiling peringatan, iaitu ulang tahun ke-75 Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ75), ulang tahun ke-50 Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO50), ulang tahun ke-50 penghasilan duit syiling di Malaysia (KWG50) dan ulang tahun ke-25 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA25). Pengeluaran duit syiling peringatan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM50) sempena ulang tahun ke-50 untuk orang ramai telah ditunda ke awal tahun 2022 disebabkan oleh kelewatan yang berpunca daripada kejadian banjir yang tidak dijangka pada akhir tahun 2021. Semua duit syiling diperbuat daripada perak sterling dan Emas Nordic[5], kecuali KWG50. Duit syiling KWG50 diperbuat daripada tembaga dan Emas Nordic. Beberapa teknik penempaan yang inovatif digunakan semasa pembuatan duit syiling tersebut untuk mempertingkat daya tarikan estetik, seperti memperkenalkan duit syiling berbentuk ganjil (dalam bentuk wau, gasing dan congkak) serta duit syiling dengan sisipan batu nilam. Bagi kemudahan orang ramai, Bank menyediakan khidmat tempahan dan pembayaran dalam talian serta menawarkan penghantaran duit syiling peringatan yang dibeli terus ke rumah para pembeli.

Bank menganjurkan lelongan wang kertas ringgit dengan nombor siri khas untuk menggalakkan penghayatan numismatik yang lebih tinggi dalam kalangan orang ramai. Pada tahun 2021, Bank menganjurkan dua acara lelongan melalui jurulelong yang dilantik. Lelongan pertama diadakan pada bulan Mei 2021 manakala lelongan kedua diadakan pada bulan November 2021. Kedua-dua lelongan dalam talian ini berjaya menarik minat yang memberangsangkan dalam kalangan pengumpul koleksi dan pembida dari serata dunia berikutan proses bidaan yang mudah dan senang diakses.

Secara keseluruhan, operasi mata wang di seluruh negara kekal tidak terganggu pada tahun 2021, meskipun terdapat cabaran yang timbul akibat pandemik COVID-19 yang berpanjangan. Wang tunai terus tersedia dan boleh didapati oleh perniagaan dan isi rumah, dan pada masa yang sama mengekalkan CIC yang berkualiti tinggi serta kadar pemalsuan mata wang yang secara perbandingannya adalah rendah.

[4] Orang ramai akan mendapat nilai penuh wang kertas rosak dengan serta-merta dalam kes wang kertas rosak yang jelas nilainya (*straightforward cases*). Sebaliknya, institusi kewangan akan merujuk kes mereka kepada Bank jika wang kertas rosak tidak jelas nilainya. Orang ramai akan menerima nilai wang kertas yang rosak setelah Bank menilai kes tersebut. Kes wang kertas rosak yang jelas nilainya perlu memenuhi tiga syarat yang berikut:
a) Saiz wang kertas rosak adalah dua pertiga daripada saiz asal atau lebih;
b) Wang kertas rosak tidak mempunyai contengan pada potret DYMM Yang di-Pertuan Agong yang pertama atau tulisan yang memaparkan slogan politik; dan
c) Wang kertas tersebut tidak rosak disebabkan oleh contengan atau tulisan perkataan, angka dan lain-lain.

[5] Emas Nordic ialah aloi berwarna keemasan yang terdiri daripada tembaga (89%) serta sejumlah kecil zink (5%), aluminium (5%) dan timah (1%).



Reka bentuk hadapan (kiri) dan belakang (kanan) duit syiling peringatan sempena ulang tahun ke-75 Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ75). Ditempa menggunakan Emas Nordic.



Reka bentuk hadapan (kiri) dan belakang (kanan) duit syiling peringatan sempena ulang tahun ke-50 Pertubuhan Keselamatan Social (PERKESO). Ditempa menggunakan Emas Nordic.



Reka bentuk hadapan (kiri) dan belakang (kanan) duit syiling peringatansempena ulang tahun ke-25 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA25). Ditempa menggunakan perak sterling berwarna.



Reka bentuk hadapan (kiri) dan belakang (kanan) duit syiling peringatan sempena ulang tahun ke-50 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM50). Ditempa menggunakan perak sterling berwarna.



Reka bentuk hadapan



Reka bentuk belakang



Reka bentuk hadapan



Reka bentuk belakang



Reka bentuk hadapan



Reka bentuk belakang

Reka bentuk hadapan dan belakang duit syiling peringatan sempena ulang tahun ke-50 penghasilan duit syiling di Malaysia (KWG50). Ditempa menggunakan tembaga.

ACC – Fasiliti Pengurusan Wang Tunai Automatik dan Bersepadu

Kira-kira tiga bilion keping wang kertas dikembalikan kepada Bank setiap tahun melalui deposit daripada institusi kewangan. Setiap keping wang kertas akan diperiksa dan diisih mengikut tahap kesesuaian yang telah ditetapkan. Wang kertas yang lusuh, rosak atau kotor akan dikeluarkan daripada sistem bagi memastikan hanya wang kertas berkualiti tinggi diedarkan semula. Pusat Mata Wang Automatik (Automated Cash Centre, ACC) yang dibina pada tahun 2016 berfungsi sebagai fasiliti yang berupaya memproses wang kertas dalam kuantiti yang banyak dengan pantas dan cekap. Fasiliti baharu ini membolehkan Bank mengurangkan penggunaan tenaga kerja sebanyak 53%, meningkatkan kapasiti pemprosesan setiap mesin sebanyak 33%, meningkatkan truput[1] setiap jam sebanyak 3.5 kali serta memendekkan masa yang diambil untuk mengendalikan deposit wang kertas (daripada 205 minit kepada 45 minit) dan pengeluaran wang kertas (daripada 125 minit kepada 40 minit) oleh institusi kewangan.

Pusat Mata Wang Automatik (ACC)

ACC ialah fasiliti pengurusan wang kertas automatik sepenuhnya, selamat dan bersepadu (Gambar Rajah 1). Pusat ini dilengkapi mesin, sistem dan peralatan yang serba canggih, seperti Kenderaan Berpandu Automatik (*Automated Guided Vehicles*, AGV)[2], Sistem Penyimpanan dan Dapatan Semula Automatik (*Automated Storage and Retrieval Systems*, ASRS)[3], robot berautonomi[4] dan mesin pemprosesan wang kertas berkelajuan tinggi.

Gambar Rajah 1: Pengendalian Operasi Wang Tunai dari Awal Hingga Akhir di ACC



Nota: ^ IK/SPPWT - Institusi Kewangan/Syarikat Perkhidmatan Perpindahan Wang Tunai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Truput ialah pergerakan wang kertas keluar dan masuk melalui pusat mata wang.
[2] AGV ialah pengangkut muatan yang bergerak di lantai ACC tanpa dikendalikan oleh operator atau pemandu.
[3] ASRS ialah sistem berbantu komputer dan robot yang menyimpan dan mengambil barangan secara automatik dari lokasi yang telah ditetapkan di dalam fasiliti.
[4] Robot berautonomi ialah mesin-mesin pintar yang berupaya menjalankan tugas yang ditetapkan tanpa pengendalian manusia.



Pergerakan palet berisi wang kertas ke dan dari rak di dalam bilik kebal dikendalikan oleh kren automatik.



Setiap mesin pemprosesan wang kertas berupaya memproses hingga 2,000 keping wang kertas seminit.



Sistem penyimpanan dan Dapatan Semula Automatik (ASRS) mengendalikan wang kertas secara autonomi di dalam bilik kebal, menjadikannya zon tanpa manusia sepenuhnya.



Penglibatan tenaga kerja manusia yang minimum membolehkan fasiliti beroperasi 24 jam sehari.

Penggabungan IT/OT[5]

Sistem Pengurusan Gudang (*Warehouse Management System*, WMS)[6] ialah sistem teras ACC yang mengawal operasi pemprosesan wang kertas di ACC (Gambar Rajah 2). Sistem ini dapat menentukan, mengesan dan merekodkan setiap pergerakan wang kertas dalam masa nyata dengan catatan pergerakan dari segi masa dan denominasi. Tiada sehelai wang kertas pun yang tidak dikira atau tidak direkodkan. Berpandukan prinsip masuk dulu, keluar dulu (*first-in-first-out*, FIFO), WMS juga mengautomasikan aliran unit penyimpan khas yang mengandungi wang kertas untuk disimpan ke dalam atau dikeluarkan dari bilik kebal untuk penerimaan atau pengeluaran.

Gambar Rajah 2: WMS Penting dalam Operasi Wang Tunai Automatik di ACC



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kecekapan operasi mata wang negara telah bertambah baik dengan ketara hasil ketersambungan yang telah dipertingkat antara sistem IT dengan mesin automasi. Penggabungan Teknologi Maklumat (*Information Technology*, IT) dan Teknologi Operasi (*Operational Technology*, OT) membolehkan robot berautonomi

[5] Penggabungan IT/OT merujuk penyepaduan antara sistem teknologi maklumat (IT) dengan sistem teknologi operasi (OT) yang mewujudkan komunikasi dua hala antara kedua-dua sistem.
[6] Sistem pengurusan gudang ialah aplikasi perisian yang mengawal AGV, mesin penghantar, pengambilan dan penyimpanan inventori serta menguruskan operasi harian fasiliti gudang, iaitu ACC itu sendiri.

menggantikan manusia untuk menjalankan pelbagai tugas dalam rantaian pengeluaran dan membolehkan operasi tanpa henti. Pelbagai sensor yang terdapat sepanjang rantaian pengeluaran tersebut juga menjana data yang besar. Hal ini membolehkan analisis data dalam masa nyata serta penghasilan segera visualisasi data dan isyarat amaran. Teknologi ini menjadikan ACC sebagai fasiliti pengurusan wang tunai pintar dengan elemen Industri 4.0 (Gambar Rajah 3).

Gambar Rajah 3: Penerapan Elemen Industri 4.0 dalam Pusat Mata Wang Automatik



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kemunculan dan penggabungan IT dan OT membolehkan operasi mata wang dijalankan pada kelajuan tinggi dengan tahap ketepatan dan kawalan tertinggi dalam persekitaran yang selamat. Operasi mata wang dapat dijalankan selama 24 jam sehari, yang membolehkan wang kertas diproses dalam jumlah yang besar dan penyediaan wang kertas untuk pengeluaran oleh institusi kewangan dilakukan pada waktu malam tanpa pengendalian manusia. AGV, kren dan mesin penghantar di ACC dapat 'berkomunikasi' antara satu sama lain, membolehkan mesin-mesin yang berkenaan berfungsi secara autonomi dan terselaras dari segi logistik. Hal ini termasuk pencarian dan penyusunan unit-unit penyimpan khas yang mengandungi wang kertas mengikut arahan yang telah ditetapkan untuk pengeluaran pada hari yang berikutnya.

Penggabungan IT/OT juga membolehkan Bank meningkatkan operasi pemprosesan mata wang bagi memenuhi permintaan pengeluaran dalam tempoh yang singkat. Fleksibiliti ini juga membolehkan Bank mencapai tahap output yang diingini dengan masa henti minimum. Misalnya, fungsi penting ACC, iaitu deposit dan pengeluaran wang kertas oleh institusi kewangan, terus beroperasi tanpa gangguan sepanjang pandemik ini. Jurutera ACC dapat menyelesaikan masalah operasi atau teknikal dari jarak jauh dalam tempoh yang singkat. Penggabungan IT/OT juga membolehkan Bank mengungkai dan memanfaatkan nilai data OT daripada pelbagai sistem yang berbeza menjadi pemahaman yang boleh digunakan untuk bertindak. Semua aktiviti dari awal hingga akhir di dalam premis yang dipaparkan menerusi papan pemuka (*dashboard*) membantu dalam mengenal pasti sebarang masalah yang timbul dalam rantaian pengeluaran dikesan dan diperbetul dengan segera.

Selain itu, penggabungan IT/OT dalam operasi pemprosesan mata wang juga telah meningkatkan keupayaan Bank untuk mengoptimumkan stok mata wang. Keupayaan ACC memproses wang kertas pada kapasiti yang mempunyai kelajuan yang lebih pantas membolehkan Bank mengurangkan jumlah pemprosesan wang kertas

yang tertunggak, lalu menghasilkan pusing ganti wang kertas yang lebih tinggi. Hal ini meningkatkan keupayaan Bank memenuhi permintaan edaran dengan menggunakan wang kertas yang sesuai untuk edaran berbanding dengan wang kertas baharu.

Cabaran IT/OT

Meskipun penggabungan IT/OT telah memacu produktiviti dan kecekapan operasi mata wang Bank ke tahap baharu, cabaran tetap wujud.

Cabaran pertama ialah risiko teknologi yang digunakan tidak lagi menerima sokongan atau kemas kini penyelenggaraan (*technology obsolescence*). Meskipun komponen mekanikal ACC jarang ditukar selama beberapa tahun, komponen IT ACC akan lapuk selang beberapa tahun. Keadaan ini memerlukan usaha menaik taraf komponen atau penggantian secara berkala dan tetap. Bagi menangani isu ini, Bank telah melaksanakan semakan pengemaskinian teknologi yang komprehensif. Hasilnya, Bank akan melaksanakan saranan daripada semakan tersebut secara progresif dalam beberapa tahun akan datang.

Cabaran kedua ialah risiko ancaman luaran. Kesalinghubungan dengan sistem IT Bank yang lebih luas mendedahkan sistem OT ACC terhadap potensi ancaman serangan siber. Sebarang jurang dalam keselamatan siber perlu dikenal pasti dan ditangani secukupnya bagi memastikan sistem IT dan OT tidak terjejas. Bagi tujuan ini, Bank telah melabur secara besar-besaran dalam pengukuhan sistem IT dan daya tahan siber bagi menambah baik reka bentuk keselamatan IT/OT Bank. Di samping itu, penambahbaikan ini memastikan keselarasan dengan antara lain Guidelines for Secure Industrial Control System yang diterbitkan oleh CyberSecurity Malaysia dan standard lain yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, seperti IEC62443 Security of Industrial Automation and Control Systems (IACS) dan rangka kerja keselamatan siber National Institute of Standards and Technology (NIST).

Cabaran ketiga, keperluan tenaga kerja dengan kemahiran dalam bidang yang baru muncul. Gabungan bidang IT dan OT memerlukan kepakaran khusus. Tenaga pakar perlu dibangunkan pada peringkat dalaman memandangkan kurangnya tenaga pakar IT/OT tempatan. Oleh yang demikian, latihan dan pembelajaran sangat penting supaya seiring dengan perkembangan teknologi sedia ada dan yang bakal muncul. Sepanjang tahun 2021, Bank telah mendapatkan khidmat pakar industri IT/OT, membangunkan kurikulum teknikal yang disesuaikan sepadan dengan operasi Bank dan meningkatkan kemahiran kakitangan Bank bagi mendapatkan pensijilan teknikal daripada Lembaga Teknologi Malaysia (Malaysia Board of Technologists, MBOT).

ACC sebagai Fasiliti Pengurusan Mata Wang Pintar

Meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran, penggabungan IT/OT terbukti penting untuk mengubah ACC menjadi fasiliti pengurusan mata wang pintar. Pelbagai komponen ACC beroperasi secara autonomi tetapi terselaras bagi memproses mata wang dalam jumlah yang banyak dalam tempoh yang singkat. Menerusi keupayaan yang boleh ditingkatkan lagi dengan ketara, Bank dapat terus meletakkan harapan pada ACC bagi menjana wang kertas yang sesuai untuk edaran semula dalam kuantiti yang banyak untuk tahun-tahun yang akan datang.

Mengekalkan Integriti Kewangan

Memerangi Jenayah Kewangan Bersama-sama Pihak Berkepentingan Domestik dan Antarabangsa

Selaku Unit Perisikan Kewangan (Financial Intelligence Unit, FIU) negara, Bank mengumpul dan menganalisis risikan kewangan yang disyaki berkaitan dengan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering and terrorism financing*, ML/TF). Maklumat itu dikemukakan kepada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang (*law enforcement agencies*, LEA) dalam negara untuk siasatan lanjut ke atas kesalahan di bawah bidang kuasa mereka. Selain itu, Bank bekerjasama dengan rakan kongsi antarabangsa melalui pertukaran risikan kewangan dengan FIU asing. Bank juga membantu Jabatan Peguam Negara Malaysia mengenai permohonan rasmi berkenaan siasatan dan pendakwaan jenayah daripada negara-negara lain.

Kerjasama yang berkesan antara pelbagai pihak berkepentingan domestik dan antarabangsa merupakan faktor penting untuk memerangi jenayah kewangan yang sifatnya semakin kompleks dan tanpa sempadan. Perkongsian awam-swasta di Malaysia, yang dikenali sebagai MyFINet[1] atau Rangkaian Perisikan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Intelligence Network), terus mengadakan mesyuarat semasa pandemik COVID-19 melalui platform maya yang selamat bagi membincangkan kes-kes yang disiasat oleh LEA. Kerjasama ini menghasilkan perkongsian yang lebih pantas dan lebih bersasar berhubung dengan jenayah seperti rasuah, kesalahan berkaitan sekuriti dan pembiayaan percambahan (*proliferation financing*, PF)[2].

Bilangan Laporan Transaksi yang Mencurigakan (Suspicious Transaction Reports, STRs) yang dikemukakan oleh institusi pelapor semakin meningkat sekitar 30% setahun, antara tahun 2014 hingga 2021. Pada tahun 2021, jumlah STRs meningkat sebanyak 43% daripada tahun sebelumnya kepada 191,387. Secara khusus, terdapat peningkatan yang ketara dalam STRs berkaitan dengan penipuan, apabila penjenayah mengambil kesempatan daripada situasi pandemik untuk mengeksploitasi mangsa melalui penipuan yang berkaitan dengan produk perubatan, peluang pelaburan dan program bantuan kerajaan. STRs mengenai kesalahan cukai juga telah bertambah, menunjukkan terdapat peningkatan dalam kegiatan pengelakan cukai dan pelaporan pendapatan yang lebih rendah. Lebih 75% hasil analisis risikan kewangan yang dikemukakan oleh FIU kepada LEA dan FIU asing pada tahun 2021 adalah berkaitan jenayah berisiko tinggi[3]. Risikan kewangan yang dikemukakan itu membantu siasatan yang menghasilkan lebih 70 tangkapan yang melibatkan aktiviti rasuah, jenayah terancang, penyeludupan, eksploitasi seksual kanak-kanak dan pengubahan wang haram. Perkongsian maklumat risikan ini juga

Rajah 1: Peratus Hasil Risikan Kewangan Berkaitan dengan Kesalahan Berat pada Tahun 2021



Nota: "Lain-lain" termasuk jenayah berkaitan dengan pembiayaan percambahan, pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, eksploitasi seksual dsb.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] MyFINet ialah platform perkongsian risikan antara sektor awam (LEA) dengan sektor swasta (institusi pelapor) untuk membantu pengumpulan risikan dan penyiasatan, serta meningkatkan kemampuan sektor swasta untuk mengesan tingkah laku dan transaksi yang mencurigakan berkaitan dengan kesalahan berat.

[2] PF merujuk pembiayaan pencambahan senjata pemusnah besar-besaran (*weapons of mass destruction*, WMD) di bawah Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan.

[3] Jenayah berisiko tinggi termasuk penipuan, rasuah, jenayah terancang, penyeludupan dan pengedaran dadah, seperti yang dikenal pasti di bawah Penilaian Risiko ML/TF Negara (National ML/TF Risk Assessment, NRA 2020) di samping keganasan dan pembiayaan keganasan serta PF.

menyumbang kepada pembekuan dan penyitaan hasil jenayah yang bernilai lebih daripada RM136 juta, pemulihan hasil lebih daripada RM255 juta serta menyokong tindakan pencegahan terhadap aktiviti keganasan dan pembiayaan keganasan.

Pendekatan Pelbagai Serampang untuk Mengekang Penggunaan Akaun Keldai dan Memerangi Penipuan

Bank terus bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkepentingan lain untuk memastikan tindakan yang sesuai dan tepat pada masanya diambil terhadap si penipu dan sindiket akaun keldai. Bank telah mewujudkan mekanisme pertukaran maklumat yang pantas dengan PDRM dan mengeluarkan garis panduan kepada institusi kewangan. Bank juga mempromosikan platform utama PDRM untuk melaporkan penipuan dan kerjasama bersilang mengenai program kesedaran menerusi media sosial dan saluran awam. Selain itu, analisis data yang lebih canggih turut dilaksanakan sejajar dengan modus operandi penipuan yang semakin sofistikated. Tujuannya adalah untuk mengesan kumpulan bersindiket yang terlibat dalam mengendalikan akaun keldai. Analisis hubungan antara pelbagai individu dengan syarikat dibuat bagi mengenal pasti rangkaian dan entiti utama yang berkemungkinan merupakan kumpulan sindiket. Hal ini membolehkan tindakan penguatkuasaan yang lebih bersasar diambil terhadap akaun keldai.

Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (NCC) dan Pelan Hala Tuju NCC 2021-2023

Sejak dua dekad penubuhannya, Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC) terus memacu penyelarasan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Anti-Money Laundering and Countering Financing of Terrorism, AML/CFT) pada peringkat kebangsaan. Sehingga kini, terdapat 17 ahli NCC yang terdiri daripada Kementerian, agensi kerajaan serta pihak berkuasa pengawalan dan penyeliaan AML/CFT yang berkaitan. NCC menyediakan platform yang bersepadu untuk memastikan tindakan yang diambil oleh Malaysia adalah kohesif dan responsif terhadap risiko yang baru muncul serta memastikan pematuhan Malaysia terhadap piawaian antarabangsa. Perkara ini akan mengukuhkan rejim AML/CFT negara dan memelihara integriti sistem kewangan.

Dalam kapasitinya sebagai sekretariat, Bank telah melengkapkan kajian semula yang menyeluruh bagi NCC pada tahun 2021 untuk memastikan keberkesanan yang berterusan dalam pencapaian mandat dan objektifnya. Kajian semula ini termasuk menjajarkan semula tumpuan strategik negara terhadap AML/CFT berikutan perkembangan teknologi dan risiko dalam landskap domestik dan global, serta pelaksanaan langkah-langkah bersasar untuk menangani jurang sedia ada dan kekal responsif terhadap perkembangan risiko. Dalam hal ini, NCC meluluskan Pelan Hala Tuju NCC 2021-2023 yang berlandaskan Pelan Strategik Kebangsaan 2015-2020 (National Strategic Plan, NSP). Pelan Hala Tuju NCC merangkumi lima bidang strategik, iaitu (i) perundangan, pengawalseliaan dan penyelarasan, (ii) risiko, (iii) langkah-langkah pencegahan, (iv) bina upaya dan kesedaran, serta (v) penguatkuasaan. Bidang tanggungjawab utama dan pelan tindakan khusus agensi dan jawatankuasa kecil yang berkaitan kemudiannya diselaraskan dengan pelan hala tuju yang baharu.

Pelan Hala Tuju NCC memasukkan saranan daripada Penilaian Risiko Negara Mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2020 (National Risk Assessment on Money Laundering and Terrorism Financing, NRA 2020) baru-baru ini. Pelan ini merupakan penilaian di seluruh negara mengenai dedahan Malaysia terhadap jenayah berisiko tinggi dan kelemahan sektoral. Hasil NRA adalah sangat penting untuk merangka dan memacu dasar AML/CFT pada peringkat kebangsaan dan institusi dengan cara yang lebih berkesan dan bersasar.

Penilaian Risiko Negara Mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2020 (NRA 2020)

Selaku pihak berkuasa berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA) dan sekretariat kepada NCC, Bank memegang peranan penting dalam penyelarasan usaha pelaksanaan NRA 2020 di seluruh negara. NRA 2020 merupakan penilaian berpusat kali keempat bagi mengenal pasti dan menilai dedahan Malaysia terhadap risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF). Penilaian ini dijalankan mengikut amalan terbaik antarabangsa dan saranan oleh Financial Action Task Force (FATF)[4].

Pada bulan Julai 2021, NCC telah mengesahkan keputusan NRA 2020. Dengan menggunakan set data dari tahun 2017 hingga 2019, NRA 2020 telah menilai beberapa bidang seperti yang berikut:

- Kesalahan berat yang menimbulkan ancaman pengubahan wang haram;
- Risiko keganasan dan pembiayaan keganasan; dan
- Tahap mudah terjejas sektor kewangan dan bukan kewangan terhadap risiko ML/TF. Dapatan utama mengenai kesalahan berat, sektor kewangan dan bukan kewangan diringkaskan dalam Gambar Rajah 1.

Gambar Rajah 1: Dapatan Utama Mengenai Kesalahan Berat, Sektor Kewangan dan Bukan Kewangan



[4] FATF merupakan badan antara kerajaan yang menetapkan piawaian antarabangsa dan menggalakkan pelaksanaan langkah-langkah undang-undang, pengawalan dan operasi yang berkesan untuk memerangi ancaman terhadap integriti sistem kewangan antarabangsa.

SEKTOR KEWANGAN	Pengubahan Wang Haram			Pembiayaan Keganasan		
	Tahap Ancaman	Langkah Kawalan	Risiko Bersih Keseluruhan	Tahap Ancaman	Langkah Kawalan	Risiko Bersih Keseluruhan
Institusi Perbankan	●	▲	■	●	▲	■
Pengeluar Bukan Bank Instrumen Pembayaran yang Ditetapkan	●	▲	■	●	▲	■
Perniagaan Perkhidmatan Wang	●	▲	■	●	▲	■
Pengantara Pasaran Modal	●	▲	■	●	▲	■
Pengantara Insurans	●	▲	■	●	▲	■
Pengendali Insurans Takaful	●	▲	■	●	▲	■
Pemberi Pinjaman Wang	●	▲	■	●	▲	■
Institusi Kewangan Bukan Bank	●	▲	■	●	▲	■
Broker Wang Labuan	●	▲	■	●	▲	■
Syarikat Pemajakan	●	▲	■	●	▲	■
Syarikat Pemfaktoran	●	▲	■	●	▲	■
Pengantara Pasaran Modal Labuan	●	▲	■	●	▲	■
Syarikat Pemfaktoran Labuan	●	▲	■	●	▲	■
Pengantara Perbankan	●	▲	■	●	▲	■
Pemegang Pajak Gadai	●	▲	■	●	▲	■
Bank-Bank Labuan	●	▲	■	●	▲	■
Pengendali Insurans/Takaful Labuan	●	▲	■	●	▲	■

SEKTOR DNFBP	Pengubahan Wang Haram			Pembiayaan Keganasan		
	Tahap Ancaman	Langkah Kawalan	Risiko Bersih Keseluruhan	Tahap Ancaman	Langkah Kawalan	Risiko Bersih Keseluruhan
Peniaga Logam Berharga atau Batu Berharga	●	▲	■	●	▲	■
Peguam	●	▲	■	●	▲	■
Setiausaha Syarikat	●	▲	■	●	▲	■
Akauntan	●	▲	■	●	▲	■
Kasino	●	▲	■	●	▲	■
Ejen Harta Tanah Berdaftar	●	▲	■	●	▲	■
Pusat Perjudian	●	▲	■	●	▲	■
Syarikat Amanah Labuan	●	▲	■	●	▲	■
Syarikat Amanah	●	▲	■	●	▲	■

Penunjuk:

Tahap Ancaman	● Tinggi	● Sederhana Tinggi	● Sederhana	● Rendah
Langkah Kawalan	▲ Lemah	▲ Minimum	▲ Boleh Terima	▲ Kukuh
Risiko Bersih Keseluruhan	■ Tinggi	■ Sederhana Tinggi	■ Sederhana	■ Rendah

Kajian NRA yang dijalankan setiap tiga tahun telah melalui beberapa siri pembaharuan supaya sejajar dengan perkembangan risiko. NRA 2013 menyediakan asas yang kukuh bagi penilaian risiko negara, dengan disokong oleh penunjuk risiko yang diterima pakai daripada Asia/Pacific Group on Money Laundering Strategic Implementation Planning Framework. Rangka kerja ini memberikan tumpuan pada risiko sedia ada dan kelemahan yang wujud, tanpa membuat penilaian mengenai langkah-langkah kawalan. NRA 2017 melibatkan suatu penstrukturan

semula dalam kaedah penilaian supaya menjadi lebih menyeluruh dengan analisis yang lebih mendalam. Hal ini termasuk tumpuan terhadap ancaman asing, pembiayaan keganasan, tahap mudah terjejas institusi serta kesalinghubungan antara jenayah tertentu dengan sektor kewangan dan bukan kewangan.

Berpandukan dapatan NRA 2020, sejumlah saranan telah digariskan untuk menangani jurang yang dikenal pasti dan meningkatkan langkah-langkah sedia ada. Saranan ini termasuk mewujudkan rangka kerja undang-undang dan operasi yang lebih kukuh, melaksanakan langkah-langkah pengurangan risiko yang mantap, meningkatkan kapasiti dan keupayaan AML/CFT serta mengukuhkan penyelarasan dan kerjasama.

Rangka tindakan ini telah dimasukkan dalam lima bidang tumpuan strategik di bawah Pelan Hala Tuju NCC 2021-2023, yang merangkumi bidang tanggungjawab utama yang perlu dipenuhi oleh agensi anggota dan kementerian yang berkaitan.

Penyeliaan Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBP)[5] dan Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB)

Bank terus menyesuaikan pendekatan penyeliaannya dalam menjalankan penyeliaan berasaskan risiko terhadap Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (Designated Non-Financial Businesses and Professions, DNFBP) dan IKBB. Pada tahun 2021, pendekatan penyeliaan terhadap pematuhan AML/CFT oleh DNFBP dan IKBB lebih banyak bergantung pada pemeriksaan maya dan hibrid, pemantauan di luar premis (*off-site monitoring*) dan penilaian semula secara tematik. Selain itu, pemeriksaan hibrid bersama telah dijalankan dengan penyelia AML/CFT lain bagi menggalakkan usaha penyeliaan yang bersepadu di samping meningkatkan keupayaan penyeliaan.

Penggunaan alat pemantauan di luar premis juga dipertingkat melalui penerbitan Laporan Data dan Pematuhan 2021 (Data and Compliance Report, DCR2021). DCR2021 memanfaatkan automasi dan memperkenalkan portal penyerahan baharu yang memudahkan pemantauan penyerahan masa nyata bagi membantu penilaian risiko dan pengiraan penarafan pematuhan. Sejumlah 14 klinik sokongan DCR diadakan bagi meningkatkan kesedaran dan kualiti maklum balas. Hasilnya, terdapat peningkatan ketara sebanyak 146% dalam maklum balas DCR berbanding dengan tahun 2020. Hal ini disebabkan terutamanya oleh jangkauan yang lebih luas kepada sektor masing-masing oleh persatuan-persatuan industri, badan pengawalseliaan kendiri dan agensi lain. Secara keseluruhan, DCR2021 menghasilkan pemetaan risiko ML/TF institusi yang lebih baik serta pemahaman dan pematuhan sektor.

Kecekapan dan keberkesanan proses penyeliaan dapat ditingkatkan dengan memanfaatkan automasi dan teknik analisis data untuk analisis penyeliaan menerusi pemusatan dan pengamatan data terhadap sektor DNFBP. Peningkatan ini termasuk membolehkan penyeliaan dan pemantauan bersasar terhadap sektor berkenaan.

Pada tahun 2021, Bank mengendalikan 74 sesi libat urus secara maya sebagai sebahagian daripada strategi kesedaran AML/CFT. Platform elektronik baharu telah diwujudkan sebagai pangkalan data berpusat yang mengandungi bahan-bahan program kesedaran untuk menyokong pegawai pematuhan di DNFBP dan IKBB. Selain itu, buletin yang diterbitkan telah menyiarkan topik mengenai AML/CFT, termasuk berita terkini, garis panduan, infografik, penilaian risiko dan perkembangan antarabangsa.

Bagi meningkatkan usaha yang dipacu industri, Bank menggalakkan penubuhan kumpulan rangkaian pegawai pematuhan di bawah Jawatankuasa Kecil DNFBP (DNFBP Sub-Committee, DSC) NCC. Usaha ini mengambil manfaat daripada jawatankuasa AML/CFT yang sedia ada dalam kalangan badan pengawalseliaan kendiri dan persatuan industri. Langkah ini mendorong kepada penubuhan Kumpulan Rangkaian Pegawai Pematuhan (Compliance Officers Networking Group, CONG) bagi Syarikat Amanah yang telah diperkenalkan pada Persidangan Pematuhan AML/CFT 2021. Seterusnya, program latihan kepada tenaga pengajar (*train-*

[5] Terma kolektif yang digunakan untuk menerangkan tentang kasino, pusat perjudian, ejen harta tanah, peniaga logam berharga atau batu berharga, serta individu dan institusi yang menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan pengawalan akses (*gatekeeping services*), iaitu peguam, akauntan, setiausaha syarikat dan syarikat amanah.

the-trainer) AML/CFT turut dilancarkan untuk entiti yang menyediakan perkhidmatan undang-undang, perakaunan dan kesetiausahaan syarikat. Program ini bertujuan untuk melengkapkan dan membentuk ahli profesional AML/CFT khusus sektor yang mempunyai pemahaman dan pengetahuan yang mantap mengenai keperluan AML/CFT. Lepasan program latihan kepada tenaga pengajar ini akan memberikan latihan selanjutnya kepada ahli masing-masing bagi meneruskan sokongan dan penambahbaikan dalam pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT secara lebih baik.

Pengurusan Bank

100 **Warga Bank**

107 *Rencana: Program Graduan Kijang: Melahirkan Bakat yang Tangkas Sebagai Persediaan Bank Pusat Menghadapi Masa Hadapan*

109 **Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari**

122 **Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman**

128 **Menyantuni Rakyat Malaysia**

137 *Rencana: Mengukur Nadi Ekonomi Semasa Pandemik*

143 *Rencana: Pemerkasaan Semula Kawalan Kewangan Peribadi pada Waktu yang Mencabar*

149 **Libat Urus Antarabangsa**

Pengurusan Bank



Pengurusan Bank

Warga Bank

Tatkala Bank menjuruskan usaha untuk memenuhi keutamaan sedia ada semasa pandemik ini, Bank terus memastikan agar warga kerjanya bersiap siaga untuk menghadapi masa hadapan.

Landskap ekonomi dan industri kewangan terus berkembang. Pembaharuan dalam cara menggunakan teknologi telah membuka laluan bagi model perniagaan baharu. Pada masa yang sama, situasi ini juga mengganggu peserta sedia ada dan menimbulkan risiko baharu terhadap kestabilan secara keseluruhan. Isu-isu seperti risiko alam sekitar, demografi yang berubah-ubah dan ketidaksamaan juga mewujudkan cabaran dasar baharu bagi Malaysia. Semua dimensi perubahan ini memerlukan pemikiran baharu dan pendekatan luar kebiasaan untuk membolehkan Bank melaksanakan mandatnya. Sepanjang tahun 2021, tumpuan telah diberikan untuk membentuk semula Bank supaya menjadi lebih tangkas dan berkesan; melengkapkan warga Bank dengan keupayaan dan instrumen yang tepat; serta memperkukuh nilai budaya yang diingini sebagai asas semua tindakan Bank.

Ketangkasan Bekerja

Bagi memastikan Bank sentiasa dalam keadaan bersedia, pihak Bank telah mengambil langkah untuk memperbaharui struktur organisasi dan mengoptimumkan tenaga pekerjanya. Hal ini meliputi penyusunan semula fungsi jabatan untuk mengukuhkan sinergi dan menggalakkan barisan pengawasan yang lebih mantap bagi bidang yang berkembang dengan pantas. Fungsi pembayaran dan pengiriman wang yang dibentuk oleh kemajuan teknologi telah diselaraskan semula untuk menambah baik koordinasi dan penjajaran di samping memperkukuh fungsi dasar dan penyeliaan Bank. Peranan tanggungjawab terhadap rangkuman kewangan, kewangan sosial dan pengantaraan berasaskan nilai akan digabungkan berdasarkan ciri-cirinya yang saling berhubung kait. Gabungan ini akan menggerakkan hala tuju yang strategik dan menyeluruh demi kepentingan objektif pembangunan yang mampan. Unit-unit baharu dibentuk untuk menyokong penyeliaan pihak Bank terhadap bank-bank digital serta memperkukuh tumpuan terhadap pengurusan risiko berkaitan iklim. Bank juga membaharui dan menyusun semula semua jabatan yang menguruskan modal insan bagi meningkatkan sokongan yang menyeluruh kepada jabatan-jabatan berhubung dengan hal ehwal warga kerja. Tatkala Bank mengorak langkah ke hadapan, Bank mencuba pelbagai pendekatan yang lebih fleksibel bagi melaksanakan projek penting dan inisiatif dasar untuk mengoptimumkan tenaga mahir Bank secara lebih baik. Matlamat yang ingin dicapai berikutan perubahan ini adalah untuk menggalakkan ketangkasan, kerjasama bersilang dan mobiliti dalam kalangan tenaga mahir.

Bank juga melabur untuk memanfaatkan teknologi sepenuhnya bagi meningkatkan kecekapan warga kerja. Pelaburan ini termasuk peralatan untuk kerjasama yang lebih baik bagi tujuan bekerja dari jarak jauh. Platform untuk pengawasan yang berterusan, penilaian serta memudahkan proses membuat keputusan telah diperkenalkan. Langkah-langkah ini juga membolehkan Bank bersedia untuk menerapkan pengaturan bekerja secara hibrid yang tetap. Bekerja dari jarak jauh dan akses kepada infrastruktur Bank dari luar premis menimbulkan risiko baharu yang dahulunya kurang lazim apabila kebanyakan aktiviti warga Bank dilakukan “di dalam pejabat”. Oleh yang demikian, Bank telah mempertingkat kesedaran tentang risiko keselamatan siber. Usaha ini melibatkan

perkongsian maklumat, pembelajaran bimbingan kendiri (*self-guided learning*), ujian keselamatan siber dan latihan pancingan data secara berkala bagi memastikan kakitangan terus berwaspada.

Pengukuhan Tenaga Kerja Bank

Isu-isu yang dihadapi oleh bank pusat pada hari ini adalah lebih kompleks dan pelbagai. Elemen penting yang membolehkan Bank melaksanakan mandatnya secara berkesan adalah dengan wujudnya tenaga kerja yang mudah menyesuaikan diri serta dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya. Bagi menangani perubahan yang pesat ini, set kemahiran dan keupayaan baharu mesti dikuasai dengan segera. Hal ini mendorong Bank untuk menilai semula kecekapan teknikal bagi semua fungsi secara keseluruhan pada tahun 2021. Ketika penilaian semula sedang dijalankan, Bank mengutamakan inisiatif peningkatan kemahiran dalam bidang perubahan iklim, mata wang digital dan sains data.

Dengan isu-isu baharu yang timbul, Bank memerlukan tenaga pekerja dengan pemikiran yang tangkas supaya mereka dapat menangani isu-isu yang kompleks dan saling berkait. Bank terus melabur untuk meningkatkan keupayaan warga kerja Bank dalam menyelesaikan masalah dan menghasilkan pemikiran yang bersepadu. Hal ini direalisasikan menerusi gabungan latihan, projek dan tugasan mencabar (*stretch assignments).* Sebagai salah satu usaha bina upaya Bank, beberapa kakitangan juga dipinjamkan kepada organisasi luar di dalam dan luar negara. Inisiatif ini membolehkan Bank mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai isu-isu yang dihadapi di lapangan dan mendekati perbincangan yang boleh mempengaruhi tindakan dasar Bank. Bagi mengekalkan standard kecemerlangan yang tinggi, Bank memperbaharui pelbagai pensijilan profesional yang boleh diambil oleh warga kerjanya. Hal ini termasuk menambah pensijilan dalam bidang yang berkaitan dengan teknologi dan perubahan iklim. Pensijilan ini menjadi pelengkap kepada kelayakan profesional tradisi seperti kewangan, perakaunan, pengurusan risiko dan operasi pasaran kewangan. Pada masa ini, sebanyak 634 kakitangan Bank menjadi ahli badan profesional dan memiliki kelayakan yang diiktiraf oleh Bank.

Bank juga meneruskan usaha untuk membangunkan barisan pemimpin masa hadapan yang mantap dengan repertoir gaya kepimpinan yang dihasratkan. Penekanan yang lebih mendalam diberikan terhadap bimbingan dan pementoran kakitangan lain serta pengukuhan budaya pembelajaran. Hal ini bertujuan untuk memperkukuh budaya penyebaran pengetahuan dan perkongsian pengalaman antara generasi warga kerja Bank yang berbeza.

Cara baharu dalam pekerjaan dan penggunaan teknologi yang lebih meluas kini mentakrifkan semula peranan warga kerja. Kebanyakan warga kerja yang terkesan ialah warga kerja yang bertugas dalam bahagian pentadbiran seperti perkeranian dan kesetiausahaan. Bank melihat situasi ini sebagai satu peluang untuk memperkaya pekerjaan serta meningkatkan kemahiran, memberikan latihan semula dan menempatkan semula warga kerjanya. Dengan cara ini, warga kerja dapat berubah seiring dengan masa, di samping terus memberikan sumbangan dan bakti kepada Bank. Bagi tujuan ini, Bank telah merangka kurikulum berstruktur untuk meningkatkan keupayaan kakitangan pentadbirannya. Bidang tumpuan merangkumi kefasihan digital, pengurusan pejabat, komunikasi dan perhubungan pelanggan.

Memaksimumkan Potensi Warga Kerja

Bank telah sekian lama mengamalkan tradisi memupuk tenaga kerja mahir dari dalam organisasi. Pada tahun 2021, Bank telah mengubah struktur proses membuat keputusan berkaitan dengan tenaga kerja mahir untuk memberikan lebih fleksibiliti dan memperkasakan pemimpin sektor untuk berbincang, membuat keputusan dan merancang hal ehwal warga kerja sektor mereka. Hal ini termasuk hal ehwal berkaitan peranan, perkembangan dan mobiliti. Pendekatan ini menjadi pelengkap kepada pengaturan sedia ada bagi fungsi penting dalam Bank (*Bank-wide mission-critical functions*) dan jawatan kanan, yang dipertimbangkan pada peringkat Jawatankuasa Pengurusan. Matlamat ini bertujuan untuk menambah baik pendekatan Bank dalam memupuk kumpulan tenaga kerja mahir secara aktif daripada peringkat bawahan sehingga

Gambar Rajah 1 : Strategi Pembangunan Pelbagai Serampang Bagi Memupuk Kakitangan yang Berkebolehan Tinggi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2: Demografi Tenaga Kerja Seimbang Gender dan Berbilang Generasi

Generasi milenial membentuk segmen terbesar, iaitu 56% daripada tenaga kerja Bank



Bilangan: 3130



Jawatan	Pembahagian Gender	
Pengurusan Kanan	56%	44%
Pengurus	43%	57%
Eksekutif Peringkat Pertama	43%	57%
Bukan Eksekutif	62%[1]	38%

[1] Peratusan kakitangan bukan eksekutif lelaki yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh bilangan Polis Bantuan Bank.

Nota : Data setakat 31 Dis 2021.

Sumber: Bank Negara Malaysia



Gabenor merupakan ahli panel webinar "Women in Central Banking" yang dianjurkan oleh Bank for International Settlements. Webinar ini membincangkan tentang usaha berterusan bank-bank pusat untuk menambah baik kepelbagaian gender. Gabenor berkongsi tentang etos Bank, iaitu semua warga Bank berpeluang memberikan sumbangan dan menjadi ejen perubahan tanpa mengira gender. Etos ini dicerminkan dalam keseimbangan bilangan kakitangan lelaki dan wanita merentas Bank. Organisasi perlu menyediakan persekitaran membina yang membantu kakitangan mengimbangi antara kerjaya dengan keperluan keluarga, terutamanya dalam norma bekerja yang baharu.

Sumber: Bank for International Settlements



Forum ini menghimpunkan lebih 100 peserta dari pelbagai industri untuk membentuk rangkaian dan berkongsi amalan L&D semasa dan baru yang akan memberikan kesan kepada pertumbuhan organisasi.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Petroliam Nasional Berhad

peringkat pengurusan pertengahan yang bersedia untuk memikul peranan yang lebih besar di Bank.

Bank juga mempelbagaikan kaedah pengambilan peringkat kemasukan melalui Program Graduan Kijang (Kijang Graduate Programme, KGP) pada tahun 2021, yang menarik tenaga kerja mahir daripada pelbagai latar belakang (seperti kejuruteraan, seni bina dan psikologi). Program ini menggilirkan peserta merentas jabatan dan fungsi bagi membolehkan mereka belajar tentang banyak aspek perbankan pusat dengan cepat. Untuk maklumat lanjut mengenai KGP, sila rujuk rencana bertajuk "*Program Graduan Kijang: Melahirkan Bakat yang Tangkas Sebagai Persediaan Bank Pusat Menghadapi Masa Hadapan*".

KGP menjadi pelengkap kepada program biasiswa Bank yang sudah mantap (sejak tahun 1962) untuk memupuk bakat muda sebagai sebahagian daripada strategi pengambilan pekerja Bank. Pada tahun 2021, Bank telah menganugerahkan biasiswa kepada 53 anak muda Malaysia untuk melanjutkan pengajian pada peringkat prauniversiti dan ijazah pertama.

Sokongan Berterusan Terhadap Kakitangan Melalui Kebiasaan Baharu

Sepanjang dua tahun yang lalu, pandemik COVID-19 telah menggugat dengan ketara sekali kehidupan kita dan cara kita berinteraksi antara satu sama lain. Mengimbangi antara komitmen kerja dengan tanggungjawab terhadap keluarga, jurang waktu pejabat dan peribadi yang semakin kabur, di samping berkurangnya interaksi bersemuka telah meninggalkan kesan terhadap kesejahteraan fizikal dan mental. Bank menyedari kesan kesemua keadaan ini terhadap semangat dan motivasi warga kerja jika perkara tersebut tidak ditangani. Sepanjang tempoh ini, pengurusan kanan Bank mempergiat interaksi dan perbincangan dengan kakitangan pada semua peringkat bagi mengenal pasti tindakan yang dapat diambil untuk menangani isu yang dihadapi, terutamanya isu yang dialami oleh ibu bapa yang bekerja. Keadaan ini telah menyebabkan pihak Bank melancarkan beberapa siri inisiatif untuk membantu kakitangan mengharungi situasi yang mencabar ini.

Gambar Rajah 3 : Peserta KGP Menjalani Penggiliran Tiga Jabatan dalam Tempoh 18 Bulan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 4: Sumber Tenaga Kerja Mahir



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5: Pendekatan Pelbagai Serampang Bagi Menyokong Kesejahteraan Mental Warga Bank



[1] Work-Life Assistance Programme menyediakan saluran sulit untuk warga Bank mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan supaya dapat terus melaksanakan tugas di tempat kerja dengan berkesan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2021, Bank juga melakukan semakan dasar pengaturan kerja kakitangan secara lebih menyeluruh. Semakan dasar ini mengambil iktibar daripada pengaturan bekerja dari jarak jauh dan hibrid yang sedang berlaku dalam tempoh pandemik ini. Selain itu, dasar ini juga berpandangan ke hadapan untuk meningkatkan ketangkasan organisasi yang membolehkan warga Bank terus progresif dan produktif. Pada masa yang sama, bagi membolehkan kakitangan mengimbangi urusan kerja dan kehidupan peribadi dengan lebih baik, Bank akan melaksanakan pengaturan kerja yang fleksibel pada masa hadapan.



Kijang4U ialah kumpulan sokongan tidak rasmi yang terdiri daripada kakitangan dan pesara Bank yang membantu kakitangan lain menyuarakan kebimbangan melalui saluran yang sesuai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Memastikan Tingkah Laku Terbaik

Dalam melaksanakan mandatnya, Bank bukan sahaja perlu menyempurnakan misinya, malah perlu mengambil kira dengan teliti cara misi tersebut disempurnakan. Sebagai sebuah institusi yang berkhidmat demi kepentingan negara, tindakan Bank hendaklah mencerminkan tahap kecemerlangan, integriti dan profesionalisme yang tinggi. Pada tahun 2021, Bank telah mengkaji semula Kod kakitangannya, yang menghasilkan Kod Tatakelakuan yang diperbaharui. Kod Tatakelakuan ini menghuraikan kehendak Bank terhadap tatacara dan tingkah laku para pegawai dengan lebih jelas, sejajar dengan teras budaya Bank untuk menggalakkan persekitaran kerja yang kolaboratif, saling menghormati dan pelbagai.

Gambar Rajah 6: Pembangunan Berterusan untuk Kakitangan Melalui Pelbagai Saluran



Pelaburan pembelajaran dan pembangunan (*learning and development*, L&D) daripada gaji kasar
4.20%
[purata 3 tahun (2018-2020): 6.05%]

Nota:
- Pelaburan L&D terdiri daripada program pembelajaran, mesyuarat antarabangsa untuk pendedahan semasa kerja kepada pemahaman dan rangkaian baharu, biasiswa pascasiswazah kepada kakitangan, pemprofilan kepimpinan dan kos kakitangan L&D.
- Pelaburan lebih rendah disebabkan oleh kekangan COVID-19 yang berterusan terhadap pembelajaran dan mesyuarat antarabangsa secara bersemuka.



Purata masa pembelajaran bagi setiap eksekutif:
45 jam
[purata 3 tahun (2018-2020): 41 jam]

Peratusan Kakitangan Dilatih



Jumlah kakitangan yang menjalani latihan:
2,294 orang
[purata 3 tahun (2018-2020): 2,501]

Pembelajaran Bersemuka vs Pembelajaran Secara Maya



Penggunaan pembelajaran secara maya meningkat

Nota:
- Pembelajaran secara maya meliputi latihan formal dan pembelajaran sosial (contoh perkongsian ilmu, perbincangan meja bulat).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Program Graduan Kijang: Melahirkan Bakat yang Tangkas Sebagai Persediaan Bank Pusat Menghadapi Masa Hadapan

Pada tahun 2021, Bank memperkenalkan Program Graduan Kijang (Kijang Graduate Programme, KGP) sebagai satu daripada beberapa inisiatif untuk membangunkan kumpulan bakat yang lebih tangkas dan berkebolehan tinggi agar kemahiran mereka dapat dimanfaatkan merentasi organisasi. KGP ialah program selama 18 bulan dengan tiga giliran, sama ada dalam aliran "Umum" atau "Digital". Dalam aliran "Umum", graduan penganalisis akan ditugasi secara bergilir-gilir merentasi jabatan dalam sektor Kestabilan Monetari, Kestabilan Kewangan dan Pengurusan Korporat. Graduan penganalisis dalam aliran "Digital" akan ditugasi secara bergilir-gilir merentasi tiga pasukan yang berasaskan teknologi di Bank. Pasukan ini termasuk barisan pasukan yang menguruskan hal ehwal dalaman seperti infrastruktur digital dan keselamatan siber, serta pasukan yang menguruskan hal ehwal luaran seperti sains data dan penyeliaan IT. Melalui KGP, sasaran pihak Bank adalah untuk mencapai kumpulan bakat muda yang lebih besar dan bervariasi, membolehkan mereka bersedia untuk bekerjasama merentasi jabatan, serta meningkatkan ketekalan dan kualiti kakitangan baharu melalui proses pengambilan kakitangan yang lebih bersepadu.

KGP Menyokong Ketangkasan Bakat di Bank Melalui Tiga Cara:

1. **Kumpulan bakat yang lebih bervariasi**
   Bank memfokuskan saranan nilai uniknya sebagai Bank Pusat untuk menarik bakat muda yang berpotensi dan bersemangat bagi merebut peluang untuk berkhidmat kepada negara. Bank memperluas inisiatif jangkauannya, termasuk menambah baik laman sesawang kerjaya Bank dan menganjurkan sesi maklumat kerjaya secara maya buat kali pertama.

   Hasilnya, Bank dapat menarik kumpulan pemohon yang lebih ramai dan bervariasi untuk pengambilan KGP kali pertama berbanding dengan inisiatif pengambilan graduan sebelum ini. Bank menerima hampir 1,500 permohonan untuk pengambilan kali pertama pada bulan September 2021 (Lihat Lampiran 1 untuk profil pemohon yang disenarai pendek).

2. **Pendekatan berstruktur untuk membina rangkaian kerjasama**
   Melalui tiga giliran tugasan merentasi jabatan yang berbeza di Bank, graduan penganalisis memperoleh perspektif yang lebih luas tentang jabatan yang berbeza di Bank. Hubungan yang dibina dalam penggiliran ini akan dapat dimanfaatkan oleh graduan penganalisis dalam kerjaya mereka di Bank pada masa akan datang. Bank juga menghubungkan setiap graduan penganalisis dengan seorang mentor dan menganjurkan acara rangkaian dalaman untuk membolehkan graduan penganalisis membina hubungan profesional mereka dengan cepat.

3. **Pendekatan berpusat untuk pengambilan kakitangan peringkat kemasukan**
   Program graduan ini direka bentuk untuk mengenal pasti bakat yang terbaik melalui pendekatan yang lebih tekal untuk pengambilan peringkat kemasukan. Selain semakan resume dan ujian standard, KGP juga menggabungkan kajian kes secara kumpulan dan temu bual panel bersama pemimpin-pemimpin di Bank Negara Malaysia. Pemilihan dijalankan dalam satu proses penilaian bagi seluruh kohort untuk peranan peringkat kemasukan di Bank. Pendekatan ini menggalakkan penanda aras penilaian yang lebih seragam bagi seluruh kohort serta pengalaman yang tekal untuk semua calon.

   Bank mengambil dua kohort graduan penganalisis KGP setahun, iaitu pada bulan April dan September. Butiran lanjut program boleh didapati melalui bnm.gov.my/kgp

Maklum balas daripada peserta :

> “KGP telah memberikan pendedahan yang begitu luar biasa kepada saya. Pada masa ini, saya bertugas di Makmal Inovasi. Saya telah membantu perkembangan dalaman dan menyediakan sokongan pendigitalan untuk jabatan lain. Peluang pembelajaran ini sangat hebat! ”

> “Saya teruja dengan peluang pembelajaran yang diperoleh setakat ini. Cabaran dan pembelajaran yang diperoleh sepanjang bertugas di sini menjadikan saya ingin belajar dengan lebih banyak lagi. Saya turut dibantu oleh sistem sokongan yang kuat yang sentiasa ada ketika saya memerlukannya; membimbing saya sepanjang perjalanan untuk merealisasikan potensi diri saya sepenuhnya. ”

Rajah 1: Profil Pemohon yang Telah Disenarai Pendek*



* Pemohon yang disenarai pendek merujuk kepada pemohon yang memenuhi kriteria minimum yang ditetapkan, termasuklah kelayakan akademik.

Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari

Peralihan yang teratur dan adil[1] amat penting bagi Malaysia untuk mengelakkan kesan yang besar ke atas ekonomi dan masyarakat serta memanfaatkan peluang pertumbuhan hijau, tatkala kita berusaha ke arah pelepasan GRH[2] sifar bersih menjelang tahun 2050.

Pengenalan

Kesan perubahan iklim terus meluas dan semakin ketara, serta meninggalkan kesan kepada negara, ekonomi dan sistem kewangan kita. Wujud kesepakatan pandangan tentang perlunya tindakan segera untuk menyahkarbonkan (*decarbonise*) ekonomi global bagi mengurangkan kesan perubahan iklim yang semakin meningkat. Dalam mencapai matlamat ini, banyak negara telah menyatakan komitmen terhadap sasaran pelepasan GRH sifar bersih dalam tempoh tiga hingga empat dekad yang akan datang. Bagi Malaysia, Kerajaan komited untuk mencapai sasaran ini menjelang tahun 2050.

Pada tahun 2021, Bank telah memberikan tumpuan pada usaha untuk meningkatkan tindak balasnya dan mendorong tindakan industri secara kolektif terhadap risiko iklim dalam sektor kewangan. Usaha ini penting dalam membina sektor kewangan yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim dan memberikan sokongan ke arah menghijaukan ekonomi negara. Khususnya, Bank terus memainkan peranan sebagai pembentuk dalam membina keupayaan institusi kewangan negara. Hal ini termasuk memperkukuh keupayaan untuk mengukur, mengurang dan memberikan perlindungan terhadap risiko iklim. Pada peringkat dalaman, Bank terus mengambil langkah untuk menghijaukan operasinya. Pada peringkat makro, Bank memberikan tumpuan pada menyelaraskan tindak balas sektor kewangan terhadap risiko iklim sejajar dengan dasar dan strategi negara. Hal ini termasuk menyokong dasar berkaitan kelestarian seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dan belanjawan negara. Bank juga giat memberikan pandangan yang mewakili pasaran sedang pesat membangun mengenai isu-isu iklim pada peringkat serantau dan antarabangsa, terutamanya yang berkaitan dengan kesaksamaan iklim.

Pendekatan Keseluruhan Bank yang Lebih Berstruktur

Hampir tiga tahun memacu usaha ini, Bank terus mengukuhkan pendekatan organisasi terhadap risiko iklim. Perkembangan ini telah mendorong kepada penubuhan Unit Lestari (Sustainability Unit, SU) yang ditugaskan untuk memacu usaha Bank bagi menyepadukan agenda hijau meliputi semua fungsi dan operasi Bank. SU, yang melapor terus kepada Gabenor dan pengurusan kanan Bank, menyelaras serta mengawasi strategi keseluruhan dan inisiatif penting berkaitan iklim di Bank. Unit ini menyediakan sokongan teknikal dan bina upaya kepada enam aliran fungsi utama Bank (Gambar Rajah 1). SU turut berinteraksi dengan Lembaga Pengarah Bank berhubung dengan strategi berkaitan iklim bagi memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman mereka. Pada peringkat pengurusan kanan, seorang Timbalan Gabenor berperanan sebagai Penaja Eksekutif untuk memberikan panduan dan hala tuju secara umum kepada SU. Perkembangan ini menyokong tumpuan yang berterusan terhadap strategi iklim Bank dan pelaksanaan strategi tersebut secara berkesan.

[1] Adil dan inklusif di samping pertimbangan yang wajar dan sokongan yang mencukupi untuk segmen yang terjejas.
[2] Gas rumah hijau, seperti karbon dioksida, metana dan nitrus oksida.

Gambar Rajah 1: Pertimbangan Iklim sebagai Keutamaan Organisasi



Kini, risiko iklim kerap dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah. Hal ini mencerminkan pertimbangan yang semakin meningkat tentang risiko berkaitan iklim dalam semua aspek operasi dan fungsi Bank.

Hasil yang Kukuh Dalam Usaha Memajukan Agenda Iklim

Bank terus mencapai kemajuan dalam membuat pertimbangan risiko yang bersepadu berkaitan iklim dalam fungsi terasnya (Gambar Rajah 2a & 2b). Kemajuan ini termasuk usaha Bank dalam membuat penilaian penyeliaan, rangka kerja kehematan serta penilaian kestabilan makroekonomi dan kewangan. Bank telah mengeluarkan beberapa dasar penting berkaitan iklim untuk memberikan panduan lanjut kepada institusi di bawah pengawalseliaannya. Menerusi libat urus dengan industri, Bank mendapati bahawa institusi kewangan telah memberikan perhatian yang lebih teliti kepada risiko berkaitan iklim. Industri kewangan juga dilihat menggiatkan usaha untuk membantu pelanggan mereka menerima pakai amalan kelestarian.

Bank terus mengambil langkah-langkah yang nyata untuk mengurangkan jejak karbonnya sendiri. Tatkala Bank bersiap sedia untuk membenarkan kakitangan kembali bekerja di premis Bank selepas pandemik, Bank giat meningkatkan kesedaran kakitangan tentang amalan-amalan kelestarian. Dalam bidang pelaburan, Bank telah menetapkan sasaran yang lebih tinggi untuk pelaburan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environment, Social and Governance, ESG).

Pada tahun 2021, Bank turut meningkatkan inisiatif bina upaya dalam organisasi. Inisiatif ini termasuk sesi perkongsian pengetahuan dan siri program bina upaya secara berstruktur. Trend yang serupa diperhatikan dalam industri kewangan. Inisiatif sedemikian disokong oleh perkongsian antara Bank, Jawatankuasa Bersama mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3) dan pihak berkepentingan luaran seperti Forum FIDE, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking & Finance Institute Malaysia, IBFIM) dan entiti yang bertanggungjawab untuk ASEAN Low Carbon Energy Programme.

Gambar Rajah 2a: Kemajuan dan Hasil Inisiatif pada Tahun 2021

Kelestarian Korporat
Mengurangkan Jejak Karbon Dalam Operasi Bank

Kemajuan

- **Program pengurusan dan pemantauan tenaga yang cekap menghasilkan pengurangan karbon dioksida tambahan sebanyak 735 tan berbanding tahun 2020**




- **Pemodenan proses pengomposan sisa makanan dan taman menggunakan mesin kompos di premis Bank**



- **Pengurangan selanjutnya penggunaan plastik di premis Bank (pengurangan sebanyak 67% pada tahun 2021 berbanding 59% pada tahun 2020). Pengenalan bekas makanan bawa pulang yang diperbuat daripada kanji jagung yang mudah terurai di kafeteria Bank bermula pertengahan Januari 2022 bagi menggantikan bekas yang diperbuat daripada kertas**




- **Pelancaran kempen kitar semula sisa elektronik bagi menguruskan sisa elektronik oleh warga Bank**




- **Pengurusan mata wang yang terus lestari dengan**

(i) mengedarkan semula wang kertas yang sesuai untuk edaran semula yang merangkumi 57% daripada pengeluaran wang kertas tahunanpada tahun 2021;
(ii) menggunakan gabungan bahan substrat dan polimer yang tahan lasak untuk pembuatan wang kertas, yang tahan lebih lama berbanding wang kertas yang berasaskan kertas. Pada akhir bulan Disember 2021, 43.8% daripada jumlah wang kertas dalam edaran terdiri daripada wang kertas polimer;
(iii) meningkatkan lagi tahap kesedaran orang ramai tentang cara mengendalikan wang kertas yang betul supaya boleh terus digunakan dalam tempoh masa yang lebih lama;
(iv) memperkenalkan tong dan bekas besi boleh guna semula di fasiliti pemprosesan wang kertas dan penempaan duit syiling Bank, lantas menjimatkan kos sejumlah kira-kira RM500,000 setahun; dan
(v) mengitar semula dan menggunakan semula produk sekunder daripada pengeluaran duit syiling (cth. tong dram besi, palet kayu dan minyak mesin yang terpakai)

Pelaburan
Mengambil Kira Aspek Kelestarian Dalam Pelaburan Bank

Kemajuan

- **Peningkatan pelaburan dalam aset yang mematuhi prinsip-prinsip kelestarian yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebanyak lebih 50% berbanding dengan tahun 2020**
- **Penggunaan sumber data yang lebih berkualiti (termasuk penilaian oleh agensi penarafan, penyedia penarafan ESG dan maklumat umum yang tersedia) bagi mencapai pulangan terlaras risiko yang optimum**

Dasar Makroekonomi & Monetari
Menambah Baik Pengawasan & Unjuran Makroekonomi

Kemajuan

- **Pembentukan rangka kerja pemodelan bagi menyokong penilaian menyeluruh kesan risiko iklim terhadap ekonomi dalam senario berkaitan iklim yang berbeza-beza**
- **Penyelidikan lanjutan tentang prospek dan potensi pertumbuhan selepas pandemik yang dikaitkan dengan hasil kelestarian, termasuk peluang untuk menarik pelaburan hijau**

Gambar Rajah 2b: Kemajuan dan Hasil Inisiatif pada Tahun 2021

Kestabilan & Pengawalseliaan Kewangan
Memudahkan Insentif Pengawalseliaan

Kemajuan

- **Menerbitkan Draf Dedahan Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario untuk maklum balas orang ramai pada bulan Disember 2021 (14 prinsip dan cadangan syarat-syarat utama dipaparkan dalam Gambar Rajah 3)**
- **Memuktamadkan pelan penzahiran kewangan berkaitan iklim secara mandatori oleh institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank untuk maklum balas industri**
- **Membuat penyelidikan dan penilaian berterusan tentang insentif pengawalseliaan yang bersesuaian bagi merangsang kewangan hijau dan kewangan yang mampan**
- **Memulakan langkah-langkah persediaan ke arah pelaksanaan Ujian Tekanan Perubahan Iklim (Climate Change Stress Test) untuk seluruh industri pada tahun 2024**
- **Melaksanakan kajian bersama dengan Bank Dunia (World Bank) mengenai kesan risiko biodiversiti terhadap sektor kewangan**

Penyeliaan
Memperkukuh Daya Tahan Terhadap Risiko Iklim Dalam Sektor Kewangan

Kemajuan

- **Menerbitkan dokumen Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT) pada bulan April 2021 dan menubuhkan Kumpulan Pelaksana CCPT bagi menyokong pelaksanaannya oleh institusi kewangan**
- **Menerbitkan Panduan Sektoral VBIAF* untuk sektor Minyak Sawit, Tenaga Boleh Diperbaharui, Kecekapan Tenaga, Minyak & Gas, Perkilangan dan Pembinaan & Infrastruktur (ciri-ciri utama dalam Gambar Rajah 4). Panduan sektoral ini menjadi pelengkap kepada CCPT Bank (Gambar Rajah 5)**

Pembangunan Kewangan
Menyerlahkan Lagi Sektor Kewangan Dalam Dasar Kelestarian Negara

Kemajuan

- **Mengadakan libat urus dengan komuniti perniagaan dalam sektor ekonomi penting seperti minyak dan gas, perladangan serta makanan dan minuman bagi memahami amalan kelestarian dan keperluan pembiayaan kelestarian bagi rantaian bekalan mereka**
- **Mewujudkan Kemudahan Peralihan Rendah Karbon untuk PKS (ciri-ciri utama dalam Gambar Rajah 6)**
- **Aktif memberikan perspektif sektor kewangan terhadap dasar dan strategi iklim negara melalui siri libat urus meja bulat dan pelbagai hala dengan Kementerian yang berkaitan dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara, serta memberikan input untuk perbincangan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (Malaysia Climate Action Council, MyCAC)**

Bina Upaya
Meningkatkan Kepakaran Teknikal Dalaman

Kemajuan

- **Menjalankan siri program bina upaya di seluruh Bank tentang asas-asas perubahan iklim dan peranan bank-bank pusat dalam memberikan tindak balas terhadap risiko iklim (dengan kerjasama Ernst and Young dan University of Warwick) yang memberikan manfaat kepada lebih 400 kakitangan**
- **Menjalankan latihan tentang Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip dan pelaburan ESG yang memberikan manfaat kepada lebih 150 kakitangan sektor penyeliaaan dan pelaburan**

Komunikasi Strategik
Jangkauan Dan Kesedaran

Kemajuan

- **Menganjurkan pameran maya bertajuk SCARCITY: Utamakan Keutamaan (http://museum.bnm.gov.my/scarcity/) bagi mendidik orang ramai tentang kesan perubahan kecil dalam rutin harian ke arah pemeliharaan alam sekitar yang lebih baik dan memupuk kesedaran tentang kepentingan perubahan iklim terhadap bank pusat**



- **Mempergiat pelaksanaan program jangkauan dan kesedaran secara maya melalui pelbagai pameran jangka pendek dan program pendidikan dalam talian untuk orang ramai, termasuk sesi ringkas pembelajaran, pembelajaran berasaskan peraduan dan ceramah secara maya yang tersedia melalui pelbagai saluran media sosial Muzium dan Galeri Seni**

* Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai. Panduan Sektoral VBIAF menyediakan instrumen pengurusan risiko berasaskan impak untuk institusi kewangan merangkumkan pertimbangan risiko ESG dalam proses membuat keputusan pembiayaan dan pelaburan mereka (maklumat lanjut dalam Bab 2.4 tentang Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Terangkum).

Gambar Rajah 3: 14 Prinsip dan Cadangan Syarat Utama untuk Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario bagi Institusi Kewangan

Tadbir Urus

- **Prinsip 1:** Pemantauan risiko berkaitan iklim yang berkesan oleh Lembaga Pengarah serta pihak pengurusan kanan institusi kewangan
- **Prinsip 2:** Pemahaman yang mantap tentang risiko berkaitan iklim oleh Lembaga Pengarah serta pihak pengurusan kanan institusi kewangan
- **Prinsip 3:** Risiko berkaitan iklim akan diterapkan dalam rangka kerja kawalan dalaman institusi kewangan

Syarat khusus termasuk pelantikan pegawai kanan yang ditetapkan bagi memantau pengurusan risiko berkaitan iklim yang berkesan

Strategi

- **Prinsip 4:** Penerapan potensi kesan risiko berkaitan iklim yang penting ke dalam strategi perniagaan institusi kewangan

Syarat khusus termasuk keperluan institusi kewangan mengenal pasti dan memantau sasaran dalaman berkaitan iklim yang konsisten dengan strategi perniagaan dan strategi risiko

Kesanggupan Mengambil Risiko

- **Prinsip 5:** Penerapan risiko berkaitan iklim dalam rangka kerja kesanggupan institusi kewangan mengambil risiko, dengan risiko penting dicerminkan dalam proses penilaian kecukupan modal dalaman

Syarat khusus termasuk pembentukan metrik risiko berkaitan iklim bertujuan untuk menetapkan dan memantau had dan nilai ambang risiko

Pengurusan Risiko

- **Prinsip 6:** Penyepaduan pertimbangan risiko penting berkaitan iklim dalam rangka kerja pengurusan risiko di seluruh organisasi yang sedia ada di institusi kewangan
- **Prinsip 7:** Pembangunan keupayaan data, alatan dan metodologi yang berterusan oleh institusi kewangan untuk menjumlahkan dan melaporkan risiko penting berkaitan iklim secara berkesan
- **Prinsip 8:** Pertimbangan risiko berkaitan iklim sebagai sebahagian daripada penilaian risiko institusi kewangan yang menyeluruh
- **Prinsip 9:** Pemantauan aktif dan pelaporan tepat pada masanya bagi risiko berkaitan iklim yang penting dan mungkin berlaku
- **Prinsip 10:** Pelaksanaan kawalan risiko yang bersesuaian bagi menguruskan kesan risiko penting berkaitan iklim yang sedang dan mungkin berlaku
- **Prinsip 11:** Pemahaman tentang transmisi dan kesan risiko berkaitan iklim terhadap bentuk risiko yang sedia ada. Sistem dan proses pengurusan risiko institusi kewangan perlu mengambil kira risiko penting berkaitan iklim

Syarat khusus termasuk memastikan pendekatan pengurusan risiko berpandangan ke hadapan dan menggunakan analisis senario bagi memaklumkan risiko yang dikenal pasti dan diukur pada tempoh masa yang berbeza

Analisis Senario

- **Prinsip 12:** Institusi kewangan menggunakan analisis senario bagi menentukan daya tahan strategi perniagaan terhadap risiko berkaitan iklim yang penting
- **Prinsip 13:** Memastikan pelaksanaan analisis senario adalah relevan, mengikut piawaian tertentu yang ditetapkan dan diketahui ramai serta dijalankan pada tempoh masa yang bersesuaian dan mengandungi tahap perincian yang mencukupi

Syarat khusus termasuk menyemak kesesuaian strategi perniagaan dan model perniagaan dalam beberapa senario iklim

Penzahiran

- **Prinsip 14:** Menghasilkan penzahiran berkaitan iklim yang boleh dipercayai, memberikan manfaat dan boleh dibandingkan

Syarat khusus termasuk penzahiran berkaitan iklim mandatori oleh institusi kewangan selaras dengan saranan Task Force on Climate-related Financial Disclosures (TCFD) oleh Financial Stability Board menjelang 31 Disember 2024

Gambar Rajah 4: Ciri-Ciri Penting Panduan Sektoral VBIAF

Panduan Sektoral VBIAF yang diterbitkan

- **Minyak sawit**
- **Tenaga boleh diperbaharui**
- **Kecekapan tenaga**
- **Minyak & gas**
- **Perkilangan**
- **Pembinaan & infrastruktur**

Komponen utama Panduan Sektoral VBIAF

1 Skop

Meliputi huluan, hiliran/rantaian bekalan sesebuah sektor

2 Konteks sektor

Menyediakan gambaran ringkas mengenai dasar & sasaran utama negara bertujuan memberi makluman tentang kaitan antara sektor/aktiviti dengan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mampan

3 Usul komersial

Maklumat tentang daya maju komersial sektor dan/atau ketetapan projek/syarikat

4 Pengurusan risiko berasaskan impak

Risiko ESG utama yang relevan terhadap sesuatu sektor/aktiviti serta transmisi, metrik, pelaporan & pemantauan pengurangan risiko sektor/aktiviti tersebut

1. Keperluan untuk institusi kewangan menetapkan **penyataan dasar dalaman** bagi menyatakan komitmen yang jelas untuk menyokong sektor/aktiviti melalui pendekatan yang berbentuk didikan
2. **Risiko ESG dan transmisi risiko** utama diberikan termasuk:
   1. Alam sekitar – akses tanah, penggunaan tanah, perubahan & pemerolehan dalam penggunaan tanah, kehilangan biodiversiti & penebangan hutan, pelepasan iklim/GRH, air, pencegahan pencemaran & kecekapan penggunaan sumber
   2. Sosial – hak pekerja & keadaan bekerja, keselamatan & kesihatan pekerjaan, hak asasi manusia & hubungan masyarakat
   3. Tadbir urus – mekanisme tadbir urus untuk kelestarian & rasuah
3. **Senarai semak pengambilan pelanggan** berdasarkan kategori impak utama & potensi saluran transmisi risiko
4. **Metrik risiko & skor risiko pada peringkat transaksi** bagi setiap kategori risiko untuk membimbing institusi kewangan dalam mengukur risiko
5. **Pensijilan** bagi memudahkan proses usaha wajar institusi kewangan
6. **Kalkulator/metodologi GRH** disenaraikan untuk institusi kewangan mengukur & membuat pertimbangan untuk menzahirkan pembiayaan bagi projek intensif karbon & risiko berkaitan rakan niaga sejajar dengan saranan TCFD

Gambar Rajah 5: Rangka Kerja dan Alatan bagi Menyokong Pengurusan Risiko Iklim



Gambar Rajah 6: Ciri-Ciri Penting Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (Low Carbon Transition Facility, LCTF)

1 Panduan untuk Menilai dan Memantau LCTF

PKS yang layak
PKS yang jelas komited untuk beralih ke arah amalan lestari dan rendah karbon

Aktiviti peralihan
Membangunkan senarai aktiviti peralihan yang sejajar dengan prinsip panduan CCPT dan berpandukan Panduan Sektoral VBIAF

Pantau kemajuan
- Mewujudkan mekanisme untuk memantau dan mengawasi kemajuan peralihan PKS
- Merujuk Panduan Sektoral VBIAF untuk panduan menilai dan mengukur prestasi sektor/aktiviti tertentu

2 Ciri-ciri Utama

Ciri khas	Institusi Kewangan Peserta (Participating Financial Institutions, PFI) menyediakan pembiayaan secara padanan
Saiz kemudahan	RM1 bilion daripada BNM + RM1 bilion daripada PFI (secara padanan)
Tujuan pembiayaan	Untuk membiayai perbelanjaan modal atau modal kerja bagi memula atau memudahkan peralihan kepada operasi rendah karbon dan lestari
Tempoh pembiayaan	Sehingga 10 tahun
Saiz pembiayaan bagi setiap PKS	Maksimum RM10 juta
Kadar pembiayaan kepada PKS	Maksimum 5.0% setahun (termasuk jaminan jika ada)
Jaminan	Dijamin di bawah skim oleh CGC & SJPP
Tempoh permohonan	Dari 3 Februari 2022 sehingga digunakan sepenuhnya

Nota: CGC - Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, SJPP - Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad.

Tindak Balas yang Lebih Kohesif Melalui Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3)

Bank dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia selaku pengerusi bersama JC3 terus bekerjasama rapat dengan industri kewangan menerusi JC3. Sejak ditubuhkan pada tahun 2019, JC3 menerajui dan menyokong inisiatif iklim utama dalam sektor kewangan. Skopnya meliputi pengurusan risiko, tadbir urus dan penzahiran, produk dan inovasi, libat urus dan bina upaya serta menangani jurang data (Gambar Rajah 7).

Pada tahun 2021, JC3 terus membangunkan peralatan praktikal bagi membantu institusi kewangan dalam menilai, mengurus dan menzahirkan risiko berkaitan iklim. Yang penting, Bank menghendaki semua institusi kewangan untuk mencapai kemajuan yang nyata ke arah penzahiran risiko berkaitan iklim. Langkah ini akan disokong oleh Panduan Pelaksanaan Mengenai Penzahiran Berkaitan Iklim yang dibangunkan oleh JC3 untuk industri. Satu aliran kerja tambahan untuk menangani jurang data juga dibentuk. Sebagai sebahagian daripada program jangkauan yang lebih luas, JC3 telah menganjurkan Persidangan Utama yang menarik minat kira-kira 6,300 peserta daripada lebih 40 negara. Persidangan tersebut membuat gesaan supaya industri kewangan meningkatkan tindak balas terhadap cabaran iklim menerusi seruan untuk melaksanakan suatu tindakan yang kukuh (Gambar Rajah 8). Laporan mengenai pandangan dan perbincangan utama daripada persidangan ini boleh didapati melalui laman sesawang Bank.

Menyumbang Kepada Kepimpinan Berwawasan Serantau dan Antarabangsa

Pada peringkat serantau, tahun 2021 merupakan tahun yang penting bagi Bank. Bank merupakan satu daripada lapan ahli pengasas ASEAN Taxonomy Board (ATB) yang baru dibentuk. ATB ditubuhkan untuk membangun, mengekal dan menggalakkan Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan (Taksonomi ASEAN). Taksonomi ASEAN (Gambar Rajah 9) merupakan taksonomi berbilang peringkat untuk memenuhi pelbagai piawaian pembangunan dan kegiatan ekonomi Negara Anggota ASEAN (ASEAN Member States, AMS). Rangka Kerja Asas (Foundation Framework) menggariskan prinsip panduan yang disokong oleh kriteria penyaringan kualitatif. Rangka Kerja Asas ini boleh digunakan oleh semua AMS sebagai asas

Gambar Rajah 7: Kemajuan JC3 pada Tahun 2021



untuk pengelasan aktiviti kewangan yang mampan. Piawaian Lanjutan menggunakan Rangka Kerja Asas bagi menyediakan sistem pengelasan yang lebih maju untuk aktiviti dan pelaburan hijau. Sistem ini menggunakan metrik dan nilai ambang yang berasaskan sains.

Pada 10 November 2021, bersempena dengan United Nations Climate Change Conference of the Parties yang ke-26 (COP26), ATB mengeluarkan Versi 1 Taksonomi ASEAN untuk maklum balas. Dokumen ini menetapkan rangka kerja konsep yang akan menjadi asas kepada prinsip serta ciri-ciri teknikal dan operasi Taksonomi ASEAN yang lengkap. Bank memainkan peranan penting dalam pengeluaran dokumen ini. Bank mempengerusikan Kumpulan Kerja 1 yang membangunkan rangka kerja konsep dan prinsip bagi Rangka Kerja Asas. Bank juga merupakan ahli aktif dalam Kumpulan Kerja 2 yang sedang membangunkan Piawaian Lanjutan. Bagi Malaysia, CCPT yang dikeluarkan oleh Bank pada bulan April 2021[3] adalah sejajar dengan Taksonomi ASEAN.

[3] Maklumat lanjut boleh didapati melalui rencana dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan ST2 2021 BNM.

Gambar Rajah 8: Ringkasan Seruan untuk Bertindak dalam Laporan Pencatat Persidangan Utama JC3



Sumber: https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3770663/20210803-JC3-Flagship-Conference-2021-Report.pdf

Gambar Rajah 9: Gambaran Keseluruhan Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan



Sumber: Bank Negara Malaysia, diadaptasi daripada penerbitan ASEAN Taxonomy Board



Gabenor Nor Shamsiah Yunus sebagai ahli panel dalam Fireside Chat pada COP26 Finance Day yang dianjurkan oleh Kumpulan Bank Dunia (World Bank) dan Banque de France



Gabenor Nor Shamsiah Yunus sebagai ahli panel dalam Fireside Chat pada Persidangan Global BIS-BDF-IMF-NGFS Green Swan 2021.

Pada peringkat antarabangsa, Bank terus menyumbang secara aktif terhadap perspektif pasaran sedang pesat membangun mengenai beberapa isu berkaitan iklim. Dari segi kesaksamaan iklim, Bank memberikan penegasan terhadap pentingnya ekonomi maju mempertimbangkan kesan ketidakseimbangan dasar dan tindakan mereka terhadap ekonomi sedang pesat membangun. Sama pentingnya ialah keperluan untuk mengelakkan risiko kewangan yang tidak terangkum. Negara maju mempunyai peranan yang penting, termasuk menyokong peralihan ejen ekonomi dan memenuhi permintaan yang mendesak terhadap bina upaya. Negara maju mempunyai kemudahan untuk membantu negara sedang membangun yang lebih kecil untuk membuat penyesuaian kepada perubahan iklim dan mengambil tindakan untuk mengurangkan kesannya. Negara maju boleh menyumbang dengan menyediakan modal, teknologi dan kepakaran. Sumbangan ini akan meningkatkan kesaksamaan iklim dan mengurangkan risiko peralihan yang tidak teratur. Bank melihat keutamaan ini sebagai



Timbalan Gabenor Jessica Chew sebagai penceramah pada Sustainable ExchangE Development Series (SEEDS) - Developments in Sustainable Finance in ASEAN, anjuran Bank Dunia (World Bank).

Gambar Rajah 10: Ciri-Ciri Utama Ikrar BNM

6 Bidang	14 Komitmen
Pemantauan kestabilan kewangan dan penyeliaan mikro	• Membuat persediaan awal untuk ujian tekanan perubahan iklim yang melibatkan seluruh industri • Menerapkan risiko berkaitan iklim sebagai sebahagian daripada penilaian penyeliaan formal • Membangunkan Panduan Rujukan mengenai Pengurusan Risiko dan Analisis Senario untuk institusi kewangan • Melaksanakan latihan teknikal berkaitan iklim yang berstruktur untuk kakitangan pengawalseliaan dan penyeliaan
Taksonomi	• Memastikan pelaksanaan CCPT yang konsisten dan berwibawa
Jurang data	• Menerajui dan menyediakan sumber khusus untuk Jawatankuasa Kecil JC3 yang Menangani Jurang Data – bagi memenuhi keperluan data yang sangat penting kepada industri untuk menguruskan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar serta menstrukturkan penyelesaian hijau
Bina upaya & kesedaran	• Meningkatkan usaha libat urus dan bina upaya melalui JC3 • Memperluas rangkaian program teknikal yang dibangunkan di bawah JC3 • Menyokong inisiatif bina upaya NGFS
Penzahiran	• Menambah baik penzahiran risiko kewangan berkaitan iklim • Membangunkan panduan untuk institusi kewangan menerapkan penzahiran berkaitan iklim • Meneruskan penzahiran inisiatif iklim BNM melalui Laporan Tahunan BNM
Pengurusan portfolio	• Memperkukuh rangka kerja dalaman untuk menyepadukan faktor kelestarian dalam pengurusan portfolio BNM • Membuat penilaian tentang kesan perubahan iklim terhadap dasar monetari

perkara yang sangat penting untuk menggalakkan tindak balas global yang konsisten, inklusif dan bertanggungjawab terhadap risiko berkaitan iklim oleh bank-bank pusat, penyelia kewangan dan industri kewangan.

Bank terus menyumbang kepada pelbagai program kerja dan acara yang memberikan tumpuan pada risiko berkaitan iklim, terutamanya dengan Central Banks and Supervisors Network for Greening the Financial System (NGFS), Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks (EMEAP) dan Bank for International Settlements (BIS). Bank merupakan ahli Jawatankuasa Pemandu NGFS dan lima aliran kerja NGFS. Aliran kerja ini memberikan tumpuan pada kehematan mikro dan penyeliaan, kehematan makro, mempertingkat kewangan hijau, penyelidikan dan menangani jurang data. Pada tahun 2021, Bank menerbitkan Komitmen Bank berhubung dengan pengurusan risiko iklim, penzahiran dan bina upaya (Gambar Rajah 10) dalam usaha menyokong tindak balas iklim global dan kerja-kerja NGFS.

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan biodiversiti. Di samping memajukan usaha dari segi iklim, Bank akur bahawa bina upaya tentang topik kehilangan alam semula jadi yang lebih luas adalah sangat penting sebagai pelengkap kepada amalan Bank berhubung risiko berkaitan iklim. Secara khusus, interaksi antara biodiversiti dengan

risiko iklim serta cara interaksi ini mempengaruhi sektor kewangan perlu difahami. Dalam hal ini, Bank menyertai Kumpulan Kajian NGFS mengenai Biodiversiti. Bank juga bekerjasama rapat dengan Bank Dunia (World Bank) dalam satu kajian mengenai risiko berkaitan alam semula jadi di Malaysia pada tahun 2021 dan kajian ini merupakan yang pertama bagi rantau Asia. Hasil kajian secara bersama ini ialah laporan[4] yang memberikan tumpuan pada punca dan sejauh mana bank-bank di Malaysia boleh terdedah pada risiko akibat kehilangan biodiversiti dan kerosakan ekosistem. Laporan tersebut dilancarkan baru-baru ini pada 15 Mac 2022 untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan dialog mengenai topik penting ini.

Meningkatkan Kesedaran Menerusi Komunikasi

Pihak pengurusan kanan dan pegawai kanan Bank mengambil bahagian secara aktif sebagai penceramah dalam acara berkaitan iklim. Penglibatan ini membolehkan Bank berkongsi inisiatif dan pandangan, terutamanya mengenai peranan penting sektor kewangan dalam memudahkan peralihan ekonomi yang teratur dan adil. Di dalam negeri, acara ini termasuk dialog maya yang dianjurkan oleh Forum FIDE mengenai Sasaran Pelepasan Karbon Sifar Bersih 2050: Peranan Kewangan, Dialog EAC yang dianjurkan oleh Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi (Economic Action Council, EAC) dan Siri 1 National OGSE Sustainability Forum yang dianjurkan oleh Malaysia Petroleum Resources Corporation. Pada peringkat global, Bank turut menyertai Minister Level Meeting of the Coalition of Finance Ministers for Climate Action, World Bank's Sustainable ExchangE Development Series, ESG GO ASEAN Summit 2021 dan Fireside Chat pada COP26 Finance Day.

Pengurusan Risiko Iklim dan Penetapan Sasaran

Pada hari ini, risiko iklim diambil kira secara aktif dalam operasi dan rangka kerja Bank. Bank mengambil langkah untuk meningkatkan pemahamannya mengenai risiko asas. Bank juga membina keupayaan teknikal untuk mengukur pelepasan karbonnya secara sistematik. Usaha ini akan membantu untuk menetapkan sasaran pelepasan dalaman Bank pada tahun 2022.

Melangkah ke Hadapan

Bagi Malaysia, mencapai pelepasan GRH sifar bersih menjelang tahun 2050 akan melindungi alam sekitar untuk generasi akan datang dan juga mewujudkan kemakmuran ekonomi yang lebih meluas. Selain mengurangkan risiko peristiwa iklim yang membawa bencana[5], revolusi industri hijau boleh menampung sehingga 232,000 pekerjaan. Malaysia boleh mencapai tahap itu dengan memanfaatkan peluang pertumbuhan hijau[6]. Peluang ini termasuk industri hijau baharu seperti tenaga boleh diperbaharui, ekonomi hidrogen, perkilangan kenderaan elektrik (*electric vehicle, EV*) dan penyelesaian kecekapan tenaga. Peralihan yang teratur dan adil juga akan melindungi daya saing perniagaan Malaysia. Hal ini akan mengurangkan kesan daripada tindakan oleh penyedia modal, pelanggan dan rakan perdagangan yang mudah terjejas akibat risiko iklim.

Bank berhasrat untuk terus menyokong peralihan seluruh ekonomi yang teratur dan adil bagi Malaysia melalui dasar dan operasi Bank. Peralihan ini memerlukan jumlah pelaburan sektor swasta dan sektor awam yang besar. Oleh itu, Bank memberikan tumpuan pada usaha menyokong dan memudahkan sektor kewangan memainkan peranan utamanya dalam mendorong peralihan ke arah ekonomi rendah karbon. Hal ini selaras dengan matlamat berkanun Bank untuk menggalakkan sektor kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif. Banyak peluang tersedia untuk sektor kewangan membiayai inisiatif kelestarian. Peluang ini termasuk projek-projek di bawah rangka kerja Aspirasi Pelaburan Nasional, rancangan Majlis Tindakan Iklim Malaysia (Malaysia Climate Action Council, MyCAC) untuk menjadikan Malaysia sebagai hab ekonomi, perkhidmatan dan teknologi hijau, serta Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030.

[4] An Exploration of Nature-related Financial Risks in Malaysia - https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3770663/ibrd-2022-nature-financial-risk.pdf.

[5] Anggaran saintis iklim menunjukkan bahawa pemanasan global akan mengurangkan kebajikan ekonomi bagi Malaysia, yang diukur oleh KDNK per kapita, antara 10-15% menjelang tahun 2100 (Burke, Davis dll., 2018).

[6] Lihat Laporan 'Securing Our Future: Net Zero Pathways for Malaysia' (WWF-Malaysia & Boston Consulting Group, 2021).

Secara keseluruhan, inisiatif Bank (Gambar Rajah 11) adalah sejajar dengan visi strategik lima tahun Bank untuk strategi iklim seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan mengenai Kelestarian.

Gambar Rajah 11: Bidang Tumpuan Utama BNM bagi Tahun 2022



Pengurusan Risiko

- Meningkatkan penerapan kandungan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip serta Panduan Sektoral VBIAF di seluruh industri
- Meneruskan persediaan untuk Ujian Tekanan Perubahan Iklim (CCST) di seluruh industri pada tahun 2024



Tadbir Urus & Penzahiran

- Menyokong usaha menerapkan penzahiran kewangan berkaitan iklim yang lebih meluas oleh institusi kewangan sejajar dengan saranan TCFD



Produk & Inovasi

- Terus aktif dalam mengadakan libat urus dengan komuniti perniagaan termasuk usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) daripada pelbagai sektor ekonomi untuk memahami amalan kelestarian dan keperluan pembiayaan kelestarian rantaian nilai mereka
  - Bertujuan memperluas instrumen kewangan hijau dan mengurangkan jurang pasaran dalam kewangan yang mampan. Khususnya, produk dan penyelesaian yang boleh membantu perniagaan yang terjejas akibat bencana iklim seperti banjir yang kerap dihadapi oleh negara
  - Bertujuan mewujudkan kesedaran yang lebih besar dalam kalangan PKS mengenai risiko iklim dan keperluan untuk beralih kepada amalan lestari



Libat Urus & Bina Upaya

- Mengadakan libat urus yang berterusan dengan kementerian, agensi dan pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan untuk menyelaraskan keutamaan sektor kewangan dengan dasar iklim negara
  - Bertujuan mendapatkan kejelasan tentang hala tuju peralihan bagi setiap sektor ekonomi yang akan membolehkan sektor kewangan memberikan sumbangan yang lebih berkesan ke arah peralihan yang teratur dan adil menjelang tahun 2050
- Terus bekerjasama dengan industri untuk memperdalam kumpulan bakat dengan menawarkan program teknikal berstruktur yang lebih terperinci mengenai pengurusan risiko iklim dalam sektor kewangan. Kerjasama yang lebih erat dengan ahli akademik dan industri akan diteruskan ke arah memperkaya kandungan pembelajaran



Menangani Jurang Data

- Mengeluarkan katalog data dan terus bekerjasama dengan ahli-ahli JC3 dan institusi rakan kongsi untuk menambah baik lagi kualiti, liputan dan ketepatan masa data yang tersedia daripada sumber yang dikenal pasti

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Peranan Bank sebagai bank pusat mendedahkannya kepada pelbagai risiko yang timbul daripada aktiviti dan operasi yang dilaksanakan dalam usaha mencapai mandat menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan. Sebagai contoh, pemegangan dan pengurusan rizab antarabangsa oleh Bank mendedahkannya kepada risiko pasaran dan risiko kredit. Risiko pasaran timbul apabila pergerakan dalam kadar pertukaran, kadar faedah dan harga pasaran lain menjejaskan nilai pelaburan Bank. Sebaliknya, risiko kredit timbul dengan kemungkinan kerugian yang berlaku akibat penerbit atau rakan niaga yang mungkir.

Bank juga terdedah kepada risiko bukan kewangan yang boleh timbul daripada insiden operasi yang mengganggu operasi perniagaan yang amat penting, yang berpotensi menyebabkan gangguan sistemik yang lebih luas. Bank juga menghadapi kemungkinan risiko reputasi daripada tingkah laku kakitangan, peristiwa atau insiden yang berkaitan dengan operasi dan pilihan dasar Bank serta interaksi dengan pihak berkepentingan.

Bank menguruskan risiko-risiko ini secara bersepadu melalui rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (Enterprise Risk Management, ERM). Rangka kerja ini menggunakan pendekatan menyeluruh terhadap pengurusan risiko untuk memastikan bahawa risiko penting dikenal pasti, dinilai, dipantau, dan diuruskan secara sistematik. Tindakan ini adalah untuk memastikan Bank menjalankan operasinya secara berhemat dan bertanggungjawab dalam parameter risiko yang boleh diterima.

Selain struktur dan proses yang formal, Bank terus memupuk budaya risiko yang utuh. Bank sentiasa meningkatkan kesedaran dalam kalangan kakitangannya pada semua peringkat mengenai risiko utama yang dikenal pasti dan diuruskan oleh Bank serta menggalakkan komunikasi terbuka mengenai risiko. Hal ini memperkukuh tanggungjawab semua pekerja di seluruh organisasi untuk menguruskan risiko secara proaktif.

Bank melaksanakan struktur tadbir urus risiko yang mencerminkan tanggungjawab bersama antara jabatan, pengurusan risiko bebas dan fungsi kawalan serta audit dalaman. Lembaga Pengarah Bank, yang dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga (Board Risk Committee, BRC), memikul tanggungjawab untuk menjalankan pengawasan terhadap rangka kerja dan amalan pengurusan risiko Bank. Lembaga Pengarah juga menentukan "hala tuju daripada pihak atasan" dalam menggalakkan budaya risiko yang dihasratkan di seluruh Bank.

Pengurusan Bank bertanggungjawab untuk melaksanakan rangka kerja dan amalan pengurusan risiko yang mantap di seluruh Bank. Tanggungjawab ini dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Risk Management Committee, RMC) dan Jawatankuasa Pengurusan Rizab (Reserve Management Committee, ReMC). Jawatankuasa-jawatankuasa ini bermesyuarat secara berkala untuk membincangkan risiko strategik dan risiko penting yang dihadapi oleh Bank. RMC seterusnya dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kewangan (Financial Risk Management Committee, FRMC), Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (Operational Risk Management Committee, ORMC) dan Pasukan Pengurusan Krisis (Crisis Management Team, CMT). FRMC dan ORMC masing-masing

bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko kewangan dan risiko operasi. Sebaliknya, CMT menjalankan pengawasan terhadap Pengurusan Kesinambungan Urusan Bank dengan memastikan kesiapsiagaan terhadap krisis dan menyelaraskan respons Bank terhadap gangguan operasi.

Bank menggunakan model "pertahanan tiga barisan" untuk menyokong Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam melaksanakan peranan pengawasan risiko mereka. Setiap satu daripada tiga barisan ini mempunyai peranan yang penting untuk menangani dan menguruskan risiko organisasi dengan berkesan. Barisan pertahanan pertama terdiri daripada jabatan-jabatan. Mereka bertanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai, memantau, dan mengurus risiko dalam bidang urusan Bank. Barisan pertahanan kedua terletak dalam fungsi pengurusan risiko yang dijalankan oleh Jabatan Pengurusan Risiko (Risk Management Department, RMD) dan Seksyen Pengurusan Risiko Perbendaharaan (Treasury Risk Management Section, TRMS). RMD memberikan cabaran dan penilaian bebas mengenai risiko yang dikenal pasti oleh jabatan-jabatan, menyokong pembangunan dan pelaksanaan rangka kerja dan instrumen risiko serta memudahkan pemahaman seluruh organisasi mengenai risiko yang diuruskan oleh Bank. Sementara itu, TRMS mengurus dan memantau risiko yang berkaitan dengan pelaburan rizab, yang merangkumi risiko pasaran, kredit dan operasi. Jabatan Audit Dalam bertindak sebagai barisan pertahanan ketiga yang memberikan jaminan bebas terhadap keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman Bank.

Bank mengambil kira risiko terhitung (*calculated risks*) apabila melaksanakan mandatnya dengan berkesan. Bank mengambil maklum bahawa tidak semua risiko dapat disingkirkan. Oleh itu, Bank berusaha untuk beroperasi dalam lingkungan kesanggupan mengambil risiko dan tahap toleransi risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bank juga menilai dengan teliti kos, manfaat dan keseimbangan lain yang terlibat dalam pengawalan atau pengurangan risiko. Hal ini menjelaskan proses untuk mengenal pasti, menilai, menentukan keutamaan, melaporkan dan memantau dedahan risiko kewangan, operasi dan reputasi Bank.

Bagi menguruskan risiko kewangan, Bank memantau dedahan risiko pasaran, mudah tunai dan kredit serta melaksanakan had dan kawalan risiko. Portfolio pelaburan rizab antarabangsa Bank dipacu oleh nilai ambang pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang menetapkan kesanggupan jangka panjang Bank untuk mengambil risiko dan mendapatkan pulangan. Apa-apa penyimpangan daripada nilai ambang ini dikawal menggunakan had risiko, jawatankuasa yang dengan jelas diberi kuasa untuk membuat keputusan serta garis panduan pelaburan. Rangka kerja risiko kredit disediakan untuk menggariskan pelaburan dan aktiviti yang dibenarkan. Kawalan juga telah tersedia untuk memastikan Bank memperuntukkan perbelanjaannya dan menguruskan kewangannya secara berhemat. Perkara ini termasuk dasar dan prosedur yang ditetapkan dengan jelas bagi pemerolehan dan pembayaran, pihak berkuasa memberikan kelulusan serta proses penilaian dan penyediaan belanjawan yang kukuh untuk menguruskan operasi am Bank. Selain itu, Bank telah membangunkan rangka kerja modal ekonomi untuk memastikan Bank akan terus mengekalkan penampan kewangan optimum bagi mengimbangi risiko kewangan berikutan pasaran global yang tidak pasti.

Bagi menguruskan risiko bukan kewangan, Bank mengenal pasti dan memantau risiko secara proaktif menerusi penunjuk risiko utama yang mendahului (*leading*) dan mengekori (*lagging*). Risiko ini termasuk dan tidak terhad kepada teknologi maklumat, keselamatan siber, modal insan, undang-undang, gangguan perniagaan dan risiko keselamatan fizikal yang bersifat rentas lintang (*transversal*). Selain jabatan-jabatan, pengurusan risiko ini disokong oleh jabatan tertentu yang ditetapkan sebagai Pemilik Dasar Risiko (Risk Policy Owners, RPO). RPO boleh menganalisis dan melaporkan risiko rentas lintang yang berkaitan kepada jawatankuasa pengawasan masing-masing serta mencadangkan kawalan dan pelan tindakan di seluruh bank untuk menguruskan risiko rentas lintang tersebut.

Pengurusan Risiko Semasa Pandemik

Pada tahun 2021, Bank terus melaksanakan langkah-langkah yang bertujuan meminimumkan gangguan kepada operasi penting Bank, memastikan keselamatan dan kesejahteraan kakitangan serta menguruskan risiko yang berpunca daripada pengaturan kerja secara hibrid. Dari segi

pembentukan dasar, Bank berinteraksi secara meluas dengan pihak berkepentingan daripada pelbagai segmen masyarakat, khususnya pihak-pihak yang terjejas. Tujuannya adalah untuk membantu pihak berkepentingan dan orang ramai memahami langkah-langkah dasar Bank serta mendapatkan maklum balas mengenai langkah-langkah tersebut. Tindakan ini telah membantu meningkatkan keberkesanan langkah-langkah yang dilaksanakan, terutamanya dalam usaha menyokong isi rumah dan perniagaan menghadapi kesukaran kewangan sementara di samping menguruskan risiko jangka panjang. Bank juga memanfaatkan pengalaman lalu untuk memperkukuh keupayaan dan fleksibiliti Bank dalam bertindak balas terhadap krisis.

Pengurusan Risiko Kesihatan

Selaras dengan keutamaan Bank untuk memastikan kakitangannya selamat, prosedur operasi standard (*standard operating procedures*, SOP) yang ketat telah ditetapkan untuk mencegah jangkitan di tempat kerja. Langkah-langkah yang diambil termasuk pelantikan pengurus COVID-19 dalam kalangan vendor untuk memantau pematuhan SOP, pelaksanaan pembahagian pasukan[1], pengesanan kontak rapat dan ujian berkala bagi kakitangan yang bekerja di pejabat. Bank menganjurkan ceramah oleh pakar penyakit berjangkit untuk mendidik kakitangan mengenai jangkitan COVID-19 dan menangani keraguan mengenai pemberian vaksin. Apabila negara mula melonggarkan sekatan pergerakan dan kebanyakan kakitangan telah melengkapkan vaksinasi mereka, Bank secara beransur-ansur meningkatkan bilangan kakitangan yang bekerja di pejabat dengan penguatkuasaan SOP yang ketat untuk mencegah jangkitan di tempat kerja.

Bank juga terus memberikan perhatian yang teliti kepada kesejahteraan mental kakitangan melalui program kaunseling dan kesihatan mental secara berkala di samping interaksi maya secara berkala dengan barisan pemimpin Bank.

[1] Pembahagian pasukan adalah salah satu strategi pencegahan yang diaktifkan semasa berlakunya pandemik. Perkara ini merujuk strategi yang melibatkan Ahli Pasukan Pemulihan (Recovery Team Members, RTM) dibahagikan kepada dua pasukan dan bekerja di dua lokasi yang berbeza.

Kesinambungan Urusan dan Pengurusan Krisis

Pengurusan Kesinambungan Urusan (Business Continuity Management, BCM) merupakan aspek penting dalam membina daya tahan organisasi Bank. Kakitangan yang terlibat dengan Fungsi Urusan Penting (Critical Business Functions, CBF) dan Fungsi Sokongan Penting (Critical Support Functions, CSF)[2] terus bekerja di pejabat secara pembahagian pasukan pada sepanjang tempoh pandemik. Kakitangan dalam fungsi penting dibahagikan kepada tiga kumpulan[3]. Saluran komunikasi yang berkesan dan jelas juga dipertingkatkan dengan pihak berkuasa luar yang berkaitan. Bank terus memantapkan pengaturan antara agensinya dengan Kementerian Kewangan dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) untuk memudahkan komunikasi yang pantas dan berkesan serta menyelaraskan langkah-langkah dasar sebagai tindak balas kepada perkembangan sedang berlaku yang menjejaskan sistem kewangan. Tindakan ini membolehkan penyampaian maklumat, pelaporan isu penting dan proses membuat keputusan dilakukan tepat pada masanya.

Pengurusan Risiko Keselamatan Maklumat, Keselamatan Siber dan Teknologi

Bank terus berwaspada terhadap gangguan yang mungkin diakibatkan oleh insiden berkaitan siber. Dalam menilai daya tahannya terhadap serangan siber, Bank mengambil pendirian "pelanggaran yang diandaikan" ("*assumed breach*"), iaitu Bank beroperasi dengan andaian bahawa pelanggaran tidak dapat dielakkan atau mungkin telah berlaku. Berdasarkan pendekatan baharu ini, Bank terus mempertingkatkan keupayaan bertindak balas dan keupayaan melakukan pemulihan. Selain itu, risiko yang dikenal pasti juga diuruskan secara proaktif dengan pengawasan dan sokongan yang padu daripada barisan Pengurusan. Bank juga menjalankan

[2] Fungsi Perniagaan Penting (Critical Business Functions, CBF) dan Fungsi Sokongan Penting (Critical Support Functions, CSF) ialah senarai fungsi yang perlu dilaksanakan oleh Bank untuk memenuhi mandatnya. Sekiranya berlaku gangguan, Bank perlu memulihkan fungsi-fungsi ini bagi memastikan keupayaannya untuk melindungi aset, keperluan dan peraturan keselamatan Bank.

[3] Fungsi penting termasuk operasi perbendaharaan, pengurusan mata wang dan sistem pembayaran.

latihan siber pada bulan Disember 2021 dan meningkatkan kebersihan siber bagi memperkukuh kesedaran dan kesiapsiagaan kakitangan dalam menangani insiden keselamatan siber. Kawalan juga dilaksanakan untuk mengurangkan risiko yang berkaitan dengan kerja dari jarak jauh, serta ancaman yang bakal muncul seperti perisian tebusan (*ransomware*) dan risiko keselamatan pihak ketiga.

Audit Dalaman

Jawatankuasa Audit Lembaga (Board Audit Committee, BAC) mengawasi fungsi audit dalaman Bank. Peranan ini juga melibatkan penilaian kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman Bank, pematuhan kepada keperluan undang-undang dan pengawalseliaan serta integriti penyata kewangan Bank.

Dalam melaksanakan peranan ini, BAC disokong oleh Jabatan Audit Dalam yang memberikan jaminan bebas kepada BAC mengenai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan tadbir urus Bank, pengurusan risiko dan proses kawalan dalaman. Aktiviti audit dijalankan selaras dengan pematuhan pada keperluan Piawaian Antarabangsa bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalaman (International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing). Prinsip-prinsip yang didukung oleh Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission's[4] Integrated Internal Control Framework juga diterapkan dalam pendekatan audit untuk menilai persekitaran kawalan Bank.

Jabatan Audit Dalam juga menyediakan laporan suku tahunan bebas mengenai aktiviti pengurusan rizab antarabangsa Bank untuk Menteri Kewangan. Hal ini bertujuan memberikan jaminan kepada Menteri bahawa rizab antarabangsa telah diuruskan dengan berkesan, selaras dengan ketetapan dasar dan garis panduan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Keutamaan audit pada tahun 2021 diselaraskan dengan risiko organisasi utama dan perubahan dalam keutamaan Bank, termasuk penilaian risiko semasa dan yang bakal muncul. Hasilnya, tumpuan liputan audit yang dijalankan adalah terhadap keselamatan siber dan infrastruktur teknologi Bank, kesinambungan urusan, libat urus pihak berkepentingan, pengurusan modal insan, tadbir urus dasar dan pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan pengawalseliaan (butiran dalam Gambar Rajah 1).

Jabatan Audit Dalam menggunakan pendekatan audit yang lebih dinamik, dipermudah oleh pengaturan pengauditan jarak jauh semasa pandemik. Libat urus erat yang berterusan dengan jabatan-jabatan dan usaha memanfaatkan pemahaman risiko daripada jabatan masing-masing membolehkan penilaian risiko yang tepat pada masanya bagi mengesan risiko yang bakal muncul. Perkara ini juga membolehkan penyusunan semula keutamaan pelan audit dan sumber yang cepat untuk memberikan tumpuan pada bidang risiko utama sebagai respons kepada ketidakpastian dan cabaran yang ditimbulkan oleh pandemik. Bagi menangani risiko yang timbul, tawaran nilai dan peluang penambahbaikan dinyatakan dalam laporan audit bagi memperkukuh amalan tadbir urus dan kawalan dalaman.

Sebagai rakan strategik dalam menggalakkan budaya yang didorong nilai (*value-driven culture*) di seluruh Bank, Jabatan Audit Dalam mengadakan perbincangan dan interaksi audit luar kitaran yang berterusan dan perkongsian pemerhatian audit yang lazim. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai risiko dalam kalangan jabatan. Berkuat kuasa mulai bulan Januari 2020, laporan audit turut menggabungkan pemerhatian terhadap penggunaan sumber oleh jabatan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Bank untuk mengoptimumkan operasinya. Pemerhatian ini membantu jabatan-jabatan untuk meningkatkan penggunaan sumber ekonomi dengan berkesan dan cekap. Pemerhatian amalan baik mengenai etika dan budaya risiko juga diterapkan sebagai sebahagian daripada penilaian audit, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

Kemajuan yang lebih besar dalam penggunaan teknologi dan alat analisis data telah membawa kepada pengenalpastian risiko yang lebih berkesan dan penilaian audit yang mendalam. Bagi memastikan sumber Jabatan Audit Dalam yang mencukupi dan terus menjadi keutamaan penting,

[4] The Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission (COSO) ialah kumpulan penasihat inisiatif bersama yang terdiri daripada lima organisasi profesional (iaitu, The Institute of Internal Auditors, Institute of Management Accountants, Financial Executives International, American Institute of Certified Public Accountants dan American Accounting Association) yang ditubuhkan untuk membangunkan dan menyediakan kepimpinan berwawasan bagi meningkatkan tadbir urus, pengurusan risiko dan amalan kawalan dalaman.

Bank telah menambah lapan orang kakitangan untuk menyokong penilaian yang kukuh dan menyeluruh terhadap pengurusan risiko teknologi. Peningkatan kemahiran juruaudit yang berterusan kekal sebagai salah satu inisiatif Jabatan Audit Dalam yang utama. Inisiatif ini dilaksanakan melalui kurikulum latihan berstruktur yang merangkumi keutamaan pembelajaran untuk meningkatkan keupayaan analisis data dan kepintaran teknologi. Selain itu, pemindahan pengetahuan melalui audit sumber bersama dan Program Juruaudit Jemputan (iaitu, kerjasama dengan pakar-pakar Bank dalam bidang tertentu) untuk perbincangan dan interaksi audit terpilih juga telah dicapai sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan tenaga mahir.

Gambar Rajah 1: Tumpuan dan Liputan Audit yang Dijalankan pada Tahun 2021



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rujukan

Pengurusan Risiko Organisasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko



* Dipengerusikan oleh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bank.
** Dipengerusikan oleh Gabenor.
*** Dipengerusikan oleh Timbalan Gabenor.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menyantuni Rakyat Malaysia

Dasar dan tindakan Bank memberikan kesan kepada individu dan perniagaan di Malaysia. Bank membuat penyesuaian terhadap komunikasinya supaya orang ramai memahami mandat dan peranan Bank. Pada tahun 2021, Bank memberikan tumpuan pada usaha untuk mendekati isi rumah dan perniagaan serta memberikan penjelasan mengenai mekanisme yang disediakan bagi membantu pihak yang terjejas akibat pandemik dan banjir.

Pengenalan

Pada tahun 2021, salah satu keutamaan libat urus Bank adalah untuk memastikan pihak yang terjejas mengetahui bahawa bantuan tetap tersedia untuk membantu mereka mengharungi tempoh kesusahan. Bank juga meluaskan jangkauan digitalnya untuk meningkatkan penyampaian mesej Bank kepada orang ramai. Bagi mencapai tujuan ini, Bank meningkatkan keberadaan digital, menyediakan lebih banyak kandungan serta memastikan bahawa perkhidmatan dalam talian terus boleh diakses. Bank mengambil langkah untuk meningkatkan output komunikasi bagi menjadikannya lebih mudah difahami oleh pelbagai khalayak. Usaha ini bertujuan membantu pihak berkepentingan Bank untuk lebih memahami mandat dan peranan Bank.

Meyakinkan Pihak yang Terjejas Bahawa Bantuan Tetap Tersedia

Sepanjang tahun 2021, Bank terus memanfaatkan pelbagai saluran komunikasi bagi meningkatkan kesedaran mengenai pelbagai saluran dan mekanisme yang tersedia untuk pihak yang terjejas akibat krisis kesihatan bagi mendapatkan bantuan. Bank bergantung pada keberadaan digital yang diperluas untuk menyantuni orang ramai di samping meneruskan libat urus dengan komuniti media dan perniagaan. Bank juga memperluas saluran untuk orang ramai mendapatkan nasihat kewangan selanjutnya dan membangkitkan isu yang berkaitan dengan langkah-langkah bantuan (Gambar Rajah 1). Bagi membantu mangsa yang terjejas akibat banjir, Bank dengan pantas mengaktifkan Kemudahan Bantuan Bencana untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta membantu untuk menyebarkan dan memberikan penerangan mengenai bantuan yang ditawarkan oleh industri insurans dan takaful kepada pemegang polisi.

Mempertingkat Keberadaan Digital Bank

'Kebiasaan baharu' memerlukan Bank menggunakan strategi libat urus baharu yang lebih bergantung pada saluran digital.

Pada tahun 2021, Bank mengkaji semula dan meningkatkan keberadaan digitalnya, bermula dengan laman sesawang Bank. Untuk lebih berpusatkan pengguna, Bank memberikan nafas baharu pada reka bentuk laman sesawang bagi memastikan pengunjung mendapat maklumat yang

Gambar Rajah 1: Inisiatif untuk Meningkatkan Kesedaran Tentang Bantuan yang Tersedia untuk Mereka yang Terjejas Akibat Krisis COVID-19

	Bantuan Bayaran Balik Pinjaman (*Repayment Assistance*, RA)	Kemudahan Pembiayaan untuk PKS
Strategi Kesedaran yang Terselaras	**Inisiatif kesedaran bersepadu bersama industri perbankan:** *"Bantuan masih dan terus tersedia untuk mereka yang memerlukan"*	**Kerjasama dengan platform lain untuk mempromosi Dana BNM untuk PKS dan bantuan lain yang tersedia** FEN Financial Education Network · MY ASSIST MSME · SMEinfo ONE STOP SME RESOURCES
	Program sokongan oleh Kerajaan: PEMULIH · PEMERKASA Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi · BAJET 2022 Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera	
Saluran Khusus untuk Para Peminjam	**Para peminjam boleh mendapatkan nasihat/membuat aduan melalui:** 1) Kaji Selidik RA* 2) Klinik Khidmat Nasihat Kewangan Secara Maya (Virtual Financial Advisory Clinic, VFAC)** 26,000 interaksi melalui kedua-dua saluran 93% aduan RA diselesaikan * Saluran aduan khusus yang disediakan oleh BNMTELELINK bagi peminjam yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan RA daripada bank ** Dimulakan sebagai platform nasihat sehenti untuk pengguna kewangan mendapatkan bantuan daripada Penyedia Perkhidmatan Kewangan (Financial Service Providers, FSP) mereka	**Meningkatkan kesedaran PKS tentang platform yang tersedia untuk membantu mengakses pembiayaan** AKPK · MyKNP Khidmat Nasihat Pembiayaan · iN SME Promosi melalui platform media sosial 
Penggunaan Media	**Mengoptimumkan media konvensional dan media sosial untuk menyokong penyebaran maklumat kepada orang ramai** Meningkatkan kesedaran tentang bantuan yang tersedia  *Kadar interaksi (engagement rates) yang tinggi untuk hantaran yang berkaitan dengan bantuan COVID-19*	Perkongsian pengalaman  *Video testimoni daripada peminjam yang mendapat manfaat daripada bantuan yang disediakan*
Libat Urus dengan Pihak Berkepentingan	**Libat urus yang berterusan dengan pelbagai pihak berkepentingan telah dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran dan menangani isu yang dibangkitkan** Sebanyak 10 sesi libat urus bersama dengan pemimpin 38 persatuan PKS ✓ Memperoleh pemahaman berkaitan dengan topik-topik penting seperti bantuan bayaran balik pinjaman (*repayment assistance*, RA), Dana BNM untuk PKS dan bantuan lain yang tersedia untuk PKS ✓ Jangkauan kepada anggaran 4.1 juta ahli PKS Bersama-sama dengan 32 sesi libat urus pada peringkat wilayah yang melibatkan **116** dewan dan persatuan perniagaan	

Sumber: Bank Negara Malaysia



Laman sesawang Bank yang diberikan nafas baharu bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pengguna dan akses kepada maklumat penting.

diperlukan dengan beberapa klik sahaja. Bank juga mengkaji semula kandungan halaman utamanya. Untuk pengalaman yang lebih mesra peranti mudah alih, paparan laman sesawang Bank kini lebih responsif terhadap peranti yang berbeza lantas meningkatkan pengalaman pengguna untuk peranti mudah alih dan pengguna komputer meja.

Menyedari bahawa harapan orang ramai semakin meningkat terhadap lebih banyak interaksi dua hala mengenai isu-isu yang berkaitan dengan mandatnya, Bank meningkatkan keberadaan secara interaktif melalui media sosial. Di samping menjawab pertanyaan yang diajukan oleh orang ramai, interaksi melalui media sosial memberi Bank maklum balas dan pandangan yang pantas mengenai sentimen pelbagai khalayak. Input ini membantu Bank mengenal pasti dan mengutamakan kandungan yang menangani jurang maklumat dalam kalangan orang ramai.

Bank menerbitkan purata sebanyak empat hingga tujuh hantaran setiap minggu pada tahun 2021 untuk menggalakkan interaksi yang berterusan dengan pengikut media sosial Bank. Secara aktif, Bank terus membuat percubaan dengan pelbagai pendekatan interaksi dan menggunakan maklum balas daripada analisis Bank untuk membantu meningkatkan reka bentuk kandungan dan penyampaian mesej. Usaha ini menyumbang kepada peningkatan 20% dari segi saiz asas pengikut Bank bagi kebanyakan

Gambar Rajah 2: Pertumbuhan Pengikut Media Sosial Dalam Platform Rasmi BNM



Sumber: Media Sosial Bank Negara Malaysia

platform media sosial (Gambar Rajah 2). Di samping keberadaan dalam platform Facebook, Instagram, Twitter, LinkedIn dan YouTube, Bank juga memperluas keberadaan dalam platform Telegram untuk meluaskan jangkauannya. Bank bukan hanya memanfaatkan media sosial untuk menyebarkan maklumat penting, namun turut menggunakannya untuk menjawab persoalan daripada orang ramai.

Menyediakan Lebih Banyak Kandungan dan Pengalaman Digital

Pada tahun 2021, Muzium dan Galeri Seni Bank[1] (Bank Negara Malaysia Museum and Art Gallery, BNM MAG) menarik lebih daripada 9 juta pengunjung, justeru mengekalkan interaksi orang ramai meskipun terdapat kekangan pada kunjungan fizikal (sebelum ini menarik lebih daripada 5.9 juta pengunjung pada tahun 2020). Bank melancarkan empat pameran secara maya yang baharu sepanjang tahun tersebut. Di samping pameran secara maya, BNM MAG juga menganjurkan bazar seni secara maya untuk mempromosikan lebih daripada 30 seniman tempatan baharu daripada pelbagai latar belakang (Gambar Rajah 3). Acara-acara ini dilengkapkan dengan pelbagai program pendidikan dalam talian dan e-peraduan. Sambutan terhadap pengalaman pembelajaran yang inovatif ini adalah positif dengan kebanyakan pengunjung menyatakan bahawa kesedaran dan pemahaman mereka mengenai topik yang ditonjolkan telah meningkat. Antara topik yang ditonjolkan termasuk pengurusan kewangan, mata wang merentasi masa, aktiviti jenayah kewangan,

[1] BNM MAG menyediakan pengalaman pembelajaran tidak formal yang mendalami peranan Bank dalam landskap ekonomi dan kewangan, warisan numismatik dan seni Malaysia melalui galeri tetap, pameran serta program pendidikan secara fizikal dan maya.

Gambar Rajah 3: Pameran dan Bazar Seni Maya BNM MAG pada Tahun 2021

LATerasi Kewangan

Pameran ini merupakan satu pameran bagi memperingati "Buku Wang Saku", iaitu usaha Bank Negara Malaysia yang khusus untuk mendidik generasi muda tentang kepentingan pengurusan kewangan. Sejarah "Buku Wang Saku" bermula seawal tahun 1996 apabila buku ini menjadi sebahagian daripada kempen galakan menabung peringkat kebangsaan. Matlamat buku ini adalah untuk menjadi asas pendidikan kewangan yang kukuh kepada generasi muda Malaysia di sekolah-sekolah seluruh negara. Buku ini merupakan salah satu inisiatif Bank Negara Malaysia untuk memupuk rakyat Malaysia supaya menjadi lebih bijak kewangan.





SCARCITY: Utamakan Keutamaan

Setiap kita mempunyai peranan ketika berlaku kecemasan iklim! SCARCITY ialah satu pameran secara maya yang memberikan manfaat kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk mengetahui tentang krisis iklim yang sedang berlaku. Melalui pameran ini, pengunjung boleh mengetahui kaitan antara perubahan iklim dengan kekurangan (*scarcity*) menerusi pelbagai medium seperti imej, video dan aktiviti interaktif.

KERINGAT: Riwayat Pendahulu Negara

KERINGAT memaparkan kronologi peristiwa yang telah membentuk perkembangan sosioekonomi Malaysia melalui karya-karya seni yang mengagumkan. Pameran ini mengandungi lebih daripada 50 karya seni yang mengetengahkan pekerjaan nenek moyang kita semenjak era penjajah di Tanah Melayu sehingga tahun 1980-an, terutamanya dalam sektor pertanian, perikanan, perlombongan dan perniagaan kecil.





Karya Logam: Seni Mata Wang

Menerusi pameran secara maya ini, pengunjung akan berpeluang meneroka peranan duit syiling pada masa dahulu sebagai salah satu bentuk pembayaran yang tertua serta mendalami perkembangan seni penghasilan duit syiling.

Bazar seni maya

JARI (Jaringan Akal Kreatif) menampilkan karya seni 30 bakat muda yang mempamerkan keunikan gaya mereka dalam berkarya menggunakan pelbagai medium. Platform ini berusaha untuk meningkatkan tahap kesedaran dan penghayatan terhadap bakat baharu tempatan dengan mempromosikan keupayaan seni dan menyemai kemahiran keusahawanan dalam kalangan para seniman ini.



www.museum.bnm.gov.my @BNM.MAG @bnmmag @BNM_MAG

Sumber: BNM MAG

peranan bank pusat dalam perubahan iklim dan pembangunan sosioekonomi melalui seni. Selaras dengan pembukaan semula ekonomi, BNM MAG telah mula membenarkan lawatan fizikal mulai bulan Disember 2021. Pada masa hadapan, Bank akan terus menawarkan pengalaman pembelajaran hibrid di samping memperluas rangkaian program pendidikan kewangannya.



Pendidik BNM MAG menunjukkan cara-cara mudah untuk mengenal pasti wang kertas Malaysia yang tulen melalui kaedah 'Rasa, Lihat, Sendeng dan Periksa'.

Membantu Orang Ramai Meskipun Dari Jauh

Pada sebahagian besar tahun 2021, pusat khidmat pelanggan dan pejabat wilayah Bank ditutup daripada interaksi secara kunjungan ke premis (*walk-in engagements*) disebabkan oleh pandemik. Meskipun begitu, Bank terus mengutamakan akses untuk orang ramai. BNMTELELINK menjadi salah satu pusat hubungan utama untuk membolehkan orang ramai dan perniagaan terus menghubungi Bank melalui telefon, e-mel dan secara dalam talian. Bank juga menyediakan fungsi Sembang Langsung (Live Chat) dalam laman sesawang Bank untuk mengurangkan masa menunggu bagi mereka yang mempunyai pertanyaan yang agak mudah.



Program pendidikan dan bahan pembelajaran telah disediakan secara dalam talian melalui siri webinar, aktiviti riang-ria pembelajaran, peraduan dan video.

Hasilnya, meskipun terdapat sekatan pergerakan fizikal, Bank mengekalkan bilangan interaksi yang tinggi dengan kira-kira 300,000 interaksi pada tahun 2021 (2020: 237,016 interaksi; 2019: 156,612 interaksi) (Rajah 4). Di samping menjawab pertanyaan orang

Gambar Rajah 4: Isu atau Pertanyaan Utama yang Diterima oleh BNMTELELINK pada Tahun 2021



Lima isu/pertanyaan yang paling kerap diajukan oleh orang ramai

Isu/Pertanyaan
1. Pengambilan laporan CCRIS dan pendaftaran eCCRIS
2. Bantuan bayaran balik pinjaman
3. Pembekuan, pembukaan dan penutupan akaun perbankan
4. Kelewatan pemprosesan tuntutan dan khidmat pelanggan pengendali insurans/takaful
5. Aduan mengenai penipuan kewangan terutamanya penipuan melalui Internet dan telefon serta penipuan berkaitan pelaburan

Bilangan interaksi: 304,376

Sumber: Bank Negara Malaysia



BNMTELELINK dibuka semula untuk orang ramai (melalui janji temu) mulai 1 November 2021 di bangunan baharu Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) di Kuala Lumpur.

ramai, interaksi ini memberikan pemahaman untuk mempertingkat kandungan laman sesawang dan platform media sosial Bank.

Apabila pandemik menjadi lebih terurus pada bulan November 2021, Bank telah membenarkan kunjungan ke premis pusat khidmat pelanggan Bank melalui sistem janji temu.

Memerangi Penipuan Kewangan

Penggunaan komunikasi dan transaksi dalam talian yang meningkat telah turut mendedahkan orang ramai kepada risiko penipuan kewangan yang lebih tinggi. Pada tahun 2021, aduan mengenai penipuan kewangan, terutamanya penipuan melalui Internet dan telefon serta penipuan berkaitan pelaburan merupakan antara lima isu yang paling kerap diajukan oleh orang ramai melalui BNMTELELINK.

Bank terus meningkatkan usaha untuk mendidik orang ramai mengenai penipuan kewangan dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Salah satu inisiatif utama Bank ialah membuat hantaran peringatan dengan kerap melalui halaman Facebook Amaran Scam, dengan lebih daripada 320 hantaran dibuat sepanjang tahun 2021. Sejak dilancarkan pada tahun 2020, halaman Amaran Scam telah mendapat 39,000 pengikut Facebook. Pada tahun 2021 juga, didapati ada penurunan sebanyak 11.2% dalam pertanyaan dan aduan berkaitan penipuan yang diterima oleh Bank (2021: 9,158; 2020: 10,187).

Selain itu, Bank telah menyiarkan siri webinar tujuh episod mengenai penipuan kewangan sempena Bulan Literasi Kewangan pada bulan Oktober 2021. Bagi memaksimumkan jangkauan, webinar tersebut dijalankan dalam pelbagai bahasa untuk mendekati komuniti Melayu, Cina dan India. Siri webinar ini menjana lebih daripada 2,300 tontonan secara langsung dan 118,000 tontonan rakaman. Antara topik yang dibincangkan ialah penipuan kewangan yang lazim berlaku di Malaysia seperti penipuan Skim Cepat Kaya, Macau Scam, Akaun Keldai, Memancing Data (Phishing) dan e-Dagang.

Selain itu, Bank menganjurkan 47 sesi perbincangan dalam talian melalui stesen radio negeri dan webinar secara maya mengenai penipuan kewangan pada peringkat wilayah. Webinar ini direka khas untuk khalayak sasaran seperti pesara, kakitangan Kerajaan dan komuniti universiti (pensyarah, pelajar dan kakitangan). Inisiatif ini menjadi pelengkap kepada usaha Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) bagi meningkatkan tahap celik kewangan di Malaysia (butiran lanjut terdapat dalam Bab “Menggalakkan Kestabilan Kewangan” dan “Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif”).



Salah satu episod siri webinar Amaran Scam yang disasarkan untuk tontonan komuniti Melayu. Episod ini membincangkan tentang penipuan secara dalam talian dan diberi tajuk "Pancing Data: Dalam Senyap, Duit Lenyap".



Siri webinar Amaran Scam turut menampilkan episod dalam bahasa Mandarin untuk menjangkau komuniti Cina.



Satu episod daripada siri webinar Amaran Scam yang dijalankan dalam bahasa Tamil.



Webinar secara langsung mengenai penipuan kewangan yang disertai oleh Pejabat BNM Kota Kinabalu.

Menyantuni Belia

Golongan belia merupakan segmen penting dalam mempengaruhi hala tuju masa hadapan Malaysia. Bank berinteraksi dengan lebih 700 orang pelajar di lima buah universiti pada tahun 2021 mengenai masalah ekonomi dan kewangan yang paling penting pada mereka (contohnya, prospek pasaran pekerjaan). Bank berkongsi dapatan kaji selidik dan prospek mengenai ekonomi dan pasaran pekerja untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mereka mengenai isu-isu dasar utama. Bank memanfaatkan program pengambilan pekerja Bank seperti Program Graduan Kijang (Kijang Graduate Programme, KGP) untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan Bank sebagai bank pusat. Webinar KGP terbaharu pada bulan Januari 2022 menarik kira-kira 300 orang hadirin, manakala hantaran media sosial Bank tentang KGP mencatatkan kadar interaksi yang tinggi[2] (purata: 5.7%).



Perbincangan dan interaksi antara Penolong Gabenor Fraziali Ismail dengan para pelajar Universiti Malaya dan Nottingham University.





Memanfaatkan Program Graduan Kijang Bank untuk meningkatkan kesedaran tentang mandat dan peranan Bank sebagai bank pusat.

[2] Kadar interaksi adalah nisbah interaksi (interaksi pengguna dengan hantaran Bank - *likes*, ciapan semula, komen, kongsi dan klik) kepada jangkauan, yang diukur merentas semua platform media sosial Bank. Sebagai penanda aras, kadar interaksi purata untuk hantaran merentas platform media sosial dan industri yang berbeza pada umumnya adalah sekitar 1.5% (Sumber: Social Insider).

Bank Pusat yang Lebih Mudah Difahami

Di samping komunikasi yang berkaitan dengan krisis, Bank mengambil langkah berterusan untuk menyediakan kandungan yang lebih mudah difahami oleh khalayak Bank yang datang daripada pelbagai latar belakang. Hal ini bertujuan untuk menggalakkan pemahaman yang lebih baik mengenai mandat dan peranan Bank merentas pelbagai lapisan masyarakat.

Bank melaksanakan inisiatif ini melalui pelbagai cara, bermula dengan memastikan penerbitan Bank disesuaikan mengikut khalayak sasaran. Bahan untuk khalayak umum (contohnya siaran akhbar, Laporan Tahunan dan laman sesawang) ditulis dalam bahasa yang mudah. Bank meningkatkan penggunaan komunikasi mudah (*bite-size communications*) yang meringkaskan maklumat utama untuk disertakan bersama siaran akhbar dan penerbitan yang lebih teknikal.

Selain itu, Bank menggunakan lebih banyak visual dan infografik yang mudah difahami. Medium bergambar ini menarik minat yang lebih besar dan mencetuskan lebih banyak perbualan dalam kalangan orang ramai mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan, serta langkah-langkah dasar Bank. Pertanyaan dan perbincangan seterusnya memberikan peluang kepada Bank untuk menjelaskan tindakannya dengan lebih baik atau untuk membetulkan salah faham. Interaksi ini juga memberikan maklum balas yang berguna untuk terus mempertingkat impak dan keberkesanan komunikasi Bank pada masa hadapan.



Penggunaan visual dan infografik dalam penerbitan dan output komunikasi Bank telah meningkatkan kadar interaksi khalayaknya (kadar interaksi melebihi 3%)[3].

[3] Seperti yang ditakrifkan sebelum ini.

Mengukur Nadi Ekonomi Semasa Pandemik

Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan bank-bank pusat mengubah cara mereka melaksanakan mandat bagi menghadapi ketidakpastian yang besar. Antaranya, interaksi dan perbincangan dengan orang ramai menjadi sangat penting khususnya untuk membuat penilaian dan tindak balas dasar. Seperti kebanyakan bank pusat utama yang lain di seluruh dunia[1], Bank Negara Malaysia telah menggiatkan lagi usaha untuk mendengar dan berkomunikasi dengan orang ramai. Interaksi yang sedemikian telah membantu Bank lebih memahami kesan perkembangan yang sedang berlaku terhadap pelbagai golongan masyarakat dan sektor ekonomi. Hal ini telah menambah baik keupayaan Bank untuk merumuskan dasar yang bersesuaian dan bersasar untuk menyokong ekonomi dan menguruskan risiko yang muncul. Rencana ini bertujuan untuk memaparkan peri pentingnya interaksi dan perbincangan sedemikian ketika pandemik, dengan tumpuan diberikan pada pandangan komuniti perniagaan dan isi rumah. Bahagian pertama rencana ini mengetengahkan kepentingan interaksi dan perbincangan dengan orang ramai dalam menyokong perumusan dasar monetari. Sementara itu, bahagian kedua memberikan tumpuan pada cara interaksi dan perbincangan ini membantu perumusan dasar-dasar ekonomi dan kewangan lain bagi mengurangkan kesan pandemik yang meluas.

Bahagian I. Menzahirkan Keadaan Ekonomi Masa Nyata bagi Menyokong Perumusan Dasar Monetari

Situasi pandemik yang belum pernah berlaku sebelum ini telah menyebabkan unjuran ekonomi menjadi lebih sukar. Krisis ekonomi yang berpunca daripada kejutan penawaran dan permintaan berikutan sekatan pergerakan telah melemahkan hubungan ekonomi yang wujud ketika waktu biasa. Ketidakpastian yang semakin meningkat tentang keputusan ekonomi isi rumah dan perniagaan juga menjadikan data masa nyata lebih penting apabila campur tangan dasar yang pantas diperlukan. Oleh itu, kebergantungan pada pandangan orang ramai di lapangan menjadi semakin penting bagi mengurangkan jurang data dengan adanya maklumat yang tepat pada masanya, berpandangan ke hadapan dan kualitatif. Pandangan orang ramai ini menjadi pelengkap kepada penggunaan data frekuensi tinggi lain (contohnya, data tentang mobiliti, penjanaan elektrik serta transaksi perbelanjaan secara fizikal dan dalam talian) untuk unjuran ekonomi semasa (*economic nowcasting*). Maklumat ini meningkatkan pengetahuan Bank tentang keadaan ekonomi semasa dan hala tuju pada masa hadapan, sekali gus dapat menjadi panduan dalam perumusan dasar monetari (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1: Penyesuaian Pandangan Orang Ramai di Lapangan dalam Perumusan Dasar Monetari



Nota: MPC merujuk kepada Monetary Policy Commitee, iaitu Jawatankuasa Dasar Monetari.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Sebagai contoh, sila rujuk "The ECB's Dialogue with Non-Financial Companies", Economic Bulletin, Issue 1, European Central Bank (ECB), 2021.

(i) Pengesanan awal titik perubahan bagi unjuran ekonomi

Pemahaman yang diperoleh daripada temu bual dengan komuniti perniagaan[2] telah digunakan untuk membantu mengesan titik perubahan dalam ekonomi. Sebagai contoh, prospek permintaan dan eksport Malaysia seperti yang diunjurkan lebih awal oleh firma-firma telah terjejas oleh pandemik COVID-19 seawal bulan Januari 2020. Dalam tempoh itu, kes jangkitan yang dilaporkan masih rendah dan sebahagian besarnya terbatas pada kes import[3]. Kesan awal daripada pandemik yang sedemikian tidak dapat direkodkan secara meluas oleh penunjuk lain tepat pada masanya[4]. Walau bagaimanapun, pemahaman yang diperoleh melalui libat urus Bank dengan komuniti perniagaan di seluruh negara telahpun menjangkakan perubahan negatif dalam prospek perniagaan. Industri tertentu (contohnya pemborong, peruncit dan pengusaha pelancongan) menunjukkan bahawa jualan mereka telah menurun bermula dari bulan Januari 2020 berikutan kedatangan pelancong yang semakin kurang. Sementara itu, firma-firma berorientasikan eksport, yang pada akhir tahun 2019 mengunjurkan prospek positif untuk tahun 2020, semakin menyuarakan pandangan yang pesimis pada awal tahun 2020. Firma-firma ini menyatakan bahawa terdapat kelewatan penghantaran berikutan gangguan dalam rantaian bekalan global selepas beberapa wilayah di RR China dikenakan sekatan pergerakan. Perubahan dalam prospek perniagaan itu kemudiannya disahkan oleh data ekonomi rasmi dengan sela masa dua bulan (Gambar Rajah 2). Pemahaman masa nyata yang sedemikian daripada industri adalah sangat penting bagi mengesan titik perubahan sepanjang tempoh pandemik dan membolehkan penjajaran dasar dibuat lebih awal apabila pelbagai langkah pembendungan dikuatkuasakan, diperketatkan atau dilonggarkan.

Gambar Rajah 2: Tinjauan Syarikat terhadap Penggunaan Swasta dan Eksport Berbanding Data Rasmi (Mac 2019-2020)



Nota: Tinjauan syarikat adalah berdasarkan imbangan bersih, yang merujuk kepada perbezaan antara peratusan responden yang menjangkakan prospek yang lebih baik dan peratusan responden yang menjangkakan prospek yang lebih buruk. Maklumat ini diperoleh setiap dua bulan, enam kali setahun. Data bulanan kemudiannya diperoleh dengan mengira titik tengah untuk bulan tanpa data.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia and Bank Negara Malaysia

(ii) Pengesahan bukti sebagai pelengkap kepada data kuantitatif

Pandangan orang ramai di lapangan juga mengukuhkan pengetahuan Bank tentang pemacu yang mendasari trend ekonomi semasa dan masa hadapan. Pengetahuan ini paling memberikan manfaat apabila keadaan ekonomi berbeza dengan ketara daripada unjuran yang didasarkan pada trend masa

[2] Di bawah program Pengawasan Ekonomi Wilayah Bank, libat urus industri dijalankan dengan komuniti perniagaan untuk mengukur keadaan dan prospek perniagaan masa nyata. Libat urus secara langsung dengan komuniti perniagaan sedemikian dibina atas dasar kepercayaan bersama dan dilaksanakan dengan kerahsiaan yang ketat. Input yang diterima digunakan pada peringkat dalaman untuk memperincikan pelbagai maklumat yang tersedia untuk Bank, terutamanya bagi menyokong proses membuat keputusan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC). Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Rencana dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2013: "Memperluas Pengawasan Ekonomi melalui Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia".

[3] Di Malaysia, kes sporadik pertama, iaitu orang yang dijangkiti tidak melawat ke kawasan yang terjejas mahupun mempunyai kontak dengan orang lain yang dijangkiti, telah dikesan pada 11 Mac 2020. Menjelang 14 Mac 2020, kes COVID-19 telah dikesan dan dilaporkan di setiap negeri (Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia, KKM).

[4] Sebagai contoh, penunjuk yang tepat pada masanya seperti Laporan Pergerakan Komuniti Google tidak mempunyai konteks penting dan hubungan dengan trend ekonomi yang lebih luas kerana laporan tersebut tidak dapat menjelaskan sama ada pengguna berbelanja lebih banyak atau lebih sedikit apabila mereka sampai ke destinasi mereka.

lalu ketika ekonomi berada dalam keadaan ketidakpastian yang besar. Misalnya, data eksport Malaysia mencatatkan prestasi yang lebih baik daripada jangkaan meskipun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh dilaksanakan pada bulan Jun 2021[5]. Interaksi dan perbincangan dengan orang ramai di lapangan menggambarkan bahawa keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh penyesuaian yang dilakukan oleh firma-firma meskipun terdapat had pada kapasiti tenaga kerja. Firma-firma dalam industri tertentu (contohnya, firma dalam industri elektrik dan elektronik (*electrical and electronics*, E&E)) dilihat dapat melakukan penyesuaian dengan mudah dan pantas secara relatif untuk meningkatkan pengeluaran dengan bergantung pada tahap automasi mereka yang tinggi dan dengan menambah bilangan hari bekerja atau syif. Temu bual di lapangan juga memberikan pencerahan tentang pertambahan barisan pengeluaran baharu oleh firma yang dapat memenuhi permintaan eksport yang meningkat.

Bank juga memanfaatkan pemahaman peringkat isi rumah[6] untuk memperkaya penilaian tentang isu-isu seperti corak perbelanjaan isi rumah dalam tempoh selepas pandemik. Sebagai sumber data alternatif, maklumat kualitatif berkaitan dengan jangkaan isi rumah terhadap perbelanjaan telah membantu memberikan data untuk unjuran ekonomi bagi perumusan dasar monetari. Secara khusus, maklumat tersebut menunjukkan bahawa hampir separuh daripada isi rumah akan mengekalkan tingkah laku perbelanjaan sebelum pandemik sebaik sahaja ekonomi dibuka semula sepenuhnya (Gambar Rajah 3).

Gambar Rajah 3: Jangkaan Tingkah Laku Perbelanjaan Isi Rumah Selepas Pandemik (Disember 2021)



Sumber: Kaji Selidik Sentimen Pengguna Bank Negara Malaysia

(iii) Mendedahkan perbezaan pemahaman merentasi wilayah dan sektor

Seterusnya, pemahaman orang ramai di lapangan mendedahkan perbezaan kecil yang tidak jelas dalam data negara ketika pandemik. Pemahaman ini sangat berharga ketika keadaan ekonomi yang berbeza-beza merentasi wilayah di Malaysia (iaitu kepelbagaian tahap keterukan pandemik yang memerlukan langkah-langkah yang bersesuaian mengikut keadaan setempat). Dengan menggabungkan maklumat pada peringkat wilayah, penilaian ekonomi pada peringkat kebangsaan telah ditambah baik.

Pemahaman orang ramai di lapangan juga memberikan naratif merentasi sektor yang berguna untuk menilai kesan pandemik terhadap ekonomi. Ketika bermulanya pelaksanaan PKP yang pertama, berlaku ketidakpastian tentang kapasiti operasi firma dalam tempoh sekatan pergerakan. Perbezaan sekatan pergerakan mengikut sektor, tahap automasi serta kebolehsuaian perniagaan merupakan pertimbangan yang sangat penting dalam menilai sejauh mana kesan sekatan PKP terhadap industri tertentu. Temu bual

[5] Pada bulan Jun 2021, eksport barangan Malaysia meningkat sebanyak 27% pada asas tahunan dan 14% pada asas bulanan (Mei 2021: masing-masing 47% dan -13%).
[6] Kaji Selidik Sentimen Pengguna Bank Negara Malaysia bermula pada tahun 2013 untuk mengurangkan jurang maklumat berhubung dengan jangkaan pengguna terhadap pertumbuhan ekonomi, inflasi, pertumbuhan upah dan kos pinjaman.

dengan komuniti perniagaan merentasi sektor yang berbeza-beza dapat memberikan maklumat segera dan penting tentang perbezaan cara firma-firma terjejas, mengikut ciri industri masing-masing. Pemahaman peringkat sektor ini membolehkan Bank menganggarkan kesan awal PKP terhadap ekonomi keseluruhannya, seterusnya menyediakan maklumat penting untuk penilaian dasar.

Bahagian II. Mengesan Isu di Lapangan untuk Penambahbaikan Dasar

Selain menyokong perumusan dasar monetari, interaksi dan perbincangan dengan orang ramai berfungsi sebagai gelung maklum balas (*feedback loop*) untuk Bank menambah baik dasar yang sedia ada jika diperlukan. Semasa pandemik, lebih banyak reaksi masa nyata daripada isi rumah dan komuniti perniagaan telah diperoleh melalui interaksi dan perbincangan secara bersasar. Hal ini menjadikan Bank lebih tangkas dalam langkah-langkah dasarnya bagi memenuhi matlamat dasar yang dihasratkan.

(i) Memperkukuh keupayaan dan pemerkasaan kewangan

Interaksi dan perbincangan Bank dengan orang ramai membolehkan pemahaman penting yang berkaitan dengan langkah-langkah sokongan kewangan dikumpulkan. Sebagai contoh, kaji selidik mengenai isi rumah menunjukkan bahawa peningkatan permohonan bagi moratorium pada pertengahan tahun 2021 bukan didorong oleh peminjam yang berada dalam kesusahan sahaja. Sebaliknya, satu pertiga daripada peminjam yang memohon bantuan bayaran balik pinjaman sebahagiannya menggunakan bantuan itu untuk membina penampan awasan (*precautionary buffers*). Komunikasi secara langsung dengan orang ramai melalui BNMLINK juga berguna untuk mengesan kesukaran lebih awal. Hal ini melibatkan keperluan untuk meningkatkan kualiti komunikasi tentang pelbagai bantuan kewangan yang ditawarkan. Dengan maklum balas yang tepat pada masanya ini, Bank bersama-sama dengan institusi kewangan telah mengambil langkah untuk memberikan maklumat dengan lebih jelas dan mengurangkan jurang maklumat dalam kalangan orang ramai.

Interaksi dan perbincangan dengan orang ramai juga mendedahkan keperluan untuk menambah baik keupayaan dan daya tahan kewangan isi rumah serta komuniti perniagaan. Keperluan ini semakin penting berikutan pasaran tenaga kerja yang lemah semasa pandemik. Bank meluaskan lagi interaksi dan perbincangan melalui platform tradisional dan digital[7] serta melalui Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN)[8] untuk memberikan maklumat, penjelasan dan panduan tentang isu-isu penting, termasuk penipuan kewangan, bantuan bayaran balik pinjaman dan pengurusan kewangan peribadi. Program-program khusus[9] dianjurkan untuk mendorong pengguna bagi mendapatkan bantuan lebih awal supaya mereka dapat menguruskan kewangan dengan lebih baik ketika keadaan ketidakpastian yang tinggi. Program kesedaran juga dilaksanakan untuk mengukuhkan jangkauan dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital. Pada tahun 2021, lebih 220 inisiatif telah dijalankan oleh ahli dan rakan usahasama FEN. Lebih 70% daripada inisiatif ini disasarkan kepada golongan B40, dan lebih 60% inisiatif diwujudkan untuk golongan belia dan dewasa. Kebanyakan inisiatif ini diadakan secara maya, dan telah menghasilkan capaian yang lebih luas iaitu lebih 5 kali ganda dibandingkan dengan program yang diadakan secara fizikal.

(ii) Sokongan dasar bersasar untuk pemulihan perniagaan

Dapatan daripada sesi libat urus serta kaji selidik[10] juga menyokong pembangunan serta pengemaskinian dasar untuk menyediakan bantuan dan menyokong pemulihan perniagaan yang mampan. Misalnya, sesi

---

[7] Interaksi dan perbincangan ini termasuk sesi webinar, segmen radio, siaran melalui e-mel secara meluas dan hantaran media sosial.

[8] Institusi-institusi yang menganggotai FEN ialah Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit serta Permodalan Nasional Berhad. FEN merumuskan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, iaitu pelan strategik 5 tahun untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia dan memperkasakan rakyat Malaysia untuk (a) menabung, mengurus dan melindungi kewangan mereka; (b) merancang dan memastikan masa depan yang mampan; dan (c) melindungi diri daripada penipuan (*fraud*) dan skim penipuan kewangan (*financial scam*).

[9] Sebagai contoh, kempen "Dapatkan Bantuan Awal" (23 Jun 2020), siri Klinik Bantuan Bayaran Balik Pinjaman (14 sesi diadakan pada tahun 2020) dan Klinik Khidmat Nasihat Kewangan Secara Maya (29-31 Oktober 2021).

[10] Bank mengadakan 10 sesi libat urus secara maya pada tahun 2021 yang melibatkan 38 Persatuan PKS (~4.1 juta ahli PKS). Sesi libat urus ini meliputi topik-topik utama seperti bantuan bayaran balik pinjaman, Dana BNM untuk PKS serta saluran bantuan lain. Sementara itu, kaji selidik berkala dan bersasar dilakukan sebagai pelengkap kepada pengawasan tetap Bank ke atas keadaan pembiayaan PKS.

libat urus dengan PKS telah mengesahkan pemerhatian makro bahawa sektor perkhidmatan merupakan segmen yang paling teruk terjejas[11]. Sebagai tindak balas, Bank telah melancarkan beberapa dana khas untuk menyokong pemulihan PKS dalam sektor perkhidmatan. Dialog yang berterusan dengan PKS juga membantu Bank menambah baik kemudahan lain di bawah Dana BNM untuk PKS, demi memastikan akses kepada pembiayaan yang tepat pada masanya dan lebih bersasar. Secara keseluruhan, Dana BNM telah memberikan manfaat kepada lebih 52,000 PKS dan perusahaan mikro serta menyokong lebih 1 juta pekerjaan. Pelbagai isu lain juga dikongsi, termasuk akses kepada kewangan dalam kalangan perusahaan mikro dan syarikat peringkat pertengahan (Gambar Rajah 4). Justeru, keadaan sedemikian telah mendorong kepada tumpuan dasar yang lebih banyak terhadap segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan ini.

Gambar Rajah 4: Isu-Isu Utama yang Diperoleh Melalui Libat Urus dengan Firma dan Langkah-Langkah Selanjutnya

	Isu Peringkat Lapangan	Langkah-Langkah/Resolusi Penting
Perusahaan Mikro	Aliran tunai yang ketat atau menekan; Pengangguran dan pemberhentian kerja	• Meningkatkan peruntukan Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF), skim pembiayaan tanpa cagaran • Memperluas skop untuk merangkumi individu yang bekerja sendiri, pekerja sambilan yang menggunakan platform digital dan peserta iTEKAD
Perusahaan kecil dan sederhana		• Memperkenalkan penangguhan bayaran balik pinjaman
	Kesukaran membayar balik kemudahan pembiayaan daripada institusi bukan bank dalam kalangan pengusaha pelancongan	• Pembiayaan semula dibenarkan di bawah dana-dana khas untuk membantu komuniti perniagaan menyatukan dan menguruskan tekanan kos
	Sektor perkhidmatan sukar untuk kekal berdaya maju apabila langkah-langkah pembendungan dilaksanakan semula	• Meningkatkan peruntukan Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF) untuk menyediakan bantuan dan menyokong pemulihan
	Keperluan sokongan pembiayaan untuk meningkatkan produktiviti melalui pelaburan dalam automasi dan pendigitalan	• Meningkatkan peruntukan Kemudahan Automasi dan Pendigitalan PKS (ADF) serta mewujudkan Kemudahan Teknologi Tinggi – Aspirasi Pelaburan Nasional (HTF-NIA)
	Kelewatan dalam pengeluaran kemudahan pembiayaan	• Penyedia jaminan digalakkan untuk memberikan jaminan mengikut portfolio bagi pembiayaan yang disediakan di bawah kemudahan baharu pada tahun 2021 untuk mengurangkan masa meluluskan jaminan
	Permohonan pembiayaan tidak berjaya	• Bantuan khidmat nasihat disediakan melalui MyKNP@CGC
Syarikat peringkat pertengahan	Terdapat cabaran dalam kalangan penyedia penyelesaian automasi dan pengilang yang lebih besar dari segi akses kepada pembiayaan	• Pembangunan produk baharu untuk syarikat peringkat pertengahan dengan memanfaatkan jaminan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP)

Nota: Syarikat peringkat pertengahan merujuk syarikat yang memperoleh pendapatan tahunan antara RM50 juta hingga RM500 juta dalam sektor perkilangan dan pendapatan tahunan antara RM20 juta hingga RM500 juta dalam sektor lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia

(iii) Menambah baik akses kepada perkhidmatan kewangan

Interaksi dan perbincangan dengan orang ramai juga mendedahkan tahap kesukaran berkaitan dengan akses kepada perkhidmatan kewangan. Hal ini telah mendorong usaha yang lebih menyeluruh dilakukan untuk mengurangkan jurang rangkuman kewangan yang terjadi akibat pandemik. Secara khusus, pemahaman peringkat lapangan mendedahkan bahawa sekatan pergerakan telah meninggalkan kesan terhadap segmen komuniti yang sangat bergantung pada urus niaga secara tunai dan perbankan tradisional. Komuniti ini menghadapi kesulitan untuk memenuhi keperluan kewangan harian, terutamanya di tempat-tempat kemudahan ATM atau cawangan bank yang sukar diakses. Orang ramai yang tidak mempunyai akaun bank juga menghadapi kesukaran untuk menerima bantuan Kerajaan. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kekangan sambungan Internet (*connectivity constraints*) dan kekurangan sistem saling boleh

[11] Subsektor yang terjejas termasuk perdagangan borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan, serta pelancongan.

kendali yang membolehkan pemindahan dana antara bank melalui ejen bank dalam komuniti luar bandar. Bagi menangani isu ini, lebih banyak Bank Bergerak telah diwujudkan di bawah program PEMULIH untuk memperluas akses kepada perkhidmatan kewangan di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Ejen bank juga dibenarkan untuk beroperasi semasa tempoh langkah-langkah pembendungan dilaksanakan bagi memastikan akses kepada wang tunai dan bantuan Kerajaan dapat diteruskan. Bank juga bekerjasama dengan PayNet untuk menguruskan keperluan wang tunai yang mendesak dalam kalangan komuniti di beberapa kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan[12].

(iv) Peranan Bank yang dipertingkat sebagai penasihat kepada Kerajaan

Pemahaman peringkat lapangan telah mengukuhkan lagi peranan Bank sebagai penasihat dasar kepada Kerajaan. Sebagai contoh, sekatan pergerakan yang berpanjangan mengakibatkan perniagaan mengalami pelbagai kesukaran (contohnya, ketidakselarasan SOP telah menghalang komuniti perniagaan daripada membuat keputusan dengan pantas dan mengakibatkan gangguan dalam subsektor yang sangat penting seperti subsektor yang berkaitan dengan E&E dan aeroangkasa). Hal ini berpotensi untuk menggugat kedudukan strategik Malaysia sebagai peserta penting dalam rantaian bekalan global. Pemahaman peringkat lapangan tentang potensi risiko terhadap prospek ekonomi yang relevan dilaporkan secara tepat pada masanya kepada Kerajaan melalui pelbagai platform bagi memantapkan lagi perbincangan dasar. Hal ini membantu pembentukan arahan pada peringkat kebangsaan tentang langkah-langkah pembendungan yang mengurangkan gangguan terhadap kegiatan ekonomi yang sangat penting tanpa menjejaskan keputusan tentang keselamatan kesihatan. Langkah ini memastikan bahawa negara berada pada landasan pemulihan yang lebih baik.

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah mempertingkat nilai interaksi dan perbincangan Bank dengan komuniti perniagaan dan isi rumah. Risikan peringkat lapangan telah mengukuhkan pengetahuan Bank tentang pelbagai isu ekonomi untuk tujuan perumusan dasar monetari dan menyokong keputusan dasar bagi mengurangkan kesan pandemik yang berleluasa. Hal ini adalah sangat penting dalam tempoh ketidakpastian yang memuncak. Sehubungan dengan itu, Bank ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan terhadap usaha ini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Pada masa hadapan, Bank akan terus memupuk semangat saling mempercayai demi membina rangkaian hubungan yang lebih kukuh dengan semua pihak berkepentingan.

[12] Sebagai contoh, penggunaan ATM label putih (ATM yang telah disediakan dan dikendalikan oleh bukan bank) pada tahun 2021. Usaha kerjasama ini akan diperluas dengan memasukkan perkhidmatan MyDebit Cash Out (MDCO) yang berkembang pesat bagi meningkatkan pusat akses pengeluaran tunai pada masa hadapan.

Pemerkasaan Semula Kawalan Kewangan Peribadi pada Waktu yang Mencabar

Tahun 2021 kekal sebagai tahun yang amat mencabar. Kemunculan pelbagai varian baharu COVID-19, pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan, tahap pengangguran yang lebih tinggi dan banjir yang tidak dijangka telah menjejaskan kehidupan kita daripada pelbagai aspek, dari segi kesejahteraan fizikal dan mental, hinggalah kepada masalah kewangan. Meskipun ekonomi Malaysia sedang melalui fasa pemulihan pada tahun 2022, ramai yang masih berusaha untuk pulih daripada cabaran kewangan, simpanan yang berkurang dan perubahan mendadak yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka.

Keadaan yang tidak dijangka boleh berlaku melalui pelbagai cara. Sebahagiannya boleh mengubah kehidupan seseorang, contohnya penularan wabak, manakala sebahagian yang lain pula boleh menjejaskan perancangan kewangan sedia ada dan memerlukan pelarasan terhadap perancangan tersebut. Berikut adalah beberapa langkah segera yang boleh diambil sebagai permulaan dan bagi memperkasakan semula kewangan anda apabila menghadapi keadaan yang tidak dijangka.

Gambar Rajah 1: Nilai Semula untuk Bergerak ke Hadapan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah pertama untuk memperkasakan semula kedudukan kewangan adalah dengan sentiasa peka dan memahami isu tersebut, menerima bahawa perubahan perlu dibuat dan berdisiplin dalam melaksanakannya. Pada masa yang sama, kita perlu belajar cara untuk menguruskan kewangan bagi menambah baik kedudukan kewangan kita. Mengurus cabaran kewangan adalah satu tugas yang rumit, namun dengan pemikiran, maklumat dan pengetahuan yang betul, kita akan lebih yakin untuk memperkasakan semula kedudukan kewangan dan membina daya tahan yang lebih teguh bagi menghadapi keadaan yang tidak dijangka. Perubahan kecil dan berperingkat dari semasa ke semasa boleh menghasilkan kesan yang besar.

Terdapat banyak panduan pengurusan wang yang boleh membantu anda mengukuhkan asas kewangan. Bagi mereka yang terpaksa menggunakan simpanan ketika menghadapi keadaan yang tidak dijangka, keutamaan perlu diberikan untuk membina semula simpanan tersebut bagi memastikan anda mempunyai penampan yang boleh digunakan apabila diperlukan kelak.

Gambar Rajah 2: Bina Semula Simpanan Anda

Beri keutamaan untuk menyediakan dana kecemasan

- Mulakan dengan membuat anggaran keperluan perbelanjaan, seperti bayaran balik hutang, barangan keperluan harian, pendidikan dan perkara berkaitan kesihatan. Asingkan secukupnya setiap minggu bagi perbelanjaan tersebut
- Jejaki setiap perbelanjaan anda bagi mengelakkan perbelanjaan yang tidak penting. Tindakan ini boleh meningkatkan dana kecemasan anda dengan lebih cepat



Wujudkan dana terikat

Rancang dan senaraikan perbelanjaan sekali gus anda, perbelanjaan luar kebiasaan dan perbelanjaan spesifik

Tujuan saya menabung

A	B	C	D	E	F
	Dana Terikat	Matlamat (RM)	Tarikh Sasaran	Simpan (RM)	Baki (RM)
1	Buka sekolah - kasut, beg, yuran	1,000	Februari	1,000	0
2	Hari Raya Aidilfitri	2,000	Mac	1,000	1,000
3	Kereta - takaful dan pembaharui cukai jalan	1,000	Jun	200	800
4	Hadiah hari jadi Mama	250	Julai	100	150
5	Perbelanjaan rumah	1,000	September	200	800
6	Skim Persaraan Swasta	3,000	Disember	500	2,500
				Jumlah	5,250

Jumlah yang saya perlu tambah

Jumlah yang saya perlu ada dalam dana terikat

Rekodkan simpanan dan perbelanjaan anda

Gunakan lembaran kira-kira, peruntukan mengikut sampul, aplikasi kewangan peribadi bagi memantau kewangan anda



Berbelanja mengikut kemampuan anda

Berfikirlah sebelum berbelanja. Fokus kepada keperluan berbanding kehendak. Perbelanjaan dengan jumlah yang kecil lama-lama menjadi besar. Semak perbelanjaan bagi mengenal pasti 'kebocoran' dan ubah 'kebocoran' itu menjadi simpanan



Jika anda terlebih berbelanja sekali-sekala, jangan berasa gundah. Perkara ini akan berlaku sekalipun kepada mereka yang lazimnya sentiasa merancang hal ehwal kewangan. Jangan putus asa - anda hanya perlu kembali mengawal perbelanjaan secepat mungkin

Manfaatkan aplikasi digital

Terdapat aplikasi mudah seperti penjejak belanjawan, dan ada juga aplikasi yang mempunyai keupayaan untuk meramal tabiat pengguna bagi membuat keputusan kewangan yang lebih baik



Sumber: Bank Negara Malaysia

Satu lagi keutamaan penting untuk mencapai kesejahteraan kewangan adalah dengan menambah kekayaan anda, sama seperti peniaga memajukan dan mengembangkan perniagaan mereka. Dalam hal ini, kekayaan anda dapat dikembangkan dengan mempelbagaikan bentuk simpanan dan melaburkan wang simpanan anda.

Gambar Rajah 3: Mengimbangi Antara Menyimpan dan Melabur



Buat keputusan yang boleh meningkatkan kekayaan anda pada masa hadapan



Bandingkan produk kewangan yang ada di pasaran dan pilih yang bersesuaian dengan matlamat dan selera risiko anda



Cari peluang untuk meningkatkan pendapatan. Belajar kemahiran baharu dan pelbagaikan sumber pendapatan anda



Belajar cara-cara mengurus kewangan daripada sumber yang dipercayai, contohnya melalui laman sesawang Jaringan Pendidikan Kewangan www.fenetwork.my



Belajar tentang perubahan landskap pelaburan termasuk tentang mata wang kripto. Berwaspada dan hanya berurusan dengan entiti atau individu yang berlesen atau yang diberikan kuasa. Dapatkan maklumat lanjut melalui www.investsmartsc.my



Fahami bahawa pulangan yang lebih tinggi datang dengan risiko yang lebih tinggi. Pastikan pilihan pelaburan anda sesuai dengan matlamat kewangan anda dan risiko yang sanggup diambil



Berhati-hati dengan penipuan kewangan. Rujuk pihak berkuasa yang berkenaan jika ragu-ragu

Agensi penguatkuasaan	BANK NEGARA MALAYSIA CENTRAL BANK OF MALAYSIA Bank Negara Malaysia	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	SSM SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA (Agensi di bawah KPDNHEP) Suruhanjaya Syarikat Malaysia	Suruhanjaya Sekuriti Securities Commission Malaysia Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	Polis Diraja Malaysia
Penipuan kewangan berkaitan dengan	• Pengambilan deposit • Dagangan mata wang asing *(Forex)*	• Jualan langsung/MLM • Skim piramid • Gores dan menang • E-dagang	• Skim kepentingan • Skim kutu	• Tawaran saham/derivatif • Unit amanah/skim persaraan swasta • Aset digital (bitcoin) • Pembiayaan rakan ke rakan dan pembiayaan ekuiti melalui Internet	• Kes penipuan (pelaburan, pinjaman, perjudian, e-dagang, dll.)
Saluran bantuan melalui	1-300-88-5465 bnm.my/LINK	1-800-886-800 e-aduan.kpdnhep.gov.my	03-22994400 aduan@ssm.com.my	03-62048999 aduan@seccom.com.my	Pusat Maklum Balas Penipuan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil: 03-26101559/03-26101599 semakmule.rmp.gov.my

Sumber: Bank Negara Malaysia

Ramai antara kita mempunyai hutang. Namun, yang penting hutang tersebut tidak menjejaskan kehidupan kita. Oleh itu, pengurusan hutang yang selaras dengan kemampuan kita perlu diberikan keutamaan.

Gambar Rajah 4: Amalkan Peminjaman yang Bertanggungjawab

Bayar tepat pada masanya. Jika anda terlepas tarikh pembayaran, cuba bayar secepat mungkin bagi mengelakkan sebarang denda atau caj pembayaran lewat

Nilai keupayaan anda untuk membayar balik pinjaman. Pakar mengesyorkan simpanan anda pada kadar 10%-20% daripada pendapatan. Walaupun pakar menyarankan supaya jumlah hutang berada di bawah 40%, pertimbangkan perbelanjaan anda terlebih dahulu sebelum membuat sebarang pinjaman

Secara purata, perbelanjaan untuk keperluan asas mencakupi 30% daripada pendapatan bulanan

Purata Pendapatan dan Perbelanjaan Bulanan Individu Mengikut Kumpulan Pendapatan

(RM)	Pendapatan kasar	Pendapatan bersih selepas potongan statutori[1]	Simpanan (10% daripada pendapatan bersih)	Perbelanjaan			Bayaran balik balik pinjaman bulanan maksimum
				Jumlah	*Asas*[2]	*Budi Bicara*[3]	
<3,000	2,053	1,844	184	1,281	798	483	379
3,000-5,000	3,859	3,386	339	2,204	1,299	905	843
5,000-10,000	6,740	5,576	558	3,291	1,847	1,444	1,727
>10,000	15,970	11,808	1,181	6,522	3,484	3,038	4,105

1) Potongan statutori termasuk cukai dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
2) Perbelanjaan asas termasuk (i) makanan dan minuman bukan alkohol; (ii) sewa dan penyelenggaraan rumah; (iii) air, elektrik, gas dan bahan api lain; (iv) pengangkutan; (v) perkhidmatan telekomunikasi; (vi) pendidikan; (vii) penjagaan kesihatan
3) Perbelanjaan budi bicara merujuk kepada perbelanjaan gaya hidup seperti hiburan, pakaian dan hobi

Sumber: Bank Negara Malaysia, Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (2019) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Nilaikan jumlah pinjaman maksimum yang anda mampu bayar balik setelah mengasingkan sekurang-kurangnya 10% sebagai simpanan

Utamakan pembayaran hutang yang mempunyai kadar faedah/keuntungan yang lebih tinggi

Apabila membeli barangan atau perkhidmatan secara ansuran, contohnya beli sekarang bayar kemudian, pastikan anda mampu membayar harga penuh, bukan sekadar jumlah ansuran sahaja. Fokus pada tarikh akhir pembayaran bagi mengelakkan caj dan hutang bertimbun

Segera dapatkan bantuan apabila menghadapi masalah kewangan

Bincang dengan pihak bank sebaik sahaja anda berhadapan atau bakal menghadapi masalah pembayaran balik pinjaman

Hubungi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan

Buat aduan menerusi BNMTELELINK bnm.my/RAsurvey jika anda menghadapi masalah dengan bank anda

Sentiasa semak semula pelan pengurusan hutang dengan mengambil kira keadaan kewangan semasa dan jangkaan kewangan pada masa hadapan

AKPK menyediakan perkhidmatan pendidikan kewangan, khidmat nasihat kewangan dan pengurusan hutang untuk individu dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana secara percuma

Ketahui hak anda semasa berurusan dengan pemungut hutang

Jika anda mengalami salah satu situasi ini, anda boleh membuat aduan kepada bank anda

Minta kad kuasa dan notis bertulis daripada bank anda.
Pemungut hutang tidak dibenarkan melakukan perkara yang berikut:

- ✓ Mengugut atau menggunakan kata-kata kesat untuk menakut-nakutkan anda
- ✓ Menceroboh kawasan kediaman anda
- ✓ Merosakkan atau mengambil barangan peribadi anda
- ✓ Datang ke tempat kerja anda kecuali jika anda tidak dapat dihubungi di kediaman atau anda membenarkan mereka datang
- ✓ Mengganggu ahli keluarga, jiran, kawan-kawan atau majikan anda bagi mendapatkan maklumat keberadaan anda
- ✓ Menghubungi anda pada waktu yang tidak munasabah kecuali antara 8.00 pagi hingga 9.00 malam
- ✓ Menghubungi anda dengan kerap untuk mengganggu anda

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesejahteraan kewangan anda ditentukan oleh banyak faktor seperti keadaan kesihatan fizikal dan mental, cara anda menjalani kehidupan seharian dan sejauh mana orang lain bergantung pada anda termasuk orang yang anda sayang. Menjaga kesihatan dan melindungi kekayaan anda daripada risiko yang diketahui merupakan keputusan paling penting yang anda buat bagi memelihara masa depan kewangan dan kesejahteraan orang yang disayangi.

Gambar Rajah 5: Lindungi Diri Anda dan yang Tersayang

- **Fahami kepentingan perlindungan insurans dan takaful. Ianya dapat melindungi kewangan anda daripada risiko diketahui dan mengelakkan anda daripada menghadapi masalah kewangan yang serius sekiranya berhadapan dengan situasi yang tidak dijangka**



Dapatkan maklumat tentang perlindungan yang mampu dimiliki untuk keperluan anda termasuk
- produk insurans/takaful, contohnya Perlindungan Tenang
- perlindungan sosial oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), contohnya SPS Lindung untuk mereka yang bekerja sendiri dan pekerja sambilan



Ajukan soalan yang betul kepada ejen insurans/takaful sebelum membeli polisi. Baca lembaran penzahiran produk yang disediakan oleh ejen insurans/takaful untuk memahami ciri-ciri utama dan risiko produk



Selalu semak perlindungan anda bagi memastikan anda dilindungi sepenuhnya daripada risiko yang mungkin anda hadapi. Risiko anda boleh berubah dari semasa ke semasa

- Adakah polisi ini merangkumi semua risiko yang saya ingin lindungi?
- Berapakah jumlah perlindungan yang perlu saya ada?
- Berapakah premium yang perlu saya bayar? Mampukah saya membiayainya untuk jangka masa panjang?
- Apakah pengecualian di bawah polisi ini?
- Apakah proses tuntutan, dokumentasi yang diperlukan dan berapa lama masa yang diperlukan?

Senarai semak

- ✓ Ketahui risiko anda – kesihatan, banjir, kebakaran, kemalangan
- ✓ Pilih jenis perlindungan yang anda perlukan
- ✓ Cari pilihan yang mampu dibayar dan sesuai dengan keperluan anda
- ✓ Dapatkan maklumat/nasihat daripada sumber yang boleh dipercayai, contohnya www.mycoverage.my
- ✓ Dapatkan insurans/takaful untuk melindungi risiko anda
- ✓ Semak perlindungan dan risiko anda secara berkala

- **Fahami kepentingan perancangan harta pusaka untuk melindungi kebajikan dan kepentingan orang tersayang selepas kematian anda, terutamanya pasangan dan anak-anak anda**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tempoh persaraan anda mungkin masih jauh, namun merancang persaraan lebih awal adalah tindakan terbaik daripada menunggu sehingga tahun-tahun akhir sebelum bersara. Sama ada bekerja di pejabat ataupun menjalankan perniagaan sambilan, anda perlu menyediakan dana persaraan yang kukuh bagi memastikan kehidupan anda selesa selepas bersara.

Gambar Rajah 6: Tetapkan Gaya Hidup Persaraan Anda Mulai Hari Ini



Sumber: Bank Negara Malaysia

Libat Urus Antarabangsa

Kerjasama strategik dan dialog dasar yang konstruktif dan berterusan bersama rakan sejawat global dan serantau merupakan faktor penting yang memaklumkan dasar Bank pada tahun 2021.

Pengenalan

Pandemik COVID-19 terus mempengaruhi cara libat urus Bank pada peringkat antarabangsa pada tahun 2021. Perbincangan dasar beralih daripada tumpuan jangka pendek tentang langkah-langkah bantuan segera dan kesan sekatan pergerakan, kepada masa dan cara yang terbaik untuk menamatkan sokongan dasar. Selain itu, perbincangan juga tertumpu pada dasar struktur jangka sederhana hingga jangka panjang bagi memantapkan kedudukan ekonomi pada landasan pemulihan yang lebih kukuh, berdaya tahan dan mampan.

Libat Urus dan Inisiatif pada Tahun 2021

Mempertingkat pemikiran dan kesiapsiagaan dasar

Tumpuan dasar antarabangsa pada tahun 2021 dipengaruhi oleh beberapa perkembangan utama. Ketersediaan dan pemberian vaksin yang cepat menyumbang kepada pemulihan ekonomi yang kukuh. Hal ini membolehkan beberapa negara mengalihkan perhatian mereka ke arah memastikan pemulihan yang mampan daripada kesan pandemik, di samping turut bersiap sedia menghadapi dunia selepas pandemik. Walau bagaimanapun, pemberian vaksin pada peringkat global yang tidak sekata turut menimbulkan kebimbangan terhadap tahap pemulihan ekonomi yang berbeza merentas negara.

Berdepan dengan cabaran yang serupa, Bank aktif menyertai pelbagai dialog dasar pada peringkat antarabangsa dan serantau. Antaranya, libat urus dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF), Bank for International Settlements (BIS), Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks (EMEAP), Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) dan ASEAN+3, iaitu RR China, Jepun dan Korea. Perbincangan melalui platform-platform ini tertumpu pada kepentingan kesaksamaan pemberian vaksin bagi mengurangkan perbezaan pemulihan ekonomi merentas negara; dasar dan strategi untuk mengakhiri krisis COVID-19; serta tekanan inflasi yang semakin meningkat. Isu-isu baru muncul seperti perubahan iklim, pendigitalan dan keterangkuman juga merupakan antara isu utama yang dibincangkan. Perbincangan ini memberikan pemahaman yang bernilai untuk pelarasan semula dasar dan perubahan penting yang diperlukan selepas pandemik. Hal ini turut memberikan peluang kepada Bank untuk berkongsi pandangan berhubung dengan isu-isu dan cabaran-cabaran yang berkaitan.

Sebagai ahli International Monetary and Financial Committee (IMFC)[1], Bank mengemukakan beberapa pandangan serantau yang penting. Hal ini termasuk perlunya nasihat dasar IMF kekal praktikal, fleksibel dan khusus bagi sesebuah negara, terutamanya dalam tempoh pemulihan yang tidak menentu ini. Bank juga menekankan bahawa proses penambahbaikan rangka kerja pengawasan IMF tidak sepatutnya mengenakan sebarang bebanan yang tidak wajar atau mengekang ruang dasar pihak berkuasa.

[1] Malaysia mewakili Southeast Asia Voting Group di IMF Spring and Annual Meetings 2021. IMFC menasihati dan melaporkan kepada IMF Board of Governors berkenaan dengan penyeliaan dan pengurusan sistem monetari dan kewangan antarabangsa, termasuk tindak balas terhadap keadaan semasa yang mungkin mengganggu sistem monetari dan kewangan antarabangsa. Walaupun IMFC tidak mempunyai kuasa dalam membuat keputusan secara rasmi, IMFC telah menjadi saluran utama dalam menetapkan hala tuju strategik bagi usaha dan dasar IMF.

Sebagai ahli BIS Central Bank Governance Group, Bank berkongsi pandangan tentang cabaran untuk melaksanakan mandat bank pusat berikutan landskap ekonomi dan kewangan yang semakin rumit. Di samping itu, sebagai ahli BIS Markets Committee, Bank terlibat secara aktif dalam penyelidikan dan perbincangan dasar tentang operasi dasar monetari dan interaksinya dengan pasaran kewangan. Kini, Bank merupakan sebahagian daripada kumpulan penyelidik yang menganalisis trend dan ciri terpilih pasaran pertukaran asing serantau bagi menangani implikasinya terhadap aliran modal dan kestabilan sistem kewangan di rantau ini.

Bagi meningkatkan kesiapsiagaan Malaysia selepas krisis, Bank turut terlibat dalam libat urus dengan rakan sejawat serantau untuk saling berkongsi pengalaman. Bank telah mengadakan mesyuarat dua hala secara maya dengan Bank of Thailand (BOT) untuk berbincang mengenai perkembangan dan cabaran makroekonomi, keberkesanan dasar bank pusat dan inisiatif perubahan iklim. Bank juga telah memberikan 42 bantuan teknikal secara maya bagi memenuhi permintaan daripada 17 agensi yang terdiri daripada bank pusat, pihak berkuasa monetari dan institusi pelbagai hala antarabangsa pada tahun 2021. Bank turut menyertai Persidangan Dasar mengenai "Challenges and Options in Managing Capital Flows" yang berlangsung secara maya anjuran South East Asian Central Banks (SEACEN) Research and Training Centre. Matlamat persidangan tersebut adalah untuk meningkatkan pemahaman tentang dinamik pasaran kewangan dan mengenal pasti alat dasar yang paling efisien untuk ekonomi serantau dalam menguruskan aliran modal yang besar dan tidak menentu.

Memperkukuh daya tahan dan menggalakkan kelestarian bagi pemulihan yang berpanjangan

Memperkukuh jaringan keselamatan kewangan: Berikutan ketidaktentuan global, Bank terus memperkukuh daya tahan bagi menghadapi potensi kejutan luaran dengan meningkatkan jaringan keselamatan kewangan luaran Bank. Bank telah memperbaharui pengaturan swap mata wang dua hala dengan People's Bank of China (PBOC) pada tahun 2021 berjumlah RM110 bilion/RMB180 bilion untuk tempoh lima tahun. Pembaharuan itu penting dalam usaha berterusan Bank untuk menggalakkan kestabilan kewangan serantau. Selain itu, akses Bank kepada kemudahan repo US Federal Reserve Foreign and International Monetary Authorities (FIMA) telah dijadikan tetap pada bulan Julai 2021. Pada mulanya, kemudahan ini diwujudkan sebagai kemudahan sementara susulan pandemik COVID-19 yang bermula pada bulan Mac 2020. Akses tetap kepada kemudahan ini mengukuhkan lagi keupayaan Bank untuk menangani potensi kekangan pendanaan dolar AS jangka pendek. Kemudahan itu turut menyediakan sumber mudah tunai tambahan sekiranya berlaku suatu kejutan besar. Pada peringkat pelbagai hala, Bank juga menyokong peruntukan umum Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights, SDR) oleh IMF pada tahun 2021 kepada ahli-ahli yang berjumlah USD650 bilion. Peruntukan itu menambah mudah tunai dalam sistem kewangan global dan mengukuhkan lagi rizab pertukaran asing. Peruntukan itu juga bertujuan menyemai keyakinan dan meningkatkan daya tahan ekonomi global. Bank turut memperbaharui komitmen sedia ada dalam Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB)[2] dan Pengaturan Pinjaman Dua Hala (Bilateral Borrowing Arrangement, BBA)[3] oleh IMF. Pengaturan ini menambah sumber kewangan teras IMF berikutan peningkatan keperluan pembiayaan bagi negara-negara yang terjejas akibat pandemik.

Memajukan agenda berkaitan iklim dan kelestarian: Bank menyumbang secara aktif kepada agenda global dan serantau dalam pengurusan risiko berkaitan perubahan iklim dan kelestarian. Sebagai salah satu anggota pengasas ASEAN Taxonomy Board (ATB), Bank mengetuai kumpulan kerja yang ditugaskan untuk membangunkan rangka kerja asas bagi ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance. Taksonomi tersebut bertujuan menjadi pelengkap kepada inisiatif kebangsaan bagi memudahkan peralihan yang teratur ke arah ekonomi rendah karbon dan pada masa yang sama membolehkan perbandingan dan saling kendali rangka kerja yang lebih kukuh antara negara. Bank juga mengetuai usaha ASEAN dalam pembinaan keupayaan untuk kewangan yang mampan, khususnya bagi sektor perbankan. Bank bekerjasama dengan SEACEN untuk membangunkan ASEAN Learning Roadmap and

[2] Pengaturan kredit pelbagai hala antara IMF dengan negara anggotanya. Selepas sumber kuota, NAB memperuntukkan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF, yang bertujuan untuk memelihara kestabilan sistem monetari antarabangsa.

[3] Pengaturan kredit dua hala antara IMF dengan negara anggotanya. Selepas sumber kuota dan NAB, BBA berperanan sebagai barisan pertahanan ketiga dalam sumber pembiayaan (*resource envelope*) IMF bagi memastikan IMF dapat memenuhi keperluan kewangan negara anggotanya.

Curriculum on Sustainable Finance, yang memberikan tumpuan pada peningkatan pemahaman tentang risiko iklim dan cabarannya terhadap kestabilan kewangan dan makroekonomi. Bagi menyokong usaha berkaitan iklim pada peringkat global, Bank secara aktif menyumbang kepada usaha Central Banks and Supervisors Network for Greening the Financial System (NGFS). Butiran lanjut mengenai perkembangan ini boleh didapati dalam bab "Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari".

Memajukan kewangan Islam: Seiring dengan kemajuan Malaysia dalam aspek kepimpinan kewangan Islam pada peringkat global, Bank terus menawarkan penyelesaian, kepakaran dan pengetahuan serta membentuk piawaian antarabangsa dalam kewangan Islam menerusi forum antarabangsa. Usaha ini dilaksanakan melalui perwakilan Bank dalam jawatankuasa-jawatankuasa strategik dan teknikal Islamic Financial Services Board (IFSB)[4] serta penyertaan dalam pelbagai libat urus antarabangsa seperti OIC-COMCEC Central Banks Forum dan COMCEC Financial Cooperation Working Group. Bank juga terus menggalakkan pengiktirafan bersama untuk keputusan Syariah merentas pasaran kewangan Islam di seluruh dunia melalui dialog dengan sarjana Syariah. Pelaksanaan libat urus ini membolehkan perkongsian pengalaman antara negara yang lebih meluas termasuk dalam usaha memajukan pengantaraan berasaskan nilai dan membangunkan ekosistem kewangan sosial yang mantap. Maklumat lanjut tentang inisiatif Bank dalam menggalakkan kewangan Islam boleh didapati dalam bab "Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif".

Mencegah dan memerangi pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan (ML/TF/PF): Malaysia terus memainkan peranan utama dalam memerangi jenayah kewangan di rantau ini. Sebagai Pengerusi Bersama bagi Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG)[5] tahun 2020-2022, Malaysia melaksanakan beberapa inisiatif di bawah Co-Chairs' Priorities. Usaha ini termasuk penyeliaan Perniagaan dan Profession Bukan Kewangan yang Ditentukan (Designated Non-Financial Businesses and Professions, DNFBP)[6], penggunaan Analisis Data dalam risikan kewangan dan pengukuhan Perkongsian Awam-Swasta (Public-Private Partnership, PPP). Inisiatif ini menyediakan saluran kepada semua ahli APG untuk berbincang, berkongsi pengalaman dan pandangan tentang trend ML/TF terkini dan amalan terbaik mengenai usaha sama pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan *(anti-money laundering and countering financing of terrorism*, AML/CFT). Butiran lanjut terdapat dalam Rencana "Keutamaan Pengerusi Bersama APG 2020-2022: Menerajui Asia-Pasifik Memerangi ML/TF/PF".

Bank juga mengambil bahagian secara aktif dalam forum antarabangsa lain seperti Financial Action Task Force (FATF)[7] dan Financial Intelligence Consultative Group (FICG)[8]. Bank menyokong beberapa projek FATF, iaitu mengenai Transformasi Digital, Jenayah Alam Sekitar dan Penyeludupan Migran. Bank turut menerajui beberapa inisiatif risikan kewangan dengan kerjasama rakan sejawat di FICG bagi menangani isu serantau, khususnya berkaitan hasil penipuan, pemalsuan dan rasuah. Selain itu, Bank turut menyediakan kepakaran teknikal untuk penilaian bersama[9] yang dijalankan oleh FATF dan APG.

[4] Peranan Bank dalam IFSB termasuk sebagai ahli IFSB Council (Gabenor), Timbalan Pengerusi Executive Committee (Timbalan Gabenor) dan ahli kumpulan kerja teknikal yang melibatkan piawaian modal untuk bank-bank Islam dan pengendali takaful, tadbir urus Syariah dan prinsip teras untuk takaful.

[5] APG ialah organisasi antara kerajaan serantau yang memberikan tumpuan pada usaha memastikan ahlinya melaksanakan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh FATF dengan berkesan. APG juga merupakan sebahagian daripada rangkaian badan global yang serupa (iaitu FATF-Style Regional Bodies, FSRB) dan merupakan badan terbesar dari segi keahlian dan saiz geografi.

[6] Istilah kolektif yang digunakan untuk mentakrifkan kasino, pusat perjudian, ejen harta tanah, peniaga logam atau batu berharga, serta individu dan institusi yang menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan pengawalan akses, iaitu peguam, akauntan, setiausaha syarikat dan syarikat amanah.

[7] FATF ialah badan antara kerajaan yang menetapkan piawaian antarabangsa dan menggalakkan pelaksanaan langkah undang-undang, pengawalseliaan dan operasi yang berkesan bagi memerangi ancaman terhadap integriti sistem kewangan antarabangsa.

[8] FICG ialah badan serantau bagi Unit Risikan Kewangan (Financial Intelligence Units, FIU) dari Asia Tenggara, New Zealand dan Australia. Badan ini dipengerusikan bersama oleh Australian Transaction Reports and Analysis Centre (AUSTRAC) dan Pusat Pelaporan dan Analisis Transaksi Keuangan (PPATK) Indonesia.

[9] Penilaian bersama merupakan sistem tinjauan negara setara yang menganalisis tahap pematuhan standard AML/CFT antarabangsa serta keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh negara tersebut.

Gambar Rajah 1: Keutamaan Pengerusi Bersama APG 2020 – 2022: Menerajui Asia-Pasifik Memerangi ML/TF/PF

Malaysia telah mengenal pasti dan melaksanakan beberapa inisiatif bagi menyokong pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT/CPF dalam kalangan ahli APG.



Sumber: Bank Negara Malaysia

Memperkukuh integrasi untuk perdagangan dan pelaburan

Usaha memperkukuh integrasi kewangan serantau kekal sebagai salah satu keutamaan penting bagi Bank pada tahun 2021. Dari segi pembayaran, Bank dan BOT melancarkan jalinan pembayaran QR rentas sempadan antara Malaysia dengan Thailand. Pada awal tahun 2022, Bank turut melancarkan jalinan pembayaran yang serupa dengan Bank Indonesia (BI). Melalui jalinan pembayaran ini, pengguna dan peniaga di Malaysia dan negara-negara ini akan dapat membuat dan menerima bayaran dalam kadar segera dengan menggunakan kod QR rentas sempadan. Bank juga merancang untuk mewujudkan jalinan pembayaran dengan negara-negara ASEAN lain untuk terus menyokong ASEAN Economic Community 2025 Strategic Action Plans for Financial Integration.

Bank memperluas Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan (Local Currency Settlement Frameworks, LCSF) dua hala sedia ada dengan BI dan BOT pada tahun 2021. Usaha ini bertujuan memudahkan penggunaan mata wang tempatan dengan lebih meluas untuk penyelesaian perdagangan dan pelaburan dalam kalangan negara serantau. Melalui perluasan ini, LCSF kini dapat menyediakan akses yang lebih luas kepada perkhidmatan kewangan dalam denominasi ringgit, baht dan rupiah untuk individu dan perniagaan.

Bank juga meneruskan rundingan dan memuktamadkan komitmen perkhidmatan kewangan negara dalam beberapa Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreements, FTA). Usaha ini termasuk mendapatkan akses kepada rangkaian perdagangan antarabangsa melalui FTA seperti Pakej Kesembilan Komitmen Perkhidmatan Kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan (ASEAN Framework Agreement on Services, AFAS) merundingkan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-EFTA (Malaysia-EFTA Economic Partnership Agreement, MEEPA), selain menilai semula Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN- Australia-New Zealand (ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area, AANZFTA) dan FTA Malaysia-Turki.

Langkah Selanjutnya

Ancaman varian baharu merupakan peringatan bahawa pandemik masih belum berakhir. Prospek ekonomi global yang tidak sekata, tekanan inflasi yang semakin meningkat, serta ketidakpastian keadaan kewangan global akan terus menjadi cabaran kepada dasar pada tahun 2022.

Memandangkan kebanyakan ekonomi menghadapi cabaran yang serupa, Bank akan terus memanfaatkan libat urus antarabangsa untuk saling berkongsi idea dan menyokong usaha kolektif dalam menangani cabaran dasar pada peringkat serantau dan global.

Melangkaui cabaran jangka pendek, Bank terus komited untuk memastikan integrasi kewangan serantau yang lebih mendalam, serta memperteguh kerjasama antarabangsa dalam perubahan iklim, ekonomi digital dan rangkuman kewangan.

Tadbir Urus

156 Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, Struktur Organisasi dan Jawatankuasa Berkanun Bank

Tadbir Urus


AKTA BANK NEGARA MALAYSIA 2009
CENTRAL BANK OF MALAYSIA ACT 2009

Tadbir Urus

Bank Negara Malaysia (Bank) bertanggungjawab untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Pengaturan tadbir urus memastikan Bank dapat terus melaksanakan mandatnya sebagai institusi berwibawa dan bebas dengan berkesan. Pengaturan ini adalah seperti yang diperuntukkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang turut ditadbir oleh Bank - serta dasar dalaman yang dibangunkan oleh Bank sejak sekian lama. Rangka kerja tadbir urus Bank terus diselaraskan dengan amalan terbaik global dan menggalakkan kepentingan akauntabiliti dan standard integriti yang tinggi dalam pelaksanaan tugas dan operasi Bank.

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh Gabenor dan ahlinya terdiri daripada Timbalan-timbalan Gabenor, Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas yang membentuk sebahagian besar daripada ahli Lembaga Pengarah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik semua ahli Lembaga Pengarah, kecuali Timbalan-timbalan Gabenor, yang dilantik oleh Menteri Kewangan.

Seperti yang digariskan dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009, Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengawasi pengurusan dan operasi Bank bagi memastikan Bank kekal kukuh dari aspek kewangan dan operasi serta menggunakan sumber-sumber kewangannya dengan cekap dan berkesan dalam pelaksanaan mandatnya.

Lembaga Pengarah mengawasi dan memberikan pandangan berhubung dengan operasi dan langkah-langkah dasar Bank secara berterusan sepanjang tahun 2021. Bersama-sama dengan pengurusan kanan Bank, Lembaga Pengarah memberikan perspektif yang berharga mengenai langkah-langkah utama Bank terhadap kemudahan bantuan dan pemulihan yang disasarkan untuk menangani kesan pandemik dan banjir serta Pelan Sektor Kewangan 2022-2026.

Lembaga Pengarah juga secara aktif memacu dan menyokong usaha Bank untuk mencapai kecemerlangan organisasi. Perkara ini termasuk usaha berterusan untuk menetapkan dan mengekalkan standard yang paling tinggi dari segi etika dan tingkah laku oleh warga kerja Bank dan memperkukuh modal insan Bank, memupuk transformasi budaya dan meningkatkan daya tahan keselamatan siber.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah disokong oleh tiga jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga yang ahlinya terdiri daripada Ahli Bukan Eksekutif Bebas sahaja. Setiap Jawatankuasa ini akan berpandukan bidang rujukan masing-masing bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan pengawasan terhadap pentadbiran Bank.

Pada tahun 2021, Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini menilai dan membincangkan perkara-perkara penting yang mempunyai kesan ke atas Bank dengan tujuan untuk memastikan adanya semak dan imbang dalaman yang mencukupi terhadap pengurusan dan operasi Bank.

	Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga (BGC)	Jawatankuasa Audit Lembaga (BAC)	Jawatankuasa Risiko Lembaga (BRC)
Peranan dan Tanggungjawab	• Mengawasi rangka kerja dan amalan tadbir urus Bank • Menilai dan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan dasar belanjawan, pelan operasi dan dasar ganjaran Bank • Mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan pelantikan dan pelantikan semula ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa Bank yang lain yang ditubuhkan di bawah Akta	• Mengawasi integriti akaun dan penyata kewangan Bank • Mengawasi kecukupan kawalan dalaman dan pematuhan Bank terhadap keperluan undang-undang dan garis panduan dalaman • Menilai dan meluluskan rangka kerja audit, piagam audit, pelan audit dalaman dan laporan audit Bank, serta mengawasi tindakan susulan apabila menangani hasil siasatan yang penting (material findings)	• Mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko organisasi Bank • Mengawasi pengurusan Bank terhadap risiko kewangan, operasi, reputasi dan teknologi maklumat serta keselamatan siber, termasuk risiko tadbir urus, struktur dan akauntabilitinya • Mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan peruntukan sumber bagi pengurusan risiko yang berkesan

Berdasarkan peruntukan undang-undang yang menetapkan Lembaga Pengarah wajib bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan, dan dengan mengambil kira keadaan pandemik, Lembaga Pengarah mengendalikan kebanyakan mesyuaratnya secara maya. Pada tahun 2021, Lembaga Pengarah mencatatkan kadar kehadiran sebanyak 95.5% bagi mesyuarat Lembaga Pengarah dan kehadiran sebanyak 97.4% bagi mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Jawatan	Ahli	Lembaga	BGC	BAC	BRC
Pengerusi	Nor Shamsiah Yunus	13/13			
Ex officio	Abdul Rasheed Ghaffour	13/13			
	Jessica Chew Cheng Lian	13/13			
	Marzunisham Omar	13/13			
	Datuk Seri Asri Hamidon @ Hamidin (Ketua Setiausaha Perbendaharaan)	11/13*			
Ahli Bukan Eksekutif Bebas	Dato Sri Lim Haw Kuang[1]	13/13	10/10		4/4
	Dato' Paduka Sulaiman Mustafa	11/13*	9/10*	6/6	
	Chin Suit Fang[2]	13/13	5/5^	6/6	4/4
	Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon[3]	13/13	4/5^	6/6	4/4
	Tan Sri Mohamed Azman Yahya[4]	12/13*	10/10		4/4
Bersara pada tahun 2021					
Ahli Bukan Eksekutif Bebas	Dato' N. Sadasivan a/l N.N Pillay[5]	2/3*	3/3	1/2*	

Nota:

[1] Bersara pada 28 Februari 2022.

[2] Dilantik sebagai ahli BGC dan tidak lagi menjadi ahli BRC pada 27 Januari 2022 sebagai sebahagian daripada penggiliran keahlian Jawatankuasa Lembaga.

[3] Dilantik sebagai Pengerusi BRC pada 27 Januari 2022 untuk menggantikan Dato Sri Lim Haw Kuang sebagai sebahagian daripada pelan penggantian Lembaga.

[4] Dilantik sebagai Pengerusi BGC pada 27 Januari 2022 untuk menggantikan Dato' Paduka Sulaiman Mustafa sebagai sebahagian daripada pelan penggantian Lembaga.

[5] Bersara pada 15 Mac 2021.

* Tidak hadir berikutan komitmen terdahulu yang tidak dapat dielakkan atau atas sebab kesihatan.

^ Bukan Ahli yang hadir atas undangan, untuk memaklumkan dan membimbing Ahli Bebas Bukan Eksekutif tentang hal-ehwal khusus yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa.

Program Induksi dan Pembangunan Lembaga Pengarah

Ahli Bukan Eksekutif Bebas yang baru dilantik akan menjalani program *on-boarding* yang komprehensif merangkumi mandat utama, kepentingan dasar, rangka kerja tadbir urus dan operasi Bank bagi membolehkan mereka menjalankan peranan pengawasan dengan berkesan.

Ahli Bukan Eksekutif Bebas mempunyai pelbagai latar belakang, termasuk dalam bidang perakaunan dan kewangan, industri kewangan, maklumat dan teknologi, pengurusan risiko dan audit. Selain kemahiran, pengetahuan dan pengalaman luas daripada bidang masing-masing, Bank mendapat manfaat daripada kebijaksanaan kolektif dan pandangan Lembaga Pengarah di samping pemahaman mereka yang mendalam mengenai isu-isu dalam sektor kewangan, sektor perniagaan dan sektor awam. Bagi mempertingkat keupayaan pengawasan mereka, Ahli Bukan Eksekutif Bebas mengikuti pelbagai program latihan secara berterusan mengenai tema-tema kontemporari. Ahli Bukan Eksekutif Bebas juga berinteraksi dalam perbincangan mengenai dasar dengan pihak pengurusan dan kakitangan Bank mengenai isu teras yang memberi kesan kepada bank-bank pusat, termasuk dasar monetari, mata wang digital dan perkhidmatan kewangan, keselamatan siber, teknologi awan, risiko iklim dan kewangan hijau serta pembangunan modal insan.

Lembaga Pengarah



Nor Shamsiah Yunus
Pengerusi

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Julai 2018

Kelulusan
- Ijazah Sarjana Muda Sastera Perakaunan, University of South Australia, Australia
- CPA Australia
- Institut Akauntan Malaysia

Jawatan Lantikan dan Keahlian Lembaga Pengarah Utama
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Pusat SEACEN
- Ahli Majlis, Islamic Financial Services Board
- Ahli, Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
- Ahli, Lembaga Pentadbir Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa

Pengalaman Lepas
- Penolong Pengarah, Bahagian Monetari dan Pasaran Modal, Tabung Kewangan Antarabangsa
- Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia. Beliau turut berkhidmat sebagai ahli ex officio Lembaga Pengarah Bank Malaysia semasa memegang jawatan sebagai Timbalan Gabenor



Abdul Rasheed Ghaffour
Ahli Ex Officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 16 Julai 2016

Kelulusan
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Oxford, United Kingdom

Jawatankuasa Lantikan dan Keahlian Lembaga Pengarah Utama
- Ahli, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Eksekutif Pusat SEACEN
- Ahli, Jawatankuasa Pengurusan Kursi Tun Ismail, Universiti Malaya

Pengalaman Lepas
- Pengarah Eksekutif Silih Ganti, Pejabat Kumpulan Asia Tenggara, Lembaga Eksekutif Tabung Kewangan Antarabangsa
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia

Lembaga Pengarah



Jessica Chew Cheng Lian
Ahli Ex Officio

Dilantik sebagai Lembaga Pengarah: 1 Januari 2018

Kelulusan
- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan dan Kewangan), University of Melbourne, Australia
- Chartered Banker Institute (Scotland)
- Asian Institute of Chartered Bankers
- CPA Australia (Bersekutu)

Jawatankuasa Lantikan dan Keahlian Lembaga Pengarah Utama
- Ahli Lembaga Pengarah Danamodal Nasional Berhad
- Penasihat, Lembaga Pengarah Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia

Pengalaman Lepas
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia



Marzunisham Omar
Ahli Ex Officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 15 Jun 2020

Kelulusan
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom

Jawatan Lantikan dan Keahlian Lembaga Pengarah Utama
- Ahli, Lembaga Pengarah ASB Management Sdn Bhd
- Ahli, Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Pengalaman Lepas
- Pengarah Eksekutif, Tabung Kewangan Antarabangsa
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia

Lembaga Pengarah



Datuk Seri Asri Hamidon @ Hamidin

Ahli Ex Officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Mei 2020
Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

Kelulusan

- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya, Malaysia
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Hiroshima University, Jepun
- Menyertai Harvard Premier Business Management Program

Jawatan Lantikan dan Keahlian Lembaga Pengarah Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Pengerusi, Lembaga Pengarah 1Malaysia Development Berhad
- Pengerusi, Lembaga Pengarah GovCo Holdings Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
- Ahli, Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Tenaga Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji
- Ahli, Lembaga Pengarah DanaInfra Nasional Berhad

Pengalaman Lepas

- Berkhidmat lebih 25 tahun di pelbagai bahagian dan jabatan Kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan di Kementerian Kewangan



Dato Sri Lim Haw Kuang*

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Mac 2015

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Pengkomputeran), Imperial College, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Pengurusan Antarabangsa, IMD Switzerland (*Dahulu dikenali sebagai International Management Institute, Geneva)*

Jawatan Lantikan dan Keahlian Lembaga Pengarah Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Sime Darby Overseas (Hong Kong)
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Ranhill WorleyParsons Sdn Bhd
- Ahli, Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif Ranhill Utilities Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Wison Group (China)
- Ahli, Lembaga Pengarah Century Energy International Holdings Limited
- Penasihat Khas, SMJ Petroleum Sdn Bhd

Pengalaman Lepas

- Ahli, Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Jinxin Fertility Group Limited
- Ahli, Lembaga Pengarah BG Group
- Ahli, Lembaga Pengarah ENN Group
- Pengerusi Eksekutif, Syarikat Shell di China
- Pengerusi, Shell Malaysia
- Ahli, China Council for International Cooperation on Environment and Development
- Presiden, Malaysia Business Council for Sustainable Development
- Pengarah, China Business Council for Sustainable Development

* Lembaga Pengarah ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dato Sri Lim Haw Kuang yang tamat tempoh perkhidmatan pada 28 Febuari 2022.

Lembaga Pengarah



Dato' Paduka Sulaiman Mustafa
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Januari 2019

Kelulusan
- Diploma Kawalan dan Perancangan Penggunaan Tanah, North East London Polytechnic, United Kingdom
- Chartered Surveying Professional, Royal Institution of Chartered Surveyors, London, United Kingdom
- Royal Institution of Chartered Surveyors
- Royal Institution of Surveyors Malaysia
- Jurunilai, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Berdaftar, Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta

Jawatan Lantikan dan Keahlian Lembaga Pengarah Utama
- Timbalan Pengerusi, Pengarah Urusan dan Rakan Kongsi Utama, Jones Lang Wootton (Singham Sulaiman Sdn Bhd)
- Ahli, Lembaga Pengarah Pelaburan Hartanah Berhad
- Pengasas, Yayasan Jantung Kongenital Malaysia
- Penasihat, Panel Harta Makmur Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
- Ahli Profesional, World Future Society

Pengalaman Lepas
- Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Penyeliaan Bahagian Harta Sime Darby
- Ahli Majlis, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu



Chin Suit Fang
Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 November 2019

Kelulusan
- Institut Akauntan Malaysia
- Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia

Jawatan Lantikan dan Keahlian Lembaga Pengarah Utama
- Ahli, Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari

Pengalaman Lepas
- Rakan Kongsi, PwC Malaysia
- Ketua Pasaran PwC Malaysia dan PwCMYVN (Malaysia dan Vietnam)
- Ketua Corporate Responsibility dan Diversity & Inclusion, PwC Malaysia
- Ahli, Global Gender Advisory Council PwC
- Mentor untuk Wanita dalam Kepimpinan Malaysia oleh ICAEW & TalentCorp Malaysia

Lembaga Pengarah



Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 16 Mac 2020

Kelulusan
- Ijazah Sarjana Muda Perubatan, University of Mysore, India
- Kelayakan pascasiswazah dalam Perubatan Insurans

Jawatan Lantikan dan Keahlian Lembaga Pengarah Utama
- Ahli, Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Aviva Singlife Holdings Private Limited (Singapura)
- Ahli, Lembaga Pengarah Ramsay Sime Darby Health Care

Pengalaman Lepas
- Ahli, Lembaga Pengarah AXA Affin General Insurance Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Avicennia Capital Sdn Bhd
- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, ING Malaysia Berhad
- Naib Presiden Eksekutif, Ketua Designated Markets & Health Asia, Metlife Asia Pacific Limited
- Ketua Asia Selatan, ING Asia Pacific Limited
- Pegawai Perubatan, Hospital Kuala Lumpur



Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Jun 2020

Kelulusan
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi), London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Institute of Bankers Malaysia
- Institute of Chartered Accountants in England and Wales
- Institut Akauntan Malaysia

Jawatan Lantikan dan Keahlian Lembaga Pengarah Utama
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Symphony House Sdn Bhd
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Sepang International Circuit Berhad

Pengalaman Lepas
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Ranhill Utilities Berhad
- Pengerusi, Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat
- Ahli, Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah AIA Group Limited
- Ahli, Lembaga Pengarah PLUS Expressways Berhad
- Ahli PEMUDAH, Yayasan Laporan Kewangan, Capital Market Advisory Group, Malaysia Special Economic Committee

Lembaga Pengarah



Kamarulazman Muhamed

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah: 1 Januari 2022

Kelulusan

- Association of Chartered Certified Accountants, Nottingham Trent University, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Sains dalam Pengurusan Sistem Maklumat, Salford University, United Kingdom

Jawatan Lantikan dan Keahlian Lembaga Pengarah Utama

- Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, Aerodyne Group
- Profesor Adjung, Universiti Putra Malaysia
- Ahli, Majlis Tindakan Ekonomi
- Ahli, Majlis Kemakmuran Bersama
- Ahli, Majlis Ekonomi Digital dan 4IR
- Presiden, Yayasan Usahawan Baru
- Ahli, Jawatankuasa Pemandu Pelan Hala Tuju Robotik Negara
- Ahli, Malaysia National Aerospace Council

Pengalaman Lepas

- Ahli Exco, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- Exco Perniagaan, Majlis Amanah Rakyat
- Pengarah dan Pengurus Negara, Computer Associates International
- Pengurus Audit, Auerbach Hope Chartered Accountant, London

Pengurusan Kanan

Seperti yang diperuntukkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009, Gabenor bertanggungjawab terhadap pengurusan Bank dalam melaksanakan mandat yang diberikan kepada Bank. Dalam menggalas tugas dan tanggungjawab ini, Gabenor dibantu oleh pasukan pengurusan kanan yang terdiri daripada Timbalan Gabenor dan Penolong Gabenor. Struktur organisasi Bank bertujuan untuk menggalakkan saluran pelaporan dan akauntabiliti yang lebih jelas bagi pelbagai fungsi Bank.

Pelbagai jawatankuasa pengurusan juga ditubuhkan bagi membolehkan pasukan pengurusan kanan dan pegawai kanan Bank yang lain turut sama dalam perbincangan dan pertukaran pandangan mengenai urusan Bank, khususnya yang melibatkan strategi organisasi dan keutamaan yang penting. Jawatankuasa-jawatankuasa ini termasuk jawatan kuasa dasar seperti Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Jawatankuasa Dasar Bersama, yang merupakan sebuah jawatankuasa yang ditugaskan untuk membincangkan pelbagai isu serta menyelaraskan dasar-dasar yang memberi impak kepada sistem kewangan dan ekonomi secara amnya. Jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan ini membolehkan Bank memanfaatkan pelbagai latar belakang kepakaran dan pandangan daripada seluruh Bank untuk membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada perbincangan secara terbuka dan berterus-terang.

Dengan sokongan struktur pengurusan sedemikian, pihak pengurusan kanan menetapkan dasar-dasar dalaman yang perlu diterapkan di Bank serta mengemudi operasi Bank. Usaha-usaha ini bertujuan untuk memastikan Bank berupaya mencapai matlamatnya, melaksanakan fungsinya dan menggunakan sumber-sumbernya secara berkesan, berhemat dan konsisten sejajar dengan kepentingan Bank dan seterusnya memberikan manfaat kepada negara.

Pengurusan Kanan



Nor Shamsiah Yunus
Gabenor



Abdul Rasheed Ghaffour
Timbalan Gabenor



Jessica Chew Cheng Lian
Timbalan Gabenor



Marzunisham Omar
Timbalan Gabenor



Norzila Abdul Aziz
Penolong Gabenor



Adnan Zaylani Mohamad Zahid
Penolong Gabenor



Abu Hassan Alshari Yahaya
Penolong Gabenor



Aznan Abdul Aziz
Penolong Gabenor



Fraziali Ismail
Assistant Governor



Abd. Rahman Abu Bakar
Penolong Gabenor



Dr. Norhana Endut
Penolong Gabenor



Suhaimi Ali*
Penolong Gabenor

*Berkuat kuasa 1 April 2022

BANK NEGARA MALAYSIA

Struktur Organisasi



Berkuat kuasa 1 April 2022

Jawatankuasa Berkanun

Tanggungjawab untuk membuat keputusan bagi beberapa bidang tertentu adalah di luar bidang kuasa pihak Lembaga Pengarah mahupun pihak Pengurusan Bank. Oleh itu, bidang-bidang tersebut diuruskan oleh badan-badan tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang.

Jawatankuasa Dasar Monetari

Matlamat utama dasar monetari di Malaysia adalah untuk mengekalkan kestabilan harga serta memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan ekonomi negara. Di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA 2009), Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia bertanggungjawab merumuskan dasar monetari dan dasar berkaitan dengan cara mengendalikan operasi dasar monetari.[1] MPC membuat keputusan mengenai kadar faedah dasar, iaitu Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR), untuk mempengaruhi kadar faedah lain dalam ekonomi.

Dalam melaksanakan mandat ini, MPC menentukan hala tuju dasar monetari berdasarkan penilaiannya terhadap imbangan risiko kepada prospek pertumbuhan inflasi dan ekonomi dalam negeri. MPC juga memantau risiko keadaan kewangan yang tidak seimbang memandangkan implikasi risiko ini boleh menjejaskan prospek ekonomi. MPC bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun untuk membuat keputusan mengenai OPR. Selepas setiap mesyuarat diadakan, Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS) disiarkan kepada orang ramai untuk memberikan penjelasan mengenai keputusan yang dibuat.

Ahli-ahli MPC terdiri daripada Gabenor, Timbalan-Timbalan Gabenor, dan ahli lain yang tidak kurang daripada tiga tetapi tidak melebihi tujuh orang, termasuk ahli dari luar Bank yang dilantik oleh Menteri Kewangan atas saranan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Bank. Pada masa ini, MPC mempunyai sembilan orang ahli, dengan tiga daripadanya ahli dari luar Bank. Komposisi keahlian MPC yang sedemikian bertujuan untuk menggabungkan pelbagai kepakaran dan pengalaman yang penting untuk membuat keputusan mengenai dasar monetari yang tepat dan menyeluruh.

Ahli-ahli*

Nor Shamsiah Yunus (Pengerusi)

Abdul Rasheed Ghaffour

Jessica Chew Cheng Lian

Marzunisham Omar

Norzila Abdul Aziz**

Dr. Norhana Endut

Dato' Dr. Gan Wee Beng *(Ahli Luar)***

Nor Zahidi Alias *(Ahli Luar)*

Lim Chee Sing *(Ahli Luar)*

[1] Untuk maklumat terperinci mengenai perkembangan MPC serta tadbir urus dan prosesnya, sila rujuk 'Rencana: Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia: Peristiwa Penting Sejak Penubuhannya' dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2015.

* Pada 30 Mac 2022.
** Tempoh memegang jawatan berakhir pada 1 April 2022.

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan (Jawatankuasa Eksekutif) ditubuhkan pada tahun 2010 mengikut Seksyen 37 Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA 2009). Jawatankuasa Eksekutif ini membantu Bank dalam pelaksanaan mandat berkanunnya, iaitu memelihara kestabilan kewangan melalui kuasa yang diberikan bagi menentukan langkah-langkah dasar khusus yang boleh diambil oleh Bank untuk mengelakkan atau mengurangkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Dalam pelaksanaan mandatnya, Jawatankuasa Eksekutif ini menyemak, menilai dan memutuskan cadangan Bank bagi:

- Mengeluarkan arahan kepada individu atau institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh Bank supaya mengambil langkah-langkah tertentu demi kepentingan kestabilan kewangan;
- Memberikan bantuan mudah tunai kepada institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh Bank, atau kepada operasi luar negeri institusi kewangan berlesen di Malaysia; dan
- Memberikan sokongan modal kepada institusi kewangan berlesen di Malaysia yang tidak berdaya maju atau mungkin tidak akan berdaya maju.

Langkah-langkah ini bertujuan memastikan fungsi pengantaraan kewangan yang berterusan dan berkesan, termasuk fungsi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing yang teratur, serta memelihara keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan.

Jawatankuasa Eksekutif ini terdiri daripada tujuh orang ahli, dan kebanyakannya merupakan ahli bukan eksekutif yang tidak terlibat dengan Pengurusan Bank. Ahli-ahlinya tertakluk pada Kod Etika dan Konflik Kepentingan, yang bertujuan untuk memelihara integriti keputusan Jawatankuasa Eksekutif ini. Pada tahun 2021, Jawatankuasa Eksekutif ini bermesyuarat sebanyak dua kali untuk membincangkan perkembangan risiko dan penilaian kestabilan kewangan berikutan persekitaran ekonomi yang masih terjejas akibat pandemik COVID-19.

Ahli-ahli*

Nor Shamsiah Yunus (Pengerusi)

Abdul Rasheed Ghaffour

Datuk Seri Asri Hamidin @ Hamidon *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Datuk Syed Zaid Albar *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Rafiz Azuan Abdullah *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Yoong Sin Min *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

Dato' Abdul Rauf Rashid *(Ahli bukan eksekutif bebas)*

* Pada 30 Mac 2022.

Majlis Penasihat Shariah

Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia ditubuhkan pada bulan Mei 1997 sebagai badan berautoriti Syariah tertinggi bagi institusi kewangan Islam di Malaysia. Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA 2009) memperkukuh peranan dan fungsi MPS sebagai badan berautoriti untuk menentukan hukum Syarak bagi perniagaan kewangan Islam yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (Bank).

MPS memegang peranan penting untuk memastikan ketekalan keputusan Syariah yang diterima pakai oleh institusi kewangan Islam di Malaysia. Keputusan Syariah yang dibuat oleh MPS merupakan rujukan utama institusi kewangan Islam bagi memastikan pematuhan Syariah sepenuhnya dalam penstrukturan produk dan pelaksanaan aktiviti kewangan mereka. Selain itu, CBA 2009 memperuntukkan bahawa isu-isu Syariah yang dibawa ke mahkamah atau dibangkitkan dalam sebarang prosiding timbang tara hendaklah dirujuk kepada MPS untuk tujuan kejelasan dan kepastian.

MPS menyediakan asas Syariah untuk pembangunan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah yang komprehensif bagi institusi kewangan Islam di Malaysia. Dalam hal ini, MPS menentukan ciri-ciri penting kontrak dengan mengambil kira pelbagai pandangan Syariah, dapatan penyelidikan serta kebiasaan dan amalan pasaran.

Ahli-ahli MPS dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri Kewangan selepas berbincang dengan Bank. Kini, MPS mempunyai sembilan ahli yang terdiri daripada sarjana dan pengamal Syariah yang berpengalaman luas di dalam dan luar negara, terutamanya dalam bidang Syariah, undang-undang serta ekonomi dan kewangan Islam.

Pada tahun 2021, MPS bermesyuarat sebanyak 10 kali untuk berbincang dan mengeluarkan keputusan bagi menangani isu-isu yang mendesak serta mengukuhkan impak pembangunan jangka panjang terhadap ekosistem kewangan Islam di Malaysia.

Ahli-ahli*

Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar (Pengerusi)

Prof. Dr. Ashraf Md. Hashim (Timbalan Pengerusi)

Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar Haji Opir

Dato' A. Aziz. A. Rahim

Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali

Dr. Marjan Muhammad

Burhanuddin Lukman

Zainal Abidin Jamal

* Pada 30 Mac 2022.

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari (JSPM) ialah jawatankuasa bebas yang dibentuk di bawah seksyen 238 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (*Financial Services Act 2013*, FSA) dan seksyen 249 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (*Islamic Financial Services Act 2013*, IFSA). JSPM mempertimbangkan rayuan daripada perayu (individu atau institusi) terhadap penalti monetari pentadbiran atau remedi kewangan yang dikenakan oleh Bank dalam menggunakan kuasa penguatkuasaan pentadbiran di bawah FSA, IFSA dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

JSPM menyediakan saluran bebas bagi pihak-pihak yang terkilan untuk membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Bank. JSPM boleh membuat keputusan sama ada untuk mengesahkan keputusan Bank atau mengehendaki Bank mempertimbangkan semula keputusannya dan mencapai keputusan baharu mengikut hasil siasatan JSPM. Ahli-ahli JSPM dilantik oleh Menteri Kewangan dalam kalangan Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Bank atau individu luar lain atas saranan Bank.

Ahli-ahli*

Tan Sri Hasan Lah (Pengerusi)

Prof. Dr. Choong Yeow Choy

Chin Suit Fang

Lillian Leong Bee Lian

* Pada 30 Mac 2022.

Kewangan Bank

181 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021

182 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

183 Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

Kewangan Bank



Kewangan Bank

Bank Negara Malaysia (Bank) mengurus kewangannya dengan matlamat bagi memastikan Bank mempunyai sumber untuk melaksanakan mandatnya iaitu menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Dalam melaksanakan mandat ini, Bank komited untuk bertanggungjawab, berhemat dan berdisiplin dalam pengurusan sumber Bank.

Meskipun Bank merupakan sebuah badan berkanun, Bank tidak bergantung pada dana awam daripada Kerajaan untuk membiayai operasi harian. Sebaliknya, operasi Bank dibiayai oleh pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan Bank dalam rizab antarabangsa negara. Pada tahun 2021, Bank telah menjana pendapatan berjumlah RM14,727 juta (2020: RM13,492 juta), selepas ditolak kos berkaitan dengan pengurusan portfolio rizab antarabangsa dan kos menjalankan operasi monetari.

Daripada jumlah pendapatan ini, Bank mengeluarkan perbelanjaan untuk mengurus dan mentadbir operasi ("perbelanjaan berulang") dan perbelanjaan untuk membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang selaras dengan objektif dan fungsi utama Bank ("perbelanjaan pembangunan"). Hal ini termasuk perbelanjaan yang melibatkan operasi mata wang Bank dan perbelanjaan untuk menyelenggara infrastruktur pembayaran negara. Pada tahun 2021, perbelanjaan berulang dan perbelanjaan pembangunan ini berjumlah RM1,892 juta (2020: RM3,219 juta).

Pada tahun 2021, Bank menjana keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM12,796 juta (2020: RM10,235 juta). Daripada jumlah ini, RM7,796 juta akan diagihkan kepada Kumpulan Wang Rizab Am (2020: RM6,235 juta). Baki keuntungan bersih sebanyak RM5,000 juta (2020: RM4,000 juta) akan dibayar kepada Kerajaan sebagai dividen.

Pada 31 Disember 2021, jumlah aset Bank adalah sebanyak RM551,613 juta (2020: RM488,044 juta). Daripada jumlah ini, sebahagian besar (88%) terdiri daripada portfolio rizab antarabangsa yang berjumlah RM486,848 juta (2020: RM432,372 juta).

Liabiliti Bank berpunca terutamanya daripada deposit oleh institusi kewangan (RM159,893 juta) dan mata wang dalam edaran (RM150,065 juta).

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK NEGARA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Bank Negara Malaysia dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 181 hingga 196.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Negara Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Negara Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Negara Malaysia;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Negara Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia berdasarkan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 MAC 2022

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Nor Shamsiah Yunus dan Chin Suit Fang, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2021 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu, mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



NOR SHAMSIAH YUNUS
PENGERUSI

24 FEBRUARI 2022
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



CHIN SUIT FANG
PENGARAH

24 FEBRUARI 2022
KUALA LUMPUR

BANK NEGARA MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Affendi Rashdi, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 24 Februari 2022.)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 703
MOHD FITRY ABDUL GHANI
01/01/2022 - 31/12/2024
MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM juta	2020 RM juta
ASET			
Emas dan Pertukaran Asing	3	455,789	421,775
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa	4	5,950	5,829
Milikan Hak Pengeluaran Khas	4	25,109	4,769
Kertas Kerajaan Malaysia	5	12,211	11,145
Deposit dengan Institusi Kewangan	6	880	2,996
Pinjaman dan Pendahuluan	7	22,865	17,520
Tanah dan Bangunan	8	4,162	4,164
Aset-aset Lain	9	24,647	19,846
Jumlah Aset		**551,613**	**488,044**
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		150,065	130,424
Deposit oleh: Institusi Kewangan		159,893	146,028
Kerajaan Persekutuan		8,587	3,648
Lain-lain	10	4,787	15,056
Kertas Bank Negara	11	7,911	9,614
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	4	28,149	7,788
Liabiliti-liabiliti Lain	12	5,314	4,810
Jumlah Liabiliti		364,706	317,368
Modal	13	100	100
Kumpulan Wang Rizab Am	14	21,092	14,857
Rizab Risiko	15	152,183	144,746
Rizab Penilaian Semula Tanah	16	736	738
Keuntungan Sebelum Agihan	17	12,796	10,235
Jumlah Modal		186,907	170,676
Jumlah Liabiliti dan Modal		**551,613**	**488,044**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM juta	2020 RM juta
Jumlah Pendapatan	18	**14,727**	**13,492**
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	19	(1,305)	(1,251)
Perbelanjaan Pembangunan	20	(587)	(1,968)
Jumlah Perbelanjaan		**(1,892)**	**(3,219)**
Keuntungan Bersih Sebelum Cukai		**12,835**	**10,273**
Tolak: Cukai	21	(39)	(38)
Keuntungan Bersih Selepas Cukai		**12,796**	**10,235**
Keuntungan Sebelum Agihan Tahun Semasa	17	**12,796**	**10,235**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

NOTA-NOTA BAGI PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1. **Maklumat Am**

Bank Negara Malaysia (Bank) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958. Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009. Ibu pejabat Bank terletak di Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Sehubungan dengan itu, fungsi utama Bank adalah seperti yang berikut:

(a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;

(b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;

(c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk pada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank;

(d) untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;

(e) untuk mengawasi sistem pembayaran;

(f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;

(g) untuk memegang dan menguruskan rizab asing Malaysia;

(h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan

(i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

2. **Dasar Perakaunan**

Dasar perakaunan utama yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini dihuraikan di bawah. Dasar perakaunan ini digunakan secara konsisten untuk kedua-dua tahun kewangan yang dikemukakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 **Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

(a) Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) yang berkaitan. Seksyen 10 Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa, dalam penyediaan penyata kewangannya, Bank hendaklah mematuhi piawaian perakaunan yang berkaitan setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank. Dengan mengambil kira tanggungjawab Bank untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari yang berkesan serta menggalakkan kestabilan pasaran kewangan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza daripada piawaian perakaunan yang berkaitan dalam beberapa aspek tertentu.

BANK NEGARA MALAYSIA

(b) Penyediaan penyata kewangan ini mengikut dasar yang dinyatakan pada perenggan 2.1 (a) menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berdasarkan maklumat yang ada yang mungkin memberikan kesan kepada penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan, termasuk pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan itu. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

2.2 **Asas Pengukuran dan Perakaunan**

Penyata kewangan ini disediakan pada asas akruan, menggunakan konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.3 **Penukaran Mata Wang Asing**

(a) Penyata kewangan ini disediakan mengikut nilai Ringgit Malaysia, iaitu mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat Bank beroperasi.

(b) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh tahun kewangan berakhir. Urus niaga dalam mata wang asing pada tahun ini telah dinilai dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga.

(c) Semua keuntungan atau kerugian yang disebabkan oleh penilaian semula kadar pertukaran mata wang asing bagi aset dan liabiliti diiktiraf dalam Rizab Risiko, manakala keuntungan atau kerugian direalisasikan semasa tarikh penjualan bagi Aset-aset Lain dan Liabiliti-liabiliti Lain diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.4 **Penyatuan**

(a) **Syarikat Subsidiari**

Syarikat Subsidiari ialah semua entiti yang dikawal oleh Bank. Bank mempunyai kawalan terhadap sesebuah entiti apabila Bank terdedah, atau mempunyai hak terhadap, pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan entiti tersebut dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti itu.

(b) **Syarikat Bersekutu**

Syarikat Bersekutu ialah semua entiti yang Bank mempunyai pengaruh yang signifikan tetapi tidak mempunyai kuasa secara amnya diiringi dengan pemegangan saham antara 20% hingga 50% daripada hak mengundi.

Bank tidak menyediakan penyata kewangan disatukan untuk syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu kerana entiti-entiti terbabit ditubuhkan bertujuan untuk pembangunan dan kestabilan industri kewangan. Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan diselaraskan untuk sebarang jejas nilai yang tetap.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.5 **Emas**
Emas direkodkan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian belum direalisasikan yang disebabkan oleh perubahan nilai saksama emas diiktiraf dalam Rizab Risiko. Keuntungan atau kerugian direalisasikan daripada penjualan emas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.6 **Sekuriti Asing**
Sekuriti asing merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan ekuiti yang dinyatakan pada nilai saksama. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam Rizab Risiko atau dalam Penyata Pendapatan. Setelah penyahiktirafan, keuntungan atau kerugian direalisasikan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.7 **Keuntungan Bersih**
Keuntungan bersih Bank diagihkan mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan hanya untung direalisasikan layak diagihkan kepada pemegang saham Bank.

2.8 **Perjanjian Belian Balik (Repo) dan Repo Berbalik**
Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah Liabiliti-liabiliti Lain dan perbezaan antara harga jualan dengan harga belian balik diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dalam Penyata Pendapatan. Sebaliknya, amaun yang dipinjamkan di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah Aset-aset Lain dan perbezaan antara harga belian dengan harga jualan balik diiktiraf sebagai pendapatan faedah dalam Penyata Pendapatan.

2.9 **Tanah dan Bangunan**

(a) Bank telah mempermodalkan semua tanahnya, manakala bangunan kekal dinyatakan pada nilai kos nominal RM10 setiap satu.

(b) Pada pengiktirafan awal, kos asal tanah yang dipermodalkan adalah termasuk harga belian berserta sebarang kos tambahan yang ditanggung untuk menjadikan tanah tersebut kepada keadaan semasa.

(c) Selepas pengiktirafan awal, tanah dinyatakan pada nilai yang dinilaikan semula. Penilaian profesional terhadap tanah milik Bank akan dilaksanakan setiap 10 tahun sekali dengan sebarang lebihan daripada penilaian semula diiktiraf terus dalam Rizab Penilaian Semula Tanah.

(d) Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai manakala tanah pegangan pajakan dilunaskan sepanjang baki tempoh pajakan. Tanah (pegangan bebas dan pajakan) dinilaikan semula setiap 10 tahun dan nilai saksama ditentukan berasaskan bukti daripada pasaran yang dilaksanakan oleh penilai profesional yang bertauliah. Bangunan disusut nilai kepada nilai nominal pada tahun pembelian.

(e) Sebarang keuntungan atau kerugian yang direalisasikan daripada jualan tanah dikira berdasarkan perbezaan antara hasil jualan bersih dengan jumlah nilai bawaan tanah itu. Selepas tanah dijual, penilaian semula yang sebelum ini direkodkan dalam Rizab Penilaian Semula Tanah akan dipindahkan kepada Keuntungan Sebelum Agihan.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.10 **Aset Tetap Lain**
Semua aset tetap lain dihapus kira sepenuhnya pada tahun pembelian.

2.11 **Kemerosotan Nilai Aset Kewangan**
Semua aset dinilai secara berkala untuk kerugian kemerosotan apabila berlaku sesuatu peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin tidak dapat diperoleh semula. Jika terdapat penunjuk sedemikian, kemerosotan nilai akan dikaji semula untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperoleh semula sepenuhnya.

2.12 **Mata Wang dalam Edaran**
Mata wang dalam edaran ialah wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan oleh Bank untuk kegunaan dalam ekonomi. Wang kertas dan duit syiling diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai nominal semasa dalam edaran dan dinyahiktiraf apabila dikeluarkan daripada edaran. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pembelian dan pengeluaran wang kertas serta duit syiling diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

3. **Emas dan Pertukaran Asing**

	2021 RM juta	2020 RM juta
Emas	9,370	9,463
Sekuriti Asing	406,914	382,279
Deposit Asing	3,549	5,409
Baki di Bank Pusat Lain	22,886	12,842
Lain-lain	13,070	11,782
	455,789	421,775

4. **Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) dan Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR)**
Objektif IMF adalah untuk memupuk kerjasama monetari global, menjamin kestabilan kewangan, memudahkan perdagangan antarabangsa, menggalakkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta mengurangkan kemiskinan di seluruh dunia. IMF juga memberikan khidmat nasihat dan pembiayaan sementara kepada negara anggotanya sekiranya berlaku kesukaran imbangan pembayaran.

Kedudukan Rizab IMF
Kedudukan ini terdiri daripada bahagian rizab kuota Malaysia, pemberian pinjaman di bawah Rancangan Transaksi Kewangan (Financial Transaction Plan, FTP) dan Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB). Kuota IMF menentukan kekuatan undian sesebuah negara anggota, sumbangan kewangan kepada IMF, jumlah pembiayaan yang boleh diterima oleh negara anggota sekiranya menghadapi kesukaran imbangan pembayaran dan jumlah semua SDR yang diperuntukkan kepada negara anggota. Kedua-dua program FTP dan NAB adalah untuk memberikan pinjaman kepada negara anggota.

BANK NEGARA MALAYSIA

Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR)
Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) ialah aset rizab antarabangsa yang diwujudkan oleh IMF. SDR diperuntukkan secara berkala kepada negara anggota IMF berdasarkan saiz kuota negara anggota. Negara anggota boleh menggunakan SDR untuk memperoleh rizab pertukaran asing dari negara anggota lain serta membuat pembayaran termasuk kepada IMF.

Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR)
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) ialah liabiliti kepada IMF yang merupakan amaun SDR yang telah diterima sejak penubuhannya.

	2021 RM juta	2020 RM juta
Kedudukan Rizab IMF	5,950	5,829
Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR)	25,109	4,769
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR)	(28,149)	(7,788)
Nilai kedudukan bersih dengan IMF	2,910	2,810

5. **Kertas Kerajaan Malaysia**
Kertas Kerajaan Malaysia merujuk pemegangan instrumen hutang Kerajaan yang merupakan sebahagian daripada instrumen yang boleh digunakan dalam operasi dasar monetari Bank.

	2021 RM juta	2020 RM juta
Sekuriti Kerajaan Malaysia	10,770	9,939
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	1,441	1,206
	12,211	11,145

6. **Deposit dengan Institusi Kewangan**
Deposit dengan institusi kewangan terdiri daripada deposit yang disimpan oleh Bank dengan institusi kewangan di bawah seksyen 75(i) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

BANK NEGARA MALAYSIA

7. **Pinjaman dan Pendahuluan**

Pinjaman dan pendahuluan terdiri daripada pendahuluan yang diberikan oleh Bank kepada institusi kewangan peserta di bawah pelbagai skim yang bertujuan mencapai rangkuman kewangan yang lebih meluas, perkembangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan menyokong PKS yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Pemberian pendahuluan ini diperuntukkan di bawah seksyen 48, seksyen 49 dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

	2021 RM juta	2020 RM juta
Dana BNM untuk PKS		
Dana untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan PKS	4,583	5,650
Bantuan Khas PKS yang terjejas akibat COVID-19	16,183	9,928
Pembiayaan Pelancongan PENJANA dan Kemudahan Automasi & Digital untuk PKS yang terjejas akibat COVID-19	786	632
Dana Rumah Mampu Milik	1,000	1,000
Lain-lain	313	310
	22,865	17,520

8. **Tanah dan Bangunan**

	2021 RM juta	2020 RM juta
Tanah, pada kos		
Pegangan bebas	3,318	3,318
Tanah, pada penilaian semula		
Pegangan bebas	694	694
Pajakan	150	152
	4,162	4,164

	2021 RM juta	2020 RM juta
Tanah pajakan		
Setakat 1 Januari	152	154
Tolak: Pelunasan Terkumpul	(2)	(2)
Setakat 31 Disember	150	152

BANK NEGARA MALAYSIA

	2021 RM	2020 RM
Bangunan, pada nilai nominal		
Pegangan bebas	2,240	2,240
Pajakan	1,370	1,370
	3,610	3,610

Tanah pegangan bebas dan pajakan, pada penilaian semula, telah dinilai semula oleh penilai bebas pada 1 Ogos 2014.

9. **Aset-aset Lain**
Aset-aset Lain termasuk sekuriti yang dibeli melalui perjanjian repo berbalik dan pelaburan dalam saham dan bon yang diperoleh di bawah seksyen 48(1) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

	2021 RM juta	2020 RM juta
Perjanjian Repo Berbalik	19,702	14,833
Pelaburan dalam Saham dan Bon	4,390	4,390
Lain-lain	555	623
	24,647	19,846

	2021 RM juta	2020 RM juta
Pelaburan dalam Saham dan Bon		
Syarikat Subsidiari	4,257	4,257
Syarikat Bersekutu	38	38
Pelaburan Lain	95	95
	4,390	4,390

10. **Deposit oleh Lain-lain**
Sebahagian besar daripada deposit ini terdiri daripada deposit institusi nasional, agensi kerajaan dan pihak berkuasa awam.

11. **Kertas Bank Negara**
Kertas Bank Negara merupakan alat dasar monetari tambahan yang diterbitkan oleh Bank untuk menguruskan mudah tunai dalam pasaran wang domestik. Alat dasar ini termasuk Bil Antara Bank yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (Bank Negara Interbank Bills, BNIB) dalam mata wang asing yang juga merupakan sebahagian daripada operasi pasaran Bank untuk menguruskan mudah tunai mata wang asing dalam pasaran wang domestik.

BANK NEGARA MALAYSIA

12. **Liabiliti-liabiliti Lain**

Liabiliti-liabiliti Lain termasuk sekuriti dijual di bawah perjanjian repo sebanyak RM3,152 juta (2020: RM2,577 juta).

	2021 RM juta	2020 RM juta
Perjanjian Repo	3,152	2,577
Akruan	1,614	1,858
Lain-lain	548	375
	5,314	4,810

13. **Modal**

Mengikut seksyen 6 Akta Bank Negara Malaysia 2009, modal Bank adalah sebanyak RM100,000,000 dan dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

14. **Kumpulan Wang Rizab Am**

	2021 RM juta	2020 RM juta
Setakat 1 Januari	14,857	14,831
Amaun yang diluluskan dan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Am pada tahun semasa	6,235	26
Setakat 31 Disember	21,092	14,857

Pengagihan keuntungan bersih kepada Kumpulan Wang Rizab Am dan dividen kepada Kerajaan hanya akan diiktiraf setelah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah dan Menteri seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am bagi tahun berakhir 2020 sebanyak RM6.235 bilion telah diluluskan oleh Menteri pada 31 Mac 2021.

15. **Rizab Risiko**

Rizab Risiko ialah penampan kewangan yang terdiri daripada pindahan keuntungan bersih terkumpul, keuntungan atau kerugian belum direalisasikan daripada penilaian semula aset dan liabiliti mata wang asing serta perubahan nilai saksama bagi sekuriti yang direkodkan pada nilai saksama.

Rangka kerja pengukuran risiko pasaran digunakan untuk membuat anggaran penampan kewangan yang diperlukan bagi mengimbangi kesan kerugian luar jangka berikutan faktor yang di luar kawalan Bank.

	2021 RM juta	2020 RM juta
Setakat 1 Januari	144,746	131,436
Peningkatan dalam tahun semasa	7,437	13,310
Setakat 31 Disember	152,183	144,746

BANK NEGARA MALAYSIA

16. **Rizab Penilaian Semula Tanah**
Rizab Penilaian Semula Tanah adalah untuk lebihan tanah (pegangan bebas dan pajakan) yang belum direalisasikan apabila penilaian semula dibuat. Selepas dijual, lebihan tanah yang berkaitan dengan aset yang direalisasikan itu akan dipindahkan kepada Keuntungan Sebelum Agihan.

17. **Keuntungan Sebelum Agihan**

	2021 RM juta	2020 RM juta
Baki 1 Januari	10,235	3,526
Tolak: Pengagihan yang diluluskan pada tahun semasa		
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am	(6,235)	(26)
Dividen dibayar kepada Kerajaan	(4,000)	(3,500)
	-	-
Keuntungan sebelum agihan bagi tahun semasa	12,796	10,235
Baki 31 Disember	12,796	10,235

Menurut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009, pengagihan kepada Kumpulan Wang Rizab Am dan pengisytiharan dividen kepada Kerajaan adalah tertakluk pada kelulusan Lembaga Pengarah dan Menteri, dan jika diluluskan akan diiktiraf dalam tahun kewangan yang berikutnya yang berakhir pada 31 Disember 2022.

Dividen dibayar kepada Kerajaan bagi tahun berakhir 2020 berjumlah RM4.0 bilion telah diluluskan oleh Menteri pada 31 Mac 2021.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, Lembaga Pengarah mencadangkan pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am sebanyak RM7.796 bilion dan dividen sebanyak RM5.0 bilion kepada Kerajaan.

18. **Jumlah Pendapatan**
Jumlah pendapatan terdiri daripada hasil pengurusan rizab asing termasuk faedah dan dividen, pendapatan bukan perbendaharaan, keuntungan atau kerugian modal direalisasikan, dan dinyatakan pada nilai bersih setelah ditolak pelunasan/akresi atas premium/diskaun dan kos dasar monetari.

19. **Perbelanjaan Berulang**
Perbelanjaan berulang merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pengurusan dan pentadbiran operasi harian Bank.

20. **Perbelanjaan Pembangunan**
Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan yang ditanggung terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh Bank selaras dengan matlamat dan fungsi utama Bank.

BANK NEGARA MALAYSIA

21. **Cukai**

Bank dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989. Perbelanjaan cukai ialah cukai pegangan tidak boleh dituntut ke atas pendapatan asing daripada dividen dan faedah serta cukai keuntungan modal ke atas penjualan pelaburan asing.

22. **Perkara Luar Jangka dan Komitmen**

22.1 **Aset Luar Jangka**

Jumlah aset luar jangka setakat 31 Disember 2021 ialah RM1,840 juta. Aset ini terdiri daripada jumlah pendanaan Bank kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) berjumlah RM1,000 juta dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM840 juta untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan masing-masing oleh Asia School of Business (ASB) dan Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah pendanaan tersebut akan dikembalikan kepada Bank apabila pusat-pusat tersebut mampu berdikari pada masa hadapan.

22.2 **Komitmen**

Jumlah komitmen setakat 31 Disember 2021 terdiri daripada perkara-perkara yang berikut:

	Nota	2021 RM juta	2020 RM juta
Jumlah Komitmen			
Keanggotaan dengan International Monetary Fund (IMF)	(a)		
Kuota Belum Berbayar	(i)	15,547	15,417
Pengaturan Baharu untuk Meminjam (NAB)	(ii)	3,918	1,883
Perjanjian Pinjaman Dua Hala (BBA)	(iii)	1,795	4,017
Pelaburan dalam Bank for International Settlements (BIS)	(b)	70	70
Pengaturan Swap	(c)		
Pengaturan Swap ASEAN	(i)	-	1,205
Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala dengan			
People's Bank of China (PBOC)	(ii)(a)	105,584	105,706
Bank of Korea (BOK)	(ii)(b)	15,000	15,000
Bank Indonesia (BI)	(ii)(c)	8,000	8,000
Bank of Japan (BOJ)	(ii)(d)	12,495	12,051
Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai	(iii)	37,918	36,571
Perjanjian Repo dengan Ahli EMEAP	(iv)	20,825	20,085
		221,152	220,005

BANK NEGARA MALAYSIA

(a) **Keanggotaan dengan IMF**

(i) Bank mempunyai kewajipan untuk membayar IMF sebanyak SDR2,667 juta, bersamaan dengan RM15,547 juta (2020: SDR2,665 juta, bersamaan dengan RM15,417 juta) atau dalam mata wang boleh tukar lain yang merupakan bahagian belum bayar kuota Malaysia di IMF di bawah Artikel Persetujuan.

(ii) Bank telah menyertai Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB), iaitu satu set pengaturan kredit antara IMF dengan negara anggotanya bagi menyediakan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF yang bertujuan untuk memelihara kestabilan sistem monetari antarabangsa. Setakat 31 Disember 2021, jumlah kredit yang belum digunakan di bawah NAB ialah SDR672 juta, bersamaan dengan RM3,918 juta (2020: SDR325 juta, bersamaan dengan RM1,883 juta).

(iii) Bank telah menyertai Perjanjian Pinjaman Dua Hala, iaitu sumbangan dua hala kepada IMF untuk tujuan berjaga-jaga dan menangani krisis kewangan. Bank telah bersetuju untuk menyumbang sejumlah USD431 juta, bersamaan dengan RM1,795 juta (2020: USD1,000 juta, bersamaan dengan RM4,017 juta) sumbangan dua hala kepada IMF untuk tujuan berjaga-jaga dan menangani krisis kewangan mulai 1 Januari 2021.

(b) **Pelaburan dalam Bank for International Settlements (BIS)**

Komitmen Bank sebanyak SDR12 juta, bersamaan dengan RM70 juta (2020: SDR12 juta, bersamaan dengan RM70 juta) merupakan bahagian belum dipanggil daripada 3,220 unit saham yang dipegang oleh Bank dalam BIS berdasarkan nilai nominal SDR5,000 setiap satu menggunakan kadar SDR pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(c) **Pengaturan Swap**

(i) **Pengaturan Swap ASEAN**

Setakat 31 Disember 2021, Bank tidak mempunyai sebarang komitmen di bawah pengaturan ini selepas berakhirnya tempoh perjanjian berkuat kuasa pada 17 November 2021 (2020: USD300 juta, bersamaan dengan RM1,205 juta).

(ii) **Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala**

(a) Pada 23 November 2021, Bank memperbaharui perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala (Bilateral Currency Swap Arrangement, BCSA) dengan People's Bank of China (PBOC) yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara dan memelihara kestabilan kewangan serantau. Setakat 31 Disember 2021, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM105.6 bilion (2020: RM105.7 bilion).

(b) Pada 3 Februari 2020, Bank memperbaharui perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala (Bilateral Currency Swap Arrangement, BCSA) dengan Bank of Korea (BOK) yang bertujuan untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Setakat 31 Disember 2021, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM15 bilion (2020: RM15 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BCSA pada tahun kewangan tersebut.

BANK NEGARA MALAYSIA

(c) Pada 27 September 2019, Bank telah memeterai perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Tempatan Dua Hala (Local Currency Bilateral Swap Arrangement, LCBSA) dengan Bank Indonesia (BI) yang bertujuan untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Setakat 31 Disember 2021, jumlah komitmen Bank di bawah LCBSA ialah RM8 bilion (2020: RM8 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan LCBSA pada tahun kewangan tersebut.

(d) Pada 18 September 2020, Bank telah memeterai perjanjian Pengaturan Swap Dua Hala (Bilateral Swap Arrangement, BSA) dengan Bank of Japan (BOJ) yang bertujuan membolehkan kedua-kedua pihak berkuasa ini menjalankan urus niaga swap mata wang tempatan masing-masing untuk dolar Amerika Syarikat. Pengaturan ini menyediakan sehingga USD3 bilion untuk kedua-dua negara. Setakat 31 Disember 2021, jumlah komitmen Bank di bawah BSA ialah RM12.5 bilion (2020: RM12.1 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BSA pada tahun kewangan tersebut.

(iii) **Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai**
Bank telah menyertai pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) yang bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan kepada negara anggota ASEAN+3 yang menghadapi kesukaran imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek. Tarikh kuat kuasa Perjanjian CMIM adalah pada 24 Mac 2010. Di bawah pengaturan CMIM, negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek boleh mendapatkan sokongan kewangan dalam dolar Amerika Syarikat melalui pengaturan swap terhadap mata wang negara masing-masing. Setakat 31 Disember 2021, jumlah komitmen Bank adalah sebanyak USD9.1 bilion, bersamaan dengan RM37.9 bilion (2020: USD9.1 bilion, bersamaan dengan RM36.6 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai daripada mana-mana negara anggota.

(iv) **Perjanjian Repo dengan Bank Pusat dan Pihak Berkuasa Monetari**
Bank telah menandatangani perjanjian repo berjumlah USD5 bilion, bersamaan dengan RM20.8 bilion (2020: USD5 bilion, bersamaan dengan RM20.1 bilion) dengan beberapa bank pusat dan pihak berkuasa monetari serantau di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) untuk menyediakan bantuan mudah tunai semasa kecemasan. Setakat 31 Disember 2021, tiada permohonan untuk bantuan mudah tunai daripada mana-mana anggota.

23. **Pengurusan Risiko Kewangan**
Jawatankuasa Pengurusan Rizab memantau penilaian, pengukuran dan kawalan risiko pelaburan dalam pengurusan rizab supaya rizab berada pada paras yang sewajarnya. Hal ini bertujuan memastikan matlamat untuk melindungi modal, mudah tunai dan pulangan yang munasabah tercapai. Dalam melaksanakan fungsi ini, risiko utama pelaburan merangkumi risiko yang berikut:

(a) **Risiko Pasaran**
Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan Bank terhadap pergerakan negatif dalam harga pasaran yang berkaitan dengan kadar pertukaran asing, kadar faedah serta harga bon dan ekuiti. Risiko

BANK NEGARA MALAYSIA

pasaran dinilai dan dipantau setiap hari. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada instrumen tanda aras. Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui satu set had pengurusan risiko, pengaturan tadbir urus dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Analisis kepekaan dan ujian tekanan dijalankan untuk menilai risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian yang ditaksirkan mengikut pasaran, berikutan pergerakan negatif dan volatiliti dalam pasaran serta keadaan mudah tunai.

(b) **Risiko Kredit**
Risiko kredit ialah risiko kemungkiran oleh penerbit sekuriti atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada Bank yang menyebabkan Bank tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah, mengikut tempoh yang sepatutnya. Rangka kerja risiko kredit yang komprehensif menggariskan pelaburan yang dibenarkan dan kesanggupan Bank untuk mengambil risiko, dengan itu memastikan pelaburan dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang baik. Rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ini juga mengambil kira penunjuk kredit berasaskan pasaran seperti penarafan yang terhasil daripada harga pasaran kewangan dan penilaian kredit dalaman. Pertimbangan ini menambah baik rangka kerja risiko kredit dengan menyediakan penilaian kredit yang lebih dinamik dan berpandangan ke hadapan.

(c) **Risiko Operasi**
Risiko operasi ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau apa-apa perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus risiko yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi Bank supaya tindakan boleh diambil bagi menguruskan jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

24. **Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Staff Welfare Account, SWA) dan Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) (disebut sebagai 'Akaun Dana Perubatan')**
SWA ditubuhkan pada 1 Mac 1991 di bawah seksyen 15 (5) dan (6) Akta Bank Negara Malaysia 1958, manakala Akaun Dana Perubatan ditubuhkan pada 21 Jun 2006 di bawah seksyen 15 (6) Akta Bank Negara Malaysia 1958. Kedua-dua SWA dan Akaun Dana Perubatan terus berada di bawah seksyen 83 (4) dan (5) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

SWA ditadbir urus di bawah Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia 1991. Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah 1991, SWA hendaklah ditadbir oleh jawatankuasa yang diberikan kuasa oleh Lembaga Pengarah (Jawatankuasa Lembaga). Akaun SWA disediakan secara berasingan daripada akaun-akaun Bank yang lain dan hendaklah diaudit sama seperti Akaun Bank. Objektif SWA adalah untuk memberikan pinjaman kepada kakitangan untuk aktiviti-aktiviti tertentu yang dibenarkan, membiayai aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan kakitangan Bank dan memberikan anugerah kecemerlangan pelajaran kepada anak-anak kakitangan. SWA juga menguruskan pampasan insurans kakitangan yang meninggal dunia, yang diterima oleh pihak waris yang belum mencapai had kelayakan umur.

BANK NEGARA MALAYSIA

Pada tahun 2021, Lembaga Pengarah dan Menteri Kewangan telah meluluskan saranan penstrukturan semula Akaun SWA dengan memansuhkan Arahan Amanah 1991 bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam mentadbir urus dana SWA berkuatkuasa 1 Januari 2022. Dengan pemansuhan ini, perbelanjaan aktiviti sukan dan sosial kakitangan dibiayai oleh Bank melalui bajet operasi.

Akaun Dana Perubatan ditadbir urus di bawah Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) 2006 dan Arahan Amanah Tambahan 2017. Objektif Akaun Dana Perubatan ini adalah untuk membantu Bank membiayai perbelanjaan perubatan para pesara Bank dan tanggungan mereka yang layak. Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) 2006, Dana Perubatan hendaklah ditadbir oleh Jawatankuasa Dana Perubatan. Akaun Dana Perubatan disediakan secara berasingan dan hendaklah diaudit sama seperti Akaun Bank.

25. Transaksi dan Baki Entiti Berkaitan

Kerajaan Malaysia
Bank mempunyai hubungan dengan Kerajaan melalui pemilikan. Bank membiayai operasinya sendiri dan mengekalkan kebebasan organisasi dan fungsi daripada Kerajaan. Bank juga bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan. Dalam menjalankan operasinya, Bank akan melakukan transaksi melibatkan entiti berkaitan. Baki signifikan entiti berkaitan dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

Baki Signifikan Entiti Berkaitan

	2021 RM juta	2020 RM juta
Pemegang Saham		
Kerajaan Malaysia:		
Pemegangan Kertas Kerajaan Malaysia	12,211	11,145
Penempatan deposit daripada Kerajaan	8,587	3,648

26. Kelulusan Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata kewangan tahunan ini pada 24 Februari 2022.